



RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

BAHASA MELAYU

TINGKATAN 5

PENULIS

Zanariah binti Abdol
Amir Hazlin bin Lin
Zuraimah binti Mohamad
Rozita binti Mohamad Yuneh

JAWATANKUASA PENINGKATAN MUTU

Abdul Rasid bin Jamian
Norliza binti Abu Bakar
Noraini binti Jamaluddin
Muhamad Burhan bin Md Idris

EDITOR

Hazimah binti Yusof
Norma binti Sanid

PEREKA BENTUK

Rohaizah binti Hamzah
Roszaini binti Md Yusoff

ILUSTRATOR

Irni Norfarhana binti Md Nor



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2020

KANDUNGAN

Pendahuluan	vii
Pemetaan Kandungan.....	xii
Aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21.....	xv
Teknik Bacaan	xviii

TEMA 1

Anda Bersih, Anda Sihat 1

Cergaskan Dirimu	2
Kawal Sebelum Tular	4
Seni Memberikan Erti	6
Bersih Itu Indah	8
Kebersihan Jadi Amalan	10
Gerai Bersih Pilihan Hati.....	12
Makan Sayur, Anda Sihat.....	13
Cegah Kanser	14

TEMA 2

Sukan dan Rekreasi 15

Seni Gimrama	16
Sama tetapi Tidak Serupa	18
Gerakkan Kakimu	20
Dari Petak ke Petak	22
Mencandat Sotong	24
Permainan Kata	26
Dalam Dilema.....	27

TEMA 3

Kerjaya Meniti Jaya 28

Suka-suka Menjadi Kerjaya	30
Tuah di Sebalik Bungkus	32
Berkhidmat untuk Negara	34
Ajaibnya Kuasa Tangan	36
Dunia Kerjaya	38
Permainan Bahasa	40



TEMA 4

Bersatu Kita Teguh 41

Bulat Air kerana Pembétung	42
Wisma Putra	44
Aman Makmur Malaysia	46
Uniknya Rakyat Malaysia	48
Tak Kenal maka Tak Cinta	50
Seia Sekata di Pentas Antarabangsa	52

TEMA 5

Pendidikan untuk Semua 54

Mendidik Insan Istimewa	56
Tiada Tercicir, Tiada Terpinggir	58
Membina Sahsiah Unggul	60
Demi Masa Hadapan.....	62
Pendidikan Asas Kemajuan.....	64
Penilaian	66

TEMA 6

Sains, Teknologi dan Inovasi 71

Sisa yang Bermanfaat	72
Kreativiti Menjanakan Inovasi.....	74
Indahnya Bimasakti	76
Kecil tetapi Raksasa	78
Hakikat Pokok Pisang.....	80
Potensi Hidrogen	82

TEMA 7

Pertanian, Penternakan dan Perikanan 83

Penawar dalam Sajian	84
Kluq! Kluq! Kluq!	86
Pasaran dan Pemasaran	88
Rona Akuatik	90
Taman Anggur Khatulistiwa	92
Masam yang Berharga	94

TEMA 8

Melancong Mencari Makna 96

Lestarikan Keindahan Bumi Kita	98
Mutiara yang Bersinar	100
Indahnya Negaraku	102
Lenggong, Oh, Lenggong!	104
Pelancongan Tanah Tinggi.....	106
Antara Lancong dengan Lancung	108

TEMA 9

Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan 109

Kewangan Berhemat, Hidup Selamat	110
Untung Besar	112
Transaksi Tanpa Tunai	114
Dari Kopitiam ke Kafe Hipster.....	116
Perniagaan Pengantaraan.....	118
Cabaran Usahawan	120
Jutawan Internet.....	121

TEMA 10

Alam Sekitar dan Teknologi Hijau 122

Ekosistem Hutan Paya Bakau	124
Kuasa daripada Alam	126
Barang Lama, Kehidupan Baharu	128
Gaya Hidup Lestari.....	130
Konservasi Alam.....	132
Penilaian	134

TEMA 11

Dunia Selamat Milik Kita 139

Berbelanja Tanpa Waswas	140
Keselamatan Anda, Tanggungjawab Kami.....	142
Negara Sentosa, Rakyat Selesa	144
Bahaya di Sebalik Dawai.....	146
Beretika di Jalan Raya	148
Dunia Bahagia untuk Semua	150



TEMA 12

Kebudayaan, Kesenian dan Estetika 152

Irama Antan dan Lesung.....	154
Pemanis Mulut dari Pahang	156
Serlahkan Identitimu	158
Suku Kaum Temuan	160
Sana Sini Seni	162
Kilauan Manikam.....	164

TEMA 13

Jati Diri, Warganegara Patriotik 165

Aku Negaraku	166
Bukit Sama Didaki, Lurah Sama Dituruni.....	168
Permata di Pelimbanan.....	170
Pahlawanku.....	172
Simbol Kedaulatan Negara	174
Masa Itu Emas.....	176
Tiket Merentas Benua.....	177

TEMA 14

Citra Bahasa dan Sastera Kita 178

Daripada Minda kepada Tinta Ilmu	180
Jawi Peranakan.....	182
Bacalah dengan Hatimu.....	184
Impian Anda, Impian Kami.....	186
Peribahasa Warisan Kita	188
Pemburu Kota	190
Dirgahayu Bahasaku.....	191
Puisi Penyeri Acara.....	192

TEMA 15

Industri Cemerlang, Negara Gemilang 193

Tunjang Ekonomi Negara	194
Rezeki daripada Alam.....	196
Zaman Beralih, Musim Bertukar	198
Perabot Buatan Kita.....	200
Industri Pascamoden	202
Laba daripada Makanan.....	204
Negara Maju, Rakyat Sejahtera	205
Pelancongan Kesejahteraan	206

TEMA 16

Integriti 207

Indahnya Kejujuran	208
Kronisme, Nepotisme, Kleptokrasi ..	210
Pengurusan Integriti.....	212
Untung tetapi Rugi	214
Keperibadian Penjawat Awam	216
Penilaian	218

Jawapan/Lampiran Pilihan	223
Glosari	235
Senarai Rujukan	239
Indeks.....	241
Skrip Pendengaran.....	243

Pendahuluan

Buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5* ini menterjemahkan hasrat yang tercakup dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 5, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Buku ini dipersembahkan dengan menggunakan bahan berwarna-warni yang unik lagi menarik. Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis, Aspek Seni Bahasa, dan Aspek Tatabahasa yang tersenarai dalam DSKP disusun atur mengikut kesesuaian daripada tahap mudah kepada tahap sukar berdasarkan susunan tema dengan harapan kemahiran dan pengetahuan tersebut dapat dipelajari secara ansur maju.

Buku ini mengandungi bahan rangsangan daripada 16 tema yang menjadi asas kepada pembelajaran yang berasaskan modul. Modul ini dibahagikan kepada tiga kemahiran bahasa yang utama, aspek seni bahasa, dan aspek tatabahasa. Pemilihan bahan telah dibuat secara teliti dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk cita rasa kumpulan sasaran, kepentingan, keperluan, dan kesesuaian tajuk. Tujuannya untuk memastikan bahan yang digunakan sebagai rangsangan mengikut piawai. Bahan-bahan juga diperolehi daripada pelbagai sumber, iaitu sumber primer melalui pemerhatian, kajian lapangan, dan wawancara. Sumber sekunder pula diperolehi melalui bacaan dan rujukan. Bahan ilmiah daripada pelbagai sumber ini mampu mencabar daya pemikiran murid.


Dari segi persembahan pula, bahan-bahan terpilih ini telah dipaparkan dalam halaman berkembar yang menarik, segar, lagi bergaya. Paparan halaman berkembar memudahkan sesuatu tajuk dipersembahkan secara mendalam melalui variasi teks dan grafik yang mempunyai tahap keterbacaan atau kemudahbacaan yang tinggi. Grafik dan gambar beresolusi tinggi yang digunakan bukan sekadar hiasan kerana setiap satunya berfungsi dan membawa makna yang tersendiri walaupun grafik tersebut terletak di halaman rangsangan bagi setiap tema.

Teknologi kod QR atau *Quick Response Code* (QR Code) juga digunakan khusus bagi memuatkan bahan bantu belajar kemahiran mendengar dan bertutur dalam bentuk audio dan video. Selain itu, kod QR ini juga digunakan bagi menampung maklumat tambahan dalam bentuk teks yang terdiri daripada nota tatabahasa, info bestari, jawapan latihan, dan lain-lain. Buku ini juga turut menggunakan teknologi realiti terimbuah atau dikenali sebagai *Augmented Reality* (AR) sebagai alat bantu untuk mengajar murid-murid. Dalam buku ini, AR yang digunakan adalah dalam bentuk video dan 3D bagi menarik minat murid mempelajari bahasa Melayu.

Untuk menjadikan buku teks ini mesra pengguna, pernyataan Standard Pembelajaran (SP) disertakan pada sebelah kanan halaman untuk setiap kemahiran bahasa. Bahagian aktiviti pula terbahagi kepada dua. Aktiviti dengan tulisan yang berwarna hitam ialah aktiviti yang berkaitan dengan SP. Aktiviti yang dicadangkan ini berbentuk umum dan berfokus bagi membuka ruang kepada guru dan murid untuk menentukan strategi dan teknik yang hendak digunakan agar bersesuaian dengan minat, kecenderungan, kesediaan, keperluan dan perbezaan tahap murid serta prasarana yang ada. Beberapa teknik bacaan *Programme of International Student Assessment* (PISA) yang baharu diperkenalkan dalam buku ini, seperti REAP dan Paragambar. Aktiviti dengan tulisan berwarna biru pula ialah aktiviti tambahan untuk memperkaya pengalaman belajar selaras dengan konsep Pembelajaran Berasaskan Projek dan Pembelajaran Berbalik. Permainan bahasa yang kreatif, santai, dan yang berbentuk didik hiburan menjadi nilai tambah bagi buku ini.

8. Teknik Bacaan SQ4R

Teknik ini mempunyai enam langkah, iaitu meninjau, menyoal, membaca, mencatat, menyatakan kembali, dan membuat refleksi.



Bersiap sedia sebelum membaca - prabaca (Meninjau, Menyoal)
Melibatkan diri semasa bacaan - sambil membaca (Membaca, Mencatat)
Memberikan reaksi selepas bacaan - (Menyatakan kembali, Membuat refleksi)

Preview	ReQuest
Prosedur <i>Preview</i> (membaca untuk mendapatkan gambaran awal)	Prosedur <i>ReQuest</i> (membaca untuk membuat ramalan)
<ol style="list-style-type: none"> 1. Perkenalkan murid pada teks. 2. Membaca teks secara sepintas lalu. 3. Membaca teks secara imbasan. 4. Menyenaraikan atau membincangkan kandungan teks. 5. Membaca teks sepenuhnya. <p>Langkah pelaksanaan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru memperkenalkan murid kepada teks yang akan dibaca pada hari tersebut. 2. Murid membaca teks tersebut secara sepintas lalu untuk mendapatkan gambaran umum. 3. Murid membaca teks secara imbasan untuk mencari maklumat yang tertentu. 4. Murid menyenaraikan atau membincangkan apa-apa yang diketahui oleh mereka tentang teks setelah membacanya secara sepintas lalu dan imbasan. 5. Murid membaca teks sepenuhnya. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru dan murid membaca sebahagian daripada teks. 2. Guru menutup teks, murid bertanya. 3. Murid menutup teks, guru bertanya. 4. Meramalkan maklumat lanjut dalam teks. 5. Ramalan yang tidak tepat, ulang semula langkah 1 - 4. 6. Perbincangan mengenai teks. <p>Langkah pelaksanaan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru dan murid bersama-sama membaca sebahagian daripada teks. 2. Guru menutup teks yang dibacanya dan murid diminta mengemukakan soalan berkaitan dengan teks yang tidak difahami. 3. Murid pula menutup teks yang dibacanya dan guru mengemukakan soalan berdasarkan teks. 4. Guru memandu murid untuk meramalkan maklumat lanjut yang akan ditemui daripada teks. 5. Murid dibenarkan meneruskan pembacaan secara senyap jika ramalan mereka yang berkaitan dengan teks adalah betul. Jika ramalan mereka salah, maka ulang semula langkah 1 - 4. 6. Murid berbincang mengenai teks dan saling bertukar pandangan mengenai jawapan soalan.

TEMA 1

ANDA BERSIH, ANDA SIHAT

1. Gemarkah anda bersenam di gimnasium? Mengapa?
2. Bagaimanakah cara mengawal wabak penyakit berjangkit?
3. Mengapakah kita mesti menjaga kebersihan alam sekitar?



Jika kebersihan tidak dijaga,
Tubuh yang sihat akan diduga.

Jika makanan tidak seimbang,
Penyakit datang hati bimbang.



Mendengar dan Bertutur

Cergaskan Dirimu



IMBAS SAYA



Aktiviti


1. Berdasarkan bahan, dengar dan kenal pasti perkataan yang berbeza makna dan fungsi.
2. Laksanakan aktiviti komunikasi lisan dengan menggunakan perkataan tersebut.
3. Terangkan aktiviti kecergasan yang anda ketahui kepada rakan-rakan.

Gerak Cergas di Gimnasium

Gimnasium menyediakan kemudahan yang lengkap untuk anda bersenam. Peralatan di gimnasium baik untuk anda kekal cergas dan sihat jika digunakan dengan betul.

TEMA 1

Anda Bersih, Anda Sihat



Info Bestari

Info Bestari

Terdapat perkataan yang berbeza dari segi makna dan fungsi.

Contoh:

- Kami ke rumahnya berpandukan **alamat** yang diberikan.
(Makna: butir-butir keterangan tentang tempat)
- Hari mendung **alamat** hari hendak hujan.
(Makna: memberi tanda)

Contoh:

- Paku itu **menembusi** papan yang tebal.
(Fungsi: dalam pertukangan)
- Rembatan Alif **menembusi** gawang gol.
(Fungsi: dalam bidang sukan)



IMBAS SAYA

Bersenam di Alam Hijau

Taman merupakan salah satu tempat yang sesuai untuk beriadah. Terdapat juga taman yang menyediakan peralatan untuk bersenam. Walaupun peralatan ini tidak sehebat yang terdapat di gimnasium tetapi masih bermanfaat untuk digunakan.



Info Bestari

Info Bestari

Terdapat pelbagai jenis komunikasi lisan sama ada secara formal atau tidak formal.

• Temu ramah	• Perbualan
• Wawancara	• Perbincangan
• Ceramah	• Penceritaan
• Taklimat	• Penerangan
• Perbahasan	• Tunjuk cara

TEMA 1

Anda Bersih, Anda Sihat



1.1.1 Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan makna dan fungsi perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan jelas dan betul.



Kawal Sebelum Tular



1. Baca teks berita televisyen dan pengumuman dengan nada dan intonasi yang sesuai.
2. Kenal pasti kata tunggal dan kata majmuk yang terdapat dalam bahan. Kemudian, dengan menggunakan kata tunggal dan kata majmuk tersebut, tulis cerita yang berkaitan dengan penyakit berjangkit.
3. Buat folio berkaitan dengan penyakit berjangkit yang pernah menular di Malaysia.



Serangan Influenza Meningkat tetapi Terkawal

Wabak influenza ketika ini dalam keadaan terkawal. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan kes di 10 buah negeri termasuk bandar raya Kuala Lumpur dan Putrajaya.


Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, peningkatan influenza dikesan menerusi analisis semasa bagi pola aktiviti influenza. Analisis ini melibatkan pesakit influenza yang dikesan di klinik dan hospital di seluruh negara. Kemasukan pesakit ke wad dengan jangkitan pernafasan akut teruk juga diambil kira dalam analisis ini.

Laporan pengawasan influenza yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan menunjukkan peningkatan pola aktiviti virus influenza dalam persekitaran. Tiada sebarang kelainan, perubahan, atau mutasi pada penularan influenza ketika ini. Penularan influenza di Malaysia adalah sama seperti kes yang dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *World Health Organization* (WHO) di pelbagai negara tropika lain.

Bagi kes influenza di sekolah, negeri Selangor mencatatkan bilangan kes tertinggi, iaitu 387 kes. Pulau Pinang pula mencatatkan 161 kes dan Johor mencatatkan 109 kes. Negeri-negeri lain mempunyai bilangan kes influenza kurang daripada 100 kes.

Tan Sri Dr. Noor Hisham turut mencadangkan mereka yang mempunyai gejala jangkitan influenza supaya berehat di rumah dan tidak berada di tempat tumpuan awam, makan angin, atau bertemu dengan orang lain. Jika perlu mengadakan pertemuan, mereka dinasihatkan agar memakai pelitup muka.

(Sumber: *Berita Harian*, 14 Januari 2020)



(Sumber: Bernama)



Panduan Menghadapi Wabak Penyakit

Berikutan dengan penularan wabak penyakit seperti COVID-19, Influenza A, dan H1N1, semua kakitangan syarikat dinasihatkan agar mengambil langkah berjaga-jaga. Antara langkah yang perlu diambil adalah seperti yang berikut:



Pakai pelitup muka dan cuci tangan dengan sabun atau gunakan pensanitasi tangan.



Gunakan sapu tangan atau tisu semasa batuk dan bersin.



Jangan hantar anak yang menghidap penyakit berjangkit ke pusat jagaan kanak-kanak.



Dapatkan rawatan dengan segeranya jika anda mengalami demam, batuk, dan sukar hendak bernafas.



Tinggal di rumah hingga penyakit sembuh jika diberi cuti sakit.



Jangan meludah di merata-rata tempat.



Bersihkan permukaan lantai dan meja yang terkena cecair hidung dan mulut.



Elakkan diri daripada menyentuh anak atau ahli keluarga jika menghidap penyakit berjangkit.

Semoga para pekerja syarikat dapat memberikan kerjasama untuk mematuhi garis panduan yang diberikan ini.

Sekian, terima kasih.

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)

- 2.1.1 Membaca pelbagai jenis teks untuk mengenal pasti dan membandingkan intonasi serta nada yang sesuai.
- 5.1.1 Mengaplikasi bentuk kata tunggal dan kata majmuk dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.



Menulis

Seni Memberikan Erti



Aktiviti

1. Teliti bahan. Kemudian, tulis dan jelaskan maksud ayat tentang terapi seni melalui lukisan dengan betulnya mengikut konteks.
2. Terokai maklumat lanjut berkaitan dengan terapi seni dan bentangkan maklumat tersebut kepada kelas.

Terapi Seni melalui Lukisan

Definisi

Terapi seni melalui lukisan ialah terapi yang menggabungkan prinsip seni dan psikologi untuk membantu seseorang menangani masalah.

TEMA 1

Anda Bersih, Anda Sihat

Apakah tujuannya?

Terapi seni bertujuan untuk menambah baik dan mengekalkan kesihatan mental individu. Selain itu, terapi seni membantu individu mengenal pasti fikiran dan perasaan melalui lukisan.

Untuk siapa?

Sesiapa sahaja boleh menggunakan terapi ini. Terapi seni paling sesuai digunakan oleh seseorang yang tidak mampu menyatakan sesuatu secara verbal.

Bagaimanakah melakukannya?

Dalam terapi seni, lukisan akan dianalisis dari segi warna, garis, bentuk, dan sebagainya. Lazimnya, terdapat tiga jenis lukisan digunakan, iaitu lukisan potret diri, lukisan bebas atau spontan, dan lukisan keluarga.

Bolehkah dilakukan sendiri?

Seseorang boleh melukis secara sendirian untuk mengurangkan stres atau untuk menenangkan diri. Walau bagaimanapun, bimbingan daripada pakar terapi seni diperlukan jika seseorang mengalami masalah kesihatan mental.

Perlu mahir dalam lukisan?

Terapi seni tidak memerlukan seseorang itu pandai melukis kerana terapi ini tidak bertujuan untuk menghasilkan karya yang artistik.



Lukisan keluarga



Lukisan spontan



Potret diri



Nama:

Wan Jamila binti Wan Shaiful Bahri

Nama dalam karya:

Artjamila

Tarikh lahir:

13 Jun 2002

Tempat lahir:

Petaling Jaya



Melalui lukisan ini, Wan Jamila dapat mengekspresikan berbagai-bagai emosi.



Semangat patriotisme diterjemahkan oleh Wan Jamila melalui lukisan ini.

3.1.1 Menulis untuk menjelaskan maksud ayat dalam sesuatu petikan dengan betul mengikut konteks.

Daripada Lubuk Hati Wan Jamila

Wan Jamila mencoret perasaan serta memori indah dalam hidupnya pada kanvas putih. Sebagai remaja autisme, dia lebih selesa berbicara melalui lukisan. Menurut ibunya, Noorhashimah binti Mohamed Noordin, lukisan menjadi medium untuk anaknya berkomunikasi dengan orang di sekelilingnya. Seni lukis merupakan suatu terapi yang menggemirakan Wan Jamila.



Lukisan bersempena dengan Hari Guru ini menunjukkan perjalanan menimba ilmu dari bangku sekolah ke universiti.



Gambaran tentang petugas barisan hadapan negara yang bekerja keras sepanjang masa untuk memerangi penularan pandemik COVID-19.

TEMA 1

Anda Bersih, Anda Sihat



Mendengar dan Bertutur

Bersih Itu Indah



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, jalankan aktiviti komunikasi lisan tentang kepentingan dan cara-cara untuk menjaga kebersihan di kawasan persekitaran.
2. Jalankan simulasi sesi dialog antara pihak berkuasa tempatan dengan persatuan penduduk untuk membincangkan masalah kebersihan di kawasan perumahan.



Persekitaran Bersih, Idaman Semua

Ketika Fandi, Mun Chew, dan Durga Devi berjalan-jalan di taman perumahan, mereka ternampak sebuah bangunan terbengkalai.

1 Semalam, saya ternampak seekor ular berhampiran dengan bangunan terbengkalai itu.

2 Bahaya, Fandi. Di situ juga ada banyak tikus. Mungkin lipas, lipan, dan kala jengking pun ada. Nyamuk pastilah banyak.

4 Baik kita laporkan hal ini kepada Tuk Ketua Nazri. Bolehlah beliau menghubungi pihak yang berkenaan untuk bertindak.

5 Setuju. Keadaan seperti ini tidak boleh kita biarkan. Pemilik bangunan terbengkalai itu juga mesti diberitahu tentang hal ini.

7 Haiwan seperti tikus membawa pelbagai penyakit seperti cirit-birit, leptospirosis, dan hawar.

8 Bahaya sungguh, Fandi. Saya sependapat dengan Durga Devi. Kita mesti mengambil tindakan secepat mungkin, jangan sudah terperosok, baru hendak membaiki lantai.

10 Kalau begitu, usah bertanggung lagi. Ayuh, kita ke rumah Tuk Ketua Nazri sekarang!

3 Eei... takutlah saya, Fandi, Mun Chew! Saya juga bimbang akan keselamatan dan kesihatan penduduk kampung.

6 Kita mesti bertindak segera. Sukar untuk kita atasi masalah ini kalau keadaan bertambah teruk, bak kata pepatah, belukar sudah menjadi rimba.

9 Memang bahaya. Kelawar pun banyak di situ. Saya pernah terbaca najis kelawar yang terkumpul akan menghasilkan sejenis kulat yang boleh mendatangkan masalah pernafasan kepada mereka yang menyedutnya. Masalah akan bertambah teruk jika ada antara penduduk kampung yang mempunyai penyakit alahan seperti lelah, resdung, dan penyakit kulit.

Fandi

Mun Chew

Durga Devi

1.1.2 Mendengar, memahami dan menuturkan ayat dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan betul.



Kebersihan Jadi Amalan



1. Baca petikan cerpen dan sajak dengan intonasi dan nada yang sesuai berdasarkan situasi.
2. Berikan ulasan anda tentang aspek-aspek menarik yang terkandung dalam petikan cerpen.
3. Terokai bahan bacaan lain untuk mengetahui petua-petua untuk menjaga kebersihan. Kemudian, bentangkannya kepada kelas.



Petua Tuk Nan

Naim tidak suka membersihkan bilik air yang banyak kotoran degil. Tiba-tiba, dia teringat akan petua yang pernah diberikan oleh Tuk Nan kepadanya. Dia pun pergi ke dapur mengisi botol penyembur dengan separuh air dan separuh cuka. Dia kembali ke bilik air dan menyemburkan campuran tersebut pada permukaan cermin. Selepas itu, dia mengelap permukaan cermin itu dengan kertas surat khabar.

Naim tersenyum puas di hadapan cermin yang telah bersih dan bersinar. Namun demikian, dia termenung apabila melihat jubin dan singki yang kotor.

"Apakah yang dimenungkan itu, Naim?" suara Tuk Nan tiba-tiba menyedarkan Naim daripada lamunan.

"Eh, Tuk Nan! Tuk sampai bila? Terkejut Naim," kata Naim sambil bersalam dengan Tuk Nan.

"Tuk baru saja sampai. Mama kata Naim sedang membersihkan bilik air. Jadi, tuk terus ke sini," kata Tuk Nan.

"Haa... baguslah Tuk Nan datang. Baru saja tadi Naim menggunakan petua yang tuk beri untuk membersihkan cermin. Manalah tahu kalau-kalau Tuk Nan ada petua untuk membersihkan jubin dan singki pula," kata Naim.

"Hmm... tak ada masalah. Pergi ambil serbuk penaik di dapur," arah Tuk Nan.

Tidak lama kemudian, Naim tiba membawa serbuk penaik. Tuk Nan mengambil serbuk tersebut dan menaburkannya pada permukaan jubin dan singki yang telah dibasahkan dengan cuka. Setelah lima minit, dia menyuruh Naim menyental jubin dan singki itu dengan berus. Setelah dibilas dengan air, jubin dan singki kelihatan bersinar.

"Senang bukan?" kata Tuk Nan. Naim menganggukkan kepala.

"Sekarang taburkan serbuk penaik di sekeliling mangkuk tandas dan bahagian dalamnya pula. Masukkan cuka juga ke dalam mangkuk tandas. Selepas itu, cuci seperti biasa." Tuk Nan memberikan arahan lagi.

"Wah, bersih dan berbau segar!" kata Naim. Gabungan serbuk penaik dan cuka telah menghilangkan kotoran termasuk mengenyahkan bau.

"Mestilah bersih. Naim juga boleh menggunakan cuka ini untuk membersihkan pancuran mandi termasuk membuang kotoran yang menyebabkan pancuran tersumbat," kata Tuk Nan berpetua lagi.

"Banyak sungguh petua Tuk Nan. Bagaimana Tuk Nan tahu?" Naim bertanya.

"Hei, orang muda! Semua ini Tuk Nan dapat melalui Internet," jawab Tuk Nan sambil tertawa kecil.



Menguak Kamar Kenangan



Obor kenangan tiba-tiba menyala sewaktu mancis memori bergeser tatkala menguak langsir kenangan menapak syahdu ke ruang kamar sekehumit nasihat pesan bonda.

Jagalah bilik tidur sebaiknya kerana kamar ialah jantung diri degup sahsiah denyut nadi yang mengepam darah tanggungjawab seluruh tubuh anggota peribadi lantai, dinding, dan siling kamar jangan biar kotor habuk merayap debu halus berpeluk erat.

Sebelum suria menerobos manja merayap di celah dinding lama pesan bonda terpatery di jiwa kemas katil sesempurna ada cadar bantal selimut semua barang tersusun tidak selerak bilik bersih mengulit jiwa emosi tenang fikiran sejahtera.

Menarik laci gerobok usang warisan bonda berabad lama kain baju lipat sempurna susun elok di atma jiwa hati tenang minda terbuka.

Kini ibu tiada lagi sesekali pulang ke desa tercinta menguak kamar pusaka kenangan menerobos hening sempadan ingatan "bilik tidur ialah jantung diri" nasihat bonda sentiasa terpahat di kamar ingat sentiasa melekat.

Nimoiz T.Y,
Gual Ipoh, Tanah Merah.

2.1.2 Membaca petikan prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai berdasarkan situasi.

4.1.1 Memahami dan mengapresiasi untuk menghubungkan kait aspek yang menarik dalam prosa moden dan prosa tradisional.



Pemuliharaan

Gerai Bersih Pilihan Hati



IMBAS SAYA



Aktiviti

Isi tempat kosong yang bertanda ...✍ dengan kata tunggal dan tempat kosong yang bertanda ...★ dengan kata majmuk yang betul.

Menu Lazat, Lokasi Bersih

Tidak jauh dari rumah saya, ada sebuah gerai yang menjual masakan kampung yang enak. Abang saya selalu membeli lauk di situ untuk makan ...★. Gerai itu menjadi pilihan abang kerana pemiliknya ...★ dalam penjagaan kebersihan.

Gerai tersebut terletak jauh dari ...★. Oleh hal yang demikian, gerai ini terhindar daripada kesesakan ...★. Tempat pembuangan sampah dan tangki septik terletak ...✍ dari gerai tersebut. Makanan dan minuman dihidangkan dalam ...✍ yang bersih dan tertutup. Selain itu, kemudahan...✍ seperti bekalan air yang bersih, bekalan ...✍, saliran longkang, dan tong sampah yang bertutup disediakan. ...✍ kelihatan serangga, tikus, atau haiwan perosak lain di gerai itu.

Pak Sardi, pemilik gerai pernah menegur pekerjaanya yang memakai ...✍, gelang, dan jam semasa bekerja. Abang pernah mendengar ...★ bahawa Pak Sardi akan mengambil tindakan terhadap pekerjaanya yang ...★ dalam penjagaan kebersihan diri. Mereka tidak dibenarkan merokok, ...✍ sirih, serta makan dan minum semasa mengendalikan makanan. ...✍ juga diingatkan supaya mengamalkan etika meludah, batuk atau ...✍ yang betul.

Makanan di gerai Pak Sardi tersusun dalam keadaan ...✍. Untuk menutup makanan, Pak Sardi menggunakan penutup yang ...★. Oleh itu, pelanggan boleh melihat lauk-lauk tersebut tanpa ...✍ membuka penutupnya. Pak Sardi mewajibkan pekerjaanya memakai apron dan ...★ semasa menyajikan makanan. Untuk mengambil makanan pula, mereka mestilah menggunakan sudip atau ...✍.

Sikap prihatin Pak Sardi terhadap kebersihan ...★ abang untuk selalu berkunjung ke gerainya. Sikap baik yang diamalkan oleh Pak Sardi ini wajar menjadi ikutan pemilik gerai yang lain.



Pengukuhan

Makan Sayur, Anda Sihat



Aktiviti

1. Tulis dan jelaskan maksud ayat yang terdapat dalam bahan.
2. Sampaikan ceramah yang bertajuk "Khasiat Makan Sayur-sayuran".

Kandungan Serat yang Tinggi

Sayur menjadi sumber serat yang sangat baik untuk kesihatan badan.

Kaya Sumber Vitamin dan Mineral

Vitamin yang terdapat dalam sayur-sayuran berkhasiat untuk mengawal kesihatan dan mencegah penyakit.

Antioksidan

Sayur mengandungi antioksidan yang diperlukan untuk mencegah tubuh daripada penyakit.

Khasiat Sayur

Mencegah Penyakit

Kajian menunjukkan bahawa kandungan kimia dalam sayur dapat mencegah pelbagai penyakit.

Mencantikkan Kulit

Kandungan air dalam sayur dapat membantu melembapkan kulit.



TEMA 1

Anda Bersih, Anda Sihat



Cegah Kanser



Rancang dan jalankan pertandingan pengucapan awam bersempena dengan Hari Kanser Sedunia.

HARI KANSER SEDUNIA

4 Februari 20□□

Setiap orang sewajarnya mempunyai pengetahuan tentang penyakit kanser. Pengetahuan ini berguna untuk mengurangkan risiko penyakit kanser kepada diri sendiri, keluarga, dan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana penyakit ini boleh menyerang sesiapa sahaja tanpa mengira umur, jantina, dan bangsa.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *World Health Organization (WHO)*:

- 1 Kanser merupakan penyebab kematian kedua tertinggi di dunia.
- 2 Satu daripada enam kematian yang berlaku disebabkan oleh kanser.
- 3 **30% – 50%** kanser dapat dicegah dengan amalan gaya hidup sihat.

Faktor

- Obesiti.
- Kurang pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Kurang bersenam.
- Pengambilan tembakau atau rokok.
- Pengambilan alkohol.

Peratus keseluruhan kes kanser yang lewat dikesan (tahap tiga dan empat).

58.7%
2001 – 2011

63.7%
2012 – 2016

Menurut Laporan Pendaftar Kanser Kebangsaan Malaysia 2012 – 2016:

Kanser yang paling kerap berlaku



Kekerapan kanser mengikut jantina



(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)

TEMA 2

SUKAN DAN REKREASI

1. Apakah peralatan yang digunakan dalam persembahan gimrama?
2. Huraikan perbezaan antara boling padang dengan petanque.
3. Mengapakah permainan tradisional perlu dipertahankan?
4. Bagaimanakah caranya untuk merancang aktiviti mencandat sotong?



Jika bersukan jadi amalan,
Hidup ceria tiada sesalan.

Jika hidup suka berekreasi,
Mental sihat terkawal emosi.



Seni Gimrama



IMBAS SAYA



Aktiviti


1. Dengar dan kenal pasti istilah dan ungkapan yang berbeza makna dan fungsi.
2. Laksanakan aktiviti komunikasi lisan dengan menggunakan istilah dan ungkapan tersebut.
3. Hasilkan satu profil yang menarik tentang olahragawan atau olahragawati sekolah anda.

Lentikan Emas

Gimrama ialah sukan yang menggabungkan beberapa unsur, iaitu muzik, balet, gimnastik, dan radas. Radas yang digunakan ialah belantan, gelung, bola, reben, dan tali. Gelung kemas rambut, kostum yang berwarna-warni dengan aksi lincah lenturan badan menjadikan gimrama antara acara yang dinanti-nantikan setiap kali kejohanan sukan berlangsung.

TEMA 2

Sukan dan Rekreasi



(Sumber: Modul Latihan Sukan Prestasi Tinggi Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2007)

Ratu

Gimrama Negara



IMBAS SAYA



Izzah binti Amzan, lahir dalam kalangan keluarga yang agak berada. Beliau mula menceburkan diri dalam sukan gimrama seawal usia lima tahun ketika belajar di Sekolah Kebangsaan Taman Universiti, Seri Kembangan, Selangor. Setelah berpindah ke Kuala Lumpur, Izzah bergiat aktif di bawah Program Pembangunan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Majlis Sukan Negara. Minat yang mendalam seiring dengan disiplin diri yang tinggi berjaya menjadikan Izzah ahli gimnas yang berjaya sehingga mencipta nama pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara pencapaian terbaiknya termasuklah berada pada kedudukan ke-57 dalam *World Championships Baku, Azerbaijan*, pada tahun 2019.

TEMA 2

Sukan dan Rekreasi

Kuntum kegembiraan mengembang di hatiku apabila puteriku itu yang masih menuntut di Sekolah Sukan Bukit Jalil berjaya merangkul dua butir pingat emas dalam Sukan SEA Manila 2019. Saat lagu *Negaraku* berkumandang dan Jalur Gemilang berkibar megah di bumi Manila, rasa bangga begitu meruap di dadaku sehingga tidak disedari titisan air jernih jatuh berguguran daripada kelopak mata. Secara tiba-tiba ingatanku kembali menjangkau suasana beberapa tahun yang lepas.

Masih segar dalam ingatanku, gerakan sang puteri yang begitu berseni dan feminin ketika memanipulasi radas dalam tarian akrobatik di *First World Cup*, Rusia. Setiap lentikan kelihatan begitu koheren dan berkoordinasi dengan iringan muzik. Namun begitu, malang tidak berbau. Puteriku mengalami kecederaan fizikal pada lutut dan pinggang.

"Kamu rebah, ibu akan sambut. Kamu gagah, ibu akan sentiasa berdiri di belakangmu." Itulah kata-kata semangatku kepada puteriku, Izzah. Menatap raut wajah puteriku dengan alis terbentuk begitu memilukan saat itu. Puteriku perlu berehat panjang selama setahun. Setiap kali perasaanku didera kebimbangan, sepiantas itu aku menghalau debaran yang memukul dada. Setiap hari aku memanjatkan doa agar puteriku pulih seperti sediakala kerana cita-cita puteriku setinggi gunung, harapannya setinggi langit untuk beraksi dalam Sukan Olimpik.



1.1.1 Mendengar, mengenali, menyebut dan mengenali pasti perbezaan makna dan fungsi perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan jelas dan betul.

Sama tetapi Tidak Serupa



1. Baca, analisis, dan cari persamaan serta perbezaan maklumat dalam bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai.
2. Kenal pasti kata terbitan dalam bahan. Kemudian, gunakan kata terbitan tersebut mengikut situasi yang sesuai.
3. Aplikasi permainan boling dengan menggunakan alatan alternatif dan bentangkan kepada kelas.

Cabaran Petanque

Salam sejahtera semua. Saya Alex Tong, jurulatih petanque yang diundang untuk menyampaikan taklimat berkaitan dengan sukan ini kepada anda. Taklimat saya meliputi beberapa aspek, iaitu:

1 Format Pertandingan

Petanque dipertandingkan dalam tiga format, iaitu perseorangan, berpasangan, dan bertiga. Bagi acara perseorangan dan berpasangan, pemain akan menggunakan tiga biji *boule*. Bagi acara bertiga pula, pemain akan menggunakan dua biji *boule*.

2 Peralatan

Permainan ini memerlukan beberapa biji bola besi (*boule*), sebiji bola kayu (*jack*), pita pengukur, dan tuala kecil.

3 Gelanggang

Petanque boleh dimainkan di gelanggang terbuka atau bertanda. Gelanggang terbuka merupakan kawasan lapang sama ada bertanah, berpasir atau berumput. Gelanggang bertanda pula ialah kawasan permainan yang dibina khas untuk permainan ini.

4 Cara Permainan

- Pemain pertama daripada pasukan yang mendapat undian melontar *jack* akan memilih tapak mula dan melakar satu bulatan membaling yang saiznya cukup untuk seorang pemain berdiri dengan kedua-dua belah kaki di dalamnya. Pemain pertama pasukan akan memulakan lontaran.
- Kemudian, pemain pertama daripada pasukan lawan akan mengambil giliran melontar.
- Pemain melontar bola secara *pointing* sama ada *rolls*, *half lob*, *high lob*, dan *full lob* mengikut kemahiran untuk mendekati *boule* kepada *jack* berbanding dengan pihak lawan.

5 Penentuan Pemenang

Pasukan akan dikira menang setelah memperoleh mata penamat sama ada sembilan, 11 atau 13 mata mengikut ketetapan penganjur. Sekiranya masa pertandingan telah tamat dan pasukan yang bertanding belum berjaya menamatkan pertandingan, penentuan pemenang berdasarkan kedudukan semasa pertandingan. Sekiranya kedudukan mata ialah seri, satu pusingan tambahan perlu dijalankan bagi menentukan pemenang.

(Sumber: *International Federation of Petanque and Provençal Game*, 2006)

Bola yang Meleret

Boling padang merupakan sukan yang digemari di negara-negara Komanwel. Permainan ini memerlukan beberapa biji bola besi asimetri yang dipanggil *bowl*, bola kayu kecil berwarna putih atau kuning yang dinamakan *jack*, pita pengukur, dan tikar.

Gelanggang boling padang dikenali sebagai *green*. Terdapat tiga jenis gelanggang, iaitu gelanggang yang ditanam dengan rumput asli, diliputi rumput tiruan, dan dihampari karpet. Gelanggang rumput asli dan rumput tiruan berada di kawasan luar, manakala gelanggang berkarpet berada di dalam dewan. Gelanggang luar dikelilingi parit yang mengandungi pasir halus dan tebingnya diperbuat daripada kayu atau konkrit serta dilapik dengan karpet atau getah supaya tidak memberikan lantunan yang kuat.

Boling padang dipertandingkan dalam empat kategori, iaitu perseorangan, berpasangan, bertiga, dan berempat untuk lelaki dan wanita. Bagi acara perseorangan dan berpasangan, pemain akan menggunakan empat biji *bowl*. Masing-masing tiga biji dan dua biji *bowl* bagi acara bertiga dan berempat.

Teknik permainan ini adalah dengan mendekati bola asimetri ke arah sebiji bola yang lebih kecil secara leretan. Pemain perlu meletakkan sebelah kakinya di atas tikar sebelum memulakan permainan bagi membolehkan leretan yang dilakukan itu sah dan diterima. Dalam acara perseorangan, pemain akan mendapat empat kali balingan bagi satu pusingan. Bola yang paling hampir dengan *jack* akan mendapat mata. Pemain perseorangan boleh mengumpul empat mata maksimum dan satu mata minimum. Pasukan dikira menang apabila memperoleh mata penamat 21 atau mana-mana yang terdahulu.

Permainan ini memerlukan strategi dan fokus yang tinggi kerana bola akan bergerak serong. Melalui boling padang, kecergasan badan dapat ditingkatkan kerana setiap leretan memerlukan banyak pergerakan fizikal. Sukan Komanwel merupakan pentas gemilang bagi acara ini kerana boling padang tidak dipertandingkan pada peringkat Sukan Olimpik.



(Sumber: *Malaysian Lawn Bowls Federation*, 2014)

2.2.1 Membaca untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan maklumat daripada bahan dan sumber yang berbeza dengan betul menggunakan pelbagai teknik bacaan.

5.1.2 Mengaplikasi pelbagai kata terbitan dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.



Gerakkan Kakimu



1. Teliti dan nilai maklumat yang dipaparkan. Kemudian, tulis justifikasi permainan tradisional perlu dimartabatkan dengan menggunakan ayat yang gramatis.
2. Nyatakan permainan tradisional yang ada di tempat anda dan cara-cara permainan tersebut dimainkan.

Rampanau

Rampanau popular dalam kalangan masyarakat Dusun terutamanya di daerah Tambunan, Keningau, dan Ranau di Sabah. Walaupun fungsi utamanya adalah untuk menyeberangi sungai, parit atau kawasan yang becak pada suatu masa dahulu, namun, alat ini juga merupakan sejenis permainan yang mempunyai unsur hiburan dan keseronokan. Rampanau dapat mencerminkan nilai dan norma kehidupan masyarakat. Ketika Pesta Kaamatan, rampanau merupakan acara wajib yang dipertandingkan dan sangat ditunggu-tunggu oleh penduduk tempatan.

Rampanau diperbuat daripada dahan pohon sagu, kayu keras, dan dua batang buluh yang direka khas bagi menggantikan sepasang kasut dengan ketinggian antara tiga meter hingga 10 meter tinggi. Diameter saiz pemegang pula mestilah dapat digenggam oleh tapak tangan.

Bermain permainan sukan rakyat ini boleh meningkatkan kecerdasan kinestetik. Cabaran utama dalam permainan ini adalah untuk mengawal keseimbangan badan, kekuatan, dan kelenturan otot. Pemain yang jatuh daripada rampanau lebih daripada tiga kali dianggap kalah. Bagi memastikan sukan ini tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas, permainan ini telah dijadikan sebagai permainan rasmi yang disenaraikan dalam sukan rakyat di Sabah.



(Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN))

Terompah Tempurung

Terompah tempurung merupakan antara permainan sukan rakyat yang masih popular pada masa ini. Cara bermainnya adalah dengan meletakkan kaki di atas tempurung. Ibu jari kaki menyepit tali dan tangan pula perlu mengawal tali ketika kaki digerakkan. Permainan ini bukan sahaja bersifat menyeronokkan tetapi dapat menyihatkan tubuh badan dan meningkatkan kekuatan fizikal otot tangan dan kaki.

Semasa bermain, akan terjadi pengecutan otot terutama di bahagian bawah kaki dan perut yang mengakibatkan kekuatan otot meningkat. Semakin kerap dimainkan, semakin tinggi daya tahan otot tangan dan kaki terhadap rintangan. Selain itu, emosi dan kesabaran dapat dipupuk. Pemain harus bersabar dan terus mengawal keseimbangan badan ketika berdiri dan melangkahkan kaki sedikit demi sedikit sehingga tiba di garisan penamat.

Cara-cara membuat terompah tempurung

Bahan-bahan:

1. Tempurung kelapa yang telah dibersihkan.
2. Gunting.
3. Kayu kecil berukuran 1 1/2 inci.
4. Tali berukuran dua meter atau panjang mengikut ketinggian pemain.

Cara membuatnya:



1. Tebuk lubang dengan menggunakan gunting pada kedua-dua tempurung kelapa.



2. Masukkan tali ke dalam lubang tempurung kelapa.



3. Ikat kayu kecil dengan menggunakan tali di bahagian dalam tempurung kelapa.



4. Terompah tempurung siap untuk dimainkan.



3.2.1 Menulis untuk membuat justifikasi berdasarkan penilaian sesuatu perkara dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Dari Petak ke Petak



1. Berdasarkan bahan, dengar dan berikan respons dalam pelbagai jenis ayat tentang permainan dam tanpa mengubah maksud konteks ayat.
2. Kemukakan pandangan anda tentang aspek menarik yang terkandung dalam prosa tradisional yang diberikan.
3. Tulis petikan prosa tradisional yang diberikan dalam bahasa Melayu baku tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Pertarungan Minda

Kecanggihan teknologi membolehkan anda bermain dam dengan menggunakan gajet sahaja. Anda boleh bermain sendirian, dengan rakan di sebelah, atau dengan rakan maya. Dengan gajet, anda boleh bermain di mana-mana sahaja.

Anda juga boleh membeli papan dam di kedai. Ada yang mahal dan ada yang murah harganya. Walau bagaimanapun, saiz papan dam ini biasanya kecil, iaitu 64 petak sahaja. Tentu anda tidak puas bermain dengan papan dam yang bersaiz kecil. Mahukah anda bermain dengan papan dam yang lebih besar?

Nah, anda boleh membuatnya sendiri! Gunakan papan, kertas, plastik, atau kain kanvas. Anda boleh membuat papan dam yang mempunyai 100 atau 144 petak. Buah dam pula boleh dibuat daripada apa-apa sahaja. Yang penting buah dam itu boleh disusun dua sekali untuk menjadi "haji". Misalnya, anda boleh menggunakan tutup botol minuman. Satu pihak menelangkupkan tutup botol minuman, manakala pihak lawan akan menelentangkannya.

Masyarakat Malaysia gemar bermain dam pada masa lapang. Mereka bermain bersama-sama keluarga atau rakan sama ada di rumah atau di wakaf yang terdapat di taman. Permainan ini menguji kepintaran pemain dalam mengatur strategi untuk mengalahkan pihak lawan. Sudahkah anda bersedia? Ayuh, kita bertarung minda!



Riadah Orang Istana

Tahukah, Fiqah, golongan istana pada zaman dahulu pun ada permainan untuk beriadah? Cuba Fiqah baca cerita ini.



Maka segala anak-anak di dalam negeri Perak ini, sekaliannya berhimpunlah menghadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa tiada khali di balai penghadapan serta dengan permainan berbagai-bagai masing-masing dengan kesukaannya; ada yang bermain gajah, ada yang bermain kuda, ada yang bermain ayam sabungan, ada yang bermain sepak raga, dan jikalau di balai pun ada yang bermain catur, dan ada yang bermain jogar dan ada yang bermain barang yang digemarnya dan ada yang bermain membaca hikayat Jawa dan syair ikat-ikatan berbagai-bagai ragam bunyinya riuh-rendah siang dan malam. Maka segala anak raja-raja perempuan berhimpunlah sekaliannya di dalam istana Sultan Inayat Syah. Maka oleh baginda disuruh bermain di dalam istana masing-masing dengan kesukaannya, mana-mana yang tua sedikit dikurniai oleh baginda sekadar berubah nama. Maka bermainlah segala anak raja-raja itu berbagai-bagai permainan, ada yang bermain jogar dan cuki dan yang main kebak dan pajas dan ada yang bermain-main menari dan sekopang dan ada yang bercongkak tambahan pula bermain pendekar tari, terlalu ramai gegak-gempita siang dan malam, tiada terhenti dengan bunyian sentiasa di dalam istana Sultan Iskandar itu.

(Sumber: Ahmad Fauzi Mohd. Basri, hlm. 26, 1992. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

Betul, mama. Fiqah baru tahu. Wah, meriah sungguh gambaran mereka bermain dalam cerita ini!

1.2.1 Mendengar dan memberikan respons dalam pelbagai jenis ayat tanpa mengubah maksud konteks ayat.

4.1.1 Memahami dan mengapresiasi untuk menghubungkan kait aspek yang menarik dalam prosa moden dan prosa tradisional.




Mencandat Sotong



1. Analisis bahan. Kemudian, lengkapkan maklumat tentang aktiviti mencandat sotong dengan membuat pertimbangan yang relevan.
2. Cari maklumat tentang satu aktiviti rekreasi di kawasan air dan hasilkan penulisan.

Pengalaman Itu Guru Terbaik

Ketika mengemas bilik bacaan keluarga, Zayyan terjumpa sebuah buku log berwarna-warni yang sangat menarik milik abang sulungnya. Dia meminta izin daripada abangnya untuk membaca catatan yang terdapat dalam buku log tersebut. Oleh sebab tertarik dengan catatan tentang aktiviti mencandat sotong, Zayyan menyimpan hasrat untuk mencandat sotong bersama-sama kawan-kawannya.



- 1.** Berlepas dari jeti beriring beriring doa selamat.
- 2.** Bot yang dilengkapi teknologi terkini tidak menjamin hasil yang baik. Tekong berpengalaman mengesan lubuk sotong amat membantu.
- 3.** Berjam-jam mencandat, tiada seekor pun yang mengena. Sabar!
- 4.** Sotong mengena akhirnya tetapi akibat menggulung tali terlalu laju, sotong terlepas! Aduhai!
- 5.** Kali pertama berjaya mencandat sotong, habis hitam satu badan! Pengalaman berharga!
- 6.** Rezeki hari ini. Tidaklah banyak, tetapi syukur!

3.3.1 Menulis untuk melengkapkan maklumat dengan membuat pertimbangan yang relevan dalam pelbagai bahan.



Permainan Kata



IMBAS SAYA



1. Isi petak kosong dengan huruf yang sesuai untuk membentuk kata terbitan yang sepadan maksudnya dengan panduan yang diberikan dan bina perenggan daripada kata terbitan tersebut.
2. Bina panduan untuk membentuk piramid kata terbitan seperti yang dipaparkan dalam bahan. Kemudian, gunakan kata terbitan itu dalam perenggan.

Piramid Perkataan



Panduan

1. Orang yang bermain
2. Berbuat sesuatu untuk menyenangkan hati
3. Memegang peranan
4. Sama-sama bermain
5. Memperolokkan

TEMA 2

Sukan dan Rekreasi




Dalam Dilema



Buat penilaian berdasarkan bahan. Kemudian, kemukakan justifikasi anda tentang pilihan yang ada dalam bahan tersebut.

Pilihan Hatiku



TEMA 2

Sukan dan Rekreasi

TEMA 3

KERJAYA MENITI JAYA

1. Mengapakah jurusolek khas diperlukan dalam penerbitan filem?
2. Bagaimanakah Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) dapat membawa imej baik negara ke peringkat antarabangsa?
3. Jika anda menjadi peniaga pakaian terpakai, apakah jenis pakaian yang akan anda jual? Berikan alasan anda.
4. Apakah yang anda tahu tentang kiropraktik? Nyatakan.
5. Apakah faktor-faktor yang menentukan pemilihan sesuatu kerjaya?



Jika bekerja terburu-buru,
Segala kerja jadi keliru.

Jika disiplin tonggak kuasa,
Segala tugas kemas sentiasa.

Jika pekerjaan banyak berehat,
Segala aktiviti jadi tak sihat.





Suka-suka Menjadi Kerjaya



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Dengar bahan dengan telitinya. Kemudian, kenal pasti fakta dan kaitkannya dengan pengetahuan sedia ada anda.
2. Berikan pendapat anda tentang masa hadapan kerjaya sebagai jurusolek kesan khas.

Palitan Kecantikan

Sewaktu kecil dahulu apabila anda ditanya tentang cita-cita, apakah jawapan yang anda berikan? Lazimnya, jawapan yang diberikan ialah anda hendak menjadi seorang guru, doktor, jurutera, ataupun tentera. Pernahkah terlintas di fikiran anda untuk menjadi seorang jurusolek profesional? Sejauh manakah pengetahuan anda tentang kerjaya sebagai jurusolek profesional?

Kerjaya sebagai jurusolek ini mungkin nampak mudah bagi sesetengah orang. Namun begitu, tidak ramai yang mengetahui bahawa selain bakat seni, seseorang jurusolek itu perlu mendalami bidang ini dengan ilmu. Hal ini dikatakan demikian kerana tugas menyolek seseorang itu memerlukan jurusolek membuat kajian tentang kesesuaian wajah, personaliti, warna, dan konsep atau tema sesuatu majlis. Lazimnya, solekan diwujudkan bagi memberikan kesempurnaan atau kecantikan kepada seseorang. Hanya dengan satu palitan seperti memakai pemerah pipi atau gincu, perwatakan menarik pada wajah dapat dihasilkan. Solekan juga merupakan perkara asas bagi kecantikan dan menjadi pelengkap seseorang wanita. Sehubungan dengan itu, khidmat seorang jurusolek amat diperlukan bagi menghias rupa atau wajah seseorang individu.

Nurliana binti Nordin, berasal dari Kedah, berkongsi pengalamannya sebagai jurusolek. Menurut beliau, asalnya bidang ini hanya dijadikan sebagai hobi. Oleh itu, hasil solekannya dikongsikan dalam *Facebook*. Fokusnya pada masa itu ialah solekan di bahagian mata sahaja. Melalui *Facebook*, dia mula dikenali dan mula melakukan perkhidmatan solekan pengantin dan juga solekan untuk majlis-majlis tertentu seperti konvokesyen atau jamuan makan malam.

Sejak empat tahun lepas, Liana menapak selangkah lagi dengan melakukan solekan kesan khas. Teknik solekan itu dipelajarinya dalam *Google* dan *Youtube*. Dia juga banyak menyertai pertandingan yang diadakan untuk mendapatkan pengiktirafan bakatnya. Hari ini, banyak hasil karya Liana dikongsikan di *Instagram* dan ribuan tanda suka diperoleh. Beliau juga pernah dijemput dalam Rancangan Motif Viral, di TV Astro untuk bercerita tentang bakatnya.



TEMA 3

Kerjaya Meniti Jaya

Solekan Ubah Wajah

Peranan jurusolek kesan khas ini jauh berbeza daripada jurusolek biasa. Hal ini dikatakan demikian kerana jurusolek kesan khas mengambil masa yang panjang untuk melukis wajah atau membentuk tubuh pelakon agar kesan yang diinginkan tampak semula jadi.

Jurusolek kesan khas memerlukan semua kemahiran dan kebolehan yang sama seperti jurusolek biasa, contohnya latar belakang pendidikan dalam bidang kosmetologi sama ada pada peringkat sijil ataupun diploma daripada institusi pendidikan seperti kolej vokasional, kolej komuniti, ataupun institusi pendidikan swasta yang menawarkan bidang tersebut. Jurusolek kesan khas juga memerlukan pendidikan dalam penghasilan bahan seperti getah dan darah palsu yang akan digunakan untuk membuat prostetik.

Masa hadapan kerjaya dalam bidang ini amatlah luas kerana khidmat jurusolek kesan khas ini amat diperlukan dalam industri perfileman, khususnya filem seram ataupun fiksiyen sains dan pementasan teater. Oleh itu, jurusolek kesan khas perlulah meningkatkan kepakaran mereka di samping cakna akan perkembangan terkini dunia persolekan agar mereka menjadi lebih serba boleh. Selain itu, kualiti perkhidmatan jurusolek kesan khas juga harus ditingkatkan selaras dengan trend dan perkembangan semasa.

(Sumber: *Harian Metro*, 5 September 2018)

Solekan Kesan Khas

Solekan Mekanikal

Dapat dihasilkan serta-merta menggunakan mekap dan prostetik seperti kesan luka, terbakar, penuaan, dan kemalangan.

Solekan Optikal

Solekan yang disertai teknologi seperti teknik janaan komputer dan manipulasi foto seperti tangan putus, perut terburai, dan kepala pecah.



TEMA 3

Kerjaya Meniti Jaya

1.3.1 Mendengar dan menghubungkan maklumat daripada pengetahuan sedia ada dengan fakta baharu secara betul, tepat dan bermakna.



Membaca

Tuah di Sebalik Bungkusan



Aktiviti

1. Baca kedua-dua bahan dengan menggunakan teknik bacaan QUACK.
2. Bandingkan kedua-dua bahan dengan mengemukakan bukti daripada bahan teks.
3. Nyatakan peribahasa yang berkaitan dengan situasi dalam bahan. Kemudian, tulis ayat dengan peribahasa tersebut.

hikayatkepalakain.bloganda.com

Hikayat Kepala Kain

Blog ini milik Adam Fansuri, penjual jean terpakai idaman anda.

Ahad, 18 Oktober 2020
Bermulanya sebuah catatan ...

Kelihatan benang merah pada kaki seluar jean yang dilipat oleh Abang Hadi. Rupa-rupanya, itu kepala kain. Saya tertarik dan cuba untuk mendapatkan kedua-duanya. Baru saya tahu bahawa memang sukar untuk memperoleh jean kepala kain. Akhirnya, saya dapat membelinya daripada penjual pakaian terpakai atau dikenali sebagai *bundle*. Harganya boleh tahan mahal.

Dalam semester tiga sewaktu belajar di universiti, saya menghadapi masalah kewangan kerana bapa saya sakit. Jadi, saya berhasrat untuk menjual jean kepala kain itu walaupun menyayangnya. Saya mengiklankan jean tersebut dalam akaun media sosial. Belum sampai seminit, bertalu-talu mesej saya terima. Masing-masing menawarkan harga yang lumayan, lebih mahal daripada harga beli.

Daripada peristiwa itu, saya mendapat idea untuk mencari jean-jean kepala kain melalui penjual *bundle* dan orang perseorangan. Kemudian, saya jual secara dalam talian. Untuk meningkatkan pengetahuan tentang perniagaan dalam talian, saya belajar tentang beberapa perkara. Antaranya, saya belajar melalui Internet cara-cara untuk mengambil foto barang jualan yang menarik. Saya juga belajar teknik penulisan iklan daripada seorang kawan. Foto yang menarik dan kata-kata yang memikat penting dalam jualan melalui media sosial.

Mending juga "duit tepi" hasil jualan jean kepala kain ini. Jadi, selepas tamat belajar, saya mengambil keputusan untuk menceburi kerjaya sebagai penjual pakaian *bundle* dengan lebih serius. Kali ini jualan saya tidak hanya tertumpu pada jean kepala kain, malahan pakaian lain turut saya jual. Antara pakaian yang banyak dicari pelanggan termasuklah seperti pakaian kanak-kanak, pakaian langka, baju kumpulan muzik, dan pakaian musim sejuk. Jean kepala kain tentunya masih menjadi buruan.

Dengan adanya modal yang saya kumpulkan, saya telah menyewa sebuah kedai. Saya juga telah membeli *bale* daripada seorang pembekal. *Bale* ialah satu bungkusan besar pakaian terpakai yang dibeli dari luar negara oleh pembekal. Bungkusan pakaian seberat 50 kilogram ini perlu dibuka bagi mengasingkan pakaian mengikut gred. Harga pakaian yang hendak dijual akan ditentukan mengikut grednya.

Demikian secara ringkas tentang permulaan saya bergiat dalam kerjaya ini. Hendak tahu lebih lanjut tentang *bundle* dan kepala kain? Gelintar mesin carian Internet anda.



Seluar jean kepala kain

Pakaian Terpakai Jadi Pilihan

Oleh: Norrasyidah binti Arshad

BANTING, 25 Mac: Berbekalkan modal RM60.00, Rasmi binti Abdullah atau lebih dikenali sebagai Puan Mi, kini mampu tersenyum bangga apabila hasil penat lelahnya berbaloi selepas mampu memiliki lima kedai pakaian terpakai.

Lebih unik, beliau memulakan perniagaan kedai pakaian terpakai itu bukan dengan membelinya daripada syarikat pemborong luar negara. Sebaliknya, beliau pergi dari rumah ke rumah untuk mencari bekalan. Beliau sanggup menebalkan muka mengetuk pintu rumah jiran serta kenalan semata-mata untuk meminta mereka menjual baju terpakai pada harga RM1.00 sekilogram.

Katanya, untuk permulaan, beliau mampu membeli 60 kilogram pakaian sahaja. Namun demikian, selepas melihat keuntungan daripada jualan itu, beliau nekad untuk meneruskan perniagaan pakaian terpakai sepenuh masa.

"Pada mulanya, sekadar suka-suka, saya telah menjual baju sendiri melalui laman sosial. Setelah mendapat sambutan yang menggalakkan, saya terfikir bahawa adalah lebih baik sekiranya saya membesarkan perniagaan saya dengan membeli pakaian terpakai daripada jiran. Kini, usaha saya sejak Mac 2014 ternyata berbaloi," katanya.

Puan Mi menyimpan pakaian terpakai yang dibeli di rumah ibunya di Banting, Selangor. Beberapa bulan setelah menjalankan perniagaan itu, rumah ibunya telah penuh. Oleh itu, beliau membuat keputusan untuk menyewa kedai bagi menyimpan semua baju yang dibelinya. Beliau menyewa kedai berkenaan yang menjadi lokasi utama penjualan pakaian terpakai di Jenjarom sejak Februari 2015. Bermula dari situ, beliau telah melebarkan sayapnya ke Sabah. Di negeri bawah bayu itu, terdapat tiga cawangan kedainya yang terletak di Tawau dan satu cawangan lagi di Lahad Datu.

Menurut Puan Mi, selepas beliau mempromosikan pembelian baju yang berharga RM1.00 sekilogram dalam laman sosial, perniagaannya semakin mendapat sambutan. Semua jenis pakaian termasuk baju bayi, tudung, kasut, dan beg dijual pada harga serendah RM1.00. Selepas itu, semakin ramai yang berminat untuk menjual pakaian terpakai kepadanya. Mereka yang mahu menjual baju terpakai hanya perlu memberikan alamat rumah sebelum beliau ke sana untuk mengambil pakaian berkenaan.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Norrasyidah binti Arshad. "RM60 Modal Tauke Bundle" dlm. *Berita Harian*, 25 Mac 2016)



2.3.1 Membaca, menilai dan membandingkan bahan teks yang berbeza dengan betul berdasarkan bukti yang terdapat dalam teks menggunakan teknik bacaan yang sesuai.



Menulis



Tatabahasa

Berkhidmat untuk Negara



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Analisis isi penting yang terdapat dalam bahan.
2. Susun isi penting berdasarkan kesesuaian untuk menghasilkan kerangka karangan tentang kerjaya sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik.
3. Kenal pasti kata ganda dan akronim yang terdapat dalam bahan dan bina ayat dalam perenggan.
4. Pada pendapat anda, sejauh manakah Pegawai Tadbir Diplomatik mampu memartabatkan citra negara?

Kerjaya Impian Graduan

Aliana memasang impian untuk menjadi seorang Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD). Sewaktu berehat di rumahnya, dia mendengar rancangan Kerjaya Impianku di radio Berita Nasional (BERNA) yang sedang memperdengarkan wawancara antara juruhebah dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia (KPPA), Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman.

Juruhebah: Assalamualaikum, Tan Sri. Apa khabar?

Tan Sri: Waalaikumussalam. Alhamdulillah.

Juruhebah: Terima kasih kerana Tan Sri sudi berkongsi maklumat tentang kerjaya yang menjadi impian setiap graduan, iaitu PTD. Bolehkah Tan Sri terangkan bagaimanakah cara untuk menjadi seorang PTD?

Tan Sri: Untuk menjadi seorang PTD, calon mestilah mempunyai minimum Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.0 dan lulus tapisan awal, iaitu ujian secara dalam talian, ujian kompetensi dan temu duga. Tidak ada tawar-menawar atau kompromi di sini. Setelah itu, calon harus menjalani latihan di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) selama 10 bulan. Hanya setelah lulus, barulah calon ditauliahkan dengan Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) dan seterusnya ditawarkan pelantikan sebagai PTD.



Juruhebah: Apakah kelebihan menjadi seorang PTD dan mengapakah kerjaya ini menjadi buruan? Desas-desus mengatakan lebih daripada 140 000 orang calon memohon jawatan ini setiap tahun. Betulkah begitu, Tan Sri?

Tan Sri: Ohhh! (Sambil ketawa kecil) PTD ini merupakan salah satu jawatan penting dalam perkhidmatan awam. PTD bukan sahaja berpeluang untuk berkhidmat pada peringkat persekutuan, malahan mereka juga boleh berkhidmat pada peringkat negeri, daerah atau mana-mana agensi kerajaan. Seseorang PTD juga berpeluang untuk memegang beberapa jawatan utama dalam perkhidmatan awam. Mungkin itulah sebabnya ramai yang memohon jawatan ini kerana skim PTD menawarkan kemajuan kerjaya yang luas.

Juruhebah: Apa lagi keistimewaannya, Tan Sri?

Tan Sri: Selain daripada pelbagai peringkat perkhidmatan awam, PTD juga terlibat dengan tugas-tugas yang mencabar, meliputi perancangan dan pelaksanaan dasar-dasar awam negara dalam sektor pembangunan infrastruktur, keselamatan,

ekonomi, pendidikan, dan sosial serta hubungan antarabangsa. Dengan peranan yang penting itu, mereka turut berpeluang untuk berkhidmat sebagai pegawai-pegawai di kedutaan, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, dan badan-badan antarabangsa di luar negara.

Juruhebah: Hebatnya kerjaya ini. Tentu banyak pengalaman yang diperoleh PTD sewaktu berkhidmat di luar negara.

Tan Sri: Ya, benar. Pengalaman itu diperoleh melalui tugas yang perlu dilaksanakan. Apabila menjalankan tugas ini, mereka akan bertemu dengan ramai orang, bukan sahaja orang biasa tetapi juga pemimpin-pemimpin dari dalam dan luar negara. Selain itu, mereka juga berpeluang untuk berkhidmat di luar negara dan secara tidak langsung membolehkan mereka mempelajari budaya negara lain. PTD juga berpeluang untuk melanjutkan pengajian melalui Hadiah Latihan Persekutuan atau mana-mana biasiswa yang ditawarkan oleh organisasi tempatan atau antarabangsa.

Juruhebah: Banyaknya keistimewaan PTD ini. Patutlah jawatan ini menjadi impian ribuan graduan. Terima kasih, Tan Sri, atas maklumat yang diberikan.

Tan Sri: Sama-sama.



Laluan Kerjaya PTD



Latihan di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan)

Pelatih akan mengikuti dua modul, iaitu modul akademik dan modul sahsiah yang berkaitan dengan aktiviti fizikal serta kemasyarakatan selama 10 bulan.

Pentauliahkan

Pelatih-pelatih yang berjaya dianugerahi Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam.

PTD

Berkhidmat sama ada di dalam negara ataupun menjadi diplomat, iaitu sebagai duta dan Pesuruhjaya Tinggi di luar negara.

JUSA dan TURUS

- 3.4.1 Menulis kerangka karangan dengan menyusun dan menganalisis isi penting secara terancang.
5.1.3 Mengaplikasi bentuk kata ganda dan akronim dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.



Mendengar dan Bertutur



Seni Bahasa

Ajaibnya Kuasa Tangan



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Dengar audio dengan telitinya dan janakan idea baharu tentang kerjaya sebagai kiropraktor daripada maklumat tersebut.
2. Berikan maksud sajak dan gurindam.
3. Terokai maklumat lanjut tentang kiropraktik dan cipta satu pantun.



Kiropraktik

Apabila berlaku ketidakseimbangan pada tulang-tulang atau turutan tulang anda tidak normal, apakah yang akan anda lakukan? Siapakah yang akan anda cari? Lazimnya, kebanyakan orang akan mencari tukang urut tetapi kini ada alternatif lain yang dipanggil kiropraktik, iaitu menggunakan tekanan pada tulang belakang atau bahagian lain daripada tubuh seseorang oleh ahli kiropraktik. Fokusnya adalah untuk meletakkan tulang-tulang yang dislokasi di tempat asalnya.

Matlamat

Memulihkan kesihatan dalam jangka masa panjang melalui penjajaran tulang belakang.

Kelayakan Seorang Kiropraktor

- ★ Mempunyai ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan.
- ★ Berdaftar sebagai ahli dalam Persatuan Kiropraktik Malaysia atau *Association of Chiropractic (ACM)*.
- ★ Berdaftar dengan insurans ganti rugi profesional seperti yang dinyatakan dalam kod etika *The Federation of Complementary & Natural Medical Associations Malaysia (FCNMAM)*.

Tugas Kiropraktor

- ★ Melakukan terapi tisu lembut, iaitu merehatkan otot dan melegakan kekejangan.
- ★ Menyelaraskan pergerakan sendi, iaitu menyesuaikan dan meningkatkan pergerakan secara perlahan-lahan.
- ★ Memulihkan sendi atau otot lutut.
- ★ Memulihkan dan mengekalkan pergerakan melalui senaman dan regangan.
- ★ Memastikan sendi bergerak dengan betul dan otot-otot di sekeliling berfungsi dengan baik.

Faedah Kiropraktik

- ★ Mengurangkan sakit leher dan belakang.
- ★ Membantu memulihkan keupayaan untuk menghantar impuls yang tidak selesa dari sistem saraf ke tisu dan organ tubuh.
- ★ Mengurangkan kesakitan dan ketegangan otot.
- ★ Membantu merehatkan dan mengurangkan ketegangan otot yang menyokong beban akibat masalah susunan tulang.

(Sumber: Temu bual dengan Tay Huei Minn, kiropraktor dari *Chiropractic Specialty Center*)



Sajak Si Tukang Urut

Kisah manipulasi beralihnya tulang belakang menolak saraf, kebas, perit kiropraktor dicari mengubati dengan memanipulasi meregang membetulkan melegakan derita dan sengsara punca segalanya pada tunjang kita.

Kiropraktor menjajarkan meletakkan tunjang pada tempatnya mengelakkan tujahan saraf yang menyakitkan seluruh badan zahirnya tidak kelihatan namun seksanya amat terkesan berdiri resah, bangun hampir rebah baring lelah, berjalan pun goyah.

Ubat-ubatan sekadar sementara mereda keluh-kesah dirasa kiropraktor mengubat tanpa ubatan membetulkan jasad asal keadaan terbukti mujarabnya buat semua merentas bangsa dan juga usia.

Rahmawati binti Othman,
Tampin, Negeri Sembilan.

Gurindam Seni Regangan

Apabila sakit rasa di tengkuk,
Itu tanda tulangnya bengkok.

Apabila kebas di hujung jari,
Cederanya tulang tanpa disedari.

Apabila tulang belakang terhalang,
Semua nikmat akan hilang.

Apabila mengenal kaedah kiropraktik,
Pasti dirimu tidak akan panik.

Apabila kiropraktor gunakan kepakaran,
Maka hilanglah segala kegusaran.

Apabila regangan jadi pilihan,
Dapatlah sudah cara pemulihan.

Apabila mengenal cara mencegah,
Tidur malamnya tiada yang tegah.

Nita binti Zakariah,
Seremban, Negeri Sembilan.

1.3.2 Mendengar dan menjana idea baharu daripada maklumat yang diperoleh dengan betul dan bermakna.

4.1.2 Memahami dan mengapresiasi untuk menghubungkan kait aspek yang menarik dalam puisi moden dan puisi tradisional.



Membaca

Dunia Kerjaya



Aktiviti

1. Baca bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian, kenal pasti masalah yang terdapat dalam bahan tentang pilihan kerjaya dan selesaikannya.
2. Cipta satu bentuk kerjaya baharu yang sesuai untuk memangkinkan ekonomi di negara ini.

Kerjaya Impian

Kerjaya merupakan sesuatu yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Pemilihan kerjaya yang tepat akan mempengaruhi corak kehidupan seseorang itu. Oleh hal yang demikian, memilih kerjaya bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh.

Impian Amira

Amira berminat untuk memilih kerjaya yang ditawarkan dalam sektor swasta. Dia amat meminati sektor perhotelan. Namun begitu, ibunya pula menginginkan Amira untuk bekerja dalam sektor awam. Ibu Amira berharap agar dia mengikuti jejak bapanya menjadi seorang pendidik. Menurut ibu, bekerja dalam sektor awam lebih menjamin masa hadapan. Amira dalam dilema antara minat atau kehendak ibunya. Kerjaya yang mana satukah yang patut dipilih oleh Amira?

Antara Legasi dengan Wawasan

Encik Leong berharap agar anaknya, Samantha, akan mewarisi legasi perniagaannya sebaik-baik sahaja Samantha tamat melanjutkan pengajian di universiti awam nanti. Namun begitu, Samantha tidak berminat untuk bekerja dengan bapanya ataupun mewarisi perniagaan bapanya itu. Samantha bercadang untuk mencipta kerjaya baharu selepas tamat pengajiannya nanti. Dia berminat untuk menceburi bidang pekerjaan baharu yang sesuai dengan perkembangan ekonomi digital di negara ini. Samantha sedar banyak cabaran dan masalah yang bakal ditempuhi olehnya nanti. Dia juga rasa bersalah kerana tindakannya itu bakal mengecewakan bapanya. Apakah yang patut dilakukan oleh Samantha?

Yang Mana Satu?

Anand amat meminati pelbagai kerjaya yang berkaitan dengan hal-hal perkomputeran. Dia meminati seni reka bentuk grafik. Dia juga meminati hal-hal berkaitan dengan pembangunan sistem perisian dan juga pengaturcaraan. Ketiga-tiga bidang kerjaya ini diminatinya. Dia berbelah bahagi untuk membuat pilihan. Rakan-rakan Anand mencadangkan agar dia memilih kerjaya yang berkaitan dengan seni reka bentuk grafik. Ibu bapanya pula mencadangkan sesuatu yang lain, iaitu pegawai teknologi maklumat kerana prospek kerjaya yang luas, termasuk bekerja dalam sektor awam. Persoalannya, apakah bidang kerjaya yang patut dipilih oleh Anand dan apakah faktor yang menentukan pilihan kerjayanya itu?

Kerjaya “Kolar Baharu”

Pada era ini, muncul bidang pekerjaan yang digelar sebagai kerjaya “kolar baharu”. Bidang pekerjaan ini mencetuskan impak dalam pasaran pekerjaan sekarang. Pertumbuhan pesat dan kemajuan dalam teknologi digital menyebabkan landskap kerjaya mengalami perubahan. Majikan mencari pekerja yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran khusus untuk memenuhi keperluan industri dan pasaran.

Secara umumnya, seseorang pekerja “kolar baharu” ialah individu yang memajukan diri dengan kemahiran teknikal dan insaniah. Golongan ini bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan teknologi dan kemahiran. Mereka mendapat pendidikan dan latihan melalui kolej vokasional, kolej komuniti, kursus jangka pendek, program sijil, pendidikan teknologi sekolah tinggi, latihan industri, dan perantisan semasa kerja.

Salah satu golongan “kolar baharu” ialah pelajar lepasan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional atau *Technical and Vocational Education and Training* (TVET). TVET membuka peluang kepada generasi muda Malaysia yang kurang cenderung ke arah bidang akademik, namun, dapat melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dalam kemahiran dan kepakaran pilihan sendiri. TVET akan menjadi pemacu utama dalam usaha kerajaan melahirkan tenaga mahir tempatan yang mempunyai kemahiran tinggi, sekali gus mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja asing.

(Sumber: <https://www.bharian.com.my/>)

Antara Faktor Pemilihan Kerjaya

- Minat dan cita-cita.
- Latar belakang akademik dan kemahiran.
- Pengaruh dan sokongan ahli keluarga.
- Ekonomi semasa.
- Suasana pekerjaan.
- Pembangunan kerjaya.
- Kepuasan kerja.
- Personaliti diri.

2.3.2 Membaca untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah daripada pelbagai bahan menggunakan teknik bacaan yang sesuai.




Permainan Bahasa



1. Bina ayat tunggal berdasarkan kata ganda atau akronim yang disebutkan oleh rakan anda dalam tempoh masa yang ditetapkan.
2. Baca ayat tersebut untuk dinilai.

Bina Ayat dalam Konteks



Cara Permainan

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Murid 1 mengambil kad perkataan yang ada di dalam kotak secara rawak.
3. Murid 1 membina ayat berdasarkan perkataan yang ada pada kad bersama-sama ahli kumpulan.
4. Murid 1 menunjukkan binaan ayat kepada guru.
Betul - dapat markah
Salah - tiada markah
5. Murid 2 boleh meneruskan giliran hanya setelah murid 1 berjaya membina ayat yang betul tetapi jika cubaan membina ayat kali kedua gagal, tiada markah yang diperolehi dan murid seterusnya perlu meneruskan permainan.
6. Hanya dua cubaan dibenarkan.
7. Permainan diteruskan sehingga semua ahli telah membuat ayat.
8. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi dikira sebagai pemenang.
9. Masa bagi setiap orang membina ayat ialah empat minit sahaja.

Petunjuk

- ➡ Teruskan
- ➡ Jumpa guru semula
- ➡ Balik ke kumpulan

- Cubaan pertama berjaya = lima markah
- Cubaan kedua berjaya = tiga markah

TEMA 4

BERSATU KITA TEGUH

1. Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk memastikan perpaduan terjalin dalam kalangan masyarakat majmuk di negara kita?
2. Bagaimanakah kita hendak memastikan bahawa sesuatu usaha yang dilakukan untuk perpaduan kaum itu berkesan?
3. Mengapakah negara kita perlu menjalinkan hubungan baik dengan negara luar?



Jika kita hidup bertoleransi,
Segala kaum hidup serasi.

Jika kita bersatu padu,
Segala pahit menjadi madu.

Jika kita berpecah belah,
Segala kerja terasa lelah.



Bulat Air kerana Pembetung



1. Berbuallah dengan rakan anda tentang aktiviti program RIMUP dan kemukakan idea baharu bagi program yang akan dilaksanakan secara bertatasusila.
2. Laksanakan simulasi mesyuarat bagi membincangkan agenda yang disediakan.



RIMUP

RIMUP ialah program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 1986 lagi. Melalui program ini, KPM menyediakan peluang kepada murid pelbagai kaum untuk bergaul mesra secara sedar dan terancang. Pelbagai aktiviti dirancang dan dilaksanakan setiap tahun oleh pihak sekolah. Aktiviti-aktiviti tersebut merangkumi lima elemen, iaitu akademik, khidmat masyarakat, jati diri dan patriotisme, kebudayaan dan kesenian, serta sukan dan permainan.

Program ziarah komuniti juga menarik. Saya suka akan program ziarah ke rumah-rumah warga emas dan golongan yang kurang bernasib baik.



Ziarah Komuniti



1

Pertunjukan Kebudayaan



Mesyuarat Kelab Rukun Negara akan diadakan lusa. Apa kata kita cadangkan agar pertandingan pertunjukan kebudayaan diadakan sekali lagi? Sambutan tahun lepas amat menggalakkan.

Mesyuarat Kali Ke-2

Tahun 20□□

Kelab Rukun Negara
Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jauhari

Tarikh: 25 Mac 20□□ Masa: 2:30 - 4:00 petang
Tempat: Bilik Mesyuarat

Agenda Mesyuarat:

1. Ucapan alu-aluan pengerusi.
2. Pembentangan dan pengesahan minit mesyuarat.
3. Perkara berbangkit.
4. Pelaksanaan program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan.
5. Hal-hal lain.
6. Ucapan penangguhan.



3

Saya berpendapat bahawa lebih berfaedah jika kita adakan aktiviti yang melibatkan ramai murid daripada pelbagai kaum, contohnya gotong-royong.

Gotong-royong



4

Perkemahan RIMUP



Semua aktiviti yang dicadangkan itu menarik, tetapi saya hendak mencadangkan aktiviti yang lebih menarik yang tidak pernah dilaksanakan sebelum ini. Apa kata kita adakan perkhemahan RIMUP?



1.4.1 Memberikan maklum balas yang berbentuk idea baharu dalam perbualan secara bertatasusila.



IMBAS SAYA



1. Baca dan analisis bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian, berdasarkan maklumat dalam teks dan pengetahuan sedia ada, buat kesimpulan tentang bahan.
2. Kenal pasti golongan kata yang terdapat dalam bahan. Kemudian, gunakannya dengan betulnya mengikut konteks.
3. Senaraikan perkara yang ingin anda ketahui tentang Wisma Putra dan layari Internet untuk mendapatkan maklumat.

15 Julai 20□□, Rabu

01


Sentuhan Diplomasi Negara

Malaysia merupakan sebuah negara yang berpegang teguh pada norma diplomasi berteraskan keamanan dan kestabilan. Strategi pelaksanaan dihuraikan secara lebih komprehensif melalui prinsip-prinsip Dasar Luar Negeri yang bersifat sejagat seperti:

- ✓ penyelesaian konflik melalui perundingan dan menolak pendekatan secara kekerasan dan paksaan;
- ✓ mengamalkan pendekatan jalinan hubungan diplomatik dan kerjasama dengan negara-negara lain; dan
- ✓ mendukung prinsip hidup bersama secara aman dan harmoni serta berpegang pada prinsip menghormati

kemerdekaan, kedaulatan serta keutuhan sesebuah wilayah melalui pendekatan tidak campur tangan dalam hal ehwal dan masalah dalaman negara lain.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Luar Negeri (KLN) telah diberikan mandat dan tanggungjawab untuk memperjuangkan keutuhan, kedaulatan, dan kepentingan negara melalui amalan diplomasi selaras dengan ketetapan undang-undang antarabangsa. Di samping itu, KLN juga bertanggungjawab mengendalikan operasi lebih daripada seratus buah Perwakilan Diplomatik di luar negara yang merangkumi Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, Konsulat Jeneral, dan Konsulat.



(Sumber: Dipetik daripada Perlembagaan Persekutuan)

Kecekapan Kedutaan Malaysia selamatkan pelajar terkandas di Singapura



Tahukah anda?

Kementerian Luar Negeri juga dikenali sebagai Wisma Putra.

Kementerian Luar bekerjasama dengan negara lain tangani COVID-19

- 2.3.3 Membaca untuk membuat inferens daripada pelbagai bahan dengan betul menggunakan teknik bacaan yang sesuai.
- 5.2.1 Memahami dan menggunakan golongan kata dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.





Aman Makmur Malaysia



1. Lengkapkan rangka karangan yang disediakan dengan maklumat dan ungkapan menarik.
2. Berdasarkan rangka karangan yang lengkap, huraikan isi secara kritis dan kreatif dalam perenggan.
3. Tulis karangan yang lengkap dengan memasukkan frasa menarik.



Resipi Perpaduan dan Integrasi Nasional

Sebagai negara yang rakyatnya terdiri daripada berbilang kaum dan etnik, perpaduan serta integrasi nasional memainkan peranan utama untuk mewujudkan negara yang aman, harmoni, dan makmur. Oleh hal yang demikian, semua pihak perlu menjalankan tanggungjawab untuk memastikan perpaduan dan integrasi nasional terus berkekalan. Marilah kita bersatu padu kerana hanya dengan perpaduanlah kita mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju.

Contohnya?
Mengapakah ditubuhkan?
Apakah peranannya?
Kesannya?

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional



Tahukah anda?

Pendekatan Persembahan Idea

Deduktif

Ayat topik → Ayat huraian → Ayat contoh → Ayat penegasan idea

Induktif

Ayat contoh → Ayat huraian → Ayat topik → Ayat penegasan idea

Eklektik/Gabungan

Ayat huraian → Ayat contoh → Ayat topik → Ayat huraian → Ayat penegasan idea

3.4.2 Menulis untuk menghuraikan perenggan isi secara kritis dan kreatif dengan menggunakan bahasa yang gramatis.



Mendengar dan Bertutur

Uniknya Rakyat Malaysia



Aktiviti

1. Kemukakan pendapat anda tentang hal yang diperdebatkan berserta bukti yang relevan.
2. Dengar pendapat rakan-rakan anda yang lain. Kemudian, berikan respons sama ada untuk menyokong atau membangkang pendapat mereka secara bertatasusila.
3. Buat penilaian tentang persembahan rakan anda dari segi idea, persembahan, dan tatasusila.



Bersatu dalam Kepelbagaian

Kemahiran berfikir, kemahiran berkomunikasi yang berkesan dan bertatasusila merupakan elemen yang penting dalam Pendidikan Abad Ke-21. Sehubungan dengan itu, Cikgu Aliya sering merangsang daya fikir murid-muridnya melalui soalan-soalan yang mencabar dan melibatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Dalam satu sesi pembelajaran dan pemudahcaraan, beliau telah mengemukakan satu soalan kepada murid-muridnya. Pelbagai hujah telah dikemukakan oleh mereka.



Semangat muhibah dapat dicapai sekiranya rakyat Malaysia memahami dan menghargai kepelbagaian budaya. Bersetujukah anda dengan pendapat ini? Berikan alasan yang sesuai.

Saya setuju, cikgu. Sebagai rakyat Malaysia, kita mestilah memahami dan menghargai budaya kaum lain. Sikap ini dapat mengeratkan hubungan, sekali gus mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum. Sebagai contoh, kita boleh memakai pakaian kaum lain sebagai tanda kita menghargai kebudayaan mereka.

Saya tidak bersetuju, cikgu. Amalan memakai pakaian tradisional kaum lain memerlukan kos yang tinggi. Mahukah kita membeli pakaian tradisional yang mahal dan memakainya sekali-sekala sahaja? Hujah saya ini bukan bermaksud saya tidak menghormati pakaian tradisional kaum lain. Sebaliknya, saya berpendapat bahawa semangat muhibah lebih mudah dicapai melalui penglibatan dalam acara sukan.



Saya bersetuju dengan idea yang disampaikan. Idea tersebut sangat menarik kerana sukan sebagai agen perpaduan tidak dinafikan dapat menyatukan rakyat Malaysia. Sebagai contoh, zaman gemilang bola sepak negara pada tahun 1980-an pernah melibatkan pemain berbilang kaum. Penglibatan pemain seperti Mokhtar Dahari, R. Arumugam, Soh Chin Aun, James Wong, dan Khalid Ali pasti tidak kita lupakan. Penyertaan mereka dalam pertandingan bola sepak pada peringkat antarabangsa pula mendapat sokongan padu daripada rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.



Wah, nampaknya semua idea yang dikemukakan sungguh bernas! Jika hendak menyokong sesuatu idea, kita perlu menyatakan sokongan diikuti alasannya. Ada sesiapa boleh memberikan pendapat lagi?



Saya ingin mempertahankan pendapat bahawa semangat muhibah lebih mudah dicapai dengan menghargai kepelbagaian budaya. Kita boleh meraikan kepelbagaian budaya dengan mengadakan rumah terbuka semasa menyambut hari perayaan. Rumah terbuka bersempena dengan sambutan perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Hari Krismas, dan Hari Deepavali boleh dijadikan acara tahunan. Melalui amalan ini, masyarakat berbilang kaum berpeluang untuk berkongsi pendapat dan bertanya khabar sambil menikmati juadah yang disediakan oleh tuan rumah.



Info Bestari

Info Bestari

Membina Perpaduan Melalui Pendidikan

Keunikan kepelbagaian etnik, agama, dan budaya sejak dahulu lagi menjadi kekuatan dan cabaran terbesar Malaysia. Dalam keadaan dunia yang semakin kompleks kerana kepelbagaian, maka semakin penting bagi rakyat untuk membentuk identiti Malaysia dan menghargai kepelbagaian warisannya. Sebagai ruang yang dikongsi oleh semua rakyat, sekolah mempunyai potensi yang unik untuk memupuk perpaduan.

(Sumber: Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 – 2025)

1.4.2 Berbahas tentang sesuatu perkara dengan mengemukakan fakta yang logik dan relevan secara bertatasusila.



Membaca



Seni Bahasa

Tak Kenal, maka Tak Cinta



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Baca bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai.
2. Buat ulasan tentang bahan dengan menggunakan analogi yang betul dan tepat.
3. Jelaskan maksud perbandingan semacam, kata-kata hikmat, kiasan, madah pujangga, dan bahasa berirama dalam bahan. Kemudian, gunakannya dalam perenggan.
4. **Praktikkan perbualan mudah dalam bahasa asing yang belum pernah anda pelajari. Kemudian, ajarkan perbualan mudah tersebut kepada rakan anda.**



Senyuman Perpaduan

Hari ini aku berasa seperti ada sesuatu yang tidak kena. Apa tidaknya, setelah sebulan sepuluh hari kami makan bersama, hari ini bayangnya pun tiada. Terasa kehilangan pula.

Aku tersenyum sumbing mengenangkan peristiwa pertemuan kami kali pertama.

"Panggil saya kakak. Kak Zana, ya, kerana saya yang paling tua di sini," begitu aku memperkenalkan diri sambil menghulurkan tangan untuk bersalam.

Dia mengambil tempat duduk di sebelahku. Maka bermulalah sesi soal jawab. Namun begitu, sepuluh patah aku bertanya, sepatah dua sahaja jawapannya. Fahamlah aku bahawa guru baharu kami ini masih belum begitu fasih berbahasa Melayu.

Jeong Soon Kim, atau lebih senang disapa sebagai Jane, ialah guru Bahasa Korea dari Korea Selatan. Orangnyanya cantik, kecil molek, dan sentiasa tersenyum. Yang paling menarik tentang Jane ialah kulitnya yang putih seperti kapas dan halus bak telur dikupas.

Keesokan harinya, maklumat yang disampaikan oleh salah seorang rakan guru membuatkan aku terlopong seketika.

"58 tahun?" tanyaku, membiarkan rakan-rakanku mentertawakan aku yang menganggap Jane lebih muda. Sememangnya, Jane kelihatan lebih muda dan lebih cergas.

Sejak itu, aku cuba berkenal rapat dengannya. Begitu juga dengan rakan-rakan guru yang lain. Jane begitu cepat menyesuaikan diri. Semua jenis masakan dimakan dengan berseleryanya. Katanya, makanan bukan sekadar makanan tetapi melalui makanan kita akan dapat mengenali sesebuah negara dan budayanya.

Jane begitu baik dengan semua guru dan kakitangan wanita terutamanya, dan kami menerima pelbagai cenderamata yang dibawanya dari Korea Selatan.



Ada ubi ada batas,
Ada budi ada balas.

Orang memberi kita merasa,
Tidak diberi usah meminta.

Sebagai balasan dan sebagai tanda persahabatan, Jane turut menerima banyak hadiah, antaranya termasuklah dua pasang baju kurung yang sering dipakai dengan bangganya. Sejak itu, Jane sering bertanya tentang baju yang aku pakai dan berhasrat untuk membeli baju kurung moden mengikut cita rasanya.

"Oh, ini baju lama! Sudah macam baju antik," keluhku.

Beberapa hari kemudian, Jane kelihatan anggun memakai kurung biru yang dibelinya mungkin atas nasihat guru-guru muda.

Suatu ketika, kami berbual tentang perkara yang lebih serius, tentang bahasa dan budaya. Katanya, bahasa itu sebahagian daripada budaya sesuatu bangsa atau negara. Untuk lebih mengenali budaya sesuatu bangsa, belajarliah bahasanya.

Suatu ketika yang lain, kami bercerita tentang hal-hal yang bersifat peribadi, antaranya termasuklah pengalaman menggunakan tandas. Aku menceritakan pengalamanku menggunakan tandas awam di Seoul tanpa membawa botol air. Dia lantas menceritakan pengalamannya menggunakan tandas di Malaysia. Katanya, hingga saat ini, dia tidak pasti sama ada dia menggunakan pancuran air yang disediakan dengan cara yang betul atau tidak. Tatkala mendengarkan itu, tawa kami berderai.

"Annyong haseyo!"

Sepantas kilat aku menoleh lalu tersengih dan mengucapkan selamat pagi kepadanya. Dia mengambil minuman kegemarannya, iaitu air teh lalu duduk di sebelahku. Setelah bertanya khabar secara ringkas, aku meminta diri untuk ke kelas.

"Annyonghe gaseyo, Jane. Kita jumpa lagi pada petang ini, ya," kataku mengingatkannya tentang tugas kami sebagai penjaga masa bagi acara sukan pada hari ini.

"Kamsahamnida, Zana. Annyonghe gaseyo," jawab Jane dengan lembutnya sambil kepalanya ditundukkan sedikit. Kami bertukar senyuman, senyuman perpaduan antara negara.



Biodata Guru Bahasa Korea

Nama: Jeong Soon Kim
 Asal: Seoul, Korea Selatan
 Usia: 58 tahun
 Hobi: Menonton filem dan melancong
 Status: Berkahwin
 Nama Suami: Bong Hoon Ko
 Nama Anak: Yu Hwan Ko

Harapan sebagai guru Bahasa Korea di Malaysia:
 Membaca jambatan ilmu. Oleh itu, saya berharap agar murid dapat membaca buku-buku bahasa Korea, menimba ilmu daripadanya, dan berkomunikasi dengan orang Korea. Jika mereka berpeluang untuk belajar atau bekerja di Korea, mereka akan lebih mudah menyesuaikan diri sebagai pemain global yang berdaya saing.

- 2.3.4 Membaca untuk membuat ulasan daripada pelbagai bahan dengan menggunakan analogi yang betul dan tepat menggunakan teknik bacaan yang sesuai.
- 4.2.1 Memahami dan menggunakan perbandingan semacam, kata-kata hikmat, kiasan, madah pujangga dan bahasa berirama dengan betul mengikut konteks.

TEMA 4

Bersatu Kita Teguh

TEMA 4

Bersatu Kita Teguh



Bacaan Luas

Seia Sekata di Pentas Antarabangsa



Aktiviti

1. Berbincanglah tentang penglibatan Malaysia di pentas antarabangsa.
2. Terokai maklumat lanjut tentang kesatuan antarabangsa yang lain dan persembahkannya.



Demi Kedamaian dan Kemakmuran Sejagat



Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)

Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara atau *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) bermula daripada lima buah negara, iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, dan Thailand. Semenjak penubuhannya pada 8 Ogos 1967, ASEAN terus berkembang dengan keanggotaan baharu merangkumi negara-negara lain di rantau Asia Tenggara. Pada tahun 1999, keanggotaan ASEAN lengkap menjadi 10 buah negara apabila menerima Kemboja sebagai negara terakhir menyertai ASEAN selepas Brunei Darussalam, Vietnam, Lao PDR dan Myanmar.

Penglibatan Malaysia dalam ASEAN

1

Merencanakan hala tuju dan pembangunan ASEAN secara menyeluruh. Tonggak utama ASEAN berteraskan tiga komuniti, iaitu Komuniti Politik-Keselamatan, Komuniti Ekonomi, dan Komuniti Sosiobudaya.



2

Memastikan objektif yang termaktub dalam Deklarasi ASEAN tercapai. Malaysia mengambil pendekatan proaktif dengan melibatkan diri dalam pelbagai inisiatif dan keputusan yang berpaksikan kestabilan serantau dan keamanan sejagat.



3

Mengetuai inisiatif untuk mengisytiharkan Visi Komuniti ASEAN 2025 yang bertujuan bagi mewujudkan satu identiti ASEAN yang menggembelng faktor kestabilan politik, integrasi ekonomi, dan tanggungjawab sosial yang berorientasikan rakyat sewaktu Malaysia menjadi pengerusi ASEAN pada tahun 2015.



Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)



Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau *United Nations* (UN) ditubuhkan pada 24 Oktober 1945 selepas Perang Dunia Kedua. Pertubuhan ini dianggotai oleh negara-negara di seluruh dunia. PBB ditubuhkan untuk mengelakkan pertikaian yang hebat, menegaskan hak-hak asasi manusia yang utama, menjamin rasa hormat kepada undang-undang antarabangsa, dan memperbaiki taraf hidup di seluruh dunia.

Penglibatan Malaysia dalam PBB

- Memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi dalam usaha PBB, bukan sahaja dalam isu keselamatan, malah juga dalam memperjuangkan kesaksamaan hak asasi manusia serta keadilan pembangunan ekonomi sejagat.

1

2

- Berpendirian tegas, berkecuali (tidak memihak kepada mana-mana pihak tertentu) dan berprinsip dalam menyuarakan pandangan di PBB.

3

- Merupakan antara negara anggota penyumbang yang terbesar bagi penghantaran pasukan Misi Pengaman PBB. Malaysia turut memberikan sumbangan kewangan kepada misi kemanusiaan terutamanya bagi *United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East* (UNRWA).

4

- Aktif menyertai mesyuarat, menyampaikan kenyataan negara, dan terlibat dalam rundingan pada semua peringkat Jawatankuasa Utama Perhimpunan Agung PBB melalui Wakil Tetap Malaysia dan pegawai-pegawai di Perwakilan Tetap Malaysia ke PBB di New York, Amerika Syarikat.

5


- Menghadiri mesyuarat serta acara yang diadakan dalam Perhimpunan Agung PBB untuk membolehkan Malaysia mempertahankan dan mengetengahkan kepentingan serta pendirian negara dalam isu-isu semasa di samping memupuk kerjasama dengan negara anggota PBB bagi menangani masalah-masalah keselamatan antarabangsa.

(Sumber: Kementerian Luar Negeri)

TEMA 5

PENDIDIKAN UNTUK SEMUA

1. Apakah pandangan anda tentang pendidikan untuk golongan kurang berupaya?
2. Mengapakah kerajaan memastikan setiap orang mendapat peluang untuk bersekolah?
3. Adakah anda gemar menyertai kem motivasi? Berikan alasan.
4. Pada pendapat anda, pentingkah untuk mendapatkan banyak gred A dalam peperiksaan? Mengapa?



Jika digali telaga ilmu,
Akan terang jalan hidupmu.

Jika mahir segala segi,
Hidup senang ke mana pergi.

Jika terdidik rakyat jelata,
Negara makmur rezeki melata.



Mendidik Insan Istimewa



Aktiviti

1. Senaraikan soalan terbuka yang boleh dikemukakan bagi menerokai dan mengetahui maklumat tentang pendidikan khas untuk murid berkeperluan khas.
2. Berdasarkan soalan terbuka tersebut, jalankan sesi soal jawab secara bertatasusila.
3. Anjurkan pameran untuk menyedarkan masyarakat agar prihatin terhadap golongan yang menghidap autisme.

Murid Berkeperluan Khas

Murid Berkeperluan Khas (MBK) ialah murid yang disahkan oleh pakar perubatan sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan tertentu. Antara ketidakupayaan tersebut termasuklah dari segi penglihatan, pendengaran, pertuturan, fizikal, dan masalah pembelajaran. Contoh masalah pembelajaran ialah autisme, sindrom kurang daya tumpuan, dan disleksia. Oleh sebab itu, MBK perlu mengikuti pendidikan khas agar tidak ketinggalan sewaktu pengajaran dan pembelajaran.

Pendidikan khas bermaksud pendidikan bagi MBK di ...

1

Sekolah Pendidikan Khas

Sekolah yang dibina khusus bagi MBK, iaitu:

- Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas.
- Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas.
- Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional.

2

Program Pendidikan Khas Integrasi

Kelas khas bagi MBK di sekolah harian biasa pada peringkat:

- Rendah.
- Menengah.

3

Program Pendidikan Inklusif

MBK ditempatkan di kelas biasa di sekolah harian biasa pada peringkat:

- Rendah.
- Menengah.

Apakah autisme?

Autisme ialah gangguan saraf yang memberikan kesan dalam perkembangan komunikasi sosial, interaksi sosial, dan tingkah laku yang berulang-ulang dan terhad.

(Sumber: <https://iautism.my>)

Tiga Cara MBK Bersekolah

(Sumber: Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Anak Syurga

Individu autisme adalah antara yang tergolong sebagai MBK. Mereka boleh mengikuti pendidikan melalui sekolah pendidikan khas, program pendidikan khas integrasi, atau program pendidikan inklusif.

Semasa berumur dua hingga enam tahun, individu autisme perlu mengikuti program intervensi awal untuk dilatih berkomunikasi, berinteraksi, dan mengurus diri. Kemahiran ini penting untuk mereka mengikuti alam persekolahan.

Individu autisme mempunyai kekurangan tertentu tetapi mereka mungkin mempunyai bakat dalam bidang lain. Antaranya termasuklah melukis, mengingat fakta, dan mencipta irama. Terdapat juga murid autisme yang setelah diberi sokongan dapat belajar ke peringkat pengajian tinggi.

Antara Ciri Autisme

- Tiada hubungan mata.
- Perbualan satu pihak.
- Tidak menunjukkan minat.
- Hanya menyertai kumpulan jika dibantu atau terdesak.
- Tidak olok-olok semasa bermain.
- Tidak bermain dengan orang lain.
- Ketawa berdekit-dekit tidak sesuai dengan keadaan.
- Suka memutar objek.
- Mengulangi sesuatu perbuatan.
- Mengulangi percakapan tentang perkara yang sama.
- Benci akan perubahan.

Insan Autisme yang Berjaya



Farah Raihanah binti Atan

- Mendapat keputusan cemerlang dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun 2014.
- Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera Bahasa Inggeris daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2019.



Mohd Syafiq bin Rosdin

- Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Teknologi Elektrik dan Elektronik daripada *Management and Science University* (MSU) pada tahun 2014.
- Berminat dalam aktiviti mendaki gunung.



Muhammad Mikhail bin Mohd Suhaimi

- Memperoleh Sijil Tahap 2 dan 3, Kursus Pembuatan Roti daripada Kolej Instech pada tahun 2018.
- Minat memasak dan sekarang bekerja di sebuah kafe.

(Sumber: Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM))

1.5.1 Bersoal jawab menggunakan soalan terbuka untuk meneroka dan mengetahui sesuatu perkara secara bertatasusila.



Membaca



Tatabahasa

Tiada Tercicir, Tiada Terpinggir



Aktiviti

1. Baca dan fahami bahan di bawah dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian, berikan ulasan anda dengan menggunakan analogi yang sesuai.
2. Kenal pasti frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama yang terdapat dalam bahan. Kemudian, tulis perenggan dengan frasa tersebut dalam pelbagai laras bahasa.
3. Kumpulkan berita tentang bantuan terhadap golongan terpicir dalam pendidikan. Kemudian, berikan ulasan anda.

TEMA 5

Pendidikan untuk Semua

SEKOLAH BIMBINGAN JALINAN KASIH

Sutera Kasih Guru

Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih yang mula beroperasi pada tahun 2013 terletak di Chow Kit, Kuala Lumpur. Sekolah ini amat istimewa kerana mengambil murid dalam kalangan golongan yang kurang bernasib baik. Antaranya termasuklah gelandangan, golongan terpinggir, kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri, dan anak yatim. Mereka mengikuti modul pembelajaran khas bagi membolehkan mereka belajar mengikut tahap kebolehan masing-masing.



Remyhano bin Yusop,
Guru Muzik.

Murid-murid yang saya ajar bersemangat walaupun tidak mempunyai sebarang pengalaman bermain alat muzik. Mungkin bagi orang lain, belajar muzik sesuatu yang biasa tetapi bagi murid di sini, belajar muzik ialah peluang yang amat bernilai. Muzik ialah terapi jiwa bagi kebanyakan mereka. Dengan bermain muzik, mereka dapat melupakan kesusahan hidup yang dialami buat seketika.

Sekolah ini mempunyai kumpulan muzik yang dikenali sebagai SBJK Buskers. Kumpulan ini menerima undangan persembahan di majlis keraian seperti majlis perkahwinan dan majlis berbuka puasa. Undangan ini menjadi pendapatan sampingan untuk kumpulan ini. Hasil pendapatan yang diterima diagihkan kepada setiap ahli kumpulan. Sebahagian lagi pula diperuntukkan untuk membeli peralatan di dalam studio muzik.



Nurul Fazhida binti Othman,
Guru Kemahiran.
(Masakan dan Jahitan)

Beberapa orang murid Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih agak pandai menyediakan juadah tauhu bergedel. Oleh itu, saya telah memberikan sejumlah wang kepada tiga orang murid untuk membeli barang-barang yang diperlukan di Pasar Chow Kit. Melalui kaedah itu, mereka akan dapat mempelajari cara untuk berkomunikasi dan membuat pengiraan. Sementara itu, rakan-rakannya yang lain akan menyediakan peralatan di dalam bilik masakan.

Setelah ketiga-tiga murid itu pulang dari pasar, mereka akan memasak tauhu bergedel bersama-sama. Setelah juadah itu dimasak, mereka akan menjualnya kepada pelanggan di persekitaran sekolah pula. Dengan itu, secara tidak langsung mereka belajar tentang ilmu perniagaan dan Matematik. Pendidikan di sini menjadi sebuah cermin untuk mereka melihat kehidupan setelah tamat belajar nanti.

Resipi Tauhu Bergedel

Bahan-bahannya:

- Tauhu kering
- 4-5 biji kentang *Holland*
- Setengah cawan isi ayam
- Setengah cawan lobak merah
- 2-3 ulas bawang putih
- Seulas bawang merah
- 2-3 biji telur
- Lada sulah (secukup rasa)
- Garam (secukup rasa)

Cara menyediakannya:

1. Rebus kentang yang telah dikupas, tetapi jangan biarkannya sehingga terlalu lembut.
2. Tumis bawang putih dan bawang merah. Masukkan isi ayam yang telah direbus dan dicarik-carik. Masukkan lobak merah yang telah dihiris. Kacau sehingga masak.
3. Tuskan kentang rebus. Kemudian, lenyek dan gaul kentang dengan lada sulah dan garam.
4. Gaul kentang yang telah dilenyek dengan isi ayam dan hirisan lobak merah yang telah dimasak.
5. Belah tauhu dan sumbatkannya dengan campuran kentang, ayam, dan lobak merah.
6. Pecahkan telur dan pukul dengan sedikit garam dan lada sulah.
7. Celup dan salutkan tauhu bergedel yang telah dibubuh inti dengan telur yang telah dipukul. Goreng sehingga garing.
(Tauhu bergedel ini sangat enak dimakan dengan sos kicap)

2.3.4 Membaca untuk membuat ulasan daripada pelbagai bahan dengan menggunakan analogi yang betul dan tepat menggunakan teknik bacaan yang sesuai.

5.3.1 Memahami dan menggunakan frasa dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.

TEMA 5

Pendidikan untuk Semua

Membina Sahsiah Unggul



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, nyatakan isi-isi penting untuk menulis karangan. Kemudian, berbincanglah untuk mengembangkan isi-isi penting dengan menggunakan teknik bacaan 5WIH.
2. Tulis karangan lengkap dengan menggunakan bahasa berbudaya. Gunakan perbandingan semacam, kata-kata hikmat, kiasan, madah pujangga, dan bahasa berirama yang sesuai.
3. Andaikan anda hendak membuka kem motivasi, apakah pembaharuan yang akan anda lakukan? Bincangkan dengan rakan anda.

Usaha Tumpu Jaya

TEMA 5

Pendidikan untuk Semua



Berkawad

Disiplin



Merentas hutan



Menjelajah gua

Keyakinan



Berjalan malam



Turun cenuram



Luncur keluang

Cerdik seperti kancil

Usaha tangga kejayaan

Rajin seperti semut

Hemat pangkal kaya, rajin pangkal pandai

Bara yang digenggam biar sampai menjadi arang



Ikhtiar hidup



Kembara berpandu arah

TEMA 5

Pendidikan untuk Semua

Tiada Alasan untuk Kejayaan

Ombak cabaran kuharungi
lembah dugaan kutempuhi
hutan kesulitan kurentasi
gunung harapan kudaki.

Demi sebuah piala kejayaan
halangan bukanlah alasan
kendala bukanlah rintangan
diatasi dengan pedoman.

Nur Syakila binti Mohd Isa,
Kamunting, Perak.

Murid cemerlang mempunyai pengurusan masa yang cemerlang. Mereka menganggap masa itu umpama emas.

(Sumber: Sifoo Sidee, 2015. *Belajar Biar Betul*. Shah Alam: Alaf 21)

Orang biasa yang melakukan tindakan luar biasa menghasilkan prestasi luar biasa.

(Sumber: Mohd Fadzilah bin Kamsah, 2006. *Tip Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Millinea)

Matlamat merupakan suatu daya usaha yang memulakan langkah kita menuju ke arah jalan kejayaan.

(Sumber: Hushim Haji Salleh, 2009. *10 Elemen untuk Mencapai Kejayaan*. Klang: Bukit Tinggi Business Management)



Info Bestari

Info Bestari

Bahasa berbudaya bermaksud bahasa yang menggunakan ungkapan menarik, slogan, peribahasa, metafora, personifikasi, simile, dan sebagainya. Selain itu, bahasa berbudaya juga menggunakan kata sapaan, kata panggilan, dan rujukan kehormat yang betul.

3.4.3 Menulis untuk menghasilkan pelbagai jenis karangan yang lengkap dengan menggunakan bahasa berbudaya.

4.2.1 Memahami dan menggunakan perbandingan semacam, kata-kata hikmat, kiasan, madah pujangga dan bahasa berirama dengan betul mengikut konteks.



Mendengar dan Bertutur

Demi Masa Hadapan



1. Berdasarkan bahan, bincangkan hala tuju anda selepas tamatnya persekolahan tingkatan 5.
2. Bersoal jawablah dalam pelbagai situasi dengan mengemukakan idea baharu bagi meningkatkan kebolehpasaran diri secara bertatasusila.
3. Berdasarkan cita-cita dan pilihan yang telah anda buat, bayangkan dan ceritakan perihal kehidupan anda setelah bekerja kelak.

Hala Tuju Selepas Tingkatan 5

TEMA 5

Pendidikan untuk Semua



ASASI

Tempat Pengajian: Universiti awam
Tempoh Pengajian: Dua hingga tiga semester
Hala Tuju Selepas: Melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah
Tamat Pengajian

TINGKATAN ENAM

Tempat Pengajian: • Sekolah harian
 • Kolej tingkatan enam
Tempoh Pengajian: Tiga semester
Hala Tuju Selepas: • Melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah
Tamat Pengajian • Digunakan untuk bekerja

PROGRAM PERSEDIaan IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN

Tempat Pengajian: Institut Pendidikan Guru
Tempoh Pengajian: Dua semester
Hala Tuju Selepas: Ditawarkan mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
Tamat Pengajian

MATRIKULASI

Tempat Pengajian: Kolej matrikulasi
Tempoh Pengajian: Dua hingga tiga semester
Hala Tuju Selepas: Melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah
Tamat Pengajian

DIPLOMA

Tempat Pengajian: Universiti awam, politeknik, kolej perubatan, dan sebagainya
Tempoh Pengajian: Enam semester
Hala Tuju Selepas: • Melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah
Tamat Pengajian • Digunakan untuk bekerja

SIJIL KEMAHIRAN

Tempat Pengajian: Kolej Komuniti, Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Mara, dan sebagainya
Tempoh Pengajian: Dua hingga tiga semester
Hala Tuju Selepas: • Melanjutkan pengajian ke peringkat diploma
Tamat Pengajian • Digunakan untuk bekerja

TEMA 5

Pendidikan untuk Semua



1.5.2 Bersoal jawab dalam pelbagai situasi untuk mengemukakan idea baharu bagi meningkatkan kebolehpasaran diri secara bertatasusila.

Pendidikan Asas Kemajuan



1. Baca bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian, rumuskan pandangan penulis tentang isu yang dikemukakan.
2. Buat buku scrap tentang tokoh-tokoh yang berjaya melalui pencapaian akademik dan tanpa pencapaian akademik.

Gred A Bukan Ukuran

Isu kecemerlangan akademik dalam kalangan pelajar sudah menjadi topik perbincangan yang hangat dalam kalangan ahli akademik dan industri. Kebanyakan ahli akademik melihat kecemerlangan tersebut dalam konteks akademik semata-mata. Indikator utama yang digunakan adalah dengan melihat jumlah gred A yang dicapai oleh pelajar. Jumlah gred A yang banyak memberikan gambaran bahawa pelajar yang terlibat ialah pelajar yang cemerlang.

Pihak industri mempunyai pandangan yang berbeza dalam memberikan definisi kecemerlangan kepada pelajar. Bagi pihak industri, kecemerlangan itu bukan sahaja tertumpu pada jumlah gred A yang diperolehi semata-mata tetapi yang lebih penting ialah kemampuan pelajar yang terlibat mempamerkan kemahiran insaniah mereka. Antara kemahiran tersebut termasuklah kemahiran berkomunikasi, kepemimpinan, menyelesaikan masalah, dan bekerja dalam kumpulan. Kemahiran insaniah jauh lebih bermakna kepada pihak industri berbanding dengan jumlah gred A yang dimiliki oleh pelajar.

Perbezaan persepsi antara ahli akademik dengan industri tentang kecemerlangan itulah yang menyebabkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan semakin meningkat. Hal ini terjadi demikian kerana mereka yang memperoleh jumlah gred A yang banyak gagal untuk memenuhi kehendak majikan. Mereka kurang memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan oleh industri. Oleh hal yang demikian, adalah amat penting kepada semua golongan, terutamanya pelajar, ibu bapa dan masyarakat, untuk menilai semula definisi kecemerlangan yang digunakan agar selari dengan keperluan semasa seperti yang diperlukan oleh majikan pada masa ini.

Semua pihak tidak perlu memberikan fokus kepada jumlah gred A semata-mata. Pencapaian cemerlang dalam bidang akademik dengan pencapaian kemahiran insaniah perlulah diseimbangkan. Hanya dengan memiliki keseimbangan di antara dua komponen ini, pelajar kita akan mampu bersaing dalam pasaran kerja dengan jayanya. Untuk membantu setiap pelajar memiliki segala kemahiran insaniah yang diperlukan, mereka perlulah melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh sekolah dan institusi pendidikan. Selain itu, penglibatan dalam pelbagai program antarabangsa juga membantu dalam meningkatkan kemahiran insaniah mereka, terutamanya kemahiran berkomunikasi dalam bahasa asing seperti bahasa Inggeris.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Mohammad Shatar bin Sabran. "Jangan Kejar Gred A Semata-mata" dlm. *Sinar Harian*, 9 Februari 2020)

Kolar Biru Bukan Kelas Rendah

Remaja sering didedahkan tentang kecemerlangan akademik yang bersumberkan peperiksaan awam di Malaysia. Kebanyakan ibu bapa akan memastikan anak mereka mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik arus perdana. Hal ini berlaku demikian kerana ibu bapa bimbang akan peluang anak mereka untuk mendapatkan pekerjaan kolar putih selepas menamatkan pengajian.

Hasrat kerajaan untuk menjadi negara industri akan terbantut jika masyarakat masih menganggap bidang kemahiran sebagai pendidikan bagi golongan kelas kedua. Sebenarnya, tiada perbezaan antara sistem pendidikan teknikal dan vokasional dengan akademik arus perdana. Pemikiran dangkal ini harus ditolak ke tepi kerana bidang kemahiran juga akan membantu kehidupan dan masa hadapan seseorang anak muda.

Oleh itu, kerajaan telah memberikan penekanan terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal atau *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) bagi melahirkan pelajar yang berkemahiran. Kerajaan berhasrat untuk menerapkan pendidikan kemahiran secara holistik kepada pelajar untuk lepasan sekolah menengah rendah ke pasaran pekerjaan. Oleh itu, penjenamaan semula sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional telah dilakukan dalam Rancangan Malaysia ke-10.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM-PT), kerajaan terus memberikan tumpuan khusus terhadap pembangunan pendidikan TVET. Tumpuan terhadap TVET ini selari dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang mencipta teknologi, bukan hanya negara yang menggunakan teknologi. Usaha ini membolehkan pelajar yang berpotensi dilatih menjadi tenaga kerja profesional dan separa profesional dalam pelbagai bidang teknologi dan kejuruteraan. Selain itu, penekanan terhadap pendidikan keusahawanan agar pelajar mampu membina kerjaya sendiri tanpa mengharap kerja makan gaji turut diberikan.

Perubahan ini telah membuka peluang yang besar kepada pelajar teknikal untuk mengambil manfaat daripadanya. Walaupun bidang ini agak kurang popular tetapi peluang pekerjaan untuk lulusan yang berkemahiran ini sangat besar. Hal ini dikatakan demikian kerana sumber manusia yang terlatih dan berkemahiran ialah nadi penggerak utama yang terhasil daripada sistem pendidikan yang mantap dan baik. Masyarakat, khususnya golongan remaja, haruslah mengubah sikap dan pandangan mereka terhadap pendidikan vokasional. Dengan wujudnya peluang pekerjaan yang semakin luas, pekerjaan kolar biru harus dipandang tinggi.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Haziah binti Che Husin. "Tidak Ada Bezanya Bidang Akademik dan Vokasional" dlm. *Dewan Siswa*, Jun 2015)

2.3.5 Membaca untuk merumus pandangan daripada penulis yang berbeza tentang sesuatu isu berdasarkan bukti secara rasional menggunakan teknik bacaan yang sesuai.



Penilaian

Soalan 1

Infografik di bawah memaparkan maklumat tentang penurunan berat badan. Berdasarkan infografik tersebut, sediakan teks penerangan yang akan disampaikan dalam satu perjumpaan belia. Panjang penerangan anda hendaklah antara 150 patah perkataan hingga 200 patah perkataan.

Rahsia Mencapai Azam Kurus 20□□

Kurangkan pengambilan kalori dengan mengamalkan pemakanan yang sederhana, seimbang, dan pelbagai.

Tingkatkan penggunaan tenaga dengan melakukan lebih aktiviti fizikal seperti berjalan pantas, berlari, dan bersukan.

RANCANG PROGRAM PENGURUSAN BERAT BADAN ANDA

MULA

Cari Sokongan

- Bentuk kumpulan rakan sekerja yang mempunyai maklumat yang sama.
- Dapatkan sokongan ahli keluarga.

Tetapkan Sasaran

- Tetapkan sasaran penurunan berat badan.
- Bagi lebih mudah, tetapkan sasaran jangka pendek seperti sasaran penurunan berat badan setiap bulan.

Sediakan Ganjaran

- Jangan lupa, berikan ganjaran kepada diri sendiri setelah mencapai sasaran yang ditetapkan.

TAMAT

(Sumber: Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia)

Soalan 2

- (i) Baca petikan di bawah dengan telitinya. Gandakan perkataan yang bergaris dan bina satu ayat anda sendiri untuk menunjukkan bahawa anda faham maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

Hati Amelia berbolak sama ada mahu berterus terang atau berdiam diri sahaja. Dia tidak mahu sahabatnya, May Tiem, berkecil hati. Walau bagaimanapun, sikap May Tiem yang kerap begana dengan pelbagai alasan tidak disenanginya. May Tiem juga selalu berleengah dalam menyiapkan tugas yang diberikan oleh Cikgu Badrul. Oleh itu, Amelia menggagahkan dirinya untuk bercakap dengan May Tiem. Setelah mendengar luahan hati Amelia, May Tiem meminta maaf dan berjanji akan menyiapkan bahagiannya cepat.

- (ii) Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan nyatakan dua frasa adjektif dan dua frasa sendi nama yang terdapat dalam petikan. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap frasa tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya.

Guru mesti amanah ketika menjalankan tugas kerana tanggungjawab mereka amat berat sekali. Tugas yang diberikan perlu digalas dengan sebaik-baiknya. Walau bagaimanapun, tiada guru yang mahu anak didiknya terbiar seperti barang terbuang. Mereka ringan tulang untuk mendidik anak bangsa. Dalam hal ini, guru perlu bersedia menghadapi pelbagai cabaran dalam bidang pendidikan, khususnya Industri 4.0. Oleh itu, guru harus lebih kreatif dan inovatif dalam pengajaran dan pemudahcaraan.

- (iii) Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan, dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1

Murid cemerlang pandai membahagikan masa walaupun banyak kegiatan-kegiatan yang perlu mereka lakukan. Selain itu, mereka tidak suka menanguhkan dalam melakukan sesuatu perkara. Mereka sedaya upaya akan menggunakan masa dengan sebaiknya kerana menganggap masa itu umpama emas.

Bahan 2

Sebelum menghadiri sesi temu duga, pastikan anda meneliti kriteria pakaian yang ditetapkan berdasarkan kepada jawatan yang dipohon. Bagaimanapun, secara asasnya golongan jejaka menasihati supaya memakai kemeja berwarna putih ataupun pastel yang sesuai dengan kot pilihan. Pastikan hujung lengan kemeja dibutang dengan baik dan tidak dilipat agar anda kelihatan profesional. Jangan sekali mengenakan kot fabrik denim, bercorak, atau berwarna terang.

- (iv) Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan telitinya. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu baku tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dua orang itu menjadi orang besar, maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja, kerana kedua-duanya sama orang berasal. Maka Seri Nara Diraja tidak muafakat dengan Paduka Raja, senantiasa beringgit juga; beberapa kali lain Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja.

(Sumber: Dipetik daripada prosa tradisional "Burung Terbang Dipipiskan Lada" dlm. *Antologi Sejadah Rindu*, 2017. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (v) Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Nyatakan dua peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan. Kemudian, bina satu ayat daripada setiap peribahasa tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya.

Pak Uda: Lebih baik kamu kurangkan makanan yang bergula dan berlemak, Azlan.

Azlan: Baik, Pak Uda. Saya akan menjaga pemakanan saya.

Pak Uda: Kalau sudah terkena penyakit seperti diabetes, darah tinggi, dan serangan jantung macam Pak Uda, waktu itu kenalah makan ubat sahaja. Jadi, lebih baik kamu beringat-ingat dari sekarang agar tidak menyesal pada kemudian hari.

Azlan: Baik, Pak Uda. Saya akan beringat-ingat mulai sekarang. Pak Uda pun begitu juga, kalau pergi ke mana-mana, jangan lupa bawa ubat. Pak Uda perlu bersedia. Bukan senang hendak mencari ubat di tempat orang.

Soalan 3

Baca bahan-bahan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

ALOR SETAR, 16 Februari - Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Pekan Changlun, Yeap Sow Min, berkata beliau percaya bahawa perpaduan boleh disuburkan melalui kasih sayang dalam sesebuah komuniti. Menurutnya lagi, aktiviti kemasyarakatan boleh mengeratkan hubungan antara kaum untuk melahirkan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

"Di KRT Pekan Changlun, kami tidak mengetepikan kaum tertentu dalam sebarang program, sebaliknya setiap program diadakan secara bersama-sama. Sebagai contoh, apabila mengadakan sukaneka tadika, semua murid baik dari tadika Melayu, Cina ataupun India akan turut serta. Begitu juga dengan sambutan perayaan setiap kaum, kami bersama-sama meraikannya untuk merasai kemeriahan perayaan kaum lain," katanya kepada Sinar Harian di sini semalam.

Menurutnya, apabila anggota masyarakat sudah terbiasa berjumpa dan bergaul, hubungan yang terjalin semakin erat dan menjadikan mereka seperti sebuah *keluarga besar* yang saling memerlukan.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Roshila Murni binti Rosli. "Mulakan dari Kawasan Kejiranan" dlm. *Sinar Harian*, 16 Februari 2020)

Bahan 2

Generasi muda mesti diberi pemahaman tentang kepentingan perpaduan dan perdamaian kerana mereka ialah tonggak utama kejayaan dan pembangunan negara. Oleh sebab murid ialah pemimpin masa hadapan negara, adalah penting bagi mereka menjalinkan hubungan yang lebih rapat walaupun terdapat perbezaan dalam sesuatu bangsa, budaya, dan agama.

Memupuk perpaduan harus bermula di sekolah melalui usaha memupuk nilai keharmonian, perpaduan, dan kedamaian antara kaum. Guru perlu menggunakan kreativiti dan kemahiran supaya murid daripada semua kaum mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran bagi meningkatkan integrasi kaum. Murid pelbagai kaum perlu mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti di sekolah dan di luar sekolah bagi membolehkan mereka berinteraksi antara satu sama lain, di samping membina persahabatan yang berkekalan. Pengetua sekolah dan guru perlu menggalakkan murid agar saling memahami dan saling menghormati.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Lee Lam Thye. "Memupuk Semangat Perpaduan dan Patriotisme" dlm. *Berita Harian*, 4 September 2018)

- Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud rangkai kata *keluarga besar*.
- Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan langkah-langkah untuk memupuk perpaduan di Malaysia.
- Berdasarkan perenggan pertama petikan dalam Bahan 2, generasi muda mesti diberi pemahaman tentang kepentingan perpaduan. Pada pendapat anda, apakah kepentingan memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia?
- Anda tinggal di taman perumahan yang penduduknya berbilang kaum. Belakangan ini, perhubungan dalam kalangan penduduk semakin renggang kerana masing-masing sibuk dengan kerjaya dan urusan sendiri. Persatuan penduduk telah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan hal ini.

Sebagai ahli jawatankuasa persatuan penduduk, cadangkan kegiatan-kegiatan yang boleh dianjurkan oleh persatuan untuk mengeratkan perpaduan dengan memberikan alasan yang sesuai.

Soalan 4

Baca petikan dan bahan grafik di bawah dengan telitinya. Kemudian, buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan grafik.

Astro Awani telah membuat undian tentang penglibatan wanita dalam bidang sukan melalui laman sosial rasmi mereka. Dalam undian itu, keputusan menerusi *Twitter* menunjukkan 83 peratus bersetuju bahawa atlet wanita mampu menjadi penyumbang pingat emas pertama negara dalam Sukan Olimpik. Laman *Facebook* turut menunjukkan keputusan undian yang positif, iaitu dengan jumlah undian sebanyak 69 peratus.


Walau bagaimanapun, rata-rata netizen mempunyai pandangan dan pendirian sendiri berhubung persoalan sama ada wajar atau tidak wanita diberi peluang yang sama rata

untuk menjadi atlet profesional. Sebanyak 86 peratus netizen di *Twitter* bersetuju bahawa wanita patut diberi peluang sama rata, manakala keputusan di *Facebook* menunjukkan 76 peratus netizen menyokong perkara itu. Netizen bersetuju agar peluang itu diberikan kepada golongan wanita dalam usaha melahirkan lebih ramai atlet seperti Datuk Nicol David, Farah Ann, dan Pandelega Rinong. Menurut mereka, peluang sedemikian akan memberikan harapan kepada lebih ramai atlet wanita untuk mengukir nama dan berjaya dalam sukan.

Selain itu, netizen turut berpendapat bahawa wanita perlu mempunyai bakat, minat, dan kebolehan untuk bersukan jika mahu terlibat dalam bidang ini. Sokongan daripada pelbagai pihak seperti keluarga dan persatuan sukan juga memainkan peranan penting agar atlet wanita lebih kompetitif untuk berjuang di pentas antarabangsa. Untuk berjaya, golongan wanita juga perlu sentiasa positif dan yakin akan kemampuan diri sendiri. Jangan sesekali berfikir bahawa sukan menjadi halangan untuk kaum hawa tampil feminin, ayu, dan cantik. Sebanyak 69 peratus undian melalui *Facebook* menunjukkan sebahagian besar netizen tidak bersetuju bahawa sukan menjejaskan keayuan wanita. *Twitter* pula mencatatkan sebanyak 52 peratus undian tidak bersetuju bahawa wanita akan kelihatan maskulin dalam sukan. Meskipun ada yang berpendapat bahawa bersukan menjadikan wanita kelihatan maskulin, perkara ini tidak seharusnya dijadikan alasan untuk wanita mengelakkan diri daripada menjadi lebih aktif.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada <http://www.astroawani.com/berita-sukan/arena-sukan-memerlukan-lebih-ramai-wanita-besi-199874>)

Jumlah Penyertaan Atlet Wanita dalam Temasya Sukan



Jumlah Pingat Atlet Wanita dalam Temasya Sukan

Event	1st	2nd	3rd
Sukan Komanwel 2018	7	5	5
Sukan Asia 2018	4	9	10
Sukan SEA 2017	161	75	92
Sukan Olimpik 2016	-	3	-

(Sumber: Majlis Sukan Negara)

TEMA 6

SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

1. Apakah kebaikan mengompos sisa kepada alam sekitar?
2. Mengapakah astrofotografi penting dalam bidang astronomi?
3. Nyatakan tiga aplikasi nanoteknologi dalam kehidupan harian.
4. Bagaimanakah teknik kultur tisu pisang dapat meningkatkan hasil pertanian?

Jika inovasi sering tercipta,
Lenyaplah gundah juga sengketa.

Jika gunakan teknologi terkini,
Di seluruh buana nusa disegani.



Mendengar dan Bertutur

Sisa yang Bermanfaat



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, sampaikan idea dan maklumat untuk menghasilkan baja kompos dengan betul, tepatnya, dan jelasnya dengan menggunakan intonasi yang sesuai secara kreatif dan bertatasusila.
2. Tulis jurnal tentang cara menghasilkan baja kompos dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Jejak Kompos

Pengomposan ialah proses pereputan secara sistematik. Proses ini dapat dilakukan secara manual atau menggunakan mesin dalam industri tertentu seperti industri pertanian.



Sumber haiwan



Sumber tumbuhan

Sumber Kompos



Sumber dapur



Sumber mineral

Pengumpulan sampah organik

Pembungkusan kompos

Penyediaan ragi

Proses Pengomposan

Penggaulan kompos

Pembuatan kompos



1.6.1 Mempersembahkan idea dan maklumat dalam pelbagai situasi dengan betul, tepat dan jelas serta menggunakan intonasi yang sesuai secara kreatif dan bertatasusila.



IMBAS SAYA



1. Baca dan fahami bahan yang dipaparkan. Kemudian, buat refleksi berdasarkan bahan.
2. Kenal pasti ayat terbitan dalam teks. Kemudian, bina satu perenggan yang mengandungi ayat terbitan.
3. Kumpulkan bahan inovasi yang dicipta untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran. Kemudian, berikan ulasan anda.



Cikgu, saya sukar menguasai konsep keseimbangan daya.

Saya keliru dengan elemen leraian daya pada paksi x dan paksi y. Bantulah saya, cikgu.



I-Force

Bahan maujud sering digunakan dalam bidang Fizik untuk mengenal pasti daya yang bertindak pada sesuatu objek. Penggunaan bahan maujud membantu murid memberikan gambaran yang lebih jelas. *I-Force* merupakan inovasi bahan maujud bagi membantu murid menguasai kemahiran asas konsep keseimbangan daya.

I-Force digunakan untuk menentukan arah daya yang bertindak ke atas objek pegun pada satah condong, satah mengufuk, dan tergantung pada tali.

Pembaris merupakan bahan utama yang diperlukan untuk membina *I-Force*. Dua batang pembaris panjang lut sinar digunakan sebagai kerangka utama. Sebatang pembaris panjang berfungsi sebagai satah condong, enam batang pembaris biru sebagai anak panah daya berat, dua batang pembaris kuning sebagai anak panah daya normal, lima batang pembaris merah sebagai anak panah tegangan tali, dan sekeping bod lekup sebagai daya tahan objek.

Alat ini dicipta oleh seorang guru Fizik, iaitu Cikgu Mohd Azif bin Shukor dari Sekolah Menengah Kebangsaan Paya Rumpit, Melaka. Inovasi ini mengimplementasikan gaya pembelajaran Visual, Auditori, dan Kinestetik (VAK) yang berpusatkan murid serta berkonsepkan Pembelajaran Abad Ke-21. *I-Force* telah dipertandingkan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Inovasi guru ini diiktiraf sebagai pemenang utama *Science Education Award (SEA)*, Toray 2019.


(Sumber: Prosiding Kajian Tindakan *I-FORCE*, Bahagian Perancangan Penyelidikan Dasar Pendidikan 2019, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Manual Penggunaan *I-Force*



IMBAS SAYA

Manual penggunaan *I-Force* untuk menentukan arah daya normal bagi objek pegun di atas satah mengufuk adalah seperti yang kelihatan dalam grafik di bawah.



1. Putar anak panah berwarna biru (daya berat) mengikut arah pusingan jam hingga menghala ke bawah.

2. Pusing anak panah berwarna kuning (daya normal) mengikut arah lawan jam hingga bertentangan dengan anak panah biru.

3. Arah daya normal bertentangan arah berat.

Prinsip Keseimbangan Daya

- Apabila sesuatu objek dikenakan beberapa daya, objek itu akan berada dalam keadaan keseimbangan daya jika daya paduannya sifar.
- Daya paduan sifar terjadi apabila pecutan objek ialah sifar.
- Objek dikatakan berada dalam keadaan keseimbangan daya apabila objek itu sedang pegun atau sedang bergerak dengan halaju seragam.



(Sumber: *Ensiklopedia Sains dan Teknologi Jilid 4: Fizik*, 2006. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 2.4.1 Membaca pelbagai bahan ilmiah untuk membuat refleksi bagi meningkatkan pengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu.
- 5.3.2 Memahami dan menggunakan ayat terbitan dengan betul mengikut konteks.



Indahnya Bimasakti



1. Teliti bahan yang dipaparkan untuk mendapatkan maklumat.
2. Olah maklumat dan berikan justifikasi tentang astrofotografi daripada bahan dalam pelbagai bentuk penulisan dan bahan grafik.
3. Cipta sajak yang bertemakan bimasakti. Gunakan laras bahasa sastera dalam aktiviti ini.

Bintang-bintang Berkelipan

Buletin Sains dan Teknologi

DUNIA SAINS

PENERAJU SAINS MASA HADAPAN

Januari 2020 / Bil. 135

Memahami Astrofotografi

Astrofotografi ialah aplikasi gabungan fotografi dan astronomi. Fungsi utamanya adalah untuk merekodkan objek langit secara kekal, sama ada dari segi rupa bentuknya atau kedudukannya. Astrofotografi berbeza dengan fotografi kerana masa yang diambil untuk merekodkan objek langit agak lama dan mempunyai masa-masa tertentu untuk merakamnya. Keadaan ini disebabkan objek langit sangat malap dan sukar dilihat dengan mata kasar.



Alatan

Alat yang paling penting untuk aktiviti astrofotografi ialah kamera. Aksesori tambahan seperti tripod yang tegap, lensa, teleskop, komputer, kabel pengawal pengatup, dan penyesuai tertentu juga diperlukan.

Cuaca

Cuaca memainkan peranan penting untuk melakukan aktiviti astrofotografi. Faktor cuaca seperti berawan atau hujan menyebabkan astrofotografi tidak dapat dilakukan dalam tempoh yang lama.

Lokasi


Lokasi juga amat penting untuk aktiviti astrofotografi. Kawasan yang terdedah kepada pencemaran cahaya akan menyukarkan aktiviti astrofotografi. Antara tempat yang paling sesuai untuk kegiatan astrofotografi termasuklah Balai Cerap Telok Kemang yang terletak di Port Dickson, Negeri Sembilan.



(Sumber: Mahamarowi Omar, 2014. *Astronomi dan Astrofotografi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)



Mari Mencerap!



Kubah Utama



Kubah Matahari

Pengenalan

Balai Cerap Telok Kemang merupakan destinasi pendidikan ilmu astronomi dan falak. Balai cerap ini di bawah seliaan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Fungsinya adalah untuk memastikan ilmu astronomi dan falak berkembang secara berterusan dalam kalangan masyarakat. Terdapat pelbagai kemudahan di sini, antaranya termasuklah:

Teleskop

Teleskop ialah teropong yang digunakan untuk melihat objek yang jauh. Kubah Utama di Balai Cerap Telok Kemang menempatkan teleskop terbesar di Malaysia. Ukuran diameter lensa teleskop tersebut ialah 24 inci dan teleskop ini diimport dari Amerika Syarikat. Teknologi moden yang digunakan membolehkan pelbagai objek langit diperhatikan. Kawasan Kubah Utama berdiameter 6.7 meter dan dapat menampung seramai 25 orang pada satu-satu masa. Di Kubah Matahari pula, ditempatkan teleskop khas untuk melihat dan merakam imej matahari seperti bintang matahari.

Kamera Digital

Kamera digital digunakan untuk merakam foto objek-objek langit. Kamera ini mempunyai tetapan manual yang membolehkan pengguna mengawal sepenuhnya fungsi kamera seperti menukar kelajuan pengatup, bukaan kanta, dan kelajuan kecerahan cahaya. Kamera ini menghasilkan gambar yang lebih baik daripada kamera biasa. Penemuan baharu seperti nova, supernova, galaksi-galaksi, komet-komet, dan asteroid di Balai Cerap Telok Kemang dirakam dengan menggunakan kamera digital seperti Sony A7s dan Nikon D300s.



(Sumber: Balai Cerap Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan)

3.5.1 Menulis untuk mengolah maklumat dan membuat justifikasi daripada pelbagai bahan dan sumber bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang sesuai.



Mendengar dan Bertutur

Kecil tetapi Raksasa



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, berbincanglah untuk menerima atau menolak hujah secara rasional dan bertatasusila.
2. Hasilkan video pendek tentang adiwira nano dan berkongsilah dengan rakan-rakan sekelas.

Sidang Zentaron

Nukilan: Alias bin Derais

Amigon dan pembantunya, Zanagon, sedang membuat semakan terakhir laporan penemuan teknologi baharu oleh planet mereka. Mereka akan membentangkan dan membahaskan penemuan ini di hadapan wakil-wakil planet lain dalam galaksi Zentaron. Sedasawarsa lalu, Awaqin yang mewakili planet Habaqin berjaya dalam pembentangan penemuan baharu planet mereka.

Di sebalik kemenangan itu, tiada siapa yang menyedari bahawa Awaqin dan planetnya bermotifkan keuntungan. Mereka menjual penemuan teknologi itu kepada planet-planet lain yang terpaksa menggunakan teknologi itu mengikut Perjanjian Umum Sidang Galaksi Zentaron.

“Teknologi nano yang diusahakan oleh planet kita itu bukan sahaja dapat digunakan dalam bidang perubatan dan teknologi berat serta telekomunikasi, malah mencakupi bidang-bidang yang lain juga,” lapor Zanagon kepadanya. “Ini laporan penuh daripada kumpulan saintis kita,” kata Zanagon lagi sambil memetik jari sekali gus terpaparlah skrin di hadapan mereka. Amigon menyentuh beberapa kekunci pada paparan skrin.

“Bidang penyediaan makanan, industri fabrik, sukan, ...” Amigon tidak mampu lagi menyebut satu per satu keupayaan teknologi nano dalam kehidupan kerana senarai bacaannya panjang.

Tiba-tiba, paparan pada skrin komputer terganggu. Sekelip mata, Awaqin muncul pada paparan skrin komputer.

“Apa khabar, Amigon?” sapa Awaqin, sinis. “Kami di planet Habaqin sudah dapat menghidu teknologi yang bakal dibentangkan oleh planet anda,” sambungnya pula.

“Pembentangan kami dalam sidang itu nanti bukanlah untuk bersaing dengan mana-mana pihak. Kami ingin membawa manfaat kepada semua makhluk,” balas Amigon.

“Apa? Membawa manfaat? Manfaat apa yang hendak dibawa jika teknologi nano yang akan diperkenalkan itu sebenarnya mendatangkan risiko terhadap kesihatan? Apapun, kita berentap nanti dalam sidang Zentaron!” kata Awaqin yang kemudiannya hilang dari paparan skrin komputer.

Amigon terkejut dengan kata-kata Awaqin itu. Dia dan pembantunya akan terus mengkaji teknologi ini dengan lebih mendalam lagi. Namun begitu, dia tertanya-tanya, bagaimanakah Awaqin tahu tentang teknologi yang bakal dibentangkannya?

Nanoteknologi dalam Kehidupan

Nanoteknologi bermaksud gabungan sains, kejuruteraan, dan teknologi yang diaplikasikan dalam pelbagai industri seperti perubatan, teknologi maklumat, dan elektronik. Nanoteknologi banyak mengubah kualiti kehidupan manusia dalam pelbagai bidang.



1.7.1 Berbincang tentang sesuatu perkara untuk menerima atau menolak hujah secara rasional dan bertatasusila.



1. Baca bahan dengan telitinya. Kemudian, olah dan hubung kait maklumat daripada bahan dalam bentuk penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.
2. Hasilkan skrip drama berdasarkan bahan dengan menggunakan bahasa yang sesuai dan menarik.

Teknologi Kultur Tisu

Penyakit Layu Fusarium dan Moko boleh melumpuhkan sektor penanaman pisang di negara kita. Penularannya bukan sahaja menyebabkan petani mengalami kerugian besar, malah bekalan pisang akan berkurangan di pasaran.

Penyakit Layu Fusarium

- Penyakit ini disebabkan oleh sejenis kulat, iaitu kulat *Fusarium oxysporum*.
- Tanda-tanda penyakit ini ialah daun menjadi layu, bertukar kuning, dan bahagian pangkal pokok akan pecah.
- Apabila batang pokok dipotong, terdapat tanda hitam pada bahagian tisunya.



Penyakit Moko

- Penyakit ini dibawa oleh bakteria *Ralstonia solanaceum*.
- Simptomnya ialah daun tua menjadi layu, kekuningan, dan mati. Daun paling muda akan menjadi hijau pucat atau kekuningan dan bergulung.
- Bahagian dalam buah akan menjadi kehitaman dan reput.

Penyakit-penyakit tersebut menyebabkan kawasan tanaman pisang perlu dibersihkan dan direhatkan dalam tempoh tertentu. Bagi memastikan benih pisang bebas daripada penyakit, industri pisang mula beralih kepada teknologi kultur tisu.




(Sumber: www.kelantanbiotech.com.my)

Apakah Kultur Tisu Pisang?

Kultur tisu pisang ialah proses pembiakan sel atau tisu pisang dalam medium pertumbuhan. Medium pertumbuhan merupakan bahan kimia yang diformulasikan di makmal yang mengandungi segala keperluan zat makanan, hormon, dan bahan-bahan lain yang diperlukan untuk pembiakan dan tumbesaran. Kandungannya berbeza pada peringkat permulaan, penggandaan, dan pengakaran.

Proses Penghasilan Kultur Tisu Pisang



Kebaikan Kultur Tisu Pisang

- Benih bebas penyakit.
- pembiakan boleh dilakukan secara besar-besaran dan mengatasi masalah kekurangan benih.
- Pokok tumbuh seragam.
- Tempoh penanaman lebih singkat dan hasil pengeluaran boleh dinikmati dua atau tiga bulan lebih awal.
- Buah berkualiti dan memenuhi standard untuk tujuan eksport.

(Sumber: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia)

3.5.2 Menulis untuk mengolah dan menghubungkan kait maklumat daripada pelbagai sumber bagi menghasilkan penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.

4.3.1 Menghasilkan skrip drama dengan menggunakan bahasa yang sesuai dan menarik.



Potensi Hidrogen



Kenal pasti ayat terbitan dalam teks. Kemudian, bina ayat dalam perenggan mengikut konteks.


Potensi Hidrogen

Hidrogen merupakan unsur paling ringan, dengan dua atom hidrogen membentuk satu molekul hidrogen. Gas hidrogen boleh dihasilkan daripada air melalui proses elektrolisis. Proses ini memisahkan molekul air (H_2O) kepada hidrogen dan oksigen.

Kemunculan tenaga hidrogen sebagai sumber bahan api alternatif yang mesra alam sudah mula disedari oleh banyak pihak. Tenaga hidrogen merujuk keupayaan sesuatu bahan beroperasi dengan menggunakan gas hidrogen. Penggunaan hidrogen sebagai sumber bahan api berpotensi untuk menangani isu kelestarian, keselamatan tenaga, dan alam sekitar terutamanya di Malaysia.

Hidrogen boleh berfungsi sebagai sumber tenaga alternatif untuk menggantikan petrol dan diesel bagi menggerakkan kenderaan. Dengan satu isian penuh tangki, kereta hidrogen mampu bergerak sehingga 500 kilometer, setanding dengan kereta berasaskan petrol. Kini, kenderaan hidrogen telah menembusi pasaran komersial.

Kenderaan yang menggunakan hidrogen sebagai bahan api akan dilengkapi dengan sistem sel bahan api. Sel bahan api berfungsi untuk menghasilkan elektrik yang akan menggerakkan kenderaan melalui tindak balas kimia antara hidrogen dengan oksigen. Hasil sampingan tindak balas ini ialah air. Oleh itu, tiada pelepasan gas berbahaya atau gas rumah hijau oleh kenderaan hidrogen. Hal ini secara tidak langsung akan mengurangkan pencemaran udara.



(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Nurul Izzati dan Nafah Othman. "Hidrogen Janakan Sumber Tenaga Alternatif" dlm. *Dewan Kosmik*, Bil. 6, 2019)

TEMA 7

PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

1. Mengapakah herba yang digunakan dalam masakan menjadi penawar kepada pelbagai jenis penyakit?
2. Sejauh manakah penternakan ikan hiasan mampu menjanakan pendapatan?
3. Mampukah penternakan ayam piru bersaing dengan penternakan ayam daging?



Jika petani kerja bersungguh,
Rezeki mengalir tidak bertangguh.

Jika penternakan nadi rakyat,
Hidup mewah rezeki berkat.



Mendengar dan Bertutur



Aktiviti

Penawar dalam Sajian

1. Berdasarkan bahan, berundinglah untuk membuat keputusan bagi menentukan pokok herba yang sesuai ditanam di taman herba dengan memberikan justifikasi terhadap pilihan anda secara bertatasusila.
2. Cari maklumat tentang pokok herba lain dan jelaskan keistimewaan herba tersebut.



Pokok Herba

Cikgu Hazlina telah memberikan tugas kepada murid Tingkatan 5 Bestari bagi menentukan pokok herba yang sesuai ditanam di taman herba kelas mereka.



Tepus Tanah

- Tinggi - 3.5 meter.
- Daun - Ditumbuk lumat dan dijadikan ubat untuk mengurangkan bengkak.

RM8.00

Kari

- Tinggi - 0.9 - 6 meter.
- Akar - Ubat dalaman untuk merawat buasir, demam panas, sakit perut, dan ubat luaran pada bengkak, lebam, dan penyakit kulit tertentu.
- Daun - Digunakan dalam masakan.

RM10.00

Kemangi

- Tinggi - 2 meter, batang bersegi dan agak berbulu.
- Akar - Direbus dan diminum untuk merangsang dan melawaskan haid, merawat demam panas, influenza, dan selesema.
- Daun - Ditumbuk dan digunakan pada bengkak, bisul, lebam, penyakit kulit, luka, dan sakit kepala.

RM9.00

Teratai

RM38.00

- Ditanam di kawasan berair seperti kolam, tasik cetek, dan paya. Ukuran diameter bunganya ialah 5 - 10 sentimeter.
- Biji - Membantu mengelakkan masalah cirit-birit, radang usus kronik, dan muntah-muntah.
- Rizom - Mengatasi masalah demam, rasa haus, dan tekanan darah tinggi.
- Daun - Mengelakkan pitam, pening, dan hidung berdarah.



Asam Gelugur

RM21.00

- Tinggi - 20 meter, dahan dan daun berjuntai.
- Buah dan daun - Ditumbuk halus dan dicampurkan dengan ramuan lain untuk disapu pada tubuh wanita selepas bersalin.
- Kepingan asam - Digunakan untuk mengatasi obesiti dan menurunkan tahap kolesterol.

Cengkik

RM17.00

- Tinggi - 20 meter, banyak cabang.
- Buah - Dibuat ubat dalaman untuk meningkatkan selera, merawat perut memulas, dan usus kembung angin.
- Kudup bunga - Membunuh dan menyingkirkan cacing di dalam perut dan usus, merawat cirit-birit, nafas berbau busuk, sakit perut, dan sakit gigi.

Telang

RM7.00

- Sejenis pokok menjalar dari spesies kecacang.
- Bunga - Dapat meredakan tekanan, mengurangkan risiko penyakit jantung, bersifat antidiabetik, meredakan demam, dan baik untuk kesihatan rambut.



Kunyit

RM15.00

- Rizom - Baik untuk sistem pencernaan, antiinflamasi, menghaluskan dan mencerahkan kulit, sekaligus mengurangi bintik hitam pada wajah dan mempercepat proses penyembuhan luka.



Senduduk

RM10.00

- Sejenis tumbuhan renek.
- Daun - Mengatasi cirit-birit dan keputihan.
- Akar - Menghilangkan bintik-bintik cacar, mengatasi buasir, dan melegakan sakit gigi.

(Sumber: Dipetik daripada Ong Hean Chooi, 2008. *Rempah-ratus Khasiat Makanan dan Ubatan*. Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.)

1.7.2 Berunding secara kritis untuk membuat keputusan dengan memberikan justifikasi tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.



Kluq! Kluq! Kluq!



1. Baca bahan, kenal pasti dan bandingkan intonasi serta nada yang sesuai.
2. Kenal pasti ayat majmuk dan bina ayat majmuk dalam perenggan mengikut konteks.
3. Cari maklumat tentang ayam mutiara atau ayam api-api dan buat perbandingan dengan ayam piru.

Unggas Berekor Kembang

Encik Harris bin Othman ialah penternak ayam piru yang berjaya. Oleh itu, Encik Harris ingin berkongsi maklumat tentang kejayaannya menternak ayam piru agar lebih ramai lagi masyarakat menjadi penternak yang berjaya sepertinya. Untuk tujuan itu, Encik Harris telah berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang bagi mempromosikan penternakan ayam piru.

BERMINAT UNTUK MENJADI PENTERNAK AYAM PIRU?

Banyak kelebihanannya. Antaranya termasuklah:

- Harga jualan lebih mahal berbanding dengan ayam daging.
- Boleh menghasilkan antara 50 hingga 120 biji telur pada musim pertama.
- Tempoh masa pembesaran 9 - 28 minggu.
- Boleh ditenak di kawasan terbuka atau reban.
- Permintaan yang tinggi khususnya pada musim perayaan.

Keistimewaan ayam piru. Antaranya termasuklah:

- Daging tanpa lemak.
- Kadar daging yang tinggi pada bahagian dada.
- Rendah lemak dan kolesterol.

010-1234567 (HARRIS)

harrisothman@zmail.com

No. 8, Jalan Bunga Raya 10,
Taman Tasik Perdana,
45800 Pulau Pinang.
10 Jun 20□□

Ke hadapan sahabatku Ainida yang kini berada di Seremban, Negeri Sembilan. Saudari di sana apa khabar? Saya berharap semoga saudari sihat walafiat bersama-sama keluarga tercinta.

Saudari,

Maafkan saya kerana sudah agak lama saya tidak mengutuskan surat. Buat masa ini, saya agak sibuk membantu ayah saya mengurus penternakan ayam piru. Tahukah saudari bahawa ayam piru juga dikenali sebagai ayam belanda? Ayam ini sering dijadikan sajian utama semasa sambutan Hari Krismas selain dijadikan menu jualan di restoran.

Untuk pengetahuan saudari, terdapat dua jenis ayam piru, iaitu baka warisan dan baka komersial. Menurut ayah saya, baka warisan ialah baka ayam piru yang asal, manakala baka komersial ialah baka yang dihasilkan melalui teknologi pemilihan genetik. Baka warisan ini cepat membesar dan dagingnya juga banyak pada bahagian dada dan juga paha. Wah, banyak ilmu yang saya peroleh apabila menternak ayam piru!

Sahabatku Nida,


Ayam piru memerlukan perhatian yang lebih pada peringkat pengurusan anak (1 - 8 minggu) dan peringkat pembesaran (9 - 12 minggu). Pada peringkat ini, ayam piru lebih sensitif jika dibandingkan dengan unggas lain. Selain itu, makanannya juga berbeza daripada ayam biasa. Ayam piru memerlukan kandungan protein yang tinggi pada peringkat tiga bulan yang pertama. Pengambilan protein yang tinggi membolehkan ayam piru membesar dengan baik. Sekiranya pembesaran ayam ini terbantut, penternak akan rugi.

Saudari,

Sampai di sini sahaja yang dapat saya coretkan tentang ayam piru. Bilakah saudari ingin berkunjung ke ladang ayam piru ayah saya? Jika saudari ingin datang, maklumkan kepada saya terlebih dahulu. Jumpa lagi dalam lembaran akan datang.

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
Ammar Harris



2.1.1 Membaca pelbagai jenis teks untuk mengenal pasti dan membandingkan intonasi serta nada yang sesuai.

5.3.3 Memahami dan menggunakan ayat majmuk yang betul mengikut konteks.



Menulis



Seni Bahasa

Pasaran dan Pemasaran



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Baca teks dengan telitinya. Kemudian, buat justifikasi dan olah maklumat yang terkandung dalam teks tersebut dalam pelbagai bentuk penulisan dan bahan grafik.
2. Berdasarkan bahan, cipta gurindam dengan menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah.
3. Rancang projek pemasaran produk makanan.



FAMA: Rakan Kongsi Petani

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau *Federal Agricultural Marketing Authority* (FAMA) adalah antara agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. FAMA telah ditubuhkan pada 30 September 1965 bagi tujuan menyelia, menyelaras, mengawal selia, dan memajukan pemasaran keluaran pertanian Malaysia, termasuk pengimportan dan pengeksportan.



(Sumber: <http://www.fama.gov.my>)

Program-program FAMA

Sebagai agensi yang bertujuan untuk memajukan bidang pertanian, FAMA telah menjalankan pelbagai program. Antara program tersebut termasuklah:



Agrobazaar Online

Agrobazaar Online merupakan platform digital untuk usahawan memasarkan produk dan perkhidmatan hasil pertanian secara maya kepada pengguna. Selaras dengan perkembangan teknologi dan peningkatan trend pembelian dalam talian, platform ini menjadi e-pasaran produk agromakanan yang lestari dan berkembang maju untuk komuniti tempatan dan antarabangsa.

(Sumber: www.agrobazaar.com.my)



Gerai Buah-buahan Segar (GBBS)

GBBS ialah premis yang menjalankan aktiviti urus niaga buah-buahan segar sebagai komoditi utamanya yang dinaik taraf atau dibangunkan oleh pihak FAMA dengan mengguna pakai imej korporat projek yang seragam. Antara komponen di bawah projek GBBS yang dinaik taraf dan diberikan secara pinjaman termasuklah struktur bahagian bumbung, peralatan peragaan, dan bahan-bahan promosi mengikut kategori GBBS.

Karavan Tani

Projek ini merupakan konsep baharu transformasi perkhidmatan pemasaran bertujuan untuk memodenkan outlet peruncitan secara bergerak dalam memasarkan hasil pertanian dan produk makanan. Program ini dibangunkan pada tahun 2008 dengan nama Pasar Tani Karavan bagi memperluas pasaran usahawan pasar tani dalam memasarkan hasil pertanian secara bergerak dengan menampilkan imej trak yang seragam dan peragaan produk yang lebih bersih, kemas, dan teratur.

Pasar Tani

Diperkenalkan pada tahun 1985 sebagai sebuah institusi pemasaran bagi membangunkan saluran pemasaran dan menggalakkan penyertaan usahawan tani memasarkan hasil-hasil pertanian mereka sendiri terus kepada pengguna. Pasar tani ini bercirikan mudah alih, bersuasana karnival dengan identiti yang tersendiri dan seragam. Pasar tani sebagai medan pertemuan antara pengeluar dengan pengguna berupaya untuk membantu petani menerima harga yang munasabah dan menguntungkan. Pengguna juga mendapat bekalan bermutu dengan harga yang berpatutan.

(Sumber: Risalah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan)

3.5.1 Menulis untuk mengolah maklumat dan membuat justifikasi daripada pelbagai bahan dan sumber bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang sesuai.

4.3.2 Menghasilkan gurindam secara tertib, menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah.



Rona Akuatik




1. Berdasarkan bahan, cari dan analisis maklumat tentang usaha untuk menjadikan ikan hiasan sebagai sumber ekonomi dengan menggunakan teknik Pembelajaran Berbalik.
2. Dengan menggunakan ayat yang gramatis, persembahkan bahan dalam bentuk rumusan dan ulasan yang kritis serta bernas.
3. Jalankan aktiviti forum "Memajukan Penternakan Ikan Hiasan di Malaysia" di dalam kelas.

Desona Ikan Hiasan

Ikan hiasan diletakkan di dalam akuarium atau kolam sebagai penyeri ruang rumah, taman, kedai, atau pejabat. Oleh hal yang demikian, ikan hiasan berpotensi untuk dimajukan bagi menandakan pendapatan yang lumayan.


Antara Spesies Ikan Hiasan yang Popular di Malaysia



Ikan Emas

Spesies Cyprinids

Contoh ikan: emas, koi, kelah, tiger barb, dan tengas.



Ikan Kalo

Spesies Anabantids

Contoh ikan: pelaga, sepat, dan kalo.



Ikan Kelisa

Spesies Osteoglossids

Contoh ikan: kelisa.



Ikan Angel

Spesies Chichlids

Contoh ikan: angel, discus, dan oscar.



Ikan Gupi

Spesies Poecilids

Contoh ikan: gupi, platy molly, dan sword tail.

Ikan Hiasan Menjanakan Pulangan RM340 Juta

PUTRAJAYA, 17 September - Sektor ikan hiasan merupakan industri penting negara kerana berjaya mengeluarkan 325 juta ikan pada tahun 2017.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir bin Mohd Nawawi, berkata bahawa perkara itu sekali gus menandakan pulangan bernilai RM340 juta kepada pendapatan negara. Terdapat 548 pengusaha dan 1433 pekerja terlibat dalam industri ini.

(Sumber: Utusan Malaysia, 18 September 2019)

CABARAN Industri Ikan Hiasan

1 Meningkatkan Produktiviti

Pengusaha ikan hiasan perlu meningkatkan produktiviti bagi memenuhi pasaran tempatan dan antarabangsa. Cabaran ini boleh dicapai melalui kerjasama antara persatuan ikan hiasan dengan institusi penyelidikan. Sebagai contoh, Persatuan Akuarium Malaysia bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perikanan Malaysia.

2 Memajukan Teknologi dan Inovasi

Teknologi dan inovasi penternakan ikan hiasan perlu dimajukan agar industri ikan hiasan negara kekal kompetitif dalam pasaran antarabangsa. Penyelidikan dan pembangunan dapat dilakukan oleh pengusaha ikan hiasan, universiti-universiti tempatan, Jabatan Perikanan Malaysia, dan sebagainya.

3 Menetapkan Jaminan Kualiti

Ikan hiasan yang dipasarkan mestilah terjamin kualitinya. Oleh itu, pengekspornya perlu memperoleh pensijilan jaminan kualiti sebelum mengekspornya. Dalam hal ini, Jabatan Perikanan telah melaksanakan beberapa program jaminan kualiti dengan memberikan penekanan dalam aspek biosekuriti dan dokumentasi.

Pengeluaran Ikan Hiasan Mengikut Negeri bagi Tahun 2018 (Bilangan dalam Ekor)

Negeri/Spesies	Anabantids	Callichthyids	Characins	Chichlids	Cyprinids	Cyprinodontids	Loricariidae	Osteoglossids	Poecilids	Lain-lain	Jumlah
Perlis	5786	-	-	-	-	-	-	-	-	-	5786
Kedah	2205	-	-	2462	230	-	-	299	14 100	500	19 796
Pulau Pinang	66 917	-	61 716	529 949	189 457	-	5644	10 351	61 442	122 852	1 048 382
Perak	3 951 037	569 244	505 132	2 778 663	15 954 384	-	85 114	599 835	8 937 812	29 735 191	63 116 412
Selangor	21 633	-	-	21 915	31 250	-	-	16 390	12 493	6130	109 811
Negeri Sembilan	2200	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2200
Melaka	264 254	-	-	-	-	-	-	64 557	-	-	328 811
Johor	14 990 748	46 290 553	27 004 237	5 827 378	83 533 330	-	12 993 180	74 420	35 944 491	32 875 159	259 533 496
Pahang	15 557	-	-	-	-	-	-	-	4296	-	19 853
Terengganu	192 633	-	500	3312	4277	-	-	-	75 780	21 640	298 142
Kelantan	171 247	-	2747	21 706	47 933	-	-	-	80 637	25 962	350 232
Sarawak	9461	-	20 746	6345	342 313	-	3430	-	110 815	-	493 110
Sabah	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
W.P. Labuan	360	230	-	-	240	185	140	21	1350	-	2526
Jumlah	19 694 038	46 860 027	27 595 078	9 191 730	100 103 414	185	13 087 508	765 873	45 243 216	62 787 434	325 328 503

(Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia)

1.8.1 Merumus dan mengulas isu semasa secara kritis dan bernas dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Taman Anggur Khatulistiwa



1. Berdasarkan bahan, olah dan hubung kaitkan maklumat untuk menghasilkan penulisan dan bahan grafik tentang penanaman anggur dengan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.
2. Berikan pendapat anda tentang langkah-langkah yang harus diambil untuk memajukan industri penanaman anggur di Malaysia.

Bermulanya Langkah Pertama

Salleh teruja semasa membaca artikel bahawa anggur bukan sahaja boleh hidup di kawasan beriklim sederhana tetapi juga di kawasan beriklim panas dan lembap. Oleh itu, dia telah menonton beberapa video tentang penanaman anggur melalui Internet. Maklumat daripada Jabatan Pertanian Malaysia juga telah diperolehnya.



Penanaman

- A** Penyediaan kawasan
 - Kawasan tanah rendah sesuai untuk tanaman berbatas.
 - Kawasan tanah tidak sekata memerlukan sistem perparitan.
- B** Penyediaan benih
 - Pemiakan - keratan dan tut.
- C** Penanaman di ladang
 - Jarak tanaman 1.5 x 3 meter.
- D** Pengairan
 - Sekitar 8 - 11 liter/pokok/hari.
- E** Kawalan rumpai
 - Rumpai dihapuskan dengan mesin.
- F** Kawalan penyakit dan perosak
 - Dilakukan jika perlu untuk menghalang serangan penyakit dan perosak.

Penyelenggaraan

- A** Pemangkasan
 - Dilakukan pada peringkat
 - i. Pembentukan batang pokok.
 - ii. Pengeluaran dahan.
 - iii. Pemuahan.
- B** Penyediaan para
 - Bagi membolehkan pokok menjalar dan mengeluarkan hasil.
- C** Pembajaan
 - Dilakukan setiap bulan dan setiap kali selepas kerja pemangkasan dilakukan.

(Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia)

Bingkisan Anggur Pantai Timur


Usaha seorang lelaki melakukan kajian selama lima tahun membuahkan hasil apabila berjaya menanam lebih 30 pokok anggur. Pokok tersebut ditanam di kawasan rumahnya di Kampung Bukit Kemas, Kelulut, Marang, Terengganu. Mohd Salleh Angullia bin Isa atau nama panggilannya Salleh telah menanam 14 jenis pokok anggur sejak tahun 2015. Antaranya termasuklah *Black Ozark*, *Summer Black*, *Everest*, *Isabella*, dan *White Malaga*. Pokok-pokok itu berjaya ditanamnya tanpa belajar secara formal. Salleh hanya belajar dengan membaca atau menonton video dalam Internet.

Namun demikian, pada peringkat awal, Salleh mengalami kegagalan kerana melakukan beberapa kesilapan seperti tidak membuat teduhan untuk pokok anggur. Teduhan itu diperlukan untuk melindungi anggur daripada ditimpa hujan. Buah anggur yang ditimpa hujan mudah terkena penyakit. Selain itu, Salleh melakukan kesilapan dalam memilih jenis tanah dan benih anggur yang sesuai. Kesilapan ini menyebabkan pokok anggur sukar untuk berbuah.

Walau bagaimanapun, Salleh tidak berputus asa dan mencari jalan untuk mengatasi kesilapannya. Salleh telah mendapatkan benih anggur yang lebih berkualiti dari luar negara, iaitu dari negara Ukraine, Rusia, Australia, Perancis, dan Jepun. Usaha Salleh semakin membuahkan hasil apabila lima pokok terawal yang ditanamnya mengeluarkan hasil pada setiap bulan Mei dan Jun. Walaupun terpaksa berbelanja lebih bagi mengusahakan tanaman anggur, tindakannya berbaloi dengan hasil yang diperoleh.

Sungguhpun begitu, sejak tanaman itu mengeluarkan hasil, Salleh tidak pernah menjualnya. Salleh hanya memetikinya untuk dimakan sendiri dan meraikan tetamu serta orang ramai yang berkunjung. Meskipun demikian, melalui sekeping gambar yang dimuat naik dalam media sosial, ladang anggur Salleh semakin dikenali. Pengunjung dari seluruh negeri telah datang ke rumahnya untuk melihat sendiri tanaman anggur tersebut. Pengunjung yang datang berasa teruja apabila melihat pokok anggur mampu hidup subur dan mengeluarkan hasil di Terengganu.

Walaupun saiz anggur yang ditanam oleh Salleh tidak sebesar anggur dari luar negara tetapi rasanya lebih manis. Cuaca negara Malaysia yang panas mungkin menyebabkan anggur yang ditanam di sini lebih manis rasanya. Akhirnya, hasrat Salleh tercapai untuk membuktikan dakwaan pokok anggur hanya boleh hidup di kawasan beriklim sederhana adalah tidak benar.



(Sumber: Ahmad Rabiul bin Zulkifli. "Saintis 14 Jenis Anggur" dlm. *Harian Metro*, 5 Julai 2019)

3.5.2 Menulis untuk mengolah dan menghubungkan kait maklumat daripada pelbagai sumber bagi menghasilkan penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.



Bacaan Luas

Masam yang Berharga



Aktiviti

Baca bahan dengan telitinya dan buat rumusan.

Cuka Air Kelapa Matang

Cuka didefinisikan sebagai cecair masam yang disebabkan oleh kehadiran asid asetik ($\text{HC}_2\text{H}_3\text{O}_2$) dalam kumpulan asid organik. Asid asetik merupakan asid organik yang utama dan sebatian lain bergantung pada bahan asas yang digunakan sama ada daripada buah-buahan (nanas, kelapa, anggur, dan epal) atau bijirin (barli dan beras). Cuka dihasilkan daripada proses yang dikenali sebagai fermentasi atau penapaian menggunakan mikroorganisma terpilih. Pada hari ini, pelbagai jenis cuka dihasilkan daripada proses fermentasi dengan menggunakan yis dan bakteria asid asetik.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia atau *Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI)* telah berjaya menemukan bahan asas yang murah untuk menghasilkan cuka. Menurut Dr. Musaalbakri bin Abdul Manan, MARDI telah membangunkan proses penghasilan cuka melalui proses fermentasi yang telah ditambah baik menggunakan air kelapa matang. Dalam industri pemprosesan kelapa, terutamanya dalam pemprosesan kelapa matang bagi industri santan, terdapat penghasilan air kelapa matang yang dikategorikan sebagai sisa. Pada kebiasaannya, air kelapa matang ini akan dibuang begitu sahaja. Air kelapa matang ini mempunyai rasa yang tidak enak tetapi masih mempunyai nilai nutrisi yang tinggi. Melalui proses fermentasi menggunakan mikroorganisma terpilih, nilai air kelapa matang ini akan ditambah baik kepada sesuatu yang mempunyai nilai yang tinggi baik dari segi nutrien dan harga. Air kelapa matang yang merupakan substrat utama akan ditapis, dimaniskan dengan gula, dipasteur sebelum diinokulasikan dengan mikroorganisma. Proses fermentasi ini dijalankan secara aseptik. Proses fermentasi cuka pada dasarnya terdiri daripada dua proses. Pertama, fermentasi gula kepada etanol oleh yis (*Saccharomyces cerevisiae*), diikuti dengan pengoksidaan etanol kepada asid asetik oleh mikroorganisma bakteria asid asetik (*Acetobacter acetii*). Sepanjang proses ini berlaku, kandungan asid asetik akan meningkat dan kandungan etanol akan menurun. Umumnya, proses fermentasi cuka mengambil masa antara 30 hingga 90 hari dan kualiti cuka yang dihasilkan mempunyai tahap keasidan yang berbeza-beza.

Berdasarkan hasil kajian MARDI, produk cuka diberikan nafas baharu dengan formulasi yang inovatif dan memberikan manfaat kepada kesihatan dengan tambahan nilai kefungsi seperti tinggi kandungan antioksidan, tiada bahan pengawet, tiada bahan pewarna sintetik dan tidak toksik. Di samping itu, daripada kajian *in vivo*, cuka air kelapa matang menunjukkan potensi untuk bertindak sebagai agen terapeutik untuk mengawal berat badan dan terbukti menurunkan lemak dan kolesterol pada tikus. Kesimpulannya, selain digunakan sebagai ramuan di dalam masakan, cuka air kelapa matang boleh diambil sebagai makanan tambahan untuk penjagaan kesihatan diri.

(Sumber: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia)



Proses Penghasilan Cuka Air Kelapa Matang

01

Air kelapa matang (Air kelapa tua) ditapis dengan menggunakan kain kasa.

02

Gula ditambah sehingga larutan mencapai brix 14°.

03

Pempasteuran

(90°C selama 20 minit) Air kelapa yang telah dipasteur dimasukkan ke dalam balang kaca yang sesuai dan disejukkan pada suhu bilik.

04

Inokulasi dengan 10% yis (*Saccharomyces cerevisiae*). Balang ditutup dengan kain dan diikat dengan kemasnya.

05

Fermentasi etanol

Bahan yang telah diinokulasi dieramkan pada suhu bilik selama 7 - 10 hari. (sehingga kepekatan etanol mencapai 5 - 7% dan pH 5.0 - 5.15).

06

Bahan diinokulasi lagi dengan 10% bakteria *Acetobacter acetii* (di dalam balang yang sama).

07

Fermentasi asid asetik
Bahan dieramkan pada suhu bilik selama 2 bulan (sehingga keasidan mencapai kepekatan 2.45 - 4.36% (selepas 4 minggu) dan 4.55 - 5.34% selepas 8 minggu), pH 2.98 - 3.64 (selepas 4 minggu) dan pH 3.01 - 3.23 (selepas 8 minggu).

08

Cuka air kelapa matang



Cuka


TEMA 7

Pertanian, Penternakan dan Perikanan

TEMA 8

MELANCONG MENCARI MAKNA

1. Apakah keistimewaan Borneo sebagai destinasi pelancongan?
2. Bagaimanakah cara mempromosikan sesuatu tempat pelancongan?
3. Apakah kepentingan arkeopelancongan?
4. Mengapakah Tanah Tinggi Cameron menjadi pilihan pelancong?



Kalau melancong dalam negeri,
Ekonomi meningkat tidak terperi.

Kalau melancong bersama keluarga,
Silaturahmi akan sentiasa terjaga.

Kalau melancong bersama kawan,
Gunung yang tinggi dapat ditawan.

Kalau melancong sambil belajar,
Banyak ilmu dapat dikejar.



Mendengar dan Bertutur



Aktiviti

Lestarikan Keindahan Bumi Kita

1. Berdasarkan bahasa berirama dan drama, buat rumusan dan penilaian tentang kekuatan dan kelemahan karya secara kritis dengan menggunakan ayat yang gramatis.
2. Jalankan aktiviti forum "Pelancongan Mampan" di dalam kelas.



Pelancongan Mampan

Melancong bukan sekadar

- Beli tiket
- Kemas beg
- Hore, satu dunia digelintar!

Pelancong mampan mengkaji

- Adakah sumber semula jadinya lestari?
- Air, udara, hutan, dan tanah tahan uji
- Spesies burung berbebaran di sana sini
- Mamalia, reptilia terpelihara di habitat semula jadi.

Pelancong mampan melihat

- Adakah penjagaan kualiti alam sekitar hebat?
- Pelancongan hijau menjadi matlamat Program pemeliharaan dan pemuliharaan masyarakat setempat
- Bersihkan pantai, tanam pokok,
- Pilihan utama pelancong sejagat.

Pelancong mampan meneliti

- Adakah pembangunan sosialnya seimbang dan harmoni?
- Rakyat sihat, ekonomi mantap, dan bernilai murni
- Kaya budaya dan seni
- Warisan kebangsaan dihargai.


Pelancong mampan meneroka

- Adakah pembangunan fizikal dipelihara dan dipulihara?
- Konservasi bangunan, monumen, arkeologi, dan tapak warisan negara
- Menyimpan seribu satu cerita
- Sejarah negara bermulanya tamadun bangsa.

Pelancongan mampan

- Pilihan warga dunia yang memandangkan ke hadapan.

Zanariah Abdol, KDARY.



Antara Alam Sekitar dengan Pembangunan



Watak: Amin dan Kak Su.

Babak 1

Dua beradik duduk di meja makan menikmati minum petang di beranda rumah.

Amin: Amin, lihat, ada banyak lori dan kereta pacuan empat roda keluar masuk di kawasan hutan bersebelahan kebun Pak Wan. Macam ada kerja menarah hutan! Mengapa dibiarkan? Sudah tiadakah pemuda kampung ni yang berani buat bantahan?

Kak Su: Amboi, sedapnya mulut berkata-kata! Itu projek pelancongan, bukan projek tarah hutan. Nama sahaja pelajar luar negara, itu pun tak tahu hendak beza.


Amin: Projek pelancongan akan menarah hutan juga akhirnya. Kalau semua pokok ditebang, bangunan konkrit didirikan, apa lagi yang tinggal? Mereka tak tahu ke hutan tu khazanah yang tak ternilai harganya?

Kak Su: Negara kita ni belum lagi ketinggalan, Min. Malahan, ada ketikanya kita mendahului yang lain terutama dalam konsep pelancongan mampan. Apatah lagi sektor pelancongan menjadi antara penyumbang utama pendapatan negara. Kita mahu situasi menang-menang. Pusat pelancongan dibina, khazanah negara dipelihara. Tentang projek pelancongan tu, projek tu diusahakan oleh anak kampung kita juga, Zahid, anak sulung Pak Wan, dibantu oleh adik bongsunya Sarah yang kini merupakan pegawai alam sekitar.

Amin: Oh, Sarah! Budak perempuan yang selalu ikut kami masuk hutan dulu tu. Tapi, bagaimanakah pembangunan boleh dibuat tanpa memusnahkan alam sekitar?

Kak Su: Sebelum habis cuti nanti, carilah masa untuk melawat tempat-tempat pelancongan yang berkonsepkan pelestarian alam sekitar yang ada di negara kita. Yang terdekat ialah rumah hutan dan rumah sungai di Batang Kali ataupun inap desa alam semula jadi di Janda Baik.

Amin: Menarik juga tu. Kak Su kena ikut sekali.



1.8.2 Merumus dan menilai kekuatan dan kelemahan karya secara kritis dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Membaca



Tatabahasa

Mutiara yang Bersinar



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Baca teks prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai.
2. Kenal pasti ragam ayat yang terdapat dalam petikan. Kemudian, bina ayat dalam perenggan tentang pelancongan di Pulau Pinang dengan menggunakan ragam ayat yang pelbagai.
3. Cipta puisi tentang sebuah tempat pelancongan yang anda kunjungi dan persembahkannya.



Pulau Mutiara

12 April 20□□

Perjalanan dari Bandar Baru Bangi ke Pulau Pinang yang dikenali juga sebagai Pulau Mutiara kali ini sungguh lancar sekali. Pukul 8:30 pagi, kami sudah tiba di kawasan Rehat dan Rawat Tapah untuk sarapan dan solat sunat. Pukul 10:30 pagi, kami sudah pun merentas Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Perjalanan agak jauh tetapi tidak membosankan. Lagu-lagu daripada stesen radio tempatan yang disulami sembang santai bersama-sama keluarga meningkatkan keterujaan untuk cepat sampai. Tatkala memasuki bandar raya Pulau Pinang, lagu *Boria Pulau Pinang* diputarkan. Kami sekeluarga tidak melepaskan peluang untuk menyumbangkan suara. Lagu *Boria Cuti-cuti Malaysia* ini senang diikuti kerana ada liriknya diulang beberapa kali.

Pi mai pi mai pi mai, dok pi dok mai
Pi mai pi mai pi mai, mai buat ramai
Pulau Pinang, indah dan permai
Boria Omara, warisan disemai

Cuti-cuti Malaysia, seronok sakan
Seluruh negeri, kampung dan pekan
Kaum keluarga, kawan dan rakan
Pakat-pakat santai, minum dan makan

Oleh sebab semuanya sudah berasa lapar, kami mengambil keputusan untuk berhenti di restoran nasi kandar yang menjadi kegemaran kami sekeluarga setiap kali bercuti di Pulau Pinang. Setelah itu, kami mendaftar masuk di hotel yang telah ditempah lebih awal. Setelah berehat beberapa ketika, kami mengambil keputusan untuk turun ke pantai bagi menikmati keindahan pantai Batu Feringgi, mandi-manda, dan membina istana pasir.



TEMA 8

Melancong Mencari Makna



KPM

Pada malam itu, kami ke Padang Kota untuk menikmati pasembor, laksa Pulau Pinang, dan bersiar-siar di kawasan awam serta bangunan lama di sekitarnya. Dalam perjalanan balik ke hotel, ibu tiba-tiba menyatakan hasrat untuk mengunjungi Taman Herba. Ayah bersetuju tetapi kami terpaksa menjadualkan perjalanan semula pada hari esok dan lusa.

Yang pasti, Bukit Bendera, Taman Negara Pulau Pinang, Muzium Perang, Fort Cornwallis, Rumah Peranakan Pulau Pinang,

Menara Komtar, Pulau Aman, dan Inap Desa Mengkuang Titi akan kami kunjungi.

Sebelum menamatkan corëtan hari ini, aku ingin memuatkan sajak yang aku nukil, dalam perjalanan ke Pulau Pinang siang tadi. Semoga percutian kami sekeluarga diberkati oleh Tuhan.

Perindu Mutiara

Aku seperti perindu mutiaraku
sentiasa dibayangi keindahan
sentiasa dikhayalkan nostalgia lalu
menyusuri jalan dan lorong
sarat menyimpan sejarah negara bangsa
antara timur dengan barat
antara moden dengan tradisi
kurangkul dalam rindu tak bertepi.

Aku seperti perindu mutiaraku
mengunjungimu buat sekian kali
menyantuni keindahan lahir batin
menjiwai denyut jantungmu
membelai kemewahan
mengagumi pembangunan
mendakapi akal budi
walau tetap di tempat yang sama
walau masa berubah rasa tetap sama.

Akan tetapkah aku menjadi perindu?
ingin mengunjungimu buat sekian kali
akan kembalikh aku?

atau
akan bernoktah di sinikh rinduku?

Zuhaa Zayyan,
Tanjung Bungah, Pulau Pinang.

2.1.2 Membaca petikan prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai berdasarkan situasi.

5.3.4 Memahami dan menggunakan ragam ayat yang betul mengikut konteks.

TEMA 8

Melancong Mencari Makna



KPM



Indahnya Negaraku



1. Analisis petikan dan kenal pasti kesalahan bahasa serta betulkan kesalahan tersebut.
2. Jelaskan kejituan dan kesinambungan idea dalam perenggan.
3. Jelaskan sebab-sebab kesalahan yang dikenal pasti.



Cuti-cuti Borneo

Sarawak dan Sabah serta Wilayah Persekutuan Labuan adalah antara tempat percutian yang menarik di Malaysia. Kedua buah negeri ini serta Wilayah Persekutuan Labuan terkenal dengan tempat pelancongan seperti hutan hujannya yang lebat dan pantai yang cantik serta bangunan bersejarah. Dengan begitu banyak tarikan dengan budaya yang kaya dan warisan bersejarah, berikut adalah antara tempat menarik di Borneo yang perlu dikunjungi oleh anda.

01



Kampung Budaya Sarawak ialah satu-satunya muzium hidup yang memberi penghormatan kepada setiap suku kaum yang terdapat di Sarawak. Pengunjung berpeluang untuk melihat budaya dan gaya hidup mereka di sini. Antaranya Iban, Bidayuh, Penan, Melanau, Orang Ulu, Melayu, dan Cina. Selain daripada itu, terdapat juga persembahan kebudayaan yang akan dipersembahkan dua kali sehari.


02

Pantai Damai terletak sekitar 35 kilometer dari pusat bandar Kuching dan merupakan antara tempat menarik di Sarawak yang utama dengan pantai yang mempunyai hutan hujan dan Gunung Santubong sebagai latar belakangnya, anda akan merasa kagum dengan keindahan tempat ini.



03

Sabah diberkati dengan hutan hujan yang paling indah di dunia, Pusat Penemuan Hutan Hujan di Sandakan diperkenalkan untuk mendidik orang ramai tentang keunikan dan kepentingan hutan ini. Anda boleh di sini meneroka laluan hutan yang berbeza dan juga laluan kanopi keluli. Jika anda gemar memerhati burung, anda akan gembira untuk mengetahui bahawa bukan sahaja anda dapat melihat spesies burung yang jarang ditemukan.



04



Pulau Sapi terletak tujuh kilometer dari pusat bandar dan merupakan salah satu tempat menarik di Sabah yang paling banyak sekali dikunjungi. Juga terletak tidak jauh dari Terminal Feri Jesselton Point, terdapat banyak spesies laut yang berwarna-warni yang boleh dilihat dari jeti kerana lautnya yang jernih, anda boleh menghayati keindahan alam semula jadi di pulau ini.

05



Muzium Marin Labuan sangat menarik sekali kehidupan marin seperti contohnya ikan-ikan beracun, udang, dan udang karà di dalam akuarium yang kebiru-biruan. Di tingkat dua, habitat terumbu karang, habitat jerung dan pari, reptilia lautan, ikan-ikan komersial, mamalia lautan, marlin, aktiviti-aktiviti memancing dan menyelam, oseanografi, biologi marin, moluska dan krustasea.



06



Menara Chimney terletak bersebelahan Muzium Chimney serta tujuan pembinaannya masih misteri. Struktur Menara Chimney ini telah berjaya menerima anugerah *The International Green Apple Awards for Environmental Best Practice* dan *Sustainable Development 2013* untuk kategori seni bina bangunan bersejarah sehingga Labuan dipilih menjadi Duta Hijau 2014.

3.6.1 Memurnikan kesalahan bahasa dan menganalisis kejituan serta kesinambungan idea dalam pelbagai teks.



Mendengar dan Berfikir



Seni Bahasa

Lenggong, Oh, Lenggong!



Aktiviti


1. Berdasarkan bahan, berundinglah secara kritis dan bertatasusila dengan mengambil kira pelbagai faktor bagi mengukuhkan alasan tentang cara yang paling berkesan untuk mempromosikan arkeopelancongan.
2. Sediakan satu persembahan drama yang berkaitan dengan aktiviti arkeopelancongan secara kreatif dan menarik dalam bentuk multimedia.
3. Muat naik persembahan anda ke Internet.

Arkeopelancongan di Lembah Lenggong

Lembah Lenggong terletak di Hulu Perak, kira-kira 80 kilometer dari bandar Ipoh. Lembah Lenggong telah diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia pada 30 Jun 2012 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang juga dikenali sebagai *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO). Kajian di Lembah Lenggong sejak 30 tahun yang lalu telah menemukan banyak bukti prasejarah dan kini bukti penemuan ingin dikongsi dengan segenap lapisan masyarakat dari dalam dan luar negara melalui program arkeopelancongan. Melalui program ini, para peserta berpeluang untuk meneroka khazanah prasejarah negara yang diiktiraf dunia melalui lawatan berpandu oleh ahli-ahli arkeologi.

Lokasi: Pusat Lapangan Arkeologi USM, Lenggong, Perak
 Koordinat: 5.052380, 100.966002
 Pakej Murid: 2 hari 1 malam

Aktiviti	Catatan
Makan tengah hari. Makan malam (barbeku). Sarapan.	Tersedia
Penginapan.	Tersedia
(Hari 1) Lawatan berpandu: • Galeri Arkeologi Lembah Lenggong. • Tapak arkeologi di Gua Kajang, Gua Badak, dan Bukit Bunuh. (mengikut kesesuaian masa)	4 jam
(Hari 2) Aktiviti amali: • Ekskavasi. • Pembuatan peralatan daripada batu. • Eksperimen pencarian siput sedut sungai. (mengikut kesesuaian masa)	4 jam



Bukit Bunuh

- Tapak terbuka yang mendedahkan bukti kebudayaan Paleolitik sejak lebih 1.83 juta tahun dahulu. Bukit ini dihuni berterusan dari semasa ke semasa sehingga 30 000 tahun lampau.
- Tapak kawah ini impak meteor yang jatuh pada 1.83 juta tahun lampau.
- Bukti kebudayaan dikesan daripada kehadiran pelbagai alat batu Paleolitik termasuk peralatan seperti batu teras, batu pemukul, dan batu pelandas serta batuan impak meteor seperti suevit.

Gua Kajang

- Pecahan tembikar, alat batu, sisa makanan, dan rangka manusia ditemukan.
- Digunakan sejak 5000 hingga 11 000 tahun lalu sebagai petempatan dan kawasan pengebumian yang membabitkan zaman Paleolitik dan Neolitik.

Gua Badak

- Lukisan gua yang dilukis dengan arang dan juga digores oleh masyarakat Negrito ditemukan oleh I.H.N Evans dalam tahun 1924.
- Antara motif lukisan termasuklah aktiviti berburu menggunakan panah, membawa buah kelapa, menunggang kuda dan gajah. Terdapat imej haiwan seperti beruk, ayam, tenggiling, biawak, dan kuda di samping pelbagai motif abstrak yang sukar difahami maknanya.
- Tembikar dan alat batu bergilap zaman Neolitik ditemukan oleh Callenfels dan Evans semasa membuat ekskavasi dalam tahun 1926.

Galeri Arkeologi Lembah Lenggong

- Galeri ini asalnya ialah Muzium Arkeologi Kota Tampan yang kemudiannya menjadi Galeri Arkeologi Lembah Lenggong setelah mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia.
- Mempamerkan semua artifak dan maklumat daripada ekskavasi arkeologi prasejarah yang ditemukan khususnya di sekitar Lembah Lenggong dalam bentuk medium yang menarik dan bermaklumat.
- Antara penemuan penting yang dipamerkan termasuklah Manusia Perak yang berusia 11 000 tahun.

- 1.7.2 Berunding secara kritis untuk membuat keputusan dengan memberikan justifikasi tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.
- 4.4.1 Mempersembahkan drama dalam bentuk multimedia secara kreatif dan menarik.



Pelancongan Tanah Tinggi



1. Baca bahan secara intensif dan analisis maksud ayat yang terdapat dalam bahan dengan menggunakan teknik bacaan 5W1H.
2. Tulis dalam perenggan bagi menjelaskan maksud ayat tersebut.
3. Berdasarkan bahan, cipta teka-teki atau ayat yang mengandungi unsur tanda tanya. Kemudian, bentangkannya dan minta rakan anda memberikan jawapannya.



Tanah Tinggi Cameron

Semasa cuti persekolahan yang lalu, Kelab Rekreasi Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jaya telah mengadakan lawatan sambil belajar di Tanah Tinggi Cameron. Semasa lawatan, guru pengiring telah meminta salah seorang murid memainkan peranan sebagai pemandu pelancong. Murid bertuah yang terpilih pada hari pertama di Tanah Tinggi Cameron ialah rakan saya, Ameerul, yang agak bijak bermain kata-kata.

Selamat sejahtera saya ucapkan kepada semua. Diharapkan agar saudara saudari sihat dan bersedia untuk menerokai keistimewaan Tanah Tinggi Cameron. Sebelum itu, sila pastikan bahawa semua barang keperluan sudah dibawa. Walaupun cuaca nampak terang, manalah tahu, panas tak sampai ke petang kerana tiba-tiba hujan turun tak henti-henti. Oleh itu, sediakan payung sebelum hujan.

Destinasi utama yang akan kita kunjungi ialah ladang teh yang seyोजना mata memandangi. Setelah itu, kita akan ke kawasan penanaman bunga ros kerana bunga-bunga dengan Tanah Tinggi Cameron bagai irama dengan lagu yang tidak dapat dipisahkan. Selain ros, terdapat juga bunga-bunga lain seperti lavender dan bunga matahari yang ditanam di situ.

Hidup ini memang penuh dengan onak dan duri, namun itulah yang menjadikan hidup ini indah. Begitu juga dengan pelbagai spesies bunga kaktus yang bakal kita saksikan. Walaupun diselaputi duri, kaktus tetap unik dan digemari.

Sebentar lagi kita akan ke Tanah Rata. Di Tanah Rata, kita akan mengunjungi dua lokasi menarik, iaitu Taman Agroteknologi MARDI dan kawasan penanaman strawberi. Saya yakin nafas saudara saudari semua terhenti ketika menyaksikan bunga-bunga di sana. Di kawasan penanaman strawberi pula, kita akan berpeluang untuk melihat cara strawberi ditanam. Kita juga boleh membeli strawberi yang telah dipetik atau memetiknya sendiri dari pokok.

Yang penting dan perlu diingat, di kedua-dua lokasi ini, pandai-pandailah membawa diri. Jaga nama baik keluarga dan sekolah.

Alhamdulillah, tamatlah siri lawatan kita pada hari pertama. Sebelum kembali ke tempat penginapan, suka saya ingatkan tentang aktiviti kita pada hari esok terutamanya lawatan ke Hutan Lumut yang memerlukan persediaan yang rapi. Oleh itu, pada malam ini, manfaatkanlah masa dengan sebaik-baiknya untuk membuat persediaan kerana kita boleh membeli pelbagai benda tetapi kita tidak boleh membeli masa. Sebelum mengundurkan diri, rendah gunung tinggi harapan, agar saudara saudari dapat memaafkan segala kesalahan sepanjang saya menjadi jurucakap rombongan kita pada hari ini. Maklumlah, gading mana yang tak retak, bumi mana yang tak ditimpa hujan. Sekian, terima kasih.

3.1.1 Menulis untuk menjelaskan maksud ayat dalam sesuatu petikan dengan betul mengikut konteks.



Antara Lancong dengan Lancung



Buat satu kesimpulan tentang bahan. Kemudian, kemukakan pendapat anda tentang bahan tersebut.

Awas!

Pelancongan di Malaysia memiliki potensi yang besar sebagai segmen baharu dalam agenda pembangunan dan ekonomi negara. Namun begitu, awas, kerana sektor ini ada sisi gelapnya, iaitu pelancongan atau penipuan yang mampu merencatkan kerancangannya.

TEMA 8

Melancong Mencari Makna

KES PENIPUAN PAKEJ PELANCONGAN YANG DIREKODKAN TRIBUNAL



1057

kes pemfailan tuntutan dibuat kepada Tribunal Tuntutan Pengguna (Tribunal) dari 2016 hingga 31 Mei 2019

RM6.6 JUTA
tuntutan keseluruhan direkodkan

RM3 JUTA
award dikeluarkan Tribunal



Tuntutan tebus rugi terhadap perkhidmatan agensi pelancongan mencatatkan jumlah pemfailan tertinggi dari Januari 2019 – Mei 2019

PERKHIDMATAN	KES
Agensi pelancongan	202
Pengubahsuaian rumah	196
Pembaikan kenderaan	112
Pendidikan	102

RM1.7 JUTA

award dikeluarkan Tribunal bagi tuntutan terhadap semua perkhidmatan berkenaan.

Tribunal yang ditubuhkan sejak 15 November 1999 berperanan untuk

menyediakan saluran alternatif kepada pengguna untuk menuntut hak secara tebus rugi dan menyelesaikan pertikaian dengan cara lebih mudah.

(Sumber: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

BERITA NASIONAL

1. Tipu pakej pelancongan, CEO direman

KAJANG, 10 Mei – Seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sebuah syarikat pelancongan direman empat hari selepas dipercayai terbabit dalam kes penipuan pakej pelancongan yang tidak wujud membabitkan kerugian berjumlah RM2 juta. (Sumber: BH Online, 14 Februari 2019)

2. Polis buru empat suspek kes tipu pakej pelancongan

JOHOR BAHRU: Polis masih mengesan empat ejen pelancongan yang dipercayai menipu pelanggan menerusi pakej pelancongan luar negara membabitkan kerugian RM551 558.00. (Sumber: BH Online, 28 Mac 2016)

TEMA 9

EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

1. Sejauh manakah Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) berupaya untuk membantu masyarakat?
2. Apakah bentuk pelaburan yang patut anda sertai?
3. Masih mampukah syarikat e-panggilan bertahan pada masa hadapan?
4. Wajarkah penggunaan kad kredit dijadikan suatu kebiasaan dalam berbelanja? Jelaskan.



Jika ekonomi negara mapan,
Masyhurlah nusa bersinar harapan.

Jika usahawan cekap berniaga,
Ekonomi kukuh tidak terhingga.





Kewangan Berhemat, Hidup Selamat



IMBAS SAYA



1. Dengar, fahami, dan tuturkan ayat dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan betul.
2. Cadangkan aktiviti pengurusan kewangan berhemat yang boleh diadakan di sekolah.

Fahami Celik Wang


Cikgu Rizal, kaunselor di Sekolah Menengah Kebangsaan Permata, telah menjelaskan tiga langkah mengurus kewangan secara bijak, iaitu generasi muda perlu meningkatkan ilmu pengurusan kewangan, mempunyai penasihat kewangan, dan mengutamakan prinsip simpan dahulu belanja kemudian. Beliau turut menyentuh aspek pendidikan kewangan yang ditawarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam mendidik generasi hemat berbelanja.

Jom Kongsi Info




Modul Pengajian Tinggi

Modul Pengajian Tinggi disusun untuk golongan yang berusia antara 18 hingga 25 tahun yang sedang menjalani pendidikan selepas sekolah menengah. Tujuan modul ini dibangunkan adalah untuk memberikan pendidikan kepada golongan tersebut agar bertanggungjawab terhadap masa hadapan kewangan mereka sendiri.



Kandungan Modul



Modul Permulaan Pekerjaan

Modul Permulaan Pekerjaan disasarkan kepada golongan yang berusia antara 20 hingga 30 tahun, terutamanya mereka yang baru sahaja memulakan pekerjaan. Pendidikan kewangan amat penting kepada kumpulan ini kerana mereka mula mandiri dalam pengurusan kewangan.

Perangkap Hutang Sambung Bayar



IMBAS SAYA

Encik Ahmad:

Saya telah menerima notis pembayaran tertunggak daripada pihak bank. Saya begitu tertekan kerana situasi ini boleh membawa kepada kebangkrapan jika tidak diselesaikan segera.

Puan Nurul Fadzlin:

Bagaimanakah hal ini boleh berlaku?


Encik Ahmad:

Dua tahun lepas, saya dihipit masalah kewangan. Dalam keadaan terpaksa, saya telah menyerahkan kereta kepada seorang rakan. Dia menggunakan kereta tersebut dengan menyambung bayaran kepada pihak bank. Malangnya, saya tidak menukar nama saya sebagai pemilik asal. Kini, dia pula tidak dapat dihubungi.

Puan Nurul Fadzlin:

Oh, begitu! Pihak AKPK akan cuba membantu Encik Ahmad. Di AKPK, kami memberikan kaunseling dan nasihat secara bersemuka tentang pengurusan kewangan, khususnya isu berkaitan dengan kredit. Sejak tahun 2006 hingga 30 November 2019, seramai 1 017 316 individu telah mendapatkan khidmat kaunseling di AKPK. Daripada jumlah itu, 303 278 daripada mereka menyertai Program Pengurusan Kredit ini.

Jumlah Kebankrapan Mengikut Sebab Keberhutangan bagi Tahun 2018



(Sumber: <http://www.bheuu.gov.my/pdf/Penerbitan/Laporan%20Tahunan%202018.pdf>)

1.1.2 Mendengar, memahami dan menuturkan ayat dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan betul.

TEMA 9

Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

TEMA 9

Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Untung Besar



Aktiviti

1. Baca bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian, kenal pasti masalah yang terkandung dalam bahan dan cadangkan penyelesaian masalah.
2. Kenal pasti bentuk kata tunggal dan kata majmuk yang terdapat dalam bahan. Hasilkan perenggan pendek dengan menggunakan kata tunggal dan kata majmuk tersebut.
3. Dalam pembacaan anda tentang bentuk pelaburan yang ada di negara ini. Kemudian, jelaskan bentuk pelaburan yang menjadi pilihan anda kepada rakan.

Yang Mana Satu Pilihan Anda?

Bapa Maisarah telah memenangi hadiah berbentuk wang tunai, sebanyak RM50 000.00 dan bercadang untuk membuat pelaburan dengan menggunakan wang tersebut. Namun begitu, bapanya tidak mempunyai pengetahuan tentang pelaburan. Bentuk pelaburan yang diinginkan oleh beliau ialah pelaburan yang stabil dan banyak mendatangkan keuntungan. Maisarah membantu bapanya dengan mencari maklumat tentang pelaburan yang dapat memenuhi cita rasanya.

Tahukah anda bahawa terdapat pelbagai jenis pelaburan?

Hartanah

Pelaburan seumpama ini menuntut para pelabur untuk membeli hartanah seperti rumah, tanah, kedai atau rumah kedai. Sebaik-baik sahaja para pelabur mendapati harga hartanah yang dibeli tersebut telah meningkat, para pelabur bolehlah menjual atau menyewa hartanah tersebut untuk mengaut keuntungan. Pelaburan begini tidak dikategorikan sebagai pelaburan yang berisiko tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana hartanah merupakan satu pelaburan yang bijak.

Biasanya, pelaburan ini memerlukan masa yang panjang untuk seseorang pelabur menikmati hasil pelaburannya. Namun begitu, pemilihan lokasi hartanah dan faktor-faktor lain turut menentukan jangka masa pelabur untuk menikmati hasil pelaburan. Pemilihan lokasi hartanah yang menjadi tumpuan ramai akan membolehkan pelabur mendapat hasil pelaburan dengan lebih cepat. Pendek kata, ilmu dan strategi pelaburan sangat penting bagi mana-mana pelabur untuk menuai hasil pelaburannya.



Pasaran Saham



Pelaburan dalam pasaran saham bermaksud pembelian sebahagian daripada pemilikan sesebuah syarikat. Kebiasaannya, pelabur yang meyakini potensi sesebuah syarikat untuk terus berkembang dan mendapat keuntungan yang besar akan membeli saham syarikat tersebut. Walaupun begitu, ada juga dalam kalangan pelabur yang bertindak sebagai spekulator, iaitu memberikan fokus terhadap pergerakan harga saham syarikat tanpa mengambil peduli tentang perniagaan yang dijalankan.

Antara langkah yang perlu diambil jika ingin melabur dalam pasaran saham termasuklah melantik broker saham. Pelabur perlu bijak berurusan atau bekerjasama dengan remisier untuk menjadikan urusan pelaburan saham ini benar-benar menguntungkan. Sesiapa yang ingin melabur dalam pasaran saham perlulah bersedia menanggung risiko kerana harga saham di pasaran boleh meningkat atau merosot secara mendadak. Dalam hal ini, pelabur berpeluang untuk mendapat keuntungan yang luar biasa atau kerugian besar pada bila-bila masa sahaja.

LABUR

BULETIN BULANAN KELAB PELABURAN BIJAK



ISU BULAN INI

MELABUR KETIKA USIA REMAJA

DURIAN RUNTUH UNTUK PELABUR ASB!

APAKAH ITU PATUH SYARIAH?

CARA MENYEMAK PURATA DIVIDEN SETAHUN

KETAHUI PELABURAN PETRONAS DI BRAZIL

SENARAI PEMENANG KUIZ LABUR

Pelaburan Unit Amanah

oleh Anna Sofea

Bentuk pelaburan ini melibatkan tiga pihak, iaitu pelabur, pengurus dana, dan pemegang amanah. Pelabur bertanggungjawab memberikan modal kepada pengurus dana untuk membuat pelaburan. Pemegang amanah pula bertanggungjawab memastikan modal yang diberikan oleh pelabur diuruskan dengan betul oleh pengurus dana. Pelaburan sebegini mendatangkan keuntungan tetapi memandangkan pelaburan melibatkan pelbagai pihak, keuntungan pelaburan perlu dibayar juga kepada pihak lain.

Selain itu, pelaburan sebegini menuntut para pelabur sabar menanti hasil pelaburan mereka. Jika pelabur mengeluarkan wang pelaburan mereka sebelum tempoh matang, mereka tidak mendapat dividen seperti yang diharapkan. Contoh pelaburan sebegini yang terkenal di negara ini ialah Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN), dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

PELABURAN EMAS



1 BENTUK PELABURAN

Anda boleh melabur dalam bentuk emas fizikal atau akaun simpanan emas.

2 KECAIRAN

Emas fizikal boleh dijual atau digadai pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Pelaburan akaun simpanan emas boleh dikeluarkan pada bila-bila masa dalam waktu perbankan.

3 RISIKO

Pelabur emas fizikal berdepan dengan risiko kecurian, rompakan, dan kos tambahan untuk menyimpan emas di tempat yang selamat. Pelabur akaun simpanan emas berdepan dengan kerugian jika mengeluarkan pelaburan sebelum tempoh matang, iaitu dengan menjual emas di bawah harga belian kerana memerlukan wang untuk tujuan kecemasan. Pelaburan emas juga merupakan antara bentuk pelaburan yang banyak berlaku penipuan.

4 KEUNTUNGAN

Keuntungan pelaburan ini bergantung pada turun naik harga emas di pasaran.

2.3.2 Membaca untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah daripada pelbagai bahan menggunakan teknik bacaan yang sesuai.

5.1.1 Mengaplikasi bentuk kata tunggal dan kata majmuk dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.



Menulis

Transaksi Tanpa Tunai



Aktiviti

1. Teliti dan nilai maklumat yang dipaparkan dalam bahan. Kemudian, tulis justifikasi tentang keperluan menggunakan kad kredit.
2. Sediakan brosur tentang cara menggunakan kad kredit secara berhemat.

Kredit Pencetus Lara

Alangkah selesanya membeli-belah dengan menggunakan kad kredit berbanding dengan membawa dompet padat berisi wang.

Memahami Caj Kad Kredit

Caj Pendaftaran

Bayaran yang dikenakan sekali sahaja dan berbeza antara institusi kewangan.

Caj Tahunan

Yuran tahunan ialah yuran yang dikenakan setiap tahun walaupun kad tidak digunakan. Jumlahnya berbeza bergantung pada jenis kad yang dimohon seperti klasik atau platinum.

Caj Kewangan

Bayaran yang dikenakan atas baki yang tidak dijelaskan selepas tarikh tamat tempoh. Caj ini biasanya dikira berdasarkan baki harian.

Caj Bayar Lewat

Bayaran yang dikenakan sekiranya baki minimum bulanan tidak dijelaskan dalam tempoh tanpa faedah yang ditetapkan. Jika pembayaran dibuat selepas tempoh tanpa faedah berakhir, bukan sahaja caj kewangan dikenakan tetapi juga caj bayar lewat perlu dilunaskan.

Caj Pendahuluan Wang Tunai

Bayaran yang dikenakan biasanya antara 3 peratus hingga 5 peratus daripada jumlah wang tunai yang dikeluarkan menggunakan kad kredit. Caj ini merupakan tambahan kepada caj kewangan yang dikenakan atas jumlah pendahuluan yang diberikan.

(Sumber: <http://www1.bankinginfo.com.my/>)



Apakah Kad Kredit?

- Kad kredit merupakan instrumen pembayaran bagi memperoleh barangan dan perkhidmatan tanpa melibatkan wang tunai.
- Penggunaannya boleh dilakukan di mana-mana premis yang memamerkan jenama kad kredit anda, baik di dalam negara mahupun di luar negara.
- Apabila kad kredit digunakan, pengeluar kad akan membuat pembayaran bagi pihak pengguna dan bil akan dihantar dalam bentuk penyata bulanan.
- Suatu tempoh tanpa faedah akan diberikan kepada pengguna untuk membayar baki yang belum dijelaskan.
- Caj kewangan akan dikenakan selepas tempoh itu tamat.

Mengapakah saya perlu menggunakan kad kredit?



Menjejak perbelanjaan

Risiko kehilangan, kecurian, dan rompakan

Pelan pembayaran ansuran mudah tanpa faedah

Saat kecemasan tanpa wang tunai

Mata ganjaran

AWASI!

Kad kredit umpama pisau tajam yang bermanfaat dan boleh mendatangkan mudarat. Penggunaannya begitu fleksibel kerana dapat digunakan pada bila-bila masa sahaja untuk memperoleh barangan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, kegagalan membuat bayaran bulanan dan perbelanjaan yang tidak berhemat boleh menyebabkan masalah kewangan.

3.2.1 Menulis untuk membuat justifikasi berdasarkan penilaian sesuatu perkara dengan menggunakan ayat yang gramatis. c.k 5.2



Dari Kopitiam ke Kafe Hipster



Aktiviti

1. Dengar dan teliti maklumat yang disampaikan. Kemudian, berikan respons dalam pelbagai ayat tanpa mengubah maksud ayat.
2. Persembahkan seloka secara kreatif dan menarik dalam bentuk multimedia.
3. Kongsikan konsep kafe hipster idaman anda dengan rakan-rakan.



Kafe Hipster Idaman




Makanan barat



Chocolate motostick



Kopi o panas



Barangan antik



Senarai menu

Seloka Kafe Hipster

Dulu dan kini sudah berbeza
 Makan di kedai jadi budaya
 Gerai, restoran, dan juga kafe
 Ada yang biasa ada yang hipster
 Tepuklah dada tanya selera
 Berbagai-bagai hidangan menarik
 Pilih sahaja jangan membazir
 Ada lasagna, churros, dan nachos
 Salah disebut lidah terbelit
 Identiti kafe cukup tersendiri
 Retro, antik mahupun moden
 Pelanggan datang tua dan muda
 Kenangan tercipta hati gembira
 Kafe menarik jadi pilihan
 Ruang bersantai bersama rakan
 Secawan kopi jadi iringan
 Begitu begini kisah teladan.

Alias bin Derais,
 Shah Alam, Selangor.



Barangan antik

Kerusi unik

- 1.2.1 Mendengar dan memberikan respons dalam pelbagai jenis ayat tanpa mengubah maksud konteks ayat.
- 4.4.2 Mempersembahkan seloka dan gurindam dengan nada dan intonasi yang sesuai menggunakan pelbagai media secara kreatif.



Menulis

Perniagaan Pengantaraan



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, lengkapkan maklumat dengan menulis tentang kepentingan perkhidmatan e-panggilan dengan membuat pertimbangan yang relevan dalam pelbagai bahan.
2. Kongsi pengalaman anda menggunakan perkhidmatan e-panggilan secara lisan.

E-Panggilan Semakin Diterima

Ali mengetahui bahawa e-panggilan ialah perkhidmatan menempah pengangkutan melalui aplikasi elektronik. Persoalan yang bermain dalam mindanya adakah perkhidmatan ini benar-benar signifikan kini? Bagaimanakah pula prospeknya pada masa hadapan?



Apa Kata Mereka?

Perkhidmatan e-panggilan membolehkan saya menempah kenderaan dari mana-mana lokasi. Saya juga boleh mengesan kedudukan dan laluan pemandu serta berkomunikasi dengan pemandu jika perlu.

Encik Mohd Badrul bin Zaman,
Penumpang.

Saya berpeluang untuk menambahkan pendapatan keluarga dengan menjadi pemandu sambil. Konsep menggunakan kenderaan sendiri menjadikan saya tidak terbeban dengan pajakan sewa kenderaan. Saya boleh log masuk dan log keluar sistem aplikasi e-panggilan pada bila-bila masa.

Encik Abd. Rahman bin Mazlan,
Pemandu.

Peranan Kerajaan

- Menyediakan garis panduan perkhidmatan e-panggilan.
- Menguatkuasakan syarat-syarat permohonan Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP).
- Menguatkuasakan syarat kepada pemandu yang ingin mendaftar sebagai pemandu e-panggilan.
- Menguatkuasakan beberapa syarat kenderaan yang akan didaftarkan sebagai kenderaan rasmi e-panggilan.
- Menetapkan kadar komisen maksimum yang boleh dikenakan bagi setiap perjalanan.

(Sumber: Agensi Pengangkutan Awam Darat, Kementerian Pengangkutan Malaysia)

3.3.1 Menulis untuk melengkapkan maklumat dengan membuat pertimbangan yang relevan dalam pelbagai bahan.

2014

- Malaysia mula menerima konsep perkongsian kenderaan mengikut terma Uber.

2018

- Perkhidmatan e-panggilan telah dikuatkuasakan di Malaysia mulai 12 Julai 2018.

2019

- 44 buah syarikat pengendali e-panggilan yang sah dan diluluskan untuk beroperasi oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) hingga 28 November 2019.

COVID-19: Konsep e-bazar guna e-panggilan sahaja dibenarkan

Oleh Rohana Idris dan Mohd Nasruddin Paril
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kabinet meluluskan penganjuran e-bazar menerusi pesanan yang dibuat dalam talian dan dihantar menggunakan kemudahan e-panggilan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob, berkata dua lagi konsep e-bazar, iaitu pandu lalu dan ambil pesanan yang ditempah di gerai belum diluluskan serta masih diperhalus.

"Dua lagi konsep ini, kabinet meminta terus diperhalus kerana kebimbangan kita jumlah kenderaan yang terbabit apabila konsep pandu lalu diperkenalkan, saya percaya akan ramal keluar serentak," katanya pada sidang mediannya, hari ini.

Beliau berkata, dua lagi konsep itu didapati menyukarkan pihak polis dalam melakukan kawalan lalu lintas, selain membuka ruang kepada orang ramai memberikan alasan mudah untuk keluar.

"Alasan baharu untuk ambil produk yang dipesan ini akan menyukarkan polis. Lebih banyak alasan diberikan oleh mereka yang agak sukar patuh PKP.

"Setakat ini, kita setuju satu sahaja yang lain kita minta diperhalus," katanya.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada www.bharian.com/ berita harian, 15 April 2020)



Pengukuhan

Cabaran Usahawan



Aktiviti

Baca bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai untuk mengenal pasti masalah. Kemudian, cadangkan langkah penyelesaian.

TEMA 9

Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan



Saudagar Burung Walit



Aku hampir gagal. Cukup aku beritahu bahawa kegagalan itu kerana rumah burung walit tersebut tidak disinggahi burung walit sejak dibina. Puncanya tidak lain kerana perakam suara burung walit dan kemudahan bekalan elektrik. Dalam diam aku mengakui betapa ceteknya ilmu pengetahuan aku tentang bidang ini. Situasi yang amat perit, mengecewakan, dan mengundang putus asa menyebabkan aku hampir gulung tikar. Bukan mudah untuk aku meraih keyakinan jawatankuasa pemilihan di agensi kewangan ketika ingin mendapatkan bantuan modal. Bersungguh-sungguh aku berhujah bahawa akulah bumiputera yang berupaya mendepani cabaran dalam bidang ini.

Ternyata matahari tidak selalunya cerah. Faktor persaingan yang sengit pula menghimpit. Di tanah kelahiranku sendiri terdapat 300 buah rumah burung walit yang diusahakan oleh warganegara dan dianggarkan bernilai jutaan ringgit. Sebanyak 70 peratus pengusaha rumah burung walit di negeri ini berakhir dengan kegagalan.

Aku juga mengalami masalah komunikasi. Pengedar atau pembeli tidak tertarik untuk mempercayai kebaikan dan kelebihan sarang burung walit ini. Produk yang baik gagal dipromosikan jika tidak melalui komunikasi yang berkesan. Tanpa komunikasi, kerjasama tidak terjalin. Keputusan untuk mengedarkan produk hanya kepada seorang dua pengedar sahaja kerana takut menanggung risiko apabila berurusan dengan pihak lain, telah menjejaskan pendapatanku. Mendung terus menyelubungi hidupku apabila pengedar itu tidak bertanggungjawab dan secara sukarela menarik diri.

Aku mendongak mencari sinar harapan. Dalam apa-apa perniagaan, pencarian ilmu harus didahulukan. Pembacaan buku-buku serta sumber Internet dan kursus yang dianjurkan oleh kakitangan Perhilitan membekalkan banyak inspirasi. Ilmu akan membentuk keyakinan. Melalui ilmu dan keyakinan itulah kita akan menjadi lebih tekad dan lebih tekun untuk berjaya.

Kini, hampir 13 tahun aku bergelumbang dalam perniagaan ini. Berkat kesabaran, aku mempunyai 15 buah rumah burung walit. Setiap rumah burung walit mampu mengeluarkan antara 10 hingga 15 kilogram sarang burung walit sebulan dengan anggaran pendapatan kasar sebanyak RM40 000.00 sebulan.



Pengayaan

Jutawan Internet



Aktiviti

Berdasarkan bahan, lengkapkan maklumat tentang penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam menjanakan pendapatan dengan membuat pertimbangan yang relevan.

Menulis Blog

Penulisan blog dapat menghasilkan pendapatan lumayan dengan cara memasukkan pautan iklan ke dalam blog. Melalui pautan ini, komisen akan diperoleh setiap kali pengunjung blog mengklik pautan berkenaan. Blog yang mempunyai kadar lawatan yang tinggi akan mendapat komisen yang lumayan.

Menjual Barangan

- Barangan terpakai yang tidak digunakan lagi boleh dijual dalam talian. Caranya dengan hanya memuat naik gambar dan memberikan keterangan ringkas dalam laman sesawang atau aplikasi yang digunakan.
- Anda juga boleh menjadi ejen jualan atau stokis tanpa modal bagi produk baharu. Caranya dengan membangunkan satu portal dalam talian sendiri, menggunakan perkhidmatan laman sesawang tertentu, atau menggunakan laman sosial bagi memasarkan produk itu.

Menawarkan Perkhidmatan

Bakat dan kebolehan anda dalam pelbagai bidang boleh diiklankan kepada pelanggan melalui medium ini. Anda akan dapat menjanakan pendapatan sama ada perkhidmatan itu ditawarkan secara sambilan atau sepenuh masa.

Penggiat YouTube

YouTube terbukti telah melahirkan jutawan dari seluruh dunia dengan meraih sebanyak mungkin pelanggan melalui penghasilan video bermutu tinggi secara konsisten. Pelanggan ibarat jantung kepada penggiat YouTube. Pendapatan yang dijanakan bergantung sepenuhnya kepada bilangan penonton.



TEMA 9

Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

TEMA 10

ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

1. Apakah kepentingan hutan paya bakau kepada biodiversiti?
2. Kuasa daripada sumber alam pemangkin kelestarian alam sekitar. Mengapa?
3. Huraikan implikasi lambakan sisa elektronik kepada alam sekitar.
4. Mengapakah aktiviti berjalan kaki berkait dengan mobiliti hijau?
5. Nyatakan kesan kepupusan hidupan liar kepada ekosistem.

Jika alam kita lestari,
Petaka dapat kita hindari.

Jika alam dibiarkan musnah,
Tiada lagi segala khazanah.

Jika alam terus dicemari,
Tanda bencana kian menghampiri.



Mendengar dan Bertutur

Ekosistem Hutan Paya Bakau



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Dengar bahan dengan telitinya. Kemudian, kaitkan pengetahuan sedia ada anda dengan fakta baharu secara betul, tepat, dan bermakna.
2. Terokai maklumat lanjut tentang kepentingan ekosistem hutan paya bakau dan bentangkannya kepada kelas.

Taman Negara Johor Tanjung Piai

Cikgu Rosdi sedang bersoal jawab dengan muridnya tentang hutan paya bakau. Rata-rata murid mengetahui peranan hutan paya bakau sebagai habitat pelbagai flora dan fauna. Tahukah anda, apakah kepentingan hutan paya bakau? Bagaimanakah cara untuk menangani ekosistem hutan paya bakau yang terancam?



Siput sedut/siput mata merah



Ketam nipah



Burung botak



Peta Kemudahan Taman Negara Johor Tanjung Piai

Petunjuk

A - Tempat letak kereta	H - Tapak perkhemahan
B - Kaunter tiket	I - Tapak aktiviti berhalangan
C - Mercu tanda Tanjung Piai	J - Jeti Tiga Negara
D - Kompleks pelawat	K - Menara pemerhati
E - Pejabat	L - Pelantar memancing
F - Dewan serba guna	M - Dataran Penghujung Selatan Tanah Besar Asia
G - Tandas	

1.3.1 Mendengar dan menghubungkan maklumat daripada pengetahuan sedia ada dengan fakta baharu secara betul, tepat dan bermakna.



Kuasa daripada Alam



1. Dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan, baca dan kenal pasti persamaan dan perbezaan maklumat daripada bahan bacaan tersebut.
2. Kenal pasti pelbagai kata terbitan dalam bahan. Gunakan kata terbitan tersebut untuk menghasilkan ayat yang mempunyai perbezaan laras bahasa.
3. Terokai maklumat tentang tenaga daripada sumber alam yang lain dan muatkan maklumat tersebut dalam blog pembelajaran anda.

Tenaga daripada Air

Dania dan Gayathri berbincang tentang pengalaman mereka menyertai Karnival Inovasi Teknologi Hijau pada tahun lepas. Selain pameran, mereka turut menyertai Kuiz Teknologi Hijau.

Dania: Penyertaan kita dalam Karnival Inovasi Teknologi Hijau itu menyeronokkan betul, bukan?

Gayathri: Sayangnya kita tidak dapat menjuarai Kuiz Teknologi Hijau itu. Jika tidak, kejayaan yang ditempa oleh sekolah kita bertambah gemilang.

Dania: Tidak mengapa, Gayathri. Pengalaman dan pengetahuan yang kita peroleh daripada aktiviti itu sangat berguna.

Gayathri: Fikiran saya buntu dan serabut sungguh pada waktu itu. Saya terlupa bahawa ada banyak tenaga yang boleh diperbaharu. Salah satunya ialah tenaga hidroelektrik.

Dania: Siapa sangka, ya, tenaga elektrik dapat dihasilkan oleh sumber alam, iaitu aliran air. Tanpa penemuan sains, tentulah kita sangka bahawa air hanya berguna untuk kita minum, membersihkan diri, dan pakaian sahaja.

Gayathri: Yang penting, tenaga hidro ini bersih dan mesra alam. Tenaga ini tidak mencemarkan alam sekitar seperti tenaga lain yang tidak boleh diperbaharu.

Dania: Wah, luas betul pengetahuan awak tentang tenaga hidroelektrik! Apa lagi yang awak tahu?

Gayathri: Untuk pengetahuan awak, bagi mendapatkan tenaga hidroelektrik yang banyak, empangan yang besar perlu dibina. Pembinaan ini tentulah melibatkan kos yang tinggi juga.

Dania: Saya rasa perkara ini membawa kesan terhadap kawasan sekitarnya.

Gayathri: Benar, pembinaan empangan yang besar ini sedikit sebanyak mendatangkan kesan seperti yang awak sebutkan tadi. Bukan itu sahaja, jika berlaku sebarang kerosakan pada empangan tersebut, manusia dan kawasan di sekitar empangan itu akan berhadapan dengan risiko yang besar.

Dania: Saya cadangkan agar kita tingkatkan lagi pembacaan dan pengetahuan kita tentang perkara ini.

Gayathri: Bagus, Dania. Sebelum itu, nah, bacalah bahan ini! Saya terjumpa satu lagi bahan lain yang mempunyai maklumat tentang tenaga yang boleh diperbaharu.

Dania membelek-belek dan membaca petikan yang diberikan oleh Gayathri.

(Sumber: <http://upikpolimas.edu.my/ojs/index.php/JTVE/issue/view/nasco>)



Bukan Sekadar Sinaran

Penggunaan tenaga solar telah bertapak di Malaysia. Namun begitu, rakyat di negara ini perlu mendapat pendedahan yang lebih banyak tentang kepentingan tenaga ini yang dijanakan oleh sinaran matahari. Hal ini dikatakan demikian kerana kebergantungan terhadap sumber tenaga ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan kelestarian alam sekitar.

Tenaga ini bukan sahaja boleh diperbaharu, malah tenaga yang mesra alam ini menjadikan persekitaran hijau dan lebih bersih. Keadaan ini berlaku kerana tidak ada sebatang pokok pun yang perlu ditebang dan penanaman baharu tidak perlu dilakukan untuk menghasilkan tenaga ini. Kesannya, pelepasan karbon dioksida dapat dikurangkan sebanyak 8328 tan setahun.

Perkara ini bukanlah sekadar ungkapan tinggi melangit kerana penggunaan tenaga ini mula dipraktikkan di Malaysia. Kira-kira

100 bumbung bangunan milik Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak lama lagi akan ditukar menjadi ladang suria yang bersambung dengan grid elektrik negara.

Tenaga Nasional Berhad (TNB), melalui anak syarikatnya TNBX Sdn. Bhd., kini bekerjasama dengan JKR untuk menukar bumbung-bumbung tersebut kepada ladang penjanaan kuasa. Apabila panel dipasang, pengguna di bangunan berkenaan akan mendapat rebat pada bil elektrik mereka.

Selepas satu tempoh yang dipersetujui, sistem yang digunakan akan diserahkan kepada pemilik bangunan yang kemudiannya boleh menggunakan kuasa secara percuma. Memandangkan penggunaan tenaga solar mendatangkan pelbagai manfaat, tenaga ini sepatutnya dijadikan antara pilihan utama rakyat Malaysia suatu hari nanti.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada <https://www.sinarharian.com.my>)



Apakah itu Net Energy Metering (NEM)?

NEM ialah penggunaan tenaga elektrik untuk kegunaan sendiri melalui pemasangan Sistem Solar Fotovolta (PV) di bumbung rumah. Anda boleh melayari laman sesawang www.seda.gov.my/nemcalculator untuk mengira anggaran penjimatan elektrik di rumah anda jika menggunakan Sistem Solar Fotovolta (PV).

- 2.2.1 Membaca untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan maklumat daripada bahan dan sumber yang berbeza dengan betul menggunakan pelbagai teknik bacaan.
- 5.1.2 Mengaplikasi pelbagai kata terbitan dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.



Menulis



Seni Bahasa

Barang Lama, Kehidupan Baharu



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, analisis dan susun isi-isi penting karangan tentang sisa elektronik. Kemudian, hasilkan kerangka karangan berdasarkan isi-isi penting yang telah disenaraikan.
2. Persembahkan gurindam secara kreatif dan menarik dalam bentuk multimedia.
3. **Jelaskan kesan bahan kimia yang terdapat dalam sisa elektronik kepada rakan-rakan dengan menggunakan ayat yang gramatis.**



Sisa Elektronik

Sisa elektronik ialah komponen elektronik yang telah usang atau tidak diperlukan oleh penggunanya. Sisa elektronik mengandungi bahan kimia berbahaya seperti asid, pelarut, raksa, dan plumbum. Bahan kimia ini mengancam kesihatan manusia dalam jangka masa pendek dan panjang. Di Malaysia, sisa elektronik dikategorikan sebagai sisa terjadual dalam Jadual Pertama Kod SW110 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] Buangan Terjadual (2005). Sisa ini dikategorikan sebagai bahan buangan terjadual kerana mempunyai ciri-ciri kebolehnyalaan, menghakis, bertindak balas, dan bertoksik.

(Sumber: Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Jabatan Alam Sekitar Malaysia)



Langkah-langkah untuk Mengurus Sisa Elektronik

- 1 Penguatkuasaan undang-undang haruslah telus kepada mana-mana pihak yang melupuskan sisa elektronik secara haram di negara ini di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
- 2 Masyarakat perlu menggunakan produk sedia ada dan membaiki barang yang rosak. Langkah ini mampu mengurangkan penghasilan bahan sisa elektronik.
- 3 Kempen yang berterusan dapat memberikan kesedaran bahawa alam sekitar penting bagi manusia mencapai kehidupan yang sejahtera. Pihak kerajaan dan NGO perlu menjalankan kempen alam sekitar dengan lebih agresif dan teratur.

Amalan Terbaik

Mengembalikan barangan elektronik yang tidak diperlukan kepada pengeluar.

Menghantar sisa elektronik ke pusat-pusat kitar semula.

Menyelenggara penggunaan komputer dalam sektor awam secara berkala bagi memanjangkan hayat penggunaannya.

Memperbanyak tong kitar semula sisa elektronik.

Memperbanyak program kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai isu lambakan sisa elektronik dan kesannya terhadap alam sekitar.

4 Pendidikan tentang pengurusan dan pelupusan sisa elektronik perlu dimantapkan pada peringkat sekolah. Perkara ini penting bagi membekalkan pengetahuan, kemahiran, nilai, dan komitmen secara bersama ke arah penyelesaian sisa elektronik dalam kalangan generasi muda.

5 Kerajaan perlu menggubal peraturan yang mewajibkan pengeluar mengitar semula atau melupuskan barangan elektronik yang telah rosak secara selamat.

6 Sektor industri menyelaraskan standard penggunaan peranti elektronik. Aksesori dan komponen bahan gantian elektronik boleh diseragamkan untuk pelbagai kegunaan. Contohnya, alat kawalan jauh yang digunakan untuk mengawal televisyen boleh digunakan juga untuk memainkan alat-alat elektronik yang lain.

- 3.4.1 Menulis kerangka karangan dengan menyusun dan menganalisis isi penting secara terancang.
- 4.4.2 Mempersembahkan seloka dan gurindam dengan nada dan intonasi yang sesuai menggunakan pelbagai media secara kreatif.

Gurindam Alam Sekitar

Jika alam kita pelihara,
Hidup tenang hati gembira.

Jika kita mampankan alam,
Hidup kita tidaklah kelam.

Jika alam kita cemari,
Kelak bencana sukar dihindari.

Jika kita beraja nafsu,
Alam indah menjadi lesu.

Jika alam tercemar sampah,
Rezeki tidak lagi melimpah.

Jika kita saling bersatu,
Alam sekitar terjaga tentu.

Jika alam menghiujai damai,
Jiwa tenang kasih tersemuai.

Jika amalkan kitar semula,
Alam ceria nasib terbela.

Jika alam bersih dan indah,
Hidup selesa tiada gundah.

Alias bin Derais,
Shah Alam, Selangor.



Mendengar dan Bertutur

Gaya Hidup Lestari



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Dengar audio dengan telitinya dan janakan idea baharu daripada bahan.
2. Terokai maklumat lanjut tentang pengangkutan hijau di negara kita dan bentangkannya di dalam kelas.

Mobiliti Hijau

Kemampuan Masa Hadapan

Mobiliti hijau merujuk pergerakan manusia yang mesra alam sekitar. Mobiliti hijau ialah peralihan daripada kenderaan yang berasaskan bahan bakar petrol atau diesel kepada penggunaan mod pengangkutan yang mesra alam sekitar dan menggunakan teknologi hijau. Mobiliti hijau membabitkan pengangkutan persendirian, pengangkutan awam, dan pengangkutan aktif tanpa motor.

Jenis Mobiliti Hijau


1. Kereta elektrik



2. Pengangkutan awam elektrik



3. Berbasikal



Kesan

- ❖ Mewujudkan bandar rendah karbon.
- ❖ Merendahkan suhu bumi.
- ❖ Meningkatkan kualiti kebersihan alam sekitar.
- ❖ Mengurangkan masalah kesihatan.



5. Bas elektrik

Saya mengimpikan kemudahan berbasikal dapat disediakan di seluruh negara pada masa hadapan. Dengan berbasikal, udara yang kita sedut bebas karbon. Tubuh badan kita akan menjadi lebih sihat. Ayuh, mari berbasikal!

Jasmin Irisha binti Jim Ilham,
Duta Hijau Muda Malaysia.



Sebagai seorang siswi, Jasmin telah berjaya meyakinkan pihak pengurusan universitinya supaya memulakan satu projek perkhidmatan perkongsian basikal di kampus.

4. Berjalan kaki

1.3.2 Mendengar dan menjana idea baharu daripada maklumat yang diperolehi dengan betul dan bermakna.



Konservasi Alam



1. Analisis maklumat dalam bahan dan tulis perenggan isi secara kritis dan kreatif dengan menggunakan bahasa yang gramatis.
2. Tulis karangan lengkap tentang kepupusan hidupan liar.

Yang Rakus dan yang Pupus

Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai kepelbagaian biologi dengan kewujudan 1500 jenis haiwan vertebrata dan 150 000 jenis haiwan invertebrata di negara ini. Namun demikian, akhir-akhir ini kebanyakan haiwan tersebut diancam kepupusan walaupun pelbagai usaha telah dilakukan. Harimau adalah antara spesies haiwan liar yang semakin terancam.



Pembakaran hutan

Pembakaran hutan secara terbuka menyumbang kepada peningkatan suhu. Haiwan liar semakin terancam disebabkan perubahan cuaca dunia.



Pembalakan haram

Aktiviti menebang spesies pokok yang dilindungi seperti meranti dan cengal turut memusnahkan tumbuhan kecil yang berada di sekeliling dan menyebabkan haiwan liar lari atau mati.



Pencemaran alam

Tumpahan minyak dan longgokan sampah di lautan menjadikan hidupan akuatik semakin pupus.

Langkah-langkah Membendung Kepupusan Hidupan Liar

Penyelidikan dan Pembangunan

- Menubuhkan bank genetik bagi menyimpan DNA.
- Mencipta pelbagai pelalian dan hormon.
- Menempatkan haiwan di zoo untuk tujuan perlindungan, penyelidikan, dan pembiakan.

Penguatkuasaan dan Pemantauan

- Rondaan.
- Hukuman.
- Ganjaran.

Program Kesedaran Kesedaran tentang hak hidupan liar melalui pendidikan di sekolah, ceramah, kempen, dan pameran kepada orang awam.

Statistik Hidupan Liar Mati Mengikut Spesies bagi Tahun 2012 - 2017

Spesies	2012	2013	2014	2015	2016	2017	Jumlah	%
Kera	3235	3195	3924	3915	4237	4927	23 433	61.29
Babi Hutan	608	681	782	778	911	902	4662	12.19
Gajah	549	562	410	348	327	342	2538	6.64
Musang Pandan	367	382	481	326	307	327	2190	5.73
Beruk	231	225	234	320	330	320	1660	4.34
Lontong Cenekah	50	45	74	91	84	62	406	1.06
Ular-ular Lain	50	51	60	48	84	51	344	0.90
Lotong Cekong	35	31	45	57	86	82	336	0.88
Biawak Air	43	42	67	57	57	68	334	0.87
Ular Sawa	74	73	61	44	39	42	333	0.87
Harimau Belang	64	69	39	29	28	35	264	0.69
Beruang	38	35	39	51	46	52	261	0.68
Ular Tedung	52	39	34	23	34	28	210	0.55
Spesies-spesies Lain	47	47	27	22	25	22	190	0.50
Tapir	17	39	23	30	24	43	176	0.46
Burung-burung Lain	22	45	33	20	31	20	171	0.45
Burung Hantu	26	23	34	20	21	30	154	0.40
Harimau Kumbang	18	26	36	29	18	19	146	0.38
Buaya	17	8	9	12	28	25	99	0.26
Kelawar	10	10	28	14	15	21	98	0.26
Burung Helang	17	9	15	6	6	16	69	0.18
Harimau Dahan	11	9	9	3	9	4	45	0.12
Musang Tenggalung	10	10	10	6	5	3	44	0.12
Memerang Licin	7	8	5	2	9	5	36	0.09
Kucing Batu	3	4	2	5	3	2	19	0.05
Burung Layang-layang	0	7	2	2	2	3	16	0.04
Tenggiling	0	0	1	0	1	0	2	0.01
Jumlah	5601	5675	6484	6258	6767	7451	38 236	100.0

Statistik Bilangan Spesies Hidupan Liar Mati Disebabkan Jerat bagi Tahun 2015 - 2018

Spesies	Tahun				Jumlah
	2015	2016	2017	2018	
Beruang	3		3	4	10
Babi Bodoh				2	2
Babi Hutan			3	20	23
Tapir			2	7	9
Kijang		1	4	3	8
Harimau Kumbang	2			1	3
Harimau Dahan				1	1
Gajah		2			2
Rusa			1		1
Kambing Gurun		1		2	3
Burung Kuang Raya				3	3
Landak Paya	1			1	2
Harimau Belang	1				1
Biawak Serunai	1				1
Pelanduk			1		1
Napuh				2	2
Rusa				1	1
Burung-burung Lain				2	2
Jumlah	8	4	14	49	75

(Sumber: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan))

(Sumber: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan))

3.4.2 Menulis untuk menghuraikan perenggan isi secara kritis dan kreatif dengan menggunakan bahasa yang gramatis.



Penilaian

Soalan 1 (i)

Baca dan jawab soalan-soalan di bawah.

Pelancongan kesihatan ialah pelancongan yang dilakukan untuk mendapatkan rawatan di samping makan angin. Kerajaan telah mula menitikberatkan pelancongan kesihatan sebagai salah satu cara diversifikasi ekonomi dalam industri kesihatan dan pelancongan semasa krisis kewangan Asia muncul pada tahun 1997. Pada tahun 2009, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menubuhkan Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia atau *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) untuk berkhidmat sebagai agensi utama dalam mempromosikan dan membangunkan industri pelancongan perubatan negara. MHTC sedang gigih bekerjasama dengan pembekal perubatan untuk membangkitkan kesedaran terhadap perkhidmatan kesihatan Malaysia yang bertaraf dunia. Menerusi laman sesawang *International Living*, Malaysia diletakkan pada kedudukan pertama memiliki perkhidmatan kesihatan terbaik dunia dengan markah 95 peratus.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *BH Online*, 2 Mei 2019)

Berdasarkan bahan di atas, huraikan usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk menarik pelancong asing datang ke Malaysia bagi beristirahat di samping mendapatkan perkhidmatan kesihatan terbaik.

Soalan 1 (ii)

Sektor pertanian berfungsi sebagai sumber pembekal makanan kepada seluruh penduduk di Malaysia. Oleh itu, sektor pertanian mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan. Namun begitu, bidang pertanian ini kurang diminati khususnya oleh generasi muda kerana dikatakan generasi muda lebih berminat untuk bekerja makan gaji.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah yang perlu anda lakukan untuk meningkatkan minat anda dalam bidang pertanian?

Soalan 2

Baca dan fahami bahan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

5 Tip Mudah Mengurus Kewangan

- Simpan 10% daripada pendapatan anda.
- Bayar penuh jumlah penggunaan kad kredit.
- Sediakan belanjawan dan senarai perbelanjaan bulanan.
- Berbincang dengan pasangan tentang kewangan.
- Buat senarai barang sebelum membeli.

Satu tinjauan yang dilakukan oleh Jabatan Statistik Malaysia, iaitu kaji selidik khas kesan COVID-19 kepada ekonomi dan individu di Malaysia menunjukkan 52.6% berasa sangat tertekan dari segi impak kewangan.

71.4% yang bekerja sendiri menyatakan simpanan kewangan yang mereka ada hanya cukup untuk 1 bulan.

HAMPIR 53% BERASA SANGAT TERTEKAN DARI SEGI KEWANGAN

Mengurus wang dengan bijaknya bermaksud merancang kewangan secara berhemat. Perancangan kewangan yang berhemat ini seharusnya menjadi prinsip utama dalam kehidupan. Jika pengurusan kewangan tidak sistematik, akan timbul pelbagai masalah seperti keberhutangan yang tinggi, pembaziran ketika berbelanja, dan tiada simpanan yang dapat digunakan pada saat-saat kecemasan. Aktiviti perbelanjaan harian tanpa perancangan yang betul serta kegagalan untuk membezakan keperluan dengan kehendak mengakibatkan kualiti hidup masyarakat merosot.

1. Berdasarkan bahan, gambarkan pengurusan kewangan tidak sistematik.
2. Ceritakan pengurusan wang saku yang anda amalkan.
3. Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah amalan pengurusan kewangan dapat menjamin kesejahteraan hidup?
4. Perancangan kewangan penting demi kelestarian hidup. Berikan ulasan anda.

Soalan 3

Pilih satu tema di bawah dan jalankan aktiviti lisan berkumpulan.

(i) Tema: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Soalan: Antara faktor utama pencemaran alam berpunca daripada tangan manusia sendiri. Perbuatan membuang sampah ke dalam sungai akan menyebabkan air sungai tercemar dan hidupan akuatik akan mati. Begitu juga perbuatan membakar sampah secara terbuka berpotensi mengundang pencemaran udara.

Ulas pernyataan soalan tersebut.

(ii) Tema: Pertanian, Penternakan dan Perikanan

Soalan: Sektor pertanian merupakan sektor yang penting di seluruh dunia. Kepentingan utama sektor ini adalah untuk membekalkan sumber makanan dan bahan mentah. Sektor ini menawarkan pelbagai peluang pekerjaan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Bincangkan.

Soalan 4

Baca bahan-bahan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pantun Sayangi Hutan

Di tepian lata mengail ikan,
Dikail teruna waktu malam;
Hutan kita usah binasakan,
Kelak merana seisi alam.

Tumbuh terbiar pohon putat,
Gugur daunan jatuh ke tanah;
Hidupan liar hilang habitat,
Kerana hutan semakin musnah.

Ikan siapak di dalam timba,
Hendak dikukus Cik Siantan;
Lantaran sikap tamak haloba,
Hampir pupus harimau di hutan.

Kalau adinda hendak ke kota,
Jala serawan harap dibeli;
Hutan ternoda di depan mata,
Jangan kalian tidak peduli.

Bahan 2

Dalam seketika sahaja hutan dara itu telah ternoda. Kini, hutan itu telanjang polos, sedangkan selama ini busana hijau yang menutupinya. Segala-galanya sirna dalam sekelip mata. Yang tinggal hanyalah serpihan kayu dan tunggul-tunggul mati. Perasaan kesal telah menggores dada Pak Tua. Matanya berkaca-kaca. Beribu-ribu dan mungkin berjuta-juta tahun iklim alam mengambil masa menenun busana hijau untuk bumi, tetapi dalam sekelip mata jentolak yang dipandu oleh Pak Tua telah merobek dan mengoyak habis busana rimba. Sesal Pak Tua semakin melebat. Pak Tua cuba meraih kembali ingatannya sewaktu 30 tahun yang lalu. Jemari tangannya terketar-ketar mengurut kerut di dahinya yang menyimpan memori yang begitu banyak. Setitis dua air mengalir di sudut kelopak matanya.

'Aku ingin kawasan hutan ini kembali rimbun,' kata Pak Tua, sendirian sambil memejamkan mata.

Dalam layar gelap yang nampak hanya lori-lori balak yang mengaum sombong sambil mengangkut batang-batang kayu sebesar sepemeluk hingga dua pemeluk orang dewasa. Timbunan batang kayu itu terikat kemas di atas tubuh sang lori. Sesekali tubuh lori-lori balak itu terenjut-enjut ketika lapan biji rodanya melalui jalan tanah merah yang berdebu dan tidak rata. Musim hujan antara bulan Oktober dengan Disember sering membina lopak yang akan menghiasi sepanjang jalan tanah merah itu.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Sasjira. "Hutan Rimba" dlm. *Antologi Dirgahayu Bahasaku*, hlm. 167, 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud rangkap yang pertama.
- (ii) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan akibat daripada penggondolan hutan.
- (iii) Berdasarkan maksud rangkap pertama Bahan 1, iaitu Hutan kita usah binasakan, Kelak merana seisi alam, apakah langkah yang harus diambil agar hutan akan kekal seperti sedia kala walaupun pembangunan pesat dijalankan?
- (iv) Anda mengikuti satu ekspedisi mendaki Gunung Ledang, Johor. Semasa perkhemahan, anda mendapati ada sekumpulan pendaki yang telah menebang beberapa batang pokok dan membakar daun-daun kering berhampiran tapak perkhemahan mereka. Apabila dilihat api semakin marak, mereka telah berusaha memadamkannya. Perhatikan usaha mereka itu mengalami kesukaran, maka anda dan rakan-rakan telah membantu mereka memadamkan api tersebut. Walaupun api tersebut berjaya dipadamkan, namun sebahagian kawasan di tapak perkhemahan tersebut telah terbakar.

Pada pendapat anda, apakah yang harus dilakukan agar setiap individu di muka bumi ini menghargai kewujudan hutan dan tidak sewenang-wenangnya melakukan kemusnahan?

Soalan 5

Baca petikan novel di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Ketiga, menggantikan lampu-lampu yang sedia ada kini dengan lampu yang mempunyai gelombang cahaya yang lebih rendah. Berdasarkan kajian dalam bidang *scotobiology* atau kajian tentang kesan kegelapan terhadap kitaran hidup manusia, haiwan dan tumbuhan menunjukkan bahawa gelombang cahaya yang terlalu tinggi bukan sahaja mengganggu kitaran haiwan yang aktif pada waktu malam dan tumbuhan dari segi pertumbuhan, pembiakan dan jadual mencari makan. Hal ini juga membawa kesan negatif terhadap kesihatan manusia. Manusia yang terdedah kepada cahaya yang terlalu terang akan mengalami tekanan darah yang lebih tinggi dan juga masalah kesuburan. Bahkan, para saintis *scotobiology* sedang menunggu sahaja pengesahan daripada kajian-kajian mereka sama ada keterdedahan melampau manusia moden kepada cahaya buatan sebagai faktor penyebab penyakit barah."

(Sumber: Dipetik daripada Sri Rahayu Mohd Yusop, hlm. 104, 2015. *Bimasakti Menari*. Kementerian Pendidikan Malaysia)

- (i) Nyatakan kesan-kesan gelombang cahaya yang terlalu tinggi kepada manusia.
- (ii) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan peristiwa yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan.

Soalan 6

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disediakan di bawah. Kemudian, buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan grafik.

Pelancongan merupakan industri yang sangat penting kepada negara. Produk pelancongan Malaysia termasuklah bentuk muka bumi yang menarik, kepelbagaian budaya, pelancongan kesihatan, pelancongan sukan dan pemeliharaan serta pemuliharaan bangunan bersejarah telah memperkenalkan Malaysia ke santero dunia.

Industri pelancongan dapat menjanakan pendapatan negara. Kedatangan pelancong asing ke Malaysia telah meningkatkan pendapatan negara melalui tukaran wang asing dengan mudah dan banyak. Aktiviti berbelanja dan membayar kos penginapan selama menetap di sesuatu destinasi memberikan pulangan yang bukan sedikit kepada negara. Wang tersebut dijanakan oleh kerajaan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan fizikal dalam negara.

Industri pelancongan dapat mengurangkan pengangguran dengan wujudnya pelbagai peluang pekerjaan yang terbentang luas. Industri ini memerlukan ramai tenaga kerja sama ada golongan pekerja mahir terlatih dan berpengalaman pada peringkat pengurusan dan penyeliaan serta golongan pekerja separa mahir. Selain itu, industri ini memberikan peluang perniagaan berangkai kepada rakyat kerana menjadi medium perkembangan pelbagai sektor lain seperti sektor pengangkutan, makanan dan minuman, bunga-bunga, kraf tangan, inap desa, pertanian, dan penternakan.

Selain itu, kegiatan pelancongan yang aktif merupakan tarikan utama pelabur asing untuk menanam modal di negara ini. Pelaburan asing tersebut bukan sahaja berfokus semata-mata kepada sektor-sektor seperti pengusahaan hotel, pengusahaan taman tema dan pengusahaan pusat beli-belah, tetapi juga kepada bidang yang tiada kaitan dengan

pelancongan seperti pengangkutan dan pembinaan. Kesannya, pihak kerajaan boleh memperuntukkan lebih banyak perbelanjaan untuk memenuhi keperluan rakyat yang lebih mendesak berbanding dengan mengindahkan kawasan pelancongan dalam negara. Jelaslah kehadiran pelabur asing dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Sebagai kesimpulannya, industri pelancongan merupakan industri yang sangat penting kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, usaha mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan popular dunia tidak terletak pada bahu kerajaan semata-mata, malah rakyat juga perlu memainkan peranan dengan menunjukkan sikap mesra dalam menyantuni para pelancong.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Michelle Toi Tze Ching. "Sumbangan Sektor Pelancongan" dlm. *Dewan Siswa*, Ogos 2015)

Pencapaian Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia 2019



Sektor Pelancongan dan Kebudayaan

Januari – September 2019

- Pelancong antarabangsa: **20.1 juta**
- Pendapatan: **RM66.1 billion**

Program Inap Desa

- Memperkasakan ekonomi luar bandar.
- Merapatkan jurang ekonomi.

Januari – Disember 2019

- Pelancong: **458 899**
- Pendapatan: **RM29.7 juta**

Pelancongan Perniagaan di bawah *Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB)*

Januari – Disember 2019

- Delegasi antarabangsa: **109 838**
- Anggaran impak ekonomi: **RM1.8 billion**

Malaysia Rumah Keduaku (MM2H)

Januari – Disember 2019


- Kutipan fi visa: **RM14.1 juta**

Khalayak ke Tapak Warisan Dunia UNESCO, Acara dan Premis Kebudayaan

Januari – September 2019

Acara Kebudayaan
1.6 juta orang

Premis Kebudayaan
7.9 juta orang



Tapak Warisan Dunia UNESCO
19.8 juta orang

Pencapaian Industri Kraf Tangan

- Bilangan Projek Satu Daerah Satu Industri: **120** projek melibatkan 2003 usahawan kraf
- Nilai Jualan Kraf: **RM519.7 juta**
- Bilangan Usahawan Kraf: **5816 orang**
- Jumlah Pendapatan Usahawan Kraf Bumiputera: **RM127.8 juta**

Pendapatan Sektor Kebudayaan

Januari – September 2019

- RM585.4 juta

Kluster Seni Budaya

- Kraf/Seni Visual: **RM547.9 juta**
- Seni Persembahan: **RM28.7 juta**

Kluster Warisan Budaya

- **RM4.1 juta**
- **RM4.7 juta**

(Sumber: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

TEMA 11

DUNIA SELAMAT MILIK KITA

1. Pada pendapat anda, adakah penggunaan e-dompet selamat? Berikan alasan.
2. Bagaimanakah cara untuk memastikan keselamatan negara sentiasa terpelihara?
3. Apakah langkah keselamatan yang perlu diambil sebelum menunggang motosikal?



Apabila segenap alam terjaga,
Hidup sentosa segala warga.

Apabila keselamatan kita terpelihara,
Hidup di dunia aman sejahtera.



Mendengar dan Bertutur

Berbelanja Tanpa Waswas



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, berbuallah dengan rakan anda tentang keselamatan penggunaan e-dompot dengan memberikan maklum balas dalam bentuk idea baharu secara bertatasusila.
2. Pada masa akan datang, wang kertas dan wang syiling tidak akan digunakan sama sekali. Bersetujukah anda dengan pernyataan ini? Berikan alasan.



Dompot Maya

Bank Negara Malaysia telah mula mengeluarkan lesen penggunaan e-dompot pada penghujung tahun 2018. Semenjak itu, orang ramai boleh menjalankan urusan jual beli tanpa menggunakan wang secara fizikal. Seterusnya, penggunaan e-dompot ini akan membawa Malaysia ke arah negara tanpa tunai.

Apakah yang dimaksudkan e-dompot?

E-dompot ialah aplikasi yang berfungsi seperti dompot fizikal, iaitu menyimpan wang, kad debit, dan juga maklumat akaun bank dalam bentuk aplikasi digital. E-dompot bertujuan untuk menggantikan dompot fizikal supaya kita tidak perlu lagi membawa wang tunai atau beg tangan ke mana-mana.

Kelebihan

- Mengurangkan jumlah wang tunai yang perlu dibawa.
- Tidak perlu beratur panjang untuk mengeluarkan wang.
- Menjadikan transaksi wang lebih pantas.
- Boleh menyimpan segala rekod perbelanjaan, tidak perlu menyimpan resit.
- Banyak peluang mendapat ganjaran wang dan diskaun.

Kekurangan

- Sukar digunakan jika talian Internet kurang stabil atau tidak laju.
- Terdedah pada risiko penipuan, sama seperti penggunaan perbankan Internet.
- Tidak tahu memilih e-dompot yang sesuai kerana terlalu banyak aplikasi ini di pasaran.
- Sesetengah peniaga hanya menerima e-dompot tertentu.

Gunakan E-Dompot dengan Selamatnya

1. Jangan respons atau klik secara sembarangan pesanan ringkas, mesej, atau pautan yang menjanjikan ganjaran wang tunai atau hadiah.
2. Jika tawaran diterima melalui e-mel, sahkan kandungan tersebut terlebih dahulu. Penipu biasanya akan menggunakan visual yang agak pelik dan tatabahasa yang salah.
3. Pastikan pautan yang anda klik tidak mencurigakan. Untuk pengesahan mengenai sebarang ganjaran, buat semakan dalam laman rasmi e-dompot tersebut terlebih dahulu.
4. Hubungi pihak penyedia perkhidmatan e-dompot anda bagi mengesahkan tawaran atau ganjaran yang diterima seandainya ada keraguan.
5. Sentiasa kunci telefon pintar anda pada setiap masa. Gunakan sentuhan Identiti Biometrik untuk keselamatan yang lebih baik.
6. Jangan kongsi maklumat peribadi anda seperti nama log masuk, kata laluan, nombor PIN, dan nombor OTP (*one time passcode*) kepada pihak lain.

(Sumber: *consumerinfo.my*)



Membaca

Keselamatan Anda, Tanggungjawab Kami



Aktiviti

1. Baca bahan dengan menggunakan teknik bacaan CHATT.
2. Bandingkan maklumat tentang Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Kemukakan bukti daripada bahan teks.
3. Terokai maklumat tentang peranan pasukan keselamatan lain. Kemudian, bentangkannya di dalam kelas.

Siap Sedia Sentiasa

Tugas Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) tertakluk pada Akta Pertahanan Awam 1951 (Akta 221). Semasa peperangan, APM bertanggungjawab menjaga keselamatan awam tanpa melibatkan penggunaan senjata. Semasa aman pula, APM menjaga keselamatan awam sebelum, semasa, dan selepas sesuatu bencana.

Objektif

Mengurangkan risiko akibat bencana dengan cara:

1. Menyediakan latihan penyelamatan kepada orang awam.
2. Mewujudkan dan mengendalikan sistem amaran bencana.
3. Menyediakan pusat-pusat perlindungan semasa berlakunya bencana.

Memberikan respons apabila berlaku bencana dengan cara:

1. Menubuhkan pasukan (*First Responder*).
2. Menyediakan perkhidmatan kecemasan.

Memberikan perkhidmatan pemulihan dengan cara:

1. Membantu aktiviti pembersihan kawasan yang dilanda bencana.
2. Membantu aktiviti pembangunan semula kawasan yang dilanda bencana.
3. Menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada mangsa bencana.

Tugas

Antara tugas APM adalah seperti yang berikut:

- Melatih dan melengkapkan rakyat dengan ilmu pertahanan awam ke arah kesiapsiagaan untuk menghadapi ancaman musuh, kecemasan, dan bencana.
- Melaksanakan tugas penyelamatan, perlindungan, dan khidmat kemanusiaan daripada sebarang ancaman musuh, bencana, dan kecemasan.
- Mengenal pasti dan mengkaji ancaman serta mengawal risiko yang boleh memberikan impak terhadap keselamatan rakyat dan negara.
- Menyediakan perkhidmatan kecemasan dan khidmat bantuan kemanusiaan di seluruh negara.
- Melaksanakan dan menambah baik dasar-dasar pertahanan awam berpandukan punca kuasa yang ditetapkan.

(Sumber: www.civildefence.gov.my)



Sedia Menyelamat

Visi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) adalah untuk menjadi sebuah organisasi kebombaian dan penyelamatan berprestasi tinggi. Misinya pula adalah untuk memberikan perkhidmatan kebombaian dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda demi kesejahteraan rakyat.

JBPM menjalankan tugas pencegahan dan pemadaman kebakaran. Badan beruniform ini juga bertanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan. Mereka sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat kemanusiaan dengan cekapnya dan berkesannya.

Tugas anggota bomba yang diketahui oleh kebanyakan orang adalah untuk memadamkan kebakaran. Walau bagaimanapun, pihak bomba sebenarnya turut membantu agensi kerajaan dan swasta yang menjalankan kawad kebakaran. Selain itu, pihak bomba juga mengadakan kempen untuk menyedarkan masyarakat tentang keselamatan dan bahaya kebakaran.

JBPM juga bertanggungjawab untuk memastikan sesebuah bangunan mempunyai ciri-ciri keselamatan. Mereka memastikan setiap bangunan dilengkapi sistem amaran dan alat pemadam api agar berfungsi dengan baik. Selepas kebakaran berlaku pula, pihak bomba menjalankan kerja-kerja forensik kebombaian untuk menyiasat punca kebakaran dan seterusnya melaksanakan pendakwaan di mahkamah.

Perkhidmatan JBPM yang lebih luas meliputi operasi penyelamatan di pelbagai tempat dan keadaan. Pihak JBPM mempunyai pasukan khas yang terlatih untuk menjalankan kerja penyelamatan di udara, di air, di bangunan tinggi, di bahagian cerun, dan di kawasan hutan. Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya atau *Hazardous Material Unit Team (HAZMAT)* pula berkebolehan untuk menjalankan kerja menyelamat di kawasan yang mengandungi bahan berbahaya, seperti bahan kimia dan agen biologi.

Antara tugas menyelamat JBPM yang lain termasuklah kerja-kerja untuk mengeluarkan mangsa kemalangan daripada kenderaan, menyelamatkan mangsa runtuh bangunan, serta mencari dan menyelamatkan mangsa lemas. Di samping itu, anggota bomba turut terlibat dalam tugas yang ringan seperti menyelamatkan kucing di atas pokok, menangkap ular, dan mengeluarkan kanak-kanak yang terperangkap pada jeriji besi.

(Sumber: www.bomba.gov.my)

2.3.1 Membaca, menilai dan membandingkan bahan teks yang berbeza dengan betul berdasarkan bukti yang terdapat dalam teks menggunakan teknik bacaan yang sesuai.



Negara Sentosa, Rakyat Selesa



1. Berdasarkan bahan, susun dan olah isi-isi penting untuk menulis karangan lengkap. Kemudian, tulis karangan tersebut dengan menggunakan bahasa berbudaya.
2. Persembahkan sedutan novel dengan kreatifnya dan menariknya.
3. Kenal pasti peribahasa yang terdapat dalam bahan. Kemudian, tulis situasi yang menggambarkan peribahasa tersebut.

Selingkar Kisah Perjuangan

"Tuk Penghulu, ya?" tanya AP Yusof Kamin dengan kuatnya.

"Ya, awak siapa?" tanya Penghulu Ali lagi.

"Yusof, Yusof Kamin dari Kampung Meda!" jawabnya. Penghulu Ali berasa lega, AP Yusof Kamin berasa lapang. Mereka datang mahu membantu pertahanan polis. Mereka terus berkumpul di situ. Penghulu Ali dan anak buahnya seramai lebih kurang 40 orang itu tidak membalas tembakan lagi setelah AP Redzuan Alias gugur.

Pihak komunis yang memintas kemaraan pasukan bantuan kampung juga tidak menembak lagi. Mereka telah berpecah kepada tiga pasukan. Satu pasukan kecil terus bertahan di situ untuk menghadapi pasukan Penghulu Ali. Dua pasukan lagi telah berpecah, bergerak ke arah jalan Kampung Belatak di sebelah timur, dan satu pasukan lagi ke arah Kampung Meda di sebelah barat. Pasukan yang tinggal di situ terus mendiamkan diri menunggu reaksi kumpulan pasukan bantuan dari Kampung Tui.

Penghulu Ali begitu gelisah mendengar bunyi berbalas tembak yang semakin hebat. Dia harus berbuat sesuatu untuk membantu pasukan polis.



KESELAMATAN TANGGUNGJAWAB

Mengamalkan sikap toleransi

Menghormati perbezaan antara kaum dengan agama

PERANAN MASYARAKAT

Menjadi mata dan telinga kepada polis

Mencintai keamanan

Menjadi warganegara yang bertanggungjawab

Warga prihatin.

Bersekutu bertambah mutu.

Sakit sama mengaduh, luka sama menyuik.

Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua.

KESELAMATAN

Keadaan bebas daripada ancaman bahaya

Merupakan perihal selamat, sejahtera, dan aman

NEGARA BERSAMA

Bahaya dadah

Kemasukan warga asing

Keselamatan siber

ANCAMAN TERHADAP NEGARA

Lanun dan pengganas

Serangan mata wang

Negara kita tanggungjawab kita.

Umpama sirih, menjalar dulu kemudian melilit, barulah memanjat puncak junjung.

Yang bertakuk ditebang, yang bergaris dipahat.



Penghulu Ali telah membahagikan pasukan yang ramai itu kepada dua pasukan. Satu pasukan akan berundur ke belakang kemudian mara menyusur ke arah rumah pasung untuk mengelak daripada dikesan oleh pasukan pemintas komunis. Satu pasukan lagi akan berundur sedikit dan terus menyusur mengikut jalan tebing sungai.

Belum beberapa jauh langkah mereka, gerak-geri pasukan Penghulu Ali telah dapat dipintas oleh pasukan kecil penganas komunis. Mereka sekali lagi dihujahi peluru musuh. Melihatkan keadaan itu, Penghulu Ali yang mengetuai satu pasukan yang menyusur ke arah tebing sungai dengan serta-merta merebahkan diri, mencari perlindungan di parit kecil dan semak samun. AP yang membawa senjata api dapat membalas tembakan curi ke arah pasukan penganas komunis.

Sudah beberapa kali anak buah Penghulu Ali cuba membuat percubaan memboloskan diri daripada perangkap pintasan kumpulan penganas komunis itu, tetapi tidak berjaya. Setiap kali mereka mencuba, mereka akan menjadi sasaran peluru musuh. Penghulu Ali terpaksa bertahan di situ sahaja sementara menunggu saat dan ketika yang baik untuk bertindak.

Tembakan-tembakan terus hebat. Pasukan komunis terus menyerang. Pasukan polis terus bertahan dengan gagahnya. Orang-orang kampung di bawah pimpinan Penghulu Ali masih belum dapat sampai ke destinasi yang hendak ditujui. Penduduk Cina yang tinggal berhampiran dengan kompleks polis juga dalam ketakutan, rumah mereka telah menjadi sasaran peluru sesat tembakan kedua-dua pihak yang bertarung.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Ismail Johari. "Bukit Kepong" hlm. 221 - 222, 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 3.4.3 Menulis untuk menghasilkan pelbagai jenis karangan yang lengkap dengan menggunakan bahasa berbudaya.
- 4.4.3 Mempelsembahkan sedutan novel secara langsung dengan kreatif dan menarik.



Bahaya di Sebalik Dawai




1. Berdasarkan bahan, berbahaslali tentang kemalangan yang melibatkan penggunaan elektrik yang berpunca daripada kecuaiannya manusia dengan mengemukakan fakta yang logik dan relevan secara bertatasusila.
2. Anda perlu berhati-hati semasa menggunakan peralatan elektrik untuk mengelakkan kemalangan. Bincangkan.



Gunakan Elektrik dengan Selamatnya

Kita kerap mendengar berita kemalangan yang melibatkan penggunaan elektrik. Kemalangan ini disebabkan oleh pelbagai punca yang melibatkan kecuaiannya manusia.

Punca Kemalangan Elektrik bagi Tahun 2017 – 2019



Petunjuk

- Pemasangan/selenggaraan tidak sempurna (SOP)
- Prosedur kerja selamat tidak dipatuhi
- Aktiviti kerja orang awam berhampiran pemasangan elektrik
- Pencerobohan di pemasangan elektrik
- Punca-punca lain
- Kecacatan pada peralatan/perkakasan elektrik
- Salah guna sistem pendawaian

(Sumber: Suruhanjaya Tenaga)

Melecur Terkena Renjatan Elektrik

Harian Metro | 22 Mei 2019

DUA pekerja kontraktor Electricity Sdn. Bhd. (SESB) melecur akibat terkena renjatan elektrik ketika menjalankan kerja penyelenggaraan kabel di tepi jalan di Jalan Putatan - Lok Kawi, Penampang, Sabah hari ini.

Lelaki Maut Terkena Renjatan Elektrik ketika Membaiki Lampu Meja

Bernama | 6 Julai 2020

JOHOR BAHRU: Seorang lelaki warga tempatan maut dipercayai akibat terkena renjatan elektrik ketika membaiki lampu meja di rumahnya di Jalan Badik, Kampung Melayu, Kulai, awal pagi tadi.



Panduan Keselamatan Penggunaan Elektrik

- Menggunakan peralatan elektrik yang diluluskan oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia yang juga dikenali sebagai *Standard and Industrial Research Institute of Malaysia* (SIRIM).
- Melakukan pemeriksaan pendawaian pada bangunan oleh kontraktor yang berdaftar.
- Memastikan tiada kerosakan pada peralatan elektrik.
- Memastikan peralatan elektrik tidak disentuh dengan tangan yang basah.
- Mempamerkan tanda amaran semasa kerja berkaitan dengan elektrik sedang dijalankan.
- Memastikan tiada kabel bertegangan tinggi berdekatan dengan kawasan kerja.
- Memastikan sesuatu soket tidak dibebankan dengan terlalu banyak peralatan elektrik.
- Memastikan penyambung soket yang tidak diluluskan tidak digunakan.

Penguatkuasaan Peraturan dan Undang-undang

- Memastikan pendawaian elektrik hanya dilakukan oleh kontraktor yang berdaftar.
- Melaksanakan program audit dan pemeriksaan mengejut bagi memastikan pendawaian elektrik yang selamat.
- Meningkatkan pematuhan terhadap peraturan keselamatan bagi aktiviti kerja berhampiran dengan pemasangan elektrik berbahaya.
- Memastikan langkah-langkah keselamatan di pemasangan elektrik dipatuhi sepenuhnya.
- Meningkatkan pematuhan terhadap kehendak kelulusan dan pelabelan peralatan elektrik di pasaran.
- Mengenakan denda terhadap pihak yang menjual barangan elektrik yang tidak mendapat kelulusan pihak SIRIM.

1.4.2 Berbahas tentang sesuatu perkara dengan mengemukakan fakta yang logik dan relevan secara bertatasusila.



Beretika di Jalan Raya



1. Baca bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian, kenal pasti masalah yang terkandung dalam bahan dan cadangkan langkah penyelesaian.
2. Kenal pasti kata ganda dan akronim yang terdapat dalam bahan. Kemudian, tulis perenggan pendek dengan menggunakan kata ganda dan kata akronim tersebut.
3. Terokai laman sesawang [Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia](#) untuk mendapatkan maklumat dan statistik kemalangan di Malaysia. Kemudian, bantangkannya.

Elakkan Kemalangan Motosikal

Memotong di sebelah kiri ialah perbuatan yang berbahaya. Mengapa? Secara normal, pemandu kenderaan-kenderaan besar akan cenderung membelok ke kiri jalan apabila berlaku situasi mencemaskan seperti kemalangan atau kerosakan. Saya pernah melihat sebuah motosikal merempuh sebuah jentolak di persimpangan jalan kerana perbuatan ini.

Selain itu, simpang jalan juga bukanlah lokasi terbaik untuk memotong kenderaan. Ada banyak kes penunggang motosikal dirempuh kenderaan lain yang mahu keluar atau masuk simpang. Anda perlu berhati-hati sewaktu menunggang motosikal di jalan raya.

Lahleenah a/p Murugan,
Pengerusi,
Kelab Keselamatan Jalan Raya
(Kejara),
SMK Bitara Jaya.

Terdapat pengguna yang tidak memastikan keadaan lampu-lampu motosikal mereka dalam keadaan baik. Keadaan lampu yang tidak berfungsi dengan baik nya anda ketika menunggang motosikal, terutamanya pada waktu malam yang gelap-gelita. Anda mungkin ada penglihatan setajam helang yang tidak memerlukan bantuan lampu motosikal, tetapi pengguna jalan raya lain tidak mempunyai kuasa seperti anda. Mereka belum tentu dapat memastikan kelibat anda. Mereka tidak tahu anda di hadapan, atau sedang membrek, atau mahu membelok. Sikap halai-balai anda meletakkan diri anda dalam keadaan bahaya.


Burhan bin Ismail,
Kadet Kor Suksis,
Universiti Utara Malaysia.



Motosikal anda bergerak dan berhenti kerana tayar. Oleh sebab itu, tukar tayar dengan segeranya apabila bunganya sudah haus atau telah tiga tahun digunakan. Agar tidak rasa terbeban apabila perlu menukar tayar, anda boleh menyediakan tabung khas untuk melakukan penukaran tersebut. Pilih tayar yang baik dan sesuai untuk kegunaan anda. Tidak perlu tayar yang mahal kerana anda bukan hendak berlumba di atas litar, sebaliknya hanya berulang-alik ke sekolah. Pilihlah tayar yang baik dengan harga yang berpatutan.

Lee Han Syong,
Pengurus,
Syarikat Tayar Han Syong
(SYATAHAS).

Jumlah Kematian Melibatkan Kemalangan Motosikal dari Tahun 2009 – 2018



(Sumber: Jabatan Pengangkutan Jalan)

Berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia atau *Malaysian Institute of Road Safety Research* (MIROS), sebanyak 60 peratus hingga 65 peratus kemalangan maut di Malaysia melibatkan penunggang motosikal. Oleh itu, sebagai penunggang motosikal, patuhilah peraturan, tanda-tanda jalan raya, dan halaju yang ditetapkan. Jadilah penunggang motosikal yang berawas-awas di jalan raya.

Tahukah anda?

Memakai topi keledar dengan betulnya boleh menyebabkan:

40%
Pengurangan risiko kematian.

70%
Pengurangan risiko kecederaan kepala.

(Sumber: www.who.imt/www.themalaymailonline.com)



Bacaan Luas

Dunia Bahagia untuk Semua



Aktiviti

1. Baca petikan cerpen dengan telitinya. Kemudian, nyatakan maklumat baharu yang anda peroleh daripada petikan cerpen tersebut.
2. Bincangkan langkah-langkah keselamatan yang boleh ditingkatkan di Malaysia bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyatnya.



Gadis Bermata Biru

Kita bertemu dalam rona kota Amsterdam yang berwarna-warni. Engkau menegur ketika aku dibuai gelisah di sebuah bangku di sisi jeti Lovers setentang Central Station. Memang, aku tidak ada duit langsung waktu itu. Aku kena ragut. Mujur pasport tidak hilang sama.

Aku seperti gelandangan di kota asing yang hilang arah. Aku seperti kincir angin yang enggan berpusing. Aku seperti bunga tulip yang semakin layu.

Engkau datang bertanya dan ikhlas mahu membantu.

"Tengok, gambar bunga tulip. Inilah simbol warna-warni kedamaian," ujar engkau sambil menunjukkan telefon.

Kemudian engkau menambah, "Seronok kalau dapat tinggal di Amsterdam lebih lama. Kau tahu, kota metropolis ini diiktiraf antara tujuh bandar paling selamat di dunia selain Sydney, Melbourne, Toronto, Osaka, Singapura, dan Tokyo."

Pada dia, definisi selamat mungkin hanya sekitar tahap pelanggaran perundangan, kekejaman atau kekerasan termasuklah perang atau penguasaan pihak tentera. Namun begitu, pada aku, selamat lebih daripada itu. Mungkin ada perkara lain seperti integrasi serantau, ketelusan pentadbiran, indeks rasuah, tahap pendidikan, dan julat pendapatan penduduk. Paling penting bagi aku, ketenangan jiwa dan

kesepaduan emosi. Barulah kita rasa selamat dan aman.

Secara realiti, dunia semakin sakit. Lihat sahaja, tidak ada tempat lagi yang benar-benar selamat. Malah, dunia pernah menyaksikan beberapa serangan wabak berskala besar seperti kolera, H1N1, SARS, Ebola, dan COVID-19.

Belum lagi termasuk kejadian lain seperti gempa bumi, letusan gunung berapi, tsunami dan banyak lagi. Pada aku, ini peringatan daripada Tuhan bahawa dunia semakin tua.

Macam mana nak selamat kalau hasil bumi dikaut tanpa kawalan? Pencemaran di mana-mana. Pelepasan gas berbahaya sesuka hati.

Aku masih tetap berwaspada dengan perempuan bermata biru itu. Sebenarnya, di mana-mana tempat pun sentiasa terdedah dengan jenayah ragut, rompak, curi, rogol, vandalisme, dan banyak lagi. Sebab itu kita kena siaga. Jangan mudah terperdaya.

Sebenarnya, itu hari pertama aku di kota Amsterdam selepas sampai dari lapangan terbang. Hasratku untuk menjelajah Amsterdam terbantut kerana aku kena ragut. Mujurlah bilik hotel sudah bayar. Dan memang, aku ada simpan sedikit duit dalam bilik sebagai kecemasan. Sekarang sedang fikir cara macam mana nak bayar tambang balik ke hotel.

"Laura!" Engkau menghulur salam perkenalan setelah sekian lama berbual.

Sebenarnya, aku datang ke Amsterdam untuk sebuah seminar antarabangsa berkaitan dengan keamanan global. Aku salah seorang pembentang.

"Datang buat apa?" Giliran aku pula bertanya. Lantas engkau menjawab, "Mencari dunia yang selamat!" Entah, aku tidak pasti selamat yang macam mana. Namun begitu, aku biarkan sahaja jawapan itu terus berpuing-puing dalam neuron kepala.

Oh ya, aku sedikit kagum kerana bagaimana perempuan Amerika boleh fasih berbahasa Melayu begitu. Namun, aku diamkan sahaja. Masih terlalu awal untuk aku menerka. Selanjutnya engkau mengajak aku ke sebuah restoran halal berdekatan. Ketika makan, engkau bercerita tentang betapa dunia semakin sakit.

"Keamanan kian hilang. Peperangan di mana-mana." Ada syahdu di mata engkau.

"Aku benci peperangan. Peperangan hanya meragut kemanusiaan. Lihatlah apa jadi dengan rakyat Afghanistan, Iraq, Syria, Ukraine, Yaman, Bosnia, dan banyak lagi." Semakin bersemangat engkau bercerita.

Kita semakin mesra. Aku semakin berani untuk terus berbual-bual dengan engkau.

"Dari Malaysia?" tanya Laura lagi. Pelik baru nak tanya. Aku mengeyakan. Aku yakin dia sudah tahu.

"Saya memang minat bahasa Melayu. Saya kagum dengan Malaysia. Malah di universiti, saya mengambil kursus Peradaban Melayu sebagai subjek elektif," balas Laura.

Aku semakin terpaku dengan kefasihan Laura berbahasa Melayu. Kemudian, aku bercerita sedikit tentang Malaysia. Antaranya adalah tentang sejarah Kota Belanda yang dibina oleh Syarikat Hindia Timur Belanda di Pulau Pangkor pada tahun 1670. Sebab itu aku ingin sangat datang ke Amsterdam. Dan kesempatan datang ke sini untuk seminar tidak harus disia-siakan.

"Saya pun pernah ke Pulau Pangkor selain Kuala Lumpur, Melaka, Ipoh, dan Pulau Pinang. Saya suka Malaysia. Awak bertuah kerana tinggal di negara Malaysia yang aman," sambung Laura. Udara kota Amsterdam masih juga beku.

Kami semakin rancak. Berbicara tentang keamanan, langsung menjurus kepada hal-hal lain seperti ekonomi dan sosial. Sehingga tidak sedar hari merangkak senja. Engkau memberi aku sedikit duit tambang untuk aku pulang ke hotel. Aku minta nombor akaun dan berjanji akan membayarnya balik walaupun engkau bersungguh-sungguh menolak. Kembali ke jeti, engkau memohon untuk ke tandas sekejap. Lama aku menunggu tapi engkau tidak juga muncul. Engkau hilang tiba-tiba.

Beberapa hari kemudian, waktu seminar sudah sampai. Aku tidak sabar untuk membentangkan kertas kerja. Aku tidak sabar untuk terus balik selepas beberapa hari di sana. Aku puas dapat pusing-pusing Amsterdam. Mujur juga ada sembunyikan duit di bilik. Kalau kena ragut semua, entah apa akan jadi. Sebaik sahaja pengacara memanggil pengucap utama berucap, aku kaget. Aku perhati sedalam-dalamnya. Begitu lantang dia mengemukakan pembentangan tentang pentingnya keselamatan dan keamanan global. Aku tepuk tangan setuju.


Profesor Madya Dr. Laura Abigail. Ya, itulah perempuan yang aku jumpa beberapa hari lepas.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada cerpen "Bertemu Perempuan Bermata Biru di Pinggir Terusan Amsterdam" oleh Nik Mohd Iznain dlm. www.letakkepala.wordpress.com)

TEMA 12

KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

1. Apakah langkah yang harus diambil agar muzik tradisional tidak terus ditelan zaman?
2. Bagaimanakah kuih tradisional mampu bertahan dan bersaing dengan kuih moden?
3. Apakah keunikan busana Melayu?
4. Mengapakah adat dalam suku kaum Orang Asli masih dipelihara?
5. Di manakah tempat paling sesuai untuk membina arca awam? Mengapa?



Kalau kesenian indah berseri,
Khazanah pertiwi pasti lestari.

Kalau estetika subur di hati,
Warisan bangsa kekallah pasti.

Kalau budaya dipupuk sentiasa,
Memancar sinarnya citra bangsa.





1. Berdasarkan bahan, bersoal jawab menggunakan soalan terbuka secara bertatasusila tentang potensi tumbuk kalang untuk diketengahkan dan dipopularkan pada peringkat antarabangsa.
2. Sediakan satu persembahan drama tentang tumbuk kalang secara kreatif dan menarik dalam bentuk multimedia.
3. Cari maklumat tentang muzik tradisional negeri lain dan persembahkannya secara kreatif.

Tak Lapuk Dek Hujan, Tak Lekang Dek Panas

Tumbuk kalang merupakan permainan muzik asli yang diilhamkan daripada kegiatan menumbuk padi dan dikategorikan sebagai permainan rakyat di Negeri Sembilan. Irama dan bunyi yang terhasil adalah daripada tumbukan manja beberapa batang antan ke sebuah lesung kayu.

Tumbuk kalang asalnya dimainkan oleh masyarakat kampung zaman dahulu setelah seharian berpenat lelah menuai dan membanting padi. Pada sebelah malamnya, mereka akan berkumpul untuk membuat emping. Bunyi antan yang bertingkah-tingkah semasa menumbuk emping itu menghasilkan irama yang menghiburkan. Sambil menumbuk padi itu, mereka akan menyanyikan lagu-lagu mengikut bunyi tumbukan antan.

Antara lagu yang biasa dinyanyikan termasuklah lagu *Tumbuk Emping, Kuda Berontak, Patah Lambung, Tebing Gurut, Petang-Petang, Kanding Putu, Tupai Menegur, Gogar Bacang, Kang Kang Kap, dan Kambing Berlaga.*

Keriket

- Tumbukan di lubang lesung atau di tepi lubang lesung.
- Berfungsi untuk mengindahkan irama lagu.



- ### Menganak dan meningkah
- Tumbukan di hujung kanan lesung.

- ### Mencincang
- Tumbukan di hujung kiri lesung.
 - Bunyinya tetap dan satu-satu.

- ### Mengibu
- Tumbukan di sebelah tepi kiri atau kanan badan lesung.
 - Penting kerana tumbukan itu ialah tumbukan penentuan bagi lagu-lagu yang dimainkan.



Irama Sepanjang Zaman




Tumbuk kalang - asal usul - masyarakat pesawah - mengemping semasa musim menuai padi - tumbukan bertingkah pada lesung - irama yang terhasil - menyanyi dan berpantun.



Cara permainan - tumbukan pada bahagian tertentu lesung untuk fungsi berlainan - bunyi berlainan.



Alat - antan dan lesung - diperbuat daripada kayu halban atau merbau - kayu yang keras menghasilkan bunyi yang lantang.



Improvisasi - alat lain digunakan seperti gong dan kompang - lagu moden - memartabatkan khazanah warisan bangsa.

- 1.5.1 Bersoal jawab menggunakan soalan terbuka untuk meneroka dan mengetahui sesuatu perkara secara bertatasusila.
- 4.4.1 Mempersiapkan drama dalam bentuk multimedia secara kreatif dan menarik.



Pemanis Mulut dari Pahang



1. Baca dan analisis bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai.
2. Berdasarkan maklumat dalam teks dan pengetahuan sedia ada, buat kesimpulan tentang bahan.
3. Kenal pasti kuih tradisional yang hampir pupus di tempat anda dan cadangkan cara-cara mempopularkannya semula.

Kuih Kebanggaan Koi

- Masih popular dalam kalangan masyarakat yang tinggal di Chenor, Pahang.
- Beralaskan daun pisang yang dipotong bulat.
- Berwarna hijau dan terdapat bintang-bintang kecil di dalamnya.
- Dikukus dengan air yang mengandungi daun pandan.



Kuih pena atau pepena



Kuih mahbob

- Sangat terkenal di daerah Pekan, Pahang dan agak sukar didapati di daerah yang lain.
- Dikenali juga sebagai jeneral mahbob.
- Sering disajikan semasa meraikan majlis tertentu.
- Tepung beras digoreng hingga kekuningan sebelum dicampur dengan santan, gula, dan lain-lain lalu dikukus.
- Tahi minyak yang ditabur menaikkan aroma dan membuka selera.

- Amat terkenal dalam kalangan masyarakat yang tinggal di Langgar, Pekan, Pahang.
- Bahan utamanya ialah telur, gula kastor, dan tepung-naik sendiri.
- Sama seperti kuih apam biasa tetapi uniknya kuih ini dimakan bersama-sama seri kaya yang diletakkan di atasnya.
- Selalunya dihidangkan sewaktu majlis keramaian di Pekan, Pahang.



Kuih apam baghdad

Anak Raja Rentas Hutan Kumpulkan 600 Resipi



KUALA LUMPUR: Minat memasak membawa Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, mengembara merentas ke seluruh ceruk desa dan daerah di Pahang hampir setahun bagi melengkapkan pencarian lebih kurang 600 resipi manisan tradisional Pahang. Pengembaraan merentas 11 daerah di Pahang itu bertujuan untuk mengumpulkan resipi warisan negeri itu, sekali gus sebagai kesinambungan koleksi *Air Tangan Tengku Puan Pahang: Masakan Tradisional Pahang* yang diterbitkan pada tahun 2007.

Inspirasi untuk menghasilkan buku ini tercetus kerana baginda mahu resipi lama menjadi warisan kepada generasi akan datang, yang mungkin hilang ditelan zaman jika tiada usaha menghimpunkannya

dalam bentuk buku. Menurut baginda, kompilasi buku manisan itu cukup istimewa kerana memuatkan resipi yang jarang-jarang dinikmati, terutamanya juadah asli air tangan orang lama termasuk wanita perkampungan Orang Asli.

“Saya sendiri meredah hutan belantara mempelajari manisan dan memasak di depan mereka, menggabungkan ramuan asli tanpa menggunakan ramuan import yang sinonim dalam pembuatan kuih-muih hari ini.”

“Maka tercetuslah pelbagai jenis resipi yang jarang-jarang disediakan seperti pengat pisang tradisional, tahi murai, anak lebah, cucur betawi, dan kuih peria, yang merupakan antara manisan yang acuannya menggunakan mayang pinang,” titah baginda yang menggemari juadah cucur jagung dan karipap.

(Sumber: Diubah suai daripada <https://www.bhplus.com.my/wanita/lain-lain/2018/08/458086/anak-raja-rentas-hutan-kumpul-600-resipi>)

Puding raja – Hidangan dari Istana



- Antara hidangan warisan istana yang terkenal di negeri Pahang.
- Amat digemari oleh golongan istana dan sering dijadikan hidangan istimewa untuk santapan diraja.
- Dahulunya, dihidangkan dalam majlis-majlis rasmi istana tetapi kini, semua lapisan masyarakat boleh menikmati sajian ini.

(Sumber: <https://www.hijabnheels.com/posts/resipi-puding-raja-warisan-asli-negeri-pahang-yang-wajib-anda-cuba>)

2.3.3 Membaca untuk membuat inferens daripada pelbagai bahan dengan betul menggunakan teknik bacaan yang sesuai.



Derhaskan Identitimu



1. Berdasarkan bahan, huraikan perenggan isi secara kritis dan kreatif dengan menggunakan bahasa yang gramatis tentang usaha pelestarian pemakaian pakaian tradisional.
2. Buat kajian tentang falsafah busana tradisional kaum lain dan laporkan dapatan kajian secara bertulis.

Falsafah Busana Melayu

Sebagai rakyat Malaysia, kita semestinya mengenali baju kurung Melayu. Baju kurung ialah pakaian tradisional lelaki dan wanita Melayu. Baju lelaki dikenali sebagai baju Melayu. Baju kurung Melayu bukan sahaja dipakai oleh orang Melayu, malahan turut digayakan oleh pelbagai kaum untuk ke tempat kerja atau dalam acara rasmi. Namun demikian, tahukah anda baju kurung yang diperkenalkan oleh Sultan Muhammad Syah pada zaman empayar Melaka sekitar 700 tahun yang lalu memiliki falsafahnya yang tersendiri?

Untuk golongan hawa, falsafah pemakaian baju kurung berkisar pada aspek "pengurangan dan melindungi diri daripada aib". Oleh itu, baju kurung dipakai secara berlapis.

Tiga saku

Melambangkan akidah, Islam, dan ihsan.

Samping

Membawa maksud kesungguhan menjaga maruah, aurat, dan syahwat.

Kedudukan ikatan kepala samping

- Kaum kerabat di sebelah kanan.
- Golongan bangsawan di sebelah kiri.
- Orang kebanyakan di tengah.

Pemakaian samping

- Di bawah lutut: si pemakai sudah berkahwin.
- Di atas lutut: si pemakai masih bujang.
: bagi seseorang yang sudah berkahwin atau mungkin ingin berkahwin lagi.

Lapisan Pertama

Kain sarung yang labuh menutupi bahagian pinggang ke buku lali. Jika kain sarung mempunyai kepala kain, peletakan kepala kain di bahagian hadapan adalah bagi anak dara, manakala di bahagian belakang adalah bagi mereka yang telah berkahwin.

Aksesori

Pemakaian aksesori seperti kerongsang melambangkan status sama ada golongan istana atau bangsawan.



Penutup kepala atau kelubung

Menutupi bahagian kepala hingga dada.

Lapisan Ketiga

Kain dagang luar menutupi bahagian punggung dengan cara, diikat atau dipegang pada paras pinggang.

Lapisan Kedua

Baju longgar dan labuh hingga menutupi lutut atau hingga paras betis.

Usaha Pelestarian Pemakaian Pakaian Tradisional

- 01 Ibu bapa dan keluarga
- 02 Masyarakat
- 03 Sekolah
- 04 Kerajaan
- 05 Pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan

Butang

Berbutang satu

Baju Melayu teluk belanga berkaitan dengan tauhid yang mempercayai bahawa Tuhan hanya satu.

Berbutang lima

Baju Melayu cekak musang melambangkan Rukun Islam. Dua butang yang terletak pada kolar bererti mengucap dua kalimah syahadah dan solat lima waktu. Oleh itu, jika hanya tiga butang di bawah yang dipakai, bermakna falsafah untuk menegakkan Rukun Islam tidak tercapai.

Berbutang tujuh

Dipakai oleh golongan bangsawan yang membawa erti tujuh lapisan langit dan tujuh lapisan bumi serta tujuh tingkat syurga dan neraka.

(Sumber: <https://www.hmetro.com.my/falsafah-busana-Melayu1-Januari-2020>)

3.4.2 Menulis untuk menghuraikan perenggan isi secara kritis dan kreatif dengan menggunakan bahasa yang gramatis.



Aktiviti

1. Baca dan fahami bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai dan berikan ulasan anda dengan menggunakan analogi yang betul dan tepat.
2. Berdasarkan bahan, kenal pasti golongan kata. Bina ayat dalam perenggan menggunakan golongan kata dalam pelbagai laras bahasa mengikut konteks.
3. Cari maklumat tentang adat dan budaya Orang Asli suku kaum lain dan buat perbandingan.

Adat Dikelek, Hukum Dijunjung

Oleh: Aniq Irfan bin Zulkarnain

Suku Temuan merupakan Orang Asli daripada puak Melayu Proto yang terdapat di Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Melaka, dan Johor. Suku Temuan merupakan suku keempat terbesar dalam hierarki kaum Orang Asli. Sebagai analogi, suku kaum Temuan yang tinggal dalam satu kelompok dan diketuai oleh Tok Batin adalah seperti koloni lebah yang hidup secara berkumpulan dan diketuai oleh ratu lebah. Suku kaum Temuan mengamalkan adat resam yang menyamai adat resam orang Melayu. Di Negeri Sembilan, mereka mengamalkan adat Perpatih.

Masyarakat suku kaum Temuan amat bertanggungjawab dan komited terhadap semua peraturan dan kesepakatan dalam kelompok mereka seperti koloni semut. Mereka berpegang teguh pada adat yang diwarisi. Lembaga Adat suku kaum Temuan terdiri daripada Batin, Menteri, Jenang, Jurukerah, Panglima, dan Pemangku.

Peranan setiap ahli Lembaga Adat digambarkan seperti perbilangan di bawah.

*Adat tak lapuk di hujan, tak lekang dipanas
Dicabut layu, diubah mati
Luak berpenghulu, Alam beraja
Bukit bukau ber-Batin,
Bulat suku kerana waris
Bulat waris kerana Lembaga,
Bulat Lembaga kerana Batin
Batin bertampuk adat,
Jenang melingkungi adat
Menteri mendatar adat,
Jekerah beranak buah
Panglima kuda pelejang, anjing pemburu,
sampam pelayar
Disuruh pergi, dipanggil datang,
Uruh-arah di Jekerah.*

Lembaga Adat ini memainkan peranan penting dalam pentadbiran suku kaum Temuan, khususnya dalam majlis perkahwinan adat mereka.

Setelah membaca rencana tentang Pentadbiran Adat Suku Kaum Temuan, Amin telah bertemu dengan Tok Batin, iaitu Encik Ramli bin Taka, di perkampungan orang Temuan di Kampung Tekir, Labu, Negeri Sembilan. Amin ingin mengetahui peranan Lembaga Adat dalam majlis perkahwinan suku kaum Temuan, Negeri Sembilan.

Adat Perkahwinan Suku Kaum Temuan

- Amin: Assalamualaikum Tok Batin. Tok sihat?
Tok Batin: Waalaikumussalam. Alhamdulillah, saya sihat.
Amin: Bolehkah Tok ceritakan serba sedikit tentang adat perkahwinan kaum Temuan?
Tok Batin: Adat perkahwinan orang Temuan ini lebih kurang sama dengan adat perkahwinan orang Melayu. Si teruna akan memberitahu keluarganya jika dia berkenan kepada seseorang gadis. Bapa saudara lelaki akan merisik si gadis melalui bapa saudara gadis untuk mendapatkan persetujuan. Sekiranya kedua-dua belah pihak bersetuju, maka hari pertunangan ditetapkan.
Amin: Bagaimanakah tatacara pertunangan, Tok?
Tok Batin: Segala sesuatu itu ada tataracaranya, bak kata peribahasa, adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung. Semasa hari pertunangan, pihak lelaki akan menyediakan hantaran, iaitu sebetuk cincin, sepasang persalinan, dan alat solek. Jika berlaku langkah bendul, iaitu si gadis itu mempunyai kakak, maka si kakak berhak mendapat hantaran seperti adiknya.
Amin: Adakah selepas itu terus diadakan majlis kenduri?
Tok Batin: Eh, belum lagi! Selepas bertunang, tarikh perkahwinan akan ditetapkan. Adat nikah dan belanja hangus akan ditentukan oleh pihak si gadis mengikut darjat sesuatu keturunan. Bagi anak-anak daripada Lembaga Adat, adat nikah mereka paling tinggi. Anak Tok Batin akan menerima adat nikah paling tinggi dan barulah diikuti oleh anak Pemangku, Menteri, Tok Jenang dan Jurukerah.
Amin: Apakah peranan Lembaga Adat semasa majlis perkahwinan, Tok?
Tok Batin: Lazimnya, Lembaga Adat akan menjadi rujukan pihak perempuan sebelum, semasa, dan selepas perkahwinan tetapi Jurukerah akan berperanan untuk melaksanakan akad nikah. Setelah selesai akad nikah, pengantin akan makan sehidangan. Pengantin lelaki akan menyuapkan nasi kepal ke mulut pengantin perempuan dan juga sebaliknya. Kemudian, barulah mereka makan nasi bersama-sama sepinggan. Lembaga Adat akan memberikan nasihat tentang hidup berumah tangga sebelum mereka melayari bahtera perkahwinan yang penuh cabaran. Pihak pengantin akan bersalaman dengan semua sanak saudara dan hadirin yang hadir sebagai tanda penghargaan kerana sudi memeriahkan majlis mereka.
Amin: Terima kasih, Tok, atas penerangan yang panjang lebar. Sekarang barulah saya faham.
Tok Batin: Sama-sama.



(Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli)

- 2.3.4 Membaca untuk membuat ulasan daripada pelbagai bahan dengan menggunakan analogi yang betul dan tepat menggunakan teknik bacaan yang sesuai.
5.2.1 Memahami dan menggunakan golongan kata dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.



Sana Sini Seni



1. Teliti bahan untuk mendapatkan maklumat. Kemudian, hasilkan pelbagai bentuk penulisan dan bahan grafik dengan membuat justifikasi serta mengolah maklumat yang diperoleh tentang arca awam di Malaysia.
2. Terokai arca-arca awam yang terdapat di Malaysia dan berikan tafsiran anda tentang keunikan arca tersebut.

Arca Awam di Malaysia

Arca awam ialah hasil seni tiga dimensi yang diperbuat daripada pelbagai bahan sebenar (seperti batu, kayu, dan besi), bahan buangan, dan sebagainya. Arca ini diletakkan di ruang terbuka untuk tontonan orang ramai. Antara ruang terbuka yang dimaksudkan termasuklah di hadapan bangunan, di dalam taman, di tepi jalan raya, dan di mana-mana ruang lain yang sesuai. Perkembangan arca awam di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga fasa, iaitu fasa pengenalan (1857 - 1957), fasa pembangunan (1957 - 1989), dan fasa perkembangan (1990 - sekarang).

Arca awam dalam fasa pengenalan wujud sebelum kemerdekaan atau zaman kolonial. Arca pada zaman ini lebih bersifat mengagungkan seseorang individu, iaitu tokoh penjajah. Antara tokoh yang dijadikan arca termasuklah Frank Swettenham di Kuala Lumpur, Francis Light di Pulau Pinang, dan R.S.F Walker di Taiping, Perak. Satu lagi arca yang mewakili fasa pengenalan ialah arca dinding yang terdapat di bangunan Institut Penyelidikan Getah Malaysia, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Arca-arca pada zaman ini dihasilkan oleh pengarca dari luar negara.

Arca awam yang mewakili fasa pembangunan, iaitu zaman selepas kemerdekaan, ialah Tugu Negara dan arca Tunku Abdul Rahman, hasil karya pengarca British, Felix de Weldon. Pada masa ini, arca awam mula mendapat sentuhan tempatan setelah munculnya pengarca dari dalam negara. Mereka mendapat pendidikan seni di luar dan di dalam negara. Antara karya mereka termasuklah arca dinding di bangunan KUWASA oleh Ariffin Mohd Ismail. Contoh arca lain ialah *Keris* oleh Latif Mohidin yang terdapat di pekarangan Menara Maybank, Kuala Lumpur.

Sejak tahun 1990 sehingga kini, perkembangan arca awam di Malaysia semakin memberangsangkan. Dalam fasa perkembangan ini, lebih banyak arca awam yang bersifat kontemporari dihasilkan. Arca yang berkonsep abstrak telah dibina melalui tajaan pihak swasta seperti bank, hospital, syarikat insurans, dan syarikat telekomunikasi. Antaranya termasuklah arca yang berjudul *Wahdah* oleh Ramlan Abdullah, *Berat Mata Memandang* oleh Mohd Faizal Ramli, dan *Naungan* oleh Raja Azhar Idris.

(Sumber: Rosli Zakaria. "Meninjau Perkembangan Arca Awam Malaysia" dlm. *Katalog Pameran Balai Seni Lukis Negara*, 2011, Kuala Lumpur)

Arca di Tengah-tengah Kota

Terdapat banyak arca awam di Malaysia. Setiap satu mempunyai nilai estetika yang wajar kita hayati dan hargai. Mari kita jelajahi arca awam tersebut.

STESEN LRT MASJID JAMEK - JALAN RAJA CHULAN, KUALA LUMPUR

Kartunis Lat (Datuk Mohd Nor bin Khalid) terkenal dengan karya kartun yang lucu dan unik. Kunjungi arca kartun beliau di 11 lokasi dari Stesen LRT Masjid Jamek hingga Jalan Raja Chulan.



JALAN TUN SAMBANTHAN, KUALA LUMPUR

Gerbang Torana, Kuala Lumpur merupakan arca hadiah daripada kerajaan India sebagai lambang persahabatan dengan kerajaan Malaysia. Selain itu, terdapat arca penari India, inspirasi daripada tarian Bharatanatyam dan juga sebuah kolam air pancut dengan arca gajah yang berhampiran dengannya.

JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUCHING, SARAWAK

Terdapat sekurang-kurangnya tiga arca kucing di bandar raya Kuching. Namun demikian, arca yang paling terkenal terletak di Jalan Tunku Abdul Rahman. Arca ini sering menjadi tumpuan para pelancong untuk merakamkan gambar.



JALAN TUN FUAD STEPHEN, KOTA KINABALU, SABAH

Arca ikan todak di bulatan Jalan Tun Fuad Stephen ini menjadi ikon bandar raya Kota Kinabalu. Tugu ini menjadi tumpuan orang ramai kerana terletak berhampiran dengan gerai makanan, hotel, dan pasar.

(Sumber: Risalah Pelancongan "Art In The City" anjuran Cendana dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur)

3.5.1 Menulis untuk mengolah maklumat dan membuat justifikasi daripada pelbagai bahan dan sumber bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang sesuai.

Berdasarkan bahan, buat ulasan tentang keindahan dan keunikan permata dengan menggunakan analogi yang betul dan tepat.

Keindahan dan Keunikan Permata

Permata dan wanita memang tidak dapat dipisahkan, umpama irama dan lagu. Permata lazimnya dikaitkan dengan kehidupan dan kemewahan. Setiap butir permata itu mempunyai nilai estetikanya yang dapat dilihat pada rupa bentuknya yang indah dan menawan.

Ciri-ciri Keunikan Batu Permata

Relapan

Sifat pembalikan cahaya yang dipantulkan oleh permukaan permata.

Warna

Jasad warna yang menarik, berona cerah, dan berkeamatan tinggi dianggap paling indah dan berkualiti.

Kilauan

Sinar yang bergemerlapan terpancar daripada sebutir permata.

Percikan cahaya berwarna-warni yang terpancar daripada sebutir permata apabila disinari oleh cahaya.

Semua cahaya dapat menembusnya.

Nyalaan

Kelutsinaran

(Sumber: Habibah Hj Jamil, 2018. *Batu Permata*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

TEMA 13

JATI DIRI, WARGANEGARA PATRIOTIK

1. Apakah ciri-ciri warganegara yang mampu membina negara yang cemerlang?
2. Mengapakah Jalur Gemilang perlu dihormati?
3. Jasa wira negara wajar dihargai. Bagaimanakah caranya?



Jika warga cinta negara,
Itu tandanya setia membara.

Jika gagah memikul beban,
Itu tandanya rela berkorban.

Jika diamalkan nilai murni,
Itu tandanya negara harmoni.



Aku Negaraku

Mendengar dan Bertutur



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, bersoal jawablah dalam pelbagai situasi untuk mengemukakan idea baharu bagi menggambarkan keterampilan diri.
2. Dalam sesi temu duga berkumpulan, anda dan rakan-rakan diberi satu masalah yang berkaitan dengan jati diri remaja kini. Setiap orang diminta menyelesaikan masalah tersebut. Kemukakan idea yang dapat meningkatkan kebolehpasaran diri.

TEMA 13

Jati Diri, Warganegara Patriotik

Apa Khabar Malaysia?



Sebagai makhluk yang dinamai manusia, kita dikurniai akal yang mampu membezakan baik buruk sesuatu perkara. Kendatipun begitu, ketika berhadapan dengan masalah, ujian, dan pahit getir kehidupan, kewarasan akal mulai tercabar. Sikap egosentrik mulai menguasai diri dan mempengaruhi pemikiran serta tindakan kita. Oleh itu, bagaimanakah caranya untuk kita mengenali sikap dan jati diri seseorang yang sebenar? Antara langkahnya termasuklah mendengar pandangan mereka tentang cara-cara sesuatu masalah diselesaikan.

KUALA LUMPUR - Selepas 1 Julai 2019, pembayar cukai yang dikesan tidak patuh dalam pengisytiharan cukai pendapatan boleh dikenakan penalti antara 80 peratus hingga 300 peratus.

Menurut Pengarah Bahagian Komunikasi, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, pembayar cukai patut merebut peluang untuk membuat pengisytiharan pendapatan dalam tempoh yang diberikan bagi menikmati kadar penalti yang jauh lebih rendah, iaitu 10 peratus hingga 15 peratus daripada amaun cukai yang kena dibayar dan bayaran boleh dibuat secara ansuran.

(Sumber: *Astro Awani*, 4 Disember 2014)



(Sumber: Kolej Yayasan Pelajaran Johor)

KUALA LUMPUR - Ketua Polis Negara menyelar mana-mana individu yang disyaki atau terkena jangkitan koronavirus (COVID-19) yang melarikan diri apabila diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk dikuarantin agar menjalani pemeriksaan kesihatan. Beliau berkata bahawa tindakan itu tidak bertanggungjawab serta boleh mendatangkan bahaya dan risiko kepada individu lain.

"Tolonglah patuh kepada sebarang arahan daripada pegawai perubatan bertauliah, pihak hospital, dan KKM serta jangan mengambil sikap mementingkan diri sendiri dengan lari dan menghilangkan diri kerana tindakan itu menyusahkan serta meletakkan anak buah saya dalam keadaan risiko yang tinggi."

(Sumber: *BH Online*, 13 Mac 2020)

Ciri-ciri Warganegara yang Baik

- 1 Kepercayaan kepada Tuhan
- 2 Kesetiaan kepada raja dan negara
- 3 Keluhuran perlembagaan
- 4 Kedaulatan undang-undang
- 5 Kesopanan dan kesusilaan

KUALA LUMPUR - Kertas siasatan berhubung tindakan sekumpulan individu yang didakwa tidak berdiri sebagai tanda hormat ketika lagu *Negaraku* dimainkan pada satu majlis baru-baru ini telah diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 8(3) Akta Lagu Kebangsaan 1968," kata Ketua Penolong Pengarah (D5) Pendakwa/Undang-undang Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman pada sidang akhbar di Bukit Aman hari ini.

Ketika ditanya tentang punca individu terbabit bertindak sedemikian, beliau berkata, berdasarkan laporan yang diterima, dipercayai tindakan tersebut dilakukan kerana mereka membantah dan memprotes.

(Sumber: *Sinar Harian*, 2 Oktober 2019)



1.5.2 Bersoal jawab dalam pelbagai situasi untuk mengemukakan idea baharu bagi meningkatkan kebolehpasaran diri secara bertatasusila.

TEMA 13

Jati Diri, Warganegara Patriotik



Mem baca

Bukit Sama Didaki, Lurah Sama Dituruni



Aktiviti

1. Dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai, buat rumusan tentang pandangan penulis berdasarkan bukti secara rasional.
2. Cari maklumat tentang pertandingan dalam bidang penyelidikan dan inovasi pada peringkat antarabangsa. Kemudian, kemukakan pendapat anda.



KOLEJ VOKASIONAL KENINGAU

KV Keningau di Puncak Dunia

Kajian antarabangsa sebagaimana yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) menunjukkan bahawa kualiti guru merupakan faktor yang paling signifikan dalam menentukan keberhasilan murid. Pelan ini juga menetapkan bahawa para guru dapat meningkatkan keupayaan bertaraf dunia yang diperlukan bagi mencapai keberhasilan murid. Dengan itu, murid-murid diharapkan dapat bersaing dengan rakan sebaya dari negara lain. Selaras dengan hasrat PPPM ini, Kolej Vokasional Keningau telah mengambil langkah-langkah proaktif dengan mencipta nama di persada antarabangsa.



“Kejayaan Kolej Vokasional (KV) Keningau, Sabah di persada dunia merupakan manifestasi penglibatan secara aktif seluruh warga KV Keningau, sama ada pelajar mahupun pensyarah, dalam inovasi serta pengantarabangsaan sejak tahun 2016. Kejayaan yang diraih, sama ada oleh tenaga pengajar mahupun pelajar, kamiabadikan dalam Facebook sekolah untuk tatapan umum.

Kami warga KV Keningau berpegang pada slogan “Rancang apa-apa yang ingin dibuat, buat apa-apa yang dirancang dan buktikan”. Kami juga mempunyai tenaga pengajar yang kreatif, inovatif, dan berdedikasi yang memastikan kelangsungan kecemerlangan KV Keningau dalam bidang kajian dan inovasi.

Pada awal tahun 2020, kami meraih satu lagi kecemerlangan apabila tiga orang pensyarah Bahasa Inggeris kami, iaitu Encik Khalifa bin Affnan, Dr. Mohd. Sirhajwan bin Idek dan Encik Ibrahim bin Ismail telah menerima geran sebanyak RM45 000.00 daripada kerajaan Amerika Syarikat. Geran ini adalah untuk projek mereka yang dinamai “Eureka Hub” yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, teknologi, dan kreativiti dalam kalangan pelajar dan guru Kolej Vokasional seluruh Sabah. Sekolah-sekolah pedalaman akan turut dibantu menerusi projek ini.”

Encik Johari @ Jaibet bin Sabin,
Pengarah KV Keningau.



Guru Malaysia Juara Inovasi Antarabangsa di Paris

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Guru Kolej Vokasional Keningau, Sabah, Dr. Mohd. Sirhajwan bin Idek, 29, mencipta sejarah apabila menjuarai Anugerah Kecemerlangan Guru dalam bidang Keusahawanan dan Inovasi Antarabangsa bersempena dengan Persidangan Keusahawanan dan Inovasi Eropah di *Novancia Business School*, Paris, malam tadi.



Pendidik kelahiran Kota Belud, Sabah itu menewaskan 10 pesaing pada pertandingan akhir, meninggalkan Dmitry Shaytan dari Russia di tempat kedua, manakala tempat ketiga dikongsi bersama Cindy Gilbert dari Amerika Syarikat (AS) dan David Gibson dari United Kingdom (UK).

Dalam pada itu, Dr. Mohd. Sirhajwan berkata bahawa kejayaan itu melayakkannya menerima sijil dan keahlian *International Society for Professional Innovation Management (ISPIM)* selama setahun, sekali gus dapat menyertai program organisasi itu di Melbourne, Australia dan Boston, Amerika Syarikat dalam tempoh berkenaan. Beliau mendedikasikan kejayaan itu kepada ayahnya, Idek bin Asal dan ibu, Bintek binti Abdul Rahman, serta semua ahli keluarga yang memberikan dorongan. Ini kejayaan keempat Dr. Mohd. Sirhajwan pada peringkat global sepanjang tahun ini dan tahun lalu.

(Sumber: *BH Online*, 23 September 2017)

“Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Mohd. Sirhajwan bin Idek, Pengurus Inovasi, Encik Haini bin Kotin, Penyelia Projek Pelajar, dan Encik Micheal Dungki, selaku Guru Penasihat. Tidak dilupakan juga, ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga KV Keningau, sama ada daripada barisan pengurusan tertinggi, para pensyarah, mahupun rakan-rakan seperjuangan.



Tanpa sokongan dan doa kalian, saya mungkin tidak berpeluang untuk menghasilkan “*ELF Shelf*”, seterusnya berjaya ke pusingan akhir pertandingan Cabaran Inovasi Global Pelajar 2019, di Pusat Konvensyen Kebangsaan di Canberra, Australia.”

Mohd Fairuz Izwan bin Abdul Lait,
Pelajar Program Teknologi Elektrik.

2.3.5 Membaca untuk merumus pandangan daripada penulis yang berbeza tentang sesuatu isu berdasarkan bukti secara rasional menggunakan teknik bacaan yang sesuai.



Permata di Pelimbahan



1. Hubung kaitkan maklumat daripada kedua-dua bahan. Kemudian, hasilkan penulisan dan bahan grafik tentang potensi sisa yang terhasil daripada aktiviti manusia dengan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.
2. Kenal pasti frasa yang digunakan dalam bahan. Kemudian, pilih frasa tertentu dan tulis frasa itu semula dalam bentuk sajak.
3. **Buat lakaran jalur komik tentang kitar semula.**

Jutawan Kitar Semula



Umi Hani
14 Oktober 8:46 pagi

Semalam berkelah dengan keluarga di air terjun. Kali terakhir ke sana sebelum berumah tangga. Lama dah. Sampai-sampai sahaja, rasa hendak masuk semula ke dalam kereta. Sampah sarap bertaburan di merata-rata tempat. Baunya, tidak usah cakaplah, rasa macam hendak muntah. Tadi, ke pejabat rakan kerana ada urusan. Rimasnya kerana kaki asyik terlanggar botol air mineral kosong yang diletakkan di bawah kerusi. Pembalut gula-gula dan coklat pula diselitkan di celah-celah kerusi. Padahal, tong sampah tidak sampai dua meter dari situ. Apa sudah jadi?

Suka Komen Kongsi Mesej



Shamz Kakak
Begitulah di luar sana sebenarnya. Semua hendak senang.
4j Suka Balas 52



Aku Zuraidah
Sampah ialah sisa yang terhasil daripada aktiviti kehidupan manusia yang dianggap tidak berguna. Sebab itu terdapat segelintir manusia berasa jijik terhadap sampah walaupun sampah itu dia yang punya. Walau bagaimanapun, ramai juga jauhari yang mengenal manikam. Mereka mengutip sampah sarap yang ada lalu dijual di pusat kitar semula.
4j Suka Balas 17 33



Alun Lavender
Aku Zuraidah Betul! Rakan saya biasa-biasa sahaja tetapi menjadi jutawan akhirnya hanya dengan berjual beli sampah sarap untuk dikitar semula.
5j Suka Balas 46




Epol JDT
Baca *Berita Harian* semalam 16 Jun 2019. Sebanyak 37 890 tan sisa dihasilkan oleh rakyat Malaysia setiap tahun dan 1.17 kilogram sisa dijanakan oleh setiap individu setiap hari. Sebanyak RM2 bilion digunakan setahun untuk mengurus sampah bagi tujuh negeri, iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah, dan Perlis. Banyak tu!
4j Suka Balas 16 15



Alun Lavender
Epol JDT Info yang menarik. Saya pun ada baca. Bayangkan, jika jangka hayat sesebuah tapak pelupusan adalah antara 20 tahun hingga 25 tahun, berapa banyak tapak pelupusan diperlukan? Setiap tapak pelupusan sampah tidak boleh digunakan untuk sebarang pembangunan sekurang-kurangnya selama 20 tahun selepas digunakan kerana perlu dirawat. Silap-silap 20 tahun atau 30 tahun lagi, anak cucu kita terpaksa membeli rumah di kawasan tapak pelupusan sampah.
5j Suka Balas 35 16



Abi Zareer
Di Jakarta, pemungut sampah yang dipanggil pemulung mencipta konsortium perniagaan kitar semula, dengan pendapatan bulanan antara 99 960 000 000 rupiah (RM33 juta) hingga 200 940 000 000 rupiah (RM66 juta). Aktiviti pemulung ini berjaya mengurangkan sisa pepejal sebanyak 390 kilogram hingga 800 kilogram seorang setiap bulan atau 132 600 tan hingga 272 000 tan untuk seluruh Jakarta. Kaya! Kaya! Kaya!
4j Suka Balas 10 19



3.5.2 Menulis untuk mengolah dan menghubungkan kait maklumat daripada pelbagai sumber bagi menghasilkan penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.

5.3.1 Memahami dan menggunakan frasa dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.





Mendengar dan Bertutur



Seni Bahasa

Pahlawanku



Aktiviti

1. Melalui aktiviti Pembelajaran Berbalik, tonton filem atau baca novel. Kemudian, sediakan bahan pembentangan tentang aspek menarik yang terdapat dalam novel atau filem.
2. Jalankan aktiviti Tiga Lilau Satu Tetap. Bentangkan maklumat yang disediakan dengan betulnya, tepatnya, jelasnya, dan bertatasusila serta persembahkan puisi dengan intonasi yang sesuai.
3. Persembahkan puisi dalam bentuk lagu.



Daripada Novel ke Layar Perak

“Epik terunggul sepanjang zaman...”



Syair Jong Pecah

Berkali-kali dicuba musuh,
Negara dilanggar hendak diruntuh,
Berkat bersatu rakyat teguh,
Tetap berdaulat berdiri kukuh.

Hinggalah sampai saat yang gelap,
Entah di mana salah dan silap,
Entah siapa lalai dan lelap,
Rakyat berbalah daulat pun malap.

Jadilah kita bangsa terjajah,
Terjejas daulat tercemar maruah,
Politik rebeh ekonomi rebah,
Siang malam berhati gundah.

Kita dijajah empat kurun,
Ditambah empat puluh enam tahun,
Budaya dan ilmu setandus gurun,
Harga diri semakin turun.

Bangkit pahlawan demi pahlawan,
Berjuang merebut kemerdekaan,
Bunga bangsa gugur terkorban,
Harumnya lesap ditelan zaman.

Sampailah waktu rakyat jelata,
Berpada erat seia sekata,
Tahan bahaya tahan derita,
Mendaulatkan kembali negara kita.

Tiga puluh tiga tahun sejak bergema,
Kita merdeka dilaung bersama,
Negara dan bangsa menempa nama,
Banyak impian telah terjelma.

Aduh mengapa kita berbalah,
Sama sendiri berpecah-pecah,
Kenyanglah yu bila jong pecah,
Hitamlah tanda dalam sejarah.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Adibah Amin, 1995. *Syair Langit di Tangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

Pahlawan Kemerdekaan

(kepada pahlawan Pahang)

Pahlawan!
jika hilangmu tanpa pusara
jika pusaramu tanpa nama
jika namamu tanpa bunga
penjajah mengatakan kau derhaka
maka kaulah pahlawan sebenarnya.

Gema seabad silam
Inggeris datang meredah Pahang
bersama peluru bersama senapang
membunuh menangkap setiap pejuang.

Sungai Semantan berubah merah
bukan sarap hilir ke kuala
bukan rakit mudik ke hulu
arus merahnya menjulang mayat
pahlawan bangsa pahlawan rakyat
tujuh liang dadanya tersayat.

Pahlawan!
untukmu derita untukmu penjara
bukan bintang tersemat di dada
semangatmu api negara berdaulat
namamu terukir di jantung rakyat.

Usman Awang,
1970.

(Sumber: Usman Awang, 1987. *Puisi-puisi Pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 1.6.1 Mempersembahkan idea dan maklumat dalam pelbagai situasi dengan betul, tepat dan jelas serta menggunakan intonasi yang sesuai secara kreatif dan bertatasusila.
- 4.1.2 Memahami dan mengapresiasi untuk menghubungkan kait aspek yang menarik dalam puisi moden dan puisi tradisional.



Menulis

Simbol Kedaulatan Negara

AR
BAHASA
MELAYU
TINGKATAN 5

Aktiviti

- Berdasarkan kolaj, tulis karangan dengan bahasa yang berbudaya dalam bentuk:
 - Karangan rencana tentang langkah-langkah menghormati Jalur Gemilang.
 - Surat rasmi kepada pihak yang berkenaan untuk membuat aduan tentang kesilapan pengibaran Jalur Gemilang.
- Sediakan buku skrap yang mengandungi maklumat tentang Jalur Gemilang.

Kibarkan Jalur Gemilang

1



2



Bendera dinaikkan atau diturunkan secara perlahan-lahan dan tidak tergesa-gesa. Sebahagian daripada bendera hendaklah diselempangkan ke bahu supaya tidak meleret ke tanah.

Upacara menaikkan bendera dilakukan pada awal sesi persekolahan, manakala upacara menurunkan bendera dilakukan setelah tamat sesi persekolahan.

Semasa bendera sedang dinaikkan, semua yang berada di kawasan yang berhampiran hendaklah berdiri untuk menghormatinya.

3



Pada hari-hari biasa dan ketika ada acara Kerajaan Persekutuan, Jalur Gemilang berada pada kedudukan di tengah-tengah. Di kirinya ialah bendera negeri, manakala di kanannya ialah bendera institusi.

4



9



Bendera hendaklah disimpan di tempat khas. Sebelum dinaikkan, pastikan bendera tersebut berada dalam keadaan baik. Jika telah lusuh atau telah koyak, bendera tersebut hendaklah dilupuskan.

(Sumber: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

3.4.3 Menulis untuk menghasilkan pelbagai jenis karangan yang lengkap dengan menggunakan bahasa berbudaya.

5



Bendera separuh tiang dikibarkan ketika pemimpin negara meninggal dunia.

Naikkan bendera ke puncak. Kemudian, turunkannya perlahan-lahan ke separuh tiang sebagai tanda berkabung.

7



Bendera yang dipasang pada kenderaan berat hendaklah teguh agar tidak tercabut dan jatuh ke jalan lalu dilenyek kenderaan lain atau terlalu besar hingga mengganggu pengguna jalan raya yang lain.

6



Memotong bendera untuk apa-apa tujuan pun tidak dibolehkan. Namun demikian, kain lain yang bermotifkan warna dan corak bendera

boleh dipotong dan dibuat baju. Bagi tujuan meraikan kejayaan negara, bendera boleh digunakan untuk menyelimuti tubuh pemenang.

8



Sama ada pada tiang, pada bangunan, atau pada kenderaan, pastikan bendera tidak dipasang terbalik.

10



Bendera yang telah rosak tidak boleh dibuang ke dalam tong sampah atau dibiarkan reput di tanah. Lupuskannya dengan cara membakarnya.

Walau bagaimanapun, bendera yang baharu dan masih elok tidak boleh dibakar atau dipijak.



Masa Itu Emas



- Laksanakan Pembelajaran Berbalik. Sediakan:
 - Jam kadbod yang tercatat nombor 1 hingga 12.
 - Minimum 100 keping kad soalan tentang frasa yang berkaitan dengan tema. Soalan tersebut mestilah terdiri daripada aras rendah, sederhana, dan tinggi. Markah ditentukan berdasarkan darjah kesukaran sesuatu soalan.
- Laksanakan permainan.



Kenal pasti frasa dalam ayat.
Nama saya Zanariah. (2 markah)

Lengkapkan frasa peribahasa.
Biduk, bertaut (4 markah)

Cara Permainan

- Permainan ini boleh dilakukan secara berkumpulan atau secara individu. Bilangan pemain tidak dihadkan.
- Pemain dikehendaki memutar jam. Nombor yang diperoleh didarabkan dengan 10 saat bagi menentukan jumlah masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan. Pemain boleh menjawab seberapa banyak soalan berdasarkan aras soalan yang dipilih selagi masa belum tamat.
- Soalan yang tidak dapat dijawab hendaklah diletakkan semula ke dalam susunan kad yang belum dijawab. Soalan yang telah dijawab dengan tepat hendaklah diletakkan ke dalam susunan kad yang berasingan.
- Permainan dikira tamat apabila semua soalan berjaya dijawab atau peruntukan masa telah tamat.
- Pemenang dikira berdasarkan jumlah markah terkumpul yang paling banyak.




Tiket Merentas Benua



- Berdasarkan carta alir, laksanakan aktiviti yang berikut dengan menggunakan intonasi yang sesuai:
- Taklimat yang betul, tepat, dan jelas tentang tatacara permohonan Pasport Malaysia Antarabangsa.
 - Lakonkan perbualan antara pemohon dengan pegawai imigresen yang bertugas tentang isu permohonan pasport.

Carta Alir Permohonan Pasport Malaysia Antarabangsa



(Sumber: www.imi.gov.my)

TEMA 14

CITRA BAHASA DAN SASTERA KITA

1. Mengapakah kita perlu menghargai jasa Sasterawan Negara?
2. Bagaimanakah cara menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan remaja?
3. Huraikan peranan peribahasa dalam masyarakat.
4. Apakah yang anda tahu tentang penerbitan karya? Jelaskan.

Kalau bahasa bersemi hebat,
Itulah tanda bangsa bermartabat.

Kalau sastera mendukung budaya,
Itulah sikap menghargai karya.

Kalau bahasa dan sastera terjaga,
Itulah jati diri warisan warga.



Mendengar dan Bertutur

Daripada Minda kepada Tinta Ilmu




Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, berbincanglah tentang program untuk menghargai peranan Sasterawan Negara dengan menerima atau menolak hujah secara rasional dan bertatasusila.
2. Buat resensi buku sebuah karya Sasterawan Negara.

Sembang Sastera

Adib Zamir, Matheena, Irdina, dan Yin Soon berbincang tentang acara yang akan diadakan untuk menghargai peranan Sasterawan Negara dalam pembangunan masyarakat melalui telesidang.



Adib Zamir

Sasterawan Negara telah memainkan peranan penting sebagai pemangkin pembangunan negara. Sebagai murid, kita wajar menghargai mereka.

Matheena

Saya tidak menafikan peranan yang dimainkan oleh Sasterawan Negara. Namun demikian, kita juga tidak boleh mengetepikan peranan yang dimainkan oleh para penulis muda.

Irdina

Penulis muda banyak berkarya melalui media sosial. Terdapat karya mereka yang tidak boleh dipandang ringan.

Yin Soon

Ada satu ungkapan, "tebu pada awak, peria pada teman". Irdina mungkin menggemari karya penulis muda tetapi orang lain tidak.

Irdina

Karya penulis muda seperti Karim Mohd, Ruhaini Matdarin, dan Wan Nor Azriq terbukti bermutu. Karya mereka turut memenangi hadiah sastera.

Menghargai Sasterawan Negara

SMK BITARA JAYA

15 – 19 Jun 20□□

Bicara Karya



Keris Mas

Shahnon Ahmad

Usman Awang

A. Samad Said

Arena Wati

Muhammad Haji Salleh

Noordin Hassan

Abdullah Hussain

S. Othman Kelantan

Anwar Ridhwan

Kemala

Baha Zain

Zurinah Hassan

Siti Zainon Ismail

Latar Belakang

Pembinaan sesebuah negara bukan sahaja terletak pada kemajuan material. Pembangunan negara perlu seiring dengan kematangan pemikiran rakyat dan pembangunan jati diri bangsa. Salah satu cara untuk mencapai kematangan fikiran adalah melalui penulisan karya sastera.

Objektif

Penganjuran acara "Menghargai Sasterawan Negara" adalah untuk mencapai objektif yang berikut:

1. Memberi murid pengetahuan tentang cara untuk menghayati karya sastera dalam pelbagai aspek.
2. Memupuk kesedaran murid tentang peranan sastera untuk membentuk pemikiran dan jati diri masyarakat Malaysia.
3. Mendedahkan seberapa banyak karya Sasterawan Negara yang menjadi khazanah kesusasteraan tanah air.
4. Melahirkan murid yang dapat menghasilkan karya sastera yang bermutu.

Sastera Pencetus Minda Masyarakat

1.7.1 Berbincang tentang sesuatu perkara untuk menerima atau menolak hujah secara rasional dan bertatasusila.

Bacalah dengan Hatimu



1. Baca teks dengan telitinya. Kemudian, buat justifikasi pentingnya amalan membaca dibudayakan dalam kalangan masyarakat dan olah maklumat yang terkandung dalam teks tersebut dalam pelbagai bentuk penulisan dan bahan grafik.
2. Berdasarkan bahan, hasilkan skrip drama yang bertemakan galakan budaya membaca.
3. Cadangkan aktiviti yang sesuai dijalankan di sekolah anda untuk menyemarakkan program Dekad Membaca Kebangsaan.

Dekad Membaca Kebangsaan 2021 – 2030



Mewujudkan Malaysia sebagai negara membaca dan bangsa Malaysia yang berilmu dan bertaraf dunia menjelang tahun 2030.




Tahap pencapaian pembacaan rakyat Malaysia yang aktif membaca meningkat kepada 25 peratus daripada jumlah penduduk pada lima tahun pertama pelaksanaan program.

Kelompok Sasaran

Prasekolah	Memperkenalkan bahan dan pembacaan awal.
Sekolah Rendah	Memperkenalkan teknik membaca dan menganalisis.
Sekolah Menengah	Membaca untuk pengetahuan kreatif dan inovatif.
Pelajar (UA/US)	Membaca untuk pengetahuan kreatif dan inovatif, rekreasi, dan lain-lain.
Masyarakat Umum	Membaca untuk meningkatkan pengetahuan dan pembacaan sebagai asas kerjaya.
Penjawat Awam	Membaca untuk meningkatkan profesionalisme dan menambah ilmu dalam urus tadbir kerajaan.
Belia	Membaca untuk rekreasi dan menambah ilmu pengetahuan yang kreatif dan inovatif.

Pelaksanaan



(Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia)

Memupuk Budaya Membaca

Kajian profil membaca rakyat Malaysia yang dilakukan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada tahun 2005 mendapati rakyat Malaysia hanya membaca sebanyak dua naskhah buku setahun. Walau bagaimanapun, angka ini meningkat kepada 15 naskhah pada tahun 2014. Bilangan ini dianggap masih rendah berbanding dengan 40 judul buku setahun di negara maju. Laporan *Adult and Youth Literacy National Regional and Global Trends 1985-2015* terbitan UNESCO Institute for Statistic pula menunjukkan kadar celik huruf rakyat Malaysia adalah sebanyak 94.94 peratus. Namun demikian, secara purata, rakyat Malaysia hanya membaca 15 hingga 20 buah buku setahun. Jika dibandingkan dengan jumlah penduduk negara, kadar literasi rakyat negara ini masih jauh ketinggalan.

Menurut statistik PNM, trend pinjaman bahan dari perpustakaan di seluruh negara menunjukkan sedikit penyusutan. Hal ini berlaku demikian mungkin kerana bahan bacaan masyarakat kini tidak lagi terhad kepada buku fizikal. Generasi Y dan netizen lebih gemar mengakses bahan bacaan melalui Internet. Statistik peminjaman bahan digital PNM menunjukkan peningkatan yang ketara. Berdasarkan data ini, PNM tidak melihat ada isu mengenai bahan bacaan di perpustakaan tidak dipinjam atau tidak menarik minat masyarakat. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat buku perpustakaan yang kurang dipinjam atau digunakan disebabkan kekinian maklumat atau kandungannya.

Berdasarkan Kajian Interim Tabiat Membaca Rakyat Malaysia 2014, didapati

bahan bacaan pilihan rakyat Malaysia ialah majalah (62.8 peratus); akhbar (61.2 peratus); buku ilmiah (54.8 peratus); novel dan fiksyen (47 peratus); bahan dalam talian (46.4 peratus); buku bukan fiksyen (29.9 peratus); komik (25.3 peratus) dan jurnal (19.9 peratus). Statistik ini menunjukkan bahawa anggapan masyarakat memilih bahan bacaan yang kurang nilai ilmiah adalah kurang tepat. Kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan rakyat Malaysia membaca bagi tujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan mengisi masa lapang. Bahan bacaan juga dipilih sebagai bahan hiburan bagi mendapatkan motivasi serta untuk tujuan pendidikan. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa masyarakat kita berada di landasan yang betul jika diukur daripada jumlah dan jenis bahan bacaan.

Membaca Membuka Minda



“Buku yang kubaca selalu memberikan sayap-sayap baharu. Membawaku terbang ke taman-taman pengetahuan paling menawan, melintasi waktu dan peristiwa, berbagi cerita cinta, menyapa semua tokoh yang ingin kujumpai, sambil bermain di lengkung pelangi.”

(Abdurahman Faiz, Aku Ini Puisi Cinta, 2005)

(Sumber: *Berita Harian*, 15 Januari 2017)

3.5.1 Menulis untuk mengolah maklumat dan membuat justifikasi daripada pelbagai bahan dan sumber bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang sesuai.

4.3.1 Menghasilkan skrip drama dengan menggunakan bahasa yang sesuai dan menarik.

Impian Anda, Impian Kami



1. Berdasarkan bahan, jalankan simulasi perundingan untuk menerbitkan buku sendiri secara bertatasusila.
2. Kenal pasti ayat terbitan yang terdapat dalam bahan. Kemudian, tulis perenggan pendek dengan menggunakan ayat terbitan.
3. Kumpulkan karya hasil penulisan rakan-rakan anda dan terbitkannya dalam bentuk fotokopi.

Tulis dan Terbit Sendiri

Saya telah menyiapkan sebuah manuskrip antologi cerpen. Saya tidak mahu menghantarnya kepada syarikat penerbitan tetapi mahu menerbitkannya sendiri.



Anda ingin melihat karya anda dalam bentuk bercetak? Kini, anda tidak perlu lagi bersusah payah untuk mencari penerbit bagi merealisasikan impian anda. Akan kami zahirkan impian anda menjadi kenyataan.



Hubungi kami:

kasihmustika@gmail.com

012-3456789

22A, Taman Perkasa Indah, 43100 Hulu Langat, Selangor

www.kasihmustika.com

SYARIKAT KASIH MUSTIKA

Orkid Maryam telah pergi ke pejabat Syarikat Kasih Mustika untuk berunding tentang penerbitan antologi cerpennya.

1

Apakah perkhidmatan yang ditawarkan oleh Syarikat Kasih Mustika?



Kami menawarkan perkhidmatan penyediaan reka letak muka surat, rekaan kulit buku, dan pencetakan.

2

Bayaran yang diperlukan untuk menerbitkan buku sendiri berapa?



Bayaran bergantung pada perkhidmatan yang diperlukan, ketebalan buku, dan jumlah cetakan.

3

Syarikat ini menyediakan perkhidmatan penyuntingan dan pemasaran buku?



Kami tidak membuat penyuntingan. Namun demikian, kami boleh mencadangkan nama beberapa orang penyunting jika saudara memerlukannya. Untuk pemasaran buku, kami ada menyediakan perkhidmatan tersebut. Saudari juga boleh memasarkan buku saudara sendiri.

Pakej A

Reka letak muka surat, rekaan kulit buku, dan pencetakan.

- 50 - 100 naskhah
- 90 - 110 muka surat

RM10.00 senaskhah

Pakej B

Pencetakan sahaja.

- 1000 naskhah
- 130 - 150 muka surat

RM5.90 senaskhah

Pakej C

Reka letak muka surat, rekaan kulit buku, dan pencetakan.

- 1000 naskhah
- 130 - 150 muka surat

RM7.00 senaskhah

Pembahagian Keuntungan Pemasaran Buku: Kami - 60 peratus Anda - 40 peratus

- 1.7.2 Berunding secara kritis untuk membuat keputusan dengan memberikan justifikasi tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.
- 5.3.2 Memahami dan menggunakan ayat terbitan dengan betul mengikut konteks.



Menulis

Peribahasa Warisan Kita



Aktiviti

1. Kenal pasti kesalahan bahasa dalam teks. Kemudian, murnikan teks tersebut.
2. Analisis teks untuk menentukan kejituan dan kesinambungan idea teks tersebut.
3. Tulis satu situasi berdasarkan setiap peribahasa yang terdapat dalam bahan ini.

Peribahasa dalam Pembangunan Masyarakat

Oleh: Ilham Hamka bin Mazuan

Peribahasa bertugas untuk membentuk tamadun masyarakat daripada satu zaman ke satu zaman yang lain. Hal ini demikian kerana kias ibarat yang ada dalam sesebuah masyarakat bukan sekadar memberikan gambaran tentang sikap dan nilai anggota masyarakat itu tetapi juga merupakan sumber pendidikan, iaitu menjadikan mereka ahli masyarakat yang berhemah tinggi. Terdapat banyak peribahasa yang memberikan makna yang boleh membentuk peribadi manusia.

Beberapa contoh yang dapat dinukilkan sebagai membuktikan bahawa peribahasa yang disebutkan sebagai perumpamaan yang memberikan makna supaya merendah diri, tidak angkuh, dan takbur adalah seperti yang berikut:

- i. Ikutlah resmi padi, makin berisi makin tunduk;
- ii. Jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji riuh sekampung; dan
- iii. Ikutlah resmi penyu, telur beribu tak siapa yang tahu.

Gambaran alam atau kehidupan yang terdapat dalam peribahasa tersebut dengan sendirinya memberikan kita makna yang tepat. Batang padi akan melentur jika buahnya semakin berisi. Seekor ayam yang baharu bertelur memang riuh bunyinya, berketak ke sana ke sini. Seekor penyu yang bertelur di pantai pula sentiasa menyembunyikan telurnya dalam pasir.

Beribu-ribu telur yang dikeluarkannya tetapi sang penyu tetap senyap tidak berbunyi. Secara keseluruhannya, peribahasa tersebut memberikan erti yang kita tidak perlu menghebohkan atau mencanang tindak-tanduk kita seharian. Yang lebih penting ialah hasil daripada perbuatan kita. Biarlah orang lain memberikan penilaian kepada hasil yang kita keluarkan kerana kita sendiri yang akan mendapat malu jika hasilnya tidak ada sedangkan kita sudah bising riuh-rendah ke sana ke mari menyatakan apa yang akan dilakukan oleh kita.

Demikian kita melihat beberapa banyak contoh-contoh peribahasa yang mempunyai makna yang berunsur pendidikan menunjukkan bahawa hasil sastera lama mempunyai fungsi yang tertentu dalam masyarakat. Kita melihat juga makna yang tersirat di dalam peribahasa itu semua ahli masyarakat ikuti. Peribahasa menjadi penunjuk kepada mereka untuk memilih cara hidup yang baik. Peribahasa juga dapat memberikan panduan mengenai sikap yang harus diikuti dan wajar dihindari oleh mereka.

(Sumber: Adaptasi daripada Peribahasa dan Pembangunan Masyarakat. Arifin Said. *Pelita Bahasa*, Disember 1992, Dewan Bahasa dan Pustaka)

Melentur Buluh Biarlah daripada Rebungnya

Peribahasa memang tidak asing dalam kalangan masyarakat Melayu sejak dahulu. Setiap peribahasa mempunyai maksud yang tertentu dan menampilkan pengajaran secara tersirat. Di antara peribahasa yang mashur ialah *melentur buluh biarlah daripada rebungnya*. Peribahasa ini bermaksud mendidik anak-anak biarlah ketika anak itu masih kecil.

Peribahasa ini tercipta dari ketelitian masyarakat dahulu dalam melihat satu perkara. Jika kita amati sifat buluh, kita akan mendapati bahawa buluh yang telah keras memang sukar untuk dilentur. Tambahan pula, ketika buluh itu masih daripada peringkat rebung, batangnya masih lembut dan mudah dilentur. Demikianlah telitinya masyarakat Melayu dahulu dalam melihat sesuatu kejadian alam.

Berdasarkan maksudnya, peribahasa ini bertujuan untuk menyedari golongan ibu bapa tentang tanggung jawab mereka dalam mendidik anak-anak. Mereka perlu memberikan didikan yang baik sejak anak-anak mereka masih kecil lagi. Setelah anak-anak didedahkan dengan amalan yang baik sejak mereka masih kecil, amalan ini akan sehati ke dalam hidup mereka. Seandainya jika kanak-kanak telah berkelakuan negatif sejak kecil, sukar untuk ibu bapa mengubahnya setelah mereka

meningkat dewasa kelak. Dalam hal ini, ibu bapa perlu menyemaikan nilai-nilai murni dan memberikan pendidikan moral kepada anak-anak ketika mereka masih kanak-kanak.

Ini kerana kanak-kanak mudah mendengar kata atau nasihat ketika mereka masih kecil berbanding setelah mereka remaja atau dewasa. Dalam usia kanak-kanak, sikap, perangai, dan amalan baik anak-anak senang dibentuk. Justeru, mereka masih belum terpengaruh dengan anasir-anasir yang kurang sihat. Sekiranya anak-anak dibiarkan tanpa dibentuk atau dilentur tingkah laku mereka sejak kecil, mereka dikhuatiri akan berkelakuan tidak bermoral menjadi sampah masyarakat apabila mereka dewasa kelak. Seandainya perkara ini berlaku, sudah terlambat untuk mengubah perangai mereka kerana nasi telah menjadi bubur. Kesimpulannya, ibu bapa sebagai ketua keluarga mestilah bersikap prihatin terhadap kelakuan anak-anak mereka sejak mereka masih kecil dan kanak-kanak lagi.

Pengajaran peribahasa melentur buluh biarlah daripada rebungnya ini dihayati. Mereka perlu sedar yang anak-anak merupakan pewaris dan pelapis generasi akan datang pada masa depan. Sesungguhnya, ibu bapa berperanan penting dalam mendidik anak-anak sejak kecil.

3.6.1 Memurnikan kesalahan bahasa dan menganalisis kejituan serta kesinambungan idea dalam pelbagai teks.



Pemburu Kota



Baca dan catat maklumat dalam bentuk bahan grafik.

Penyair dari Seberang Takir

T. Alias Taib dilahirkan pada 20 Februari 1943 di Kampung Padang Engku Sar, Batas Baru, Kuala Terengganu, Terengganu. Nama sebenarnya ialah Tengku Alias bin Taib. Beliau juga pernah menggunakan nama pena Ali A.S.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Gong Kapas (1952). Kemudian, beliau melanjutkan pelajarannya di Sekolah Menengah Sultan Sulaiman (Inggeris), Kuala Terengganu (1958). Pada tahun 1968, beliau lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). T. Alias Taib mendapat latihan perguruan di Pusat Latihan Perguruan Kuala Terengganu (1962). Setelah tamat latihan, beliau bertugas di Kuala Terengganu, Dungun, dan Kuala Lumpur.

Beliau mula menulis pada tahun 1960. Puisinya yang berjudul "Persembahan" mula disiarkan dalam majalah *Angkatan Baru* keluaran bulan Oktober 1964. Pada bulan Mac 1965, cerpennya yang berjudul "Dunia Pelayan" disiarkan oleh majalah yang sama. T. Alias Taib lebih menumpukan penulisannya dalam genre puisi. Karya puisinya pernah disiarkan oleh majalah *Dewan Sastera*, *Dewan Budaya*, *Dewan Masyarakat*, dan *Mastika*. Akhbar seperti *Berita Minggu* dan *Mingguan Malaysia* juga pernah menyiarkan karya beliau.

Sepanjang penglibatannya dalam genre puisi, T. Alias Taib telah memenangi pelbagai hadiah. Pada tahun 1974, beliau memenangi hadiah sagu hati Sayembara Puisi Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh GAPENA. Puisinya yang berjudul "Sekali-sekala" (1975), "Papan Tanda Kota" (1976) dan "Setinggalan" (1976) memenangi Hadiah Karya Sastera. Puisinya "Kukutip Makna Sunyi" memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1986/87 dan "Di Kedai Ikan" memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1988/89. Pada tahun 1985, puisinya yang berjudul "Baris Pertama" memenangi Hadiah Utama Utusan Melayu-Public Bank dan diikuti dengan puisi "Penjual Buku" pada tahun 1991. Kumpulan puisi beliau yang berjudul "Piramid" telah memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1990/91.

T. Alias Taib menghembuskan nafas yang terakhir pada 17 Ogos 2004. Dunia kesusasteraan tanah air kehilangan penyair yang banyak menghasilkan karya yang bertemakan kemanusiaan.

(Sumber: *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu Jilid 4*, hlm. 2397, 1995. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)



Dirgahayu Bahasaku



Kenal pasti ayat terbitan yang terdapat dalam bahan. Kemudian, bina ayat terbitan dengan perkataan anda sendiri.

Bahasa Melayu Bahasa Berdaulat

Tahukah anda bahawa terdapat lebih kurang tujuh ribu bahasa masih dituturkan di seluruh dunia pada masa ini? Sepuluh daripada bahasa tersebut dituturkan oleh lebih 3.6 bilion penduduk dunia. Bahasa Melayu tergolong dalam kumpulan sepuluh bahasa tersebut. Bahasa Melayu telah didaulatkan dan berdaulat semenjak dua ribu tahun dahulu apabila wujudnya pelbagai kerajaan Melayu awal. Antaranya termasuklah Funan, Champa atau Kembayat Negara sehingga ke zaman kerajaan dan Kesultanan Melayu Pasai, Perlak, Inderagiri, Melaka, Johor serta Johor-Riau, Patani, Brunei, dan Aceh. Bahasa Melayu bahasa berdaulat. Bahasa ini didaulatkan oleh raja-raja dan rakyat Melayu di alam Melayu.

Bahasa Melayu pada zaman Kesultanan Melayu menjadi tonggak perpaduan. Bahasa ini digunakan dalam segenap lapangan kehidupan, merangkumi pentadbiran, undang-undang, diplomasi, perdagangan, ilmu, dan pendidikan. Pada zaman Kesultanan Melayu, bahasa Melayu mempunyai tulisan yang benar-benar luas penggunaannya, iaitu tulisan Jawi. Tulisan ini telah digunakan sehingga melahirkan tradisi bahasa Melayu persuratan yang menjadi asas bahasa Melayu baku. Bahasa Melayu berkembang sebagai *lingua franca*, wahana pengantara yang merentas sempadan kaum dan sempadan geografi.

Bahasa menunjukkan bangsa. Bahasa ialah jiwa kepada bangsanya. Bahasa itu sebahagian daripada roh bangsanya, mencerminkan sejarah, adab tertib, etika, dan etiket bangsa dalam sesuatu peradaban. Perkembangan tamadun sesuatu bangsa, dari segi keupayaan dan pencapaian intelek, tergambar dalam bahasa. Perbendaharaan kata sesuatu bahasa menggambarkan khazanah tamadun, hubungan silang budaya yang berlaku, kisah-kisah pengembaraan, sifat-sifat keterbukaan, dinamisme, kemajuan dan tahap teknologi sesuatu bangsa pada sesuatu masa. Bahasa-bahasa utama di dunia memiliki adukan perbendaharaan kata daripada pelbagai bahasa. Dalam hal ini, bahasa Melayu juga telah mengasimilasikan perkataan daripada pelbagai kaum di gugusan Melayu, serta perkataan-perkataan dari Barat dan Timur Arab, Parsi, Portugis, Inggeris, China, dan India. Elemen pengaruh-mempengaruhi telah memperkaya bahasa Melayu, menjadikannya bahasa yang dinamik, bahasa yang hidup, dan bahasa yang terus berkembang.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Sultan Nazrin Muizzudin Shah, hlm. 10 - 17, 2017. *Maju Bahasa Majulah Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)



Puisi Penyeri Acara



Olah maklumat yang terkandung dalam bahan kepada pelbagai bentuk bahan penulisan dan bahan grafik.

Memilih Puisi untuk Majlis

Menentukan majlis yang akan diadakan.

1

Berbincang untuk memilih puisi yang sesuai.

3

2

Mencipta dan mengumpulkan puisi yang akan digunakan dalam majlis tersebut.

4

Menulis skrip pengacaraan majlis tersebut dengan memasukkan puisi yang sesuai.

Contoh Puisi untuk Majlis

Ikan haruan di atas para,
Masak singgang untuk tetamu;
Ucapan aluan pembuka bicara,
Di dewan gemilang kita bertemu.

Waktu petang hendak bertemu,
Petang Isnin di tepi muara;
Selamat datang sekalian tetamu,
Dengan izin dimulakan acara.

Kalau kebaikan selalu diingat,
Murid belajar rasa bersemangat.

Kalau ganjaran selalu diberi,
Murid belajar tak kira hari.

Kalau ajaran selalu diulang,
Murid belajar menjadi cemerlang.

TEMA 15

INDUSTRI CEMERLANG, NEGARA GEMILANG

1. Bagaimanakah Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS) dapat menambahkan pendapatan rakyat?
2. Jika anda menjadi pengusaha industri perabot, apakah jenis perabot yang akan anda usahakan? Berikan alasan.
3. Apakah yang anda faham tentang pendigitalan industri? Jelaskan.



Jika industri gigih dipacu,
Nama Malaysia megah di mercu.

Jika industri dimajukan sentiasa,
Rakyat Malaysia aman sentosa.

TEMA 14
Citra Bahasa dan Sastra Kita



Tunjang Ekonomi Negara

Mendengar dan Bertutur



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, buat rumusan dan ulasan tentang isu semasa yang dihadapi oleh Perindustrian Kecil dan Sederhana secara kritis dan bernas dengan menggunakan ayat yang gramatis.
2. Jalankan teknik main peranan sebagai usahawan yang mengutarakan permasalahan dan pegawai dari jabatan berkaitan yang memberikan cadangan untuk menangani permasalahan yang dihadapi.



Tiada Masalah

yang Tidak dapat Diselesaikan

Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS) berpotensi memberikan sumbangan yang besar kepada ekonomi negara. PKS juga boleh menyediakan asas-asas yang kukuh untuk menandakan pertumbuhan industri baharu di samping mengukuhkan industri sedia ada. Namun begitu, PKS juga menghadapi pelbagai isu. Antara isu utama yang dihadapi oleh PKS termasuklah isu pemasaran produk.



Industri pemrosesan makanan



Industri berasaskan logam

Saiz	Mikro		Kecil		Sederhana	
	Jualan tahunan	Pekerja	Jualan tahunan	Pekerja	Jualan tahunan	Pekerja
Pembuatan	< RM300 000	< 5 pekerja	RM300 000 hingga RM15 juta	5 hingga < 75 pekerja	RM15 juta hingga RM50 juta	75 hingga < 200 pekerja
Perkhidmatan dan sektor lain			RM300 000 hingga RM3 juta	5 hingga < 30 pekerja	RM3 juta hingga RM20 juta	30 hingga < 75 pekerja

(Sumber: www.smecorp.gov.my)



Industri kraf tangan



Industri komponen automotif



Industri berasaskan plastik

Industri komponen elektrik dan elektronik




Industri pencetakan



Industri inap desa

Isu Pemasaran Produk PKS

1. Ruang atau skop pasaran terhad:
 - Produk berbentuk makanan.
 - Tidak tahan lama dan mudah rosak.
2. Kualiti barangan:
 - Teknologi rendah.
 - Tahap kemahiran dan kepakaran pekerja rendah.
3. Lokasi:
 - Luar bandar.
 - Pedalaman.
4. Saingan daripada industri besar.
5. Sukar menembusi pasaran global:
 - Kurang promosi dan pengiklanan.
6. Bersaing sesama sendiri kerana hanya tertumpu pada pasaran tempatan.



Beberapa perkara yang perlu difikirkan oleh pengusaha untuk meningkatkan pemasaran:

Adakah pembungkusan produk dan perkhidmatan yang anda tawarkan menarik perhatian pelanggan?



Perkara-perkara untuk Meningkatkan Pemasaran

Bagaimanakah hendak memberitahu pelanggan tentang produk atau perkhidmatan anda?

Sejauh manakah anda memastikan produk atau perkhidmatan anda berkualiti?



Apakah yang membezakan produk atau perkhidmatan anda dengan pesaing?

1.8.1 Merumus dan mengulas isu semasa secara kritis dan bernas dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Rezeki daripada Alam

Membaca Tatabahasa



1. Baca dan analisis bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai untuk membuat inferens.
2. Kenal pasti dan fahami penggunaan ayat majmuk dalam bahan. Kemudian, hasilkan perenggan menggunakan ayat majmuk mengikut konteks.
3. Rancang satu bentuk promosi untuk mengetengahkan produk daripada kenaf kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Kenali Kenaf

Siapa sangka pokok kenaf yang menghasilkan bunga seperti bunga hiasan mendatangkan seribu manfaat kepada industri di negara ini. Kenaf atau nama saintifiknya *Hibiscus cannabinus* L. ialah sejenis pokok berserat bukan berkayu dan merupakan tanaman jangka pendek. Kenaf mempunyai pertalian rapat dengan pokok bendi dan kapas.

Pokok serba guna ini ditanam bagi pengeluaran serat, empulur, dan biji benih. Pokok kenaf boleh mencapai ketinggian antara 2.5 meter hingga 4.5 meter dalam tempoh 120 hari selepas ditanam. Antara aspek yang tidak kurang pentingnya dalam penanaman kenaf termasuklah pembajaan dan pengairan. Pembajaan dan pengairan yang mencukupi penting bagi pokok ini kerana kedua-dua perkara ini mempengaruhi penghasilan biji benih dan serat. Biji benih akan mula terhasil apabila kenaf berusia tiga bulan.

Kenaf tumbuh di atas pelbagai jenis tanah, termasuk tanah liat dan tanah peroi. Namun begitu, tanah yang paling sesuai bagi tanaman kenaf ialah tanah jenis peroi berpasir. Hal ini dikatakan demikian kerana tanah ini mempunyai saluran yang baik. Selain itu, tanah jenis ini juga mengandungi kandungan humus yang tinggi serta berkemampuan tinggi untuk menyerap air.

Keluasan Tanaman Kenaf bagi Pengeluaran Serat dan Empulur

Negeri	Keluasan Tanaman (hektar)	
	2017	2018
Kelantan	392.500	507.300
Terengganu	299.200	325.100
Pahang	320.500	422.00
Kedah	363.00	16.000
Perlis	35.000	113.00
Perak	7.000	10.000
Johor	15.000	10.000
Melaka	0	5.000
Jumlah Keseluruhan	1 432.20	1 408.40

(Sumber: Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN))

Sehingga hari ini, jumlah negeri di Malaysia yang mengusahakan tanaman kenaf semakin bertambah. Hal ini memberikan gambaran bahawa kenaf akan menjadi antara komoditi utama negara kita. Pelbagai usaha yang penting telah dilaksanakan oleh banyak agensi. Antaranya termasuklah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia atau *Malaysian Agricultural Research and Development Institute* (MARDI) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara yang melaksanakan aktiviti seperti penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan produk kenaf. Semoga usaha ini berjaya mengetengahkan kenaf sebagai satu lagi sumber pendapatan negara.

(Sumber: <http://ebulletin.mardi.gov.my/mteknologi/kenaf.pdf>)

Daun dan batang berprotein tinggi

- ✓ makanan ternakan dijadikan pelet, kiub, dan caf.

Kegunaan Kenaf

Biji benih kenaf menghasilkan minyak
✓ produk kosmetik.



Batang menghasilkan serat

- ✓ produk perabot, tekstil, kertas, kraf tangan, dan komponen kenderaan.

Inovasi baharu

- ✓ gentian kenaf dapat dijadikan pelapik landasan kereta api.
- ✓ menggantikan pelapik sedia ada yang diperbuat daripada kayu dan konkrit.

Bagaimanakah Serat daripada Kenaf Dihasilkan?



1 Selepas tuaian, batang kenaf dipotong. Serat luar dan serat dalam batang kenaf dipisahkan dengan menggunakan mesin dekortikasi kenaf.



2 Serat dalam akan dihancurkan dan dibungkus. Sementara itu, serat luar diikat dan direndam di dalam tangki sekitar dua minggu atau sehingga serat terpisah. Proses ini dinamakan sebagai *retting*.



3 Serat yang terhasil selepas proses *retting* akan dibersihkan, dibilas, dan dikeringkan.



4 Selepas proses pengeringan selesai, serat boleh dijual kepada mana-mana pengusaha perusahaan.

2.3.3 Membaca untuk membuat inferens daripada pelbagai bahan dengan betul menggunakan teknik bacaan yang sesuai.

5.3.3 Memahami dan menggunakan ayat majmuk yang betul mengikut konteks.

Zaman Beralih, Musim Bertukar

Menulis

Seni Bahasa



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, hasilkan pelbagai jenis karangan yang lengkap dengan menggunakan bahasa berbudaya.
2. Hasilkan gurindam dengan menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah.
3. Berbincang dengan rakan anda tentang usaha-usaha yang harus diambil oleh pengusaha tempatan untuk memastikan produk sejuk beku mampu bersaing dalam pasaran antarabangsa.

Industri Makanan Sejuk Beku

- Industri yang semakin berkembang bak cendawan tumbuh selepas hujan.
- Menjadi pilihan warga Malaysia selaras dengan gaya hidup yang ringkas dan mudah.

Makanan Sejuk Beku

Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu atau *Food and Agriculture Organization (FAO)* mendefinisikan kaedah sejuk beku

- Salah satu cara pengawetan makanan tanpa melibatkan bahan kimia pada suhu negatif 18 darjah Celcius.
- Penyejukbekuan menghalang pertumbuhan mikroorganisma dan aktiviti enzim dalam makanan.

Peranan badan-badan tertentu dalam mengetengahkan industri

- * Membantu pengusaha dengan memasarkan produk ke peringkat antarabangsa.
- * Menemukan syarikat-syarikat asing dengan pembekal produk Malaysia.
- * Mengelolakan latihan untuk meningkatkan kemahiran pengeksport Malaysia.



- * Mengeluarkan sijil kesihatan untuk memastikan makanan dan bahan yang bersentuhan dengan makanan mematuhi keperluan yang telah ditetapkan bagi memastikan makanan yang dieksport selamat.



- * Melakukan penyelidikan dan pembangunan makanan dengan menggunakan teknologi dan kaedah yang boleh memajukan industri makanan Malaysia.



makanan sejuk beku pada peringkat antarabangsa

- * Mengeluarkan sijil dan logo halal agar pengguna tidak ragu-ragu kerana produk telah disahkan halal, bersih, dan selamat.



- * Membantu usahawan memasarkan dan mempromosikan produk.



- * Menyediakan kemudahan pembiayaan kepada pengusaha PKS.
- * Menyediakan program latihan seperti Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) untuk membantu pengusaha membangunkan jenama produk, pensijilan luar negara, dan pemasaran.



- 3.4.3 Menulis untuk menghasilkan pelbagai jenis karangan yang lengkap dengan menggunakan bahasa berbudaya.
- 4.3.2 Menghasilkan gurindam secara tertib, menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah.

Kategori Produk Sejuk Beku



Bahan Mentah



Separa Proses



Sedia Dimakan

Apakah Keistimewaannya?

- Harga yang kompetitif.
- Mudah disediakan - menggoreng, mengukus, memanggang.
- Menjimatkan masa.
- Berkhasiat.
- Sumber pendapatan masyarakat - kesempatan yang kecil sering kali merupakan permulaan kepada usaha yang besar.
- Tahan lama.

Apakah Potensinya?

- Masa hadapan yang sangat cerah.
- Merancakkan industri makanan.
- Memasuki pasaran antarabangsa. - kecemerlangan ialah hasil daripada sikap yang ingin sentiasa melakukan yang terbaik.
- Pelbagai jenis produk dapat dihasilkan.

Perabot Buatan Kita

Membaca



1. Baca bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian, kenal pasti persamaan dan perbezaan maklumat yang terkandung dalam bahan.
2. Hasilkan buku skrap tentang perabot kayu buatan Malaysia dengan cara mencatat kelebihan dan kekurangan perabot tersebut.

Pokok Getah Tua Masih Berguna


Pokok getah yang berusia 25 tahun tidak lagi produktif mengeluarkan lateks. Pokok ini harus ditebang untuk digantikan dengan pokok yang baharu. Pokok yang telah ditebang ini boleh digunakan untuk menghasilkan perabot yang berkualiti tinggi. Pokok getah atau nama saintifiknya *Hevea brasiliensis* tergolong sebagai kayu yang tahan lasak, sederhana keras, dan mudah dibentuk.

Sebelum dijadikan perabot, kayu getah yang telah dipotong perlu diawet dan dikeringkan terlebih dahulu. Satu daripada kaedah yang digunakan untuk mengawet kayu getah ialah pengawetan bertekanan tinggi. Selepas diawet, kayu getah dikeringkan dengan menggunakan dandang pengeringan tanur.


Antara rekaan perabot yang popular dihasilkan daripada kayu getah termasuklah meja makan, katil, dan almari. Untuk memastikan kemasannya terpelihara, perabot ini perlu dielakkan daripada terkena sinaran cahaya matahari. Selain itu, air yang tumpah di atas perabot hendaklah dilap dengan segeranya. Permukaan kayu getah juga akan rosak jika terkena bahan pelarut seperti alkohol, minyak wangi, dan cecair pengilat kuku.

Kayu getah menjadi pilihan pembuat perabot kerana kayu ini lebih mesra alam, fleksibel, dan tahan lasak. Jika dibandingkan dengan kayu balak, penggunaan kayu getah tidak menyebabkan kemusnahan hutan.


Proses Pengawetan Bertekanan Tinggi




Kayu getah dimasukkan ke dalam silinder pengawetan dan dikenakan tekanan vakum bagi mengeluarkan udara yang terperangkap dalam liang kayu.




Bahan awet boron dimasukkan dan memenuhi ruang di dalam silinder pengawetan.



Tekanan hidro dikenakan bagi memastikan bahan awet dapat dimasukkan ke dalam liang kayu.



Vakum akhir dilakukan bagi mengeluarkan baki bahan awet yang masih ada di dalam silinder pengawetan.



Tekanan rendah dikenakan sebelum kayu yang telah diawet dibawa keluar daripada silinder pengawetan untuk dikeringkan.

(Sumber: 1. Hamdi Mawardi, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
2. <http://woodtechnology.blogspot.com/>)

Daripada Pohon Bambu

Buluh atau bambu yang berusia dalam lingkungan empat hingga lima tahun sesuai untuk dijadikan perabot. Pada peringkat ini, buluh telah matang dan sesuai untuk ditebang. Buluh yang berusia lebih daripada lima tahun tidak sesuai untuk dijadikan perabot kerana mudah pecah dan merekah. Buluh yang berusia di bawah empat tahun juga tidak sesuai dibuat perabot kerana mudah mengecut.

Sebelum dijadikan perabot, buluh perlu diawet terlebih dahulu bagi menghindarkan masalah bubuk, kulat, dan cendawan. Buluh boleh diawet dengan menggunakan kaedah tradisional ataupun moden. Kaedah tradisional mengawet buluh adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Proses	Cara
1. Merendam	Buluh direndam di dalam air yang mengalir, tidak mengalir, atau berlumpur selama tiga hingga empat minggu.
2. Mengasap	Buluh dikerat dan selepas itu disalai di atas api.
3. Merebus	Buluh direbus dengan air dan campuran garam serta bahan kimia selama 30 minit hingga 60 minit.

Kaedah moden mengawet buluh pula memerlukan penggunaan bahan kimia tertentu. Bahan kimia boraks menghasilkan perabot buluh berwarna gelap, manakala borik menjadikannya berwarna putih. Setelah semua proses pengawetan selesai dan buluh betul-betul kering, barulah buluh boleh digunakan sebagai bahan perabot. Tempoh proses pengawetan yang diperlukan adalah lebih kurang selama sebulan.

Buluh mempunyai kekuatan anjakan yang tinggi dan mudah dibentuk. Dalam pembuatan perabot, buluh juga sesuai digandingkan dengan bahan lain seperti besi, kaca, dan kayu. Set perabot yang dihasilkan mencecah harga ribuan ringgit berdasarkan jenis produk dan kualitinya. Bagi memastikan perabot buluh tahan lama, perabot buluh hendaklah diletakkan jauh daripada tempat yang panas atau terdedah pada cahaya matahari.

Buluh yang dijadikan set sofa, katil, dan almari semakin menjadi pilihan. Industri perabot daripada buluh mempunyai potensi besar untuk dimajukan. Sehubungan dengan itu, kegiatan penanaman buluh di negara ini juga akan berkembang untuk memenuhi permintaan buluh tempatan.

(Sumber: 1. Risalah "Formula Merawat Buluh". *Malaysian Bamboo Society*
2. <http://satujutaideabisnes.blogspot.com>)

2.2.1 Membaca untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan maklumat daripada bahan dan sumber yang berbeza dengan betul menggunakan pelbagai teknik bacaan.



Industri Pascamoden



1. Berdasarkan pelbagai bahan, olah dan hubung kaitkan maklumat yang diperolehi untuk menghasilkan bahan grafik dan penulisan dengan menggunakan ayat yang gramatis serta penanda wacana yang sesuai.
2. Terokai maklumat lain tentang pengaplikasian elemen digital dalam sektor perindustrian. Kemudian, kongsi maklumat tersebut dengan rakan anda menggunakan pelbagai medium.

Pendigitalan Industri

Kemajuan dalam perkembangan rangkaian Internet dan teknologi pintar di seluruh dunia membawa kesan yang amat besar terhadap kehidupan. Hal ini dikatakan demikian kerana perkembangan ini memudahkan kehidupan seharian manusia. Begitu jugalah halnya dalam sektor perindustrian. Pengaplikasian Internet Benda dalam bidang perindustrian menjadi pemangkin kemajuan sektor ini.

Apakah Internet Benda?

Internet Benda merujuk pada semua peranti elektronik yang berkomunikasi sesama sendiri melalui Internet. Peranti elektronik yang mengaplikasikan Internet Benda ini dikenali sebagai peranti pintar. Sebagai contoh, telefon, jam, dan sistem keselamatan rumah pintar. Objek yang besar seperti kereta dan rumah juga kini mula mengaplikasikan penggunaan Internet Benda.

Bagaimanakah Internet Benda berfungsi?

Melalui Internet Benda, penggunaan pengesanan atau sensor pada peranti membolehkan perkongsian data atau pelbagai bentuk interaksi berlaku. Sebagai contoh, interaksi antara manusia dengan benda, benda dengan manusia atau interaksi antara benda dengan benda yang lain.

(Sumber: <https://www.networkworld.com/article/3207535/what-is-iiot-the-internet-of-things-explained.html>)



Impak Internet Benda dalam Industri

Peruncitan dan Pengurusan Bekalan

- Sistem pembayaran dalam talian.
- Jual beli barang dalam talian.
- Inventori stok barangan.

Pengangkutan dan Logistik

- Mengesan pergerakan pengangkutan.
- Mengesan lokasi barang.
- Menyemak status penghantaran barangan.



Perkilangan

- Mengawal selia penghasilan produk baharu melalui rangkaian mesin.
- Mengoptimumkan masa sebenar pengeluaran produk.
- Kawalan mesin secara automatik.


Pertanian

- Mengukur kelembapan udara dan suhu.
- Menilai kualiti tanah dan jumlah siraman.
- Menganalisis jenis baja dan tanaman.



Perbankan

- Transaksi kewangan dalam talian.
- Transaksi wang di Mesin Teler Automatik (ATM).
- Urus niaga dan simpanan data yang lebih cekap.



(Sumber: <http://ikkm.edu.my/images/dokumen/penerbitan/demensi/demensi-koop-44/44-10.pdf>)

3.5.2 Menulis untuk mengolah dan menghubungkan kait maklumat daripada pelbagai sumber bagi menghasilkan penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.



Pemulihan

Laba daripada Makanan



Aktiviti

Berdasarkan bahan, kenal pasti jenis ayat majmuk dan hasilkan perenggan yang mengandungi ayat majmuk mengikut konteks.

Pembuka Selera

Sos merupakan sediaan makanan dalam bentuk cecair atau separa cecair. Terdapat juga sos yang dicampur dengan rempah atau tanpa rempah yang bertujuan untuk menambahkan keenakan makanan. Di negara kita, antara sos yang mendapat permintaan paling tinggi termasuklah sos cili dan sos kicap.

Sos cili yang disediakan mestilah daripada cili yang baik serta masak seperti yang termaktub dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Kisaran cili akan dicampurkan dengan garam, gula, dan cuka. Sos cili lazimnya mengandungi bahan pengawet, bahan pewarna, bahan perisa serta kondisioner makanan yang dibenarkan. Kini, sos cili merupakan produk utama dalam industri sos. Pelbagai jenis sos cili telah dikeluarkan seperti sos cili Thai, sos cili hijau, dan sos cili padi.

Sos kicap pula dihasilkan daripada kacang soya yang telah melalui dua peringkat pemeraman, iaitu pemeraman kacang soya yang dikenali sebagai pemeraman pepejal dan diikuti oleh pemeraman kacang soya dalam larutan garam. Proses pemeraman di dalam larutan garam ini dinamakan pemeraman moromi. Dalam industri pembuatan kicap secara moden, kacang soya yang telah direbus akan digaul dengan campuran tepung gandum dan ibu kicap atau inokulum. Selepas itu, campuran tersebut akan diletakkan di dalam dulang keluli tahan karat dan berlubang-lubang dan diperam di atas rak khas di dalam bilik pemeraman koji selama 48 jam. Kulat akan tumbuh pada campuran itu dan akan dikenali sebagai koji. Suhu dan kelembapan udara di dalam bilik dikawal untuk mendapatkan koji yang terbaik.

Kemudian, koji dimasukkan ke dalam tangki pemeraman yang diperbuat daripada kaca gentian gred makanan yang dilengkapi peralatan seperti penapis, lubang peredaran udara, injap, dan saluran paip. Air garam pada kepekatan 22 peratus dimasukkan ke dalam tangki pemeraman pada jumlah tertentu dan kemudian didedahkan kepada cahaya matahari selama dua bulan. Setelah tempoh pemeraman tamat, air kicap disedut keluar dengan menggunakan pam ke dalam tangki pematangan untuk didedahkan kepada cahaya matahari selama seminggu. Air kicap kemudiannya dipam ke tangki pemendapan.

Air kicap seterusnya diadun dengan air garam, gula pasir, karamel, bahan penambah perisa, bahan awet, dan bahan pemekat sebelum dimasak pada suhu 80 darjah Celcius selama 30 minit sebelum dibotolkan. Pembotolan dilakukan dengan menggunakan mesin pengisi jenis sistem bervakum untuk mempercepat proses pengisian.

(Sumber: Hamdzah A. Rahman, 2016. *Makanan Tradisional Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)



Pengukuhan

Negara Maju, Rakyat Sejahtera




Aktiviti

Berdasarkan bahan, hasilkan dua jenis karangan yang lengkap dengan menggunakan bahasa berbudaya.

Faktor Perkembangan Pesat Perindustrian



Kesan





Pelancongan Kesejahteraan



Berdasarkan bahan, buat inferens tentang pelancongan kesejahteraan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai.

Berehat sambil Memanjakan Diri

Sesudah sibuk bekerja sepanjang tahun, dapat merehatkan minda dengan melancong pastinya menjadi sesuatu yang diimpikan oleh setiap orang. Kajian mendapati melancong dapat meningkatkan kesihatan tubuh badan, apatah lagi jika kita melakukan pelancongan kesejahteraan. *Global Wellness Institute* mendefinisikan pelancongan kesejahteraan sebagai perjalanan yang berkaitan dengan usaha untuk mensejahterakan diri. Sambil kita menikmati keindahan tempat orang, kita dapat melakukan aktiviti yang berkaitan dengan kesihatan fizikal seperti melakukan sukan untuk kecergasan tubuh badan. Terdapat juga pelancong yang melancong untuk mencari perkhidmatan bagi mengurangkan tekanan yang dihadapi seperti yoga, meditasi, dan urutan. Kadangkala, ada juga pelancong yang mencari perkhidmatan bagi menurunkan berat badan dan tatacara melakukan diet. Selain itu, perubatan konvensional seperti homeopati, perubatan alternatif, dan perubatan menggunakan herba turut menjadi pilihan pelancong yang melancong untuk kesejahteraan diri.



Rahmawati binti Othman,
Pelancong Tempatan.

Yang saya perlukan dalam pelancongan kesejahteraan ini ialah perkhidmatan yang membantu saya untuk menghilangkan tekanan dan merehatkan diri seperti yoga, kelas meditasi, atau urutan. Tukang urut terlatih yang mempunyai pemahaman mendalam tentang tubuh manusia dapat membetulkan urat-urat yang tegang kesan daripada tekanan kerja. Hal ini penting bagi saya kerana melaluinya saya dapat merehatkan fikiran dan memulihkan tenaga saya kembali setelah penat bekerja.



Dr. Ahmad Rithaudin bin Md. Noor,
Timbalan Dekan (HEP),
Fakulti Muzik UiTM Shah Alam.

Pelancongan kesejahteraan bukan sahaja menawarkan peluang untuk kita mengenali budaya sesebuah negara tetapi juga memberi kita peluang untuk mendapatkan rawatan atau prosedur dalam perubatan konvensional seperti perubatan alternatif, perubatan herba, atau homeopati.

Walaupun pemeriksaan perubatan secara berkala berfungsi untuk menjaga kesihatan fizikal kita, sesi spa secara berkala pula bukan sahaja dapat meningkatkan kesejahteraan emosi dan mental tetapi juga sebagai minyak untuk mesin agar dapat berfungsi dengan baiknya.

TEMA 16

INTEGRITI

1. Mengapakah integriti perlu?
2. Apakah punca berleluasanya rasuah?
3. Nyatakan perkaitan antara Tonggak 12 dengan penjawat awam.



Jangan kita ingkar amanah,
Kelak hidup hancur musnah.

Jangan kita menabur fitnah,
Kelak hubungan menjadi musnah.

Jangan kita berhasad dengki,
Kelak kesilapan sukar dibaiki.

Jangan kita makan rasuah,
Kelak berduka terjejas maruah.



Kronisme, Nepotisme, Kleptokrasi



1. Baca bahan dengan menggunakan teknik bacaan QUACK. Kemudian, buat penilaian dan perbandingan dengan betulnya berdasarkan bukti yang terdapat dalam teks.
2. Cari maklumat tentang kes-kes rasuah yang telah dan sedang dibicarakan dan buat penilaian serta perbandingan berdasarkan bukti.

Kesalahan Utama Rasuah

Menerima



Memberi



Tuntutan Palsu



Salah Guna Kedudukan



MUSUH NOMBOR SATU NEGARA

KES 1

Puan A sering membawa buah tangan untuk kakitangan sebuah jabatan. Beliau amat disenangi oleh kakitangan jabatan tersebut. Oleh itu, setiap kali berurusan dengan jabatan itu, beliau akan mendapat layanan yang istimewa. Adakah ini rasuah?

KES 3

Seorang pemimpin telah menggunakan kuasa untuk melantik rakan-rakannya bagi menjawat jawatan tertentu. Adakah ini juga rasuah?

KES 2

Syarikat B sering mendapat pelbagai kontrak daripada sebuah jabatan. Mereka dikatakan bijak mengisi borang permohonan kontrak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sebenarnya, mereka telah memperoleh maklumat awal daripada orang dalam. Adakah ini rasuah?

KES 4

Syarikat C menawarkan diskaun terhadap barang-barang yang dibeli. Walau bagaimanapun, diskaun itu tidak ditulis dalam resit pembelian. Diskaun itu diberikan kepada pihak yang mengurus pembelian. Adakah ini rasuah?

Cik D ialah ketua jabatan. Beliau sering memberikan kontrak secara adil kepada syarikat yang berbeza, namun begitu, kesemua syarikat ini didaftarkan atas nama adik-beradik dan saudara-mara beliau. Adakah ini juga rasuah?

KES 5

Hadiah

Upah

Undi

Suapan

Perkhidmatan

Bonus

Jawatan

Diskaun

KES 6 Seseorang pegawai tahu tentang kegiatan rasuah yang berlaku di tempat kerjanya. Walau bagaimanapun, beliau tidak mengambil sebarang tindakan sama ada menegur, memberikan amaran, atau membuat laporan kepada pihak yang berkaitan. Adakah ini rasuah?

Kronisme ialah amalan mengutamakan atau mementingkan teman rapat dalam pelantikan sesuatu jawatan, pemberian sesuatu projek, dan sebagainya.

Nepotisme ialah perbuatan atau amalan yang mementingkan atau melebihkan sanak saudara dan kawan-kawan sendiri sahaja.

Kleptokrasi ialah kerajaan yang pemimpinnya dan mereka yang berkuasa mengeksploitasi dan merompak sumber negara untuk kepentingan sendiri.

Hukuman

1. Gagal melapor pemberian, janji atau tawaran rasuah
 - Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009.
 - Denda: Tidak lebih RM100 000.00.
 - Penjara: Tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.
2. Gagal melapor permintaan atau memperoleh suapan
 - Seksyen 25 (3) dan (4) Akta SPRM 2009.
 - Denda: Tidak lebih RM10 000.00.
 - Penjara: Tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(Sumber: <https://www.sprm.gov.my/index.php/pendidikan/kenali-rasuah>)

2.3.1 Membaca, menilai dan membandingkan bahan teks yang berbeza dengan betul berdasarkan bukti yang terdapat dalam teks menggunakan teknik bacaan yang sesuai.




Pengurusan Integriti



1. Dengan menggunakan bahasa berbudaya, olah maklumat daripada bahan untuk menghasilkan pelbagai bentuk karangan lain.
2. Berdasarkan bahan, cipta pantun.
3. Rancang projek pemasaran produk yang dihasilkan oleh sekolah anda.

Kerja sebagai Ibadah

Integriti sangat penting. Namun begitu, integriti tidak lahir dengan sendirinya dalam diri setiap individu. Integriti perlu dipupuk sejak kecil melalui institusi kekeluargaan secara turun-temurun. Oleh hal yang demikian, apabila seseorang individu mulai memasuki alam pekerjaan, integriti telah pun mendarah daging. Hal ini akan memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan budaya kerja positif dan cemerlang di tempat kerja masing-masing selain mengurangkan risiko untuk terjebak dalam aktiviti salah laku di tempat kerja.



Kategori Jenis Aduan Integriti Mengikut Pecahan bagi Tahun 2014 - 2018

- Jenis Aduan					
Tahun	Salah Guna Kuasa/ Penyelewengan	Salah Laku Anggota Awam	Kegagalan Mengikut Prosedur	Lain-lain	Jumlah
2014	17	18	15	3	53
2015	20	23	10	10	63
2016	22	19	10	4	55
2017	12	25	2	5	44
2018	9	17	2	1	29
Jumlah	80	102	39	23	244

(Sumber: http://www.data.gov.my/data/ms_MY)

AMALAN INTEGRITI KEJORA

Bersifat adil, jujur, dan amanah dalam menjalankan pekerjaan dan perkhidmatan awam.



Mengamalkan ucapan "terima kasih" setiap kali menerima pertolongan atau bantuan.



Bertanggungjawab, bekerjasama, dan ikhlas dalam setiap pekerjaan dan perkhidmatan yang dilaksanakan.



Menjaga dan mengekalkan keharmonian dalam masyarakat serta pembangunan yang sedia ada.



Saling menghormati sesama manusia walaupun berbeza agama dan bangsa.



Tidak meletakkan sifat negatif dalam setiap pekerjaan dan perkhidmatan yang dilaksanakan.

(Sumber: Lembaga Kemajuan Johor Tenggara)

PESANAN INTEGRITI

UNIT INTEGRITI

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM



Tidak Suka Membuang Masa

Selalu Tersenyum

Menjadi Contoh kepada Orang Lain

SEMAKIN MENINGKAT NILAI INTEGRITI SEMAKIN KURANG INDIVIDU TERPENGARUH OLEH NILAI-NILAI NEGATIF.

Tidak Mengambil Kesempatan

Taat kepada Tugas dan Ketua

PENGURUSAN INTEGRITI

Terapi hati cetus tindakan proaktif dan integriti dalam budaya kerja sehari-hari.

BERDAYA. BERBAKTI. BERKUALITI.

(Sumber: Majlis Daerah Sabak Bernam)

3.4.3 Menulis untuk menghasilkan pelbagai jenis karangan yang lengkap dengan menggunakan bahasa berbudaya.



Untung tetapi Rugi



1. Baca bahan dengan menggunakan teknik bacaan yang sesuai. Kemudian, buat rumusan tentang pandangan daripada penulis yang berbeza berdasarkan bukti secara rasional.
2. Kenal pasti ayat aktif dan ayat pasif dalam bahan. Kemudian, bina perenggan yang mengandungi ayat aktif dan ayat pasif dengan betulnya mengikut konteks.
3. Cari maklumat tentang cara-cara untuk menuntut ganti rugi daripada tribunal dan rumuskan maklumat dalam bentuk poster.

Integriti dalam Perniagaan

Bukan semua ahli perniagaan berintegriti. Demi keuntungan dan kelangsungan syarikat, mereka sanggup melakukan apa-apa sahaja termasuk menipu pelanggan. Hakikat ini pahit untuk diakui, namun begitu, hanya mereka yang mengalami mengetahui kebenarannya.

Apa Kata Mereka?



Pengguna yang mengalami kerugian dan berasa tidak puas hati tentang urus niaga yang dilakukan bolehlah memfailkan tuntutan ganti rugi yang nilainya tidak lebih daripada RM50 000.00 di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM). Perkhidmatan yang lebih mudah, lebih murah, dan lebih cepat jika dibandingkan dengan tuntutan ganti rugi di Mahkamah Sivil disediakan di TTPM.

Encik Raymond Sherif,
Pegawai Undang-undang.

Saya pernah beberapa kali ditipu ketika saya membuat pembelian dalam talian. Pertamanya, bayaran telah saya buat, namun barang yang saya nanti tidak sampai-sampai. Kali kedua, sampai, tetapi barangan tersebut tidak seperti yang diiklankan dalam talian dari segi fizikal dan kualitinya. Walaupun kerugian tidak mencecah ribuan ringgit, namun saya tetap menuntut ganti rugi supaya peniaga tidak sewenang-wenangnya menipu pengguna.

Encik Navinkumar a/l Ratanam,
Pembeli tegar dalam talian.



Pembeli kadang-kadang terlalu cerewet. Mereka tidak mahu mengeluarkan wang tetapi hendak barangan murah dan berkualiti. Tidakkah mereka sedar bahawa alah membeli, menang memakai? Mana mungkin sebuah beg tangan yang berharga RM200.00 sama kualitinya dengan beg tangan yang berharga RM800.00?

Puan Norziatulhana binti Mohd. Yasin,
Usahawan dalam talian.



KES

Rakan sekerja saya telah menyertai program 10 sesi untuk melangsingkan badan yang ditawarkan oleh Syarikat X dengan bayaran sebanyak RM2500.00. Malangnya, setelah menghabiskan 10 sesi selama satu bulan setengah, berat badannya hanya susut 1.5 kilogram dan pengurangan sebanyak 2 sentimeter di bahagian pinggang.

Beliau telah melahirkan rasa tidak puas hati terhadap hasil tersebut. Namun begitu, beliau diminta untuk meneruskan sesi rawatan. Menurut mereka, penggunaan beberapa teknologi diperlukan bagi merawat tubuh rakan saya itu yang dikatakan mempunyai masalah yang serius. Tawaran tersebut ditolak oleh rakan saya kerana sudah hilang keyakinan terhadap Syarikat X.

Kemudian, beliau menyertai program yang serupa di Syarikat Y dan hasilnya, berat badannya turun dengan ketaranya setelah melalui 10 lagi sesi pelangsingan dengan bayaran RM988.00 sahaja. Rakan saya telah memfailkan tuntutan terhadap Syarikat X. Sebelum perbicaraan di tribunal bermula, bayaran penuh telah dipulangkan oleh Syarikat X kepada rakan saya.

Pada pendapat saya, memang penting untuk kita mengetahui hak kita sebagai pengguna dan mempraktikkannya.



Hak-hak Pengguna



- | | | |
|--|----|--|
| | 01 | Hak untuk mendapatkan keselamatan. |
| Hak untuk mendapatkan keperluan asas. | 02 | |
| | 03 | Hak untuk membuat pilihan. |
| Hak untuk mendapatkan maklumat. | 04 | |
| | 05 | Hak untuk menyuarakan pendapat. |
| Hak untuk mendapatkan ganti rugi. | 06 | |
| | 07 | Hak untuk mendapatkan pendidikan pengguna. |
| Hak untuk mendapatkan alam sekitar yang sihat dan selamat. | 08 | |

- 2.3.5 Membaca untuk merumus pandangan daripada penulis yang berbeza tentang sesuatu isu berdasarkan bukti secara rasional menggunakan teknik bacaan yang sesuai.
5.3.4 Memahami dan menggunakan ragam ayat yang betul mengikut konteks.



Keperibadian Penjawat Awam



1. Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan dan betulkan kesalahan tersebut.
2. Analisis kejituan dan kesinambungan idea dalam bahan.
3. Baca dokumen rasmi. Kemudian, analisis kejituan dan kesinambungan idea dalam dokumen tersebut.

TONGGAK 12

Tonggak 12 diilhamkan oleh Yang Berbahagia, Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara yang disampaikan lewat ucapan perasmianya bersempena dengan Seminar Nilai dan Etika pada 2 Mac 1992. Sejak itu, Tonggak 12 telah menjadi dasar dan pegangan penjawat awam. Antaranya ialah Menghargai Masa, Ketekunan Membawa Kejayaan, Keseronokan Bekerja, Kemuliaan Kesederhanaan,

Menghargai Masa

Orang yang menghargai masa tidak akan membiarkan berlalunya masa tanpa sebarang kerja yang berfaedah. Pada masa kini, dengan adanya teknologi canggih maka perhubungan menjadi semakin rapat dan banyak keputusan dilaksanakan dalam masa yang singkat. Tidak bertindak segera atau melengahkan keputusan akan menyebabkan hilangnya peluang keemasan. Setiap orang diberi masa yang sama banyak. Terpujanglah kepada setiap individu untuk merancang masanya dengan bijak.

“Orang yang paling tidak tahu memanfaatkan masa ialah orang yang selalu merungut tentang kekurangan masa.” - La Bruyere

Ketekunan Membawa Kejayaan

Ketekunan bererti memberi tumpuan kepada sesuatu kerja sehingga selesai dan sempurna hingga membawa kejayaan serta kecemerlangan kepada agensi dan individu. Apabila kita sebut ketekunan, yang tergambar dalam ingatan kita adalah seekor semut. Biasanya sang semut akan memikul benda-benda yang berkali-kali lebih berat daripada dirinya. Namun begitu kegigihan, kesabaran, kekuatan hatinya tidak akan padam sehingga selesai kerja atau matlamatnya tercapai.

“Kejayaan adalah kepunyaan orang yang paling tekun.”
- Napoleon Bonaparte

Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam

Kami, Pegawai Awam Malaysia, dengan sepenuh dan rela hati berikrar mempertahankan dan memperkukuh integriti perkhidmatan awam dengan mencegah dan membanteras segala bentuk rasuah, salah guna kuasa, dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan berikut:

- Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
- Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
- Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang, peraturan, dan etika jabatan;
- Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
- Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba menggugat integriti dan imej Pegawai Awam;
- Mematuhi sepenuhnya Kod Etika Jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas.

(Sumber: Adaptasi daripada Pelan Integriti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 2014 - 2018)

Ketinggian Peribadi, Kekuatan Sifat Baik Hati, Pengaruh Teladan, Kewajipan Menjalankan Tugas, Kebijaksanaan Berhemat, Keutamaan Kesabaran, Peningkatan Bakat dan Nikmat Mencipta. Dalam kesempatan ini, mari kita telusuri sebahagian daripada Tonggak 12 tersebut.

“Kita dikenali dari apa yang kita lakukan berulang kali. Kebaikan bukan sekadar perbuatan, tapi suatu tabiat.” - Aristotle

Keseronokan Bekerja

Sejak zaman-berzaman, kerja ialah suatu beban yang perlu dilakukan untuk hidup sama ada dengan membanting tulang ataupun memerah otak. Kerja bukanlah sesuatu yang ringan, tetapi bagi kebanyakan manusia, bekerja itu yang tiada hujungnya. Namun begitu, jika kita mengambil pendirian yang optimistik, kita boleh menjadikan kerja itu sesuatu yang mendatangkan keseronokan.

“Kerja yang dilakukan secara spontan dan penuh keseronokan tidak akan pernah menjadi beban.” - Mahatma Gandhi

(Sumber: Adaptasi daripada Tonggak Dua Belas, Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia, 1992)

Kemuliaan Kesederhanaan

Kesederhanaan ialah sikap yang menolak keterlaluan, sama ada keterlaluan dalam menetapkan sesuatu peraturan, perbelanjaan, dan sebagainya. Sesuatu yang keterlaluan, umpama hiasan yang berlebihan, tidak menyenangkan mata memandang. Dalam tugas sehari-hari, sikap sederhana dalam percakapan, mengeluarkan arahan, bergaul, berpakaian yang sopan, dan lain-lain sangat penting bagi meningkatkan kecekapan sesuatu organisasi. Perbuatan melanggar disiplin kerja tidak boleh dibiarkan kerana ini tidak dianggap sederhana.

“Hanya orang yang mempunyai kesabaran untuk melakukan perkara yang mudah dengan sempurnanya dapat memiliki kemahiran untuk melakukan sesuatu yang sukar dengan mudahnya.” - Johann C. Schiller.

3.6.1 Memurnikan kesalahan bahasa dan menganalisis kejituan serta kesinambungan idea dalam pelbagai teks.



Penilaian

Soalan 1

Berdasarkan bahan, tulis rencana untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan keselamatan jalan raya. Panjang rencana anda hendaklah antara 150 patah perkataan hingga 200 patah perkataan.

Statistik Kemalangan Jalan Raya

1. Secara umum, purata kes maut jalan raya pada tahun 2019 ialah sekitar 7000 hingga 8000 orang setahun. Hal ini bermakna, dianggarkan 20 orang maut setiap hari di jalan raya negara ini, manakala lebih 25 000 orang cedera setiap tahun.
2. Kadar kematian jalan raya di Malaysia berada pada kedudukan ketiga tertinggi di dunia.

(Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/33624/KOLUMNIS/20-maut-setiap-hari-di-jalan-raya>)

Indeks Kematian Akibat Kemalangan Jalan Raya

Kerajaan memandang serius perangkaan kemalangan ini dan menangani isu keselamatan jalan raya ini secara holistik. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah intervensi yang mengguna pakai pendekatan 5E. Pendekatan ini merangkumi pendidikan, penguatkuasaan, kejuruteraan, persekitaran, dan penilaian. Antaranya termasuklah:

➤ Pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya kepada murid sekolah rendah dan menengah.	01
➤ Penguatkuasaan piawaian teknikal kenderaan berdasarkan piawaian <i>United Nations Economic Commission for Europe</i> .	02
➤ Aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan berkala dan <i>ad hoc</i> dijalankan oleh agensi-agensi penguat kuasa sepanjang masa.	03
➤ Penambahbaikan penguatkuasaan melalui pelaksanaan <i>Automated Enforcement System (AES)</i> yang berterusan.	04
➤ Penyelenggaraan dan aktiviti pengauditan keselamatan jalan raya.	05
➤ Kempen advokasi bagi meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan jalan raya oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan, badan bukan kerajaan, pihak swasta dan media massa.	06
➤ Penilaian tentang keberkesanan usaha atau aktiviti keselamatan jalan raya yang dijalankan selain memastikan pelaksanaannya menepati kumpulan sasaran.	07

(Sumber: <http://www.mot.gov.my/my/darat/keselamatan-jalan-raya/perangkaan-kemalangan-jalan-raya-indeks-kematian>)

Soalan 2

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis karangan yang panjangnya antara 350 patah perkataan hingga 500 patah perkataan.

(i)

Setiap bakal pekerja harus menerima hakikat bahawa era globalisasi pastinya membawa perubahan dalam aliran pemikiran. Majikan lebih cenderung untuk memilih dan memerlukan calon pekerja yang memiliki kepakaran serta pemahaman merangkumi pelbagai aspek kemahiran. Beberapa ciri penting perlu ada, iaitu berdikari, berinisiatif, mahir berkomunikasi, pandai menyesuaikan diri, berdisiplin, dan mengamalkan etika berpakaian.

(Sumber: Diubah suai daripada <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/09/84480/tip-kerjaya-ciri-pekerja-pilihan-majikan>)

Berdasarkan maklumat dalam bahan di atas, kemukakan pendapat anda tentang ciri-ciri yang perlu ada pada setiap bakal pekerja yang cemerlang.

(ii)

Karya sastera sememangnya kurang mendapat tempat di hati masyarakat kerana mereka lebih berminat dengan bahan bacaan ringan. Penyuburan minat terhadap karya sastera perlu bermula dari sekolah lagi dengan memperbanyak naskhah di perpustakaan supaya mudah diakses oleh murid dan guru.

- Datuk Dr. Zurinah binti Hassan, Sasterawan Negara

Sasterawan Negara berpendapat bahawa penyuburan minat terhadap karya sastera perlu bermula dari sekolah.

Berdasarkan pendapat tersebut, kemukakan cadangan kepada pihak sekolah tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menyuburkan minat murid terhadap karya sastera.

Soalan 3

Berdasarkan bahan, jawab soalan-soalan di bawah.

- (i) Pilih dua kata kerja terbitan dan dua kata nama terbitan yang terdapat dalam bahan. Kemudian, bina ayat untuk menunjukkan bahawa anda faham maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh kerajaan kepada usahawan Perindustrian Kecil dan Sederhana. Antaranya termasuklah penyediaan kios niaga di pasar raya besar bagi memasarkan produk terbaharu mereka. Yang penting, mereka perlu melakukan penambahbaikan dalam setiap kelemahan yang dikenal pasti.

- (ii) Berdasarkan bahan, tukarkan tiga ayat aktif kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

Ibu merenung mataku tepat-tepat. Aku menundukkan kepala kerana tidak selesa direnung sebegitu rupa. Tanganku tiba-tiba dipegang oleh ibu dengan eratnya.

"Ibu menyayangi semua anak ibu. Tiada pilih kasih. Ibu harap, Min faham situasi ibu," kata ibu. Nada suaranya sebak dan di hujungnya kedengaran ibu teresak-esak.

Aku mengangkat mukaku. Ibu kupeluk erat.

"Maafkan Min kerana melukakan hati ibu," suaraku tenggelam timbul antara esakan aku dengan ibu.

- (iii) Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan tersebut. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Bahan 1

Adiguru Kraf Anyaman Rotan, Encik Ishak bin Kassim sering menggunakan dan mengubah rekabentuk anyaman sedia ada dan menambah rekacorak yang berunsurkan kepada motif pelbagai spesies flora dan fauna, bentuk geometri, dan sebagainya. Pembaharuan yang dibuat adalah bersesuaian citarasa pelanggan. Encik Ishak bin Kassim turut meneroka penggunaan alatan moden dalam seni Kraf Anyaman Rotan mempercepatkan proses pembuatan, namun kualiti dan kehalusan kraf anyaman rotan masih terus dikekalkan. Usaha ini sekaligus mampu meningkat dan meluaskan pasaran tempatan dan luar negara.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada <https://www.kraftangan.gov.my/maklumat/kraf/tokoh-kraf/adiguru>)

Bahan 2

Sebuah syarikat pengeluar motosikal di negara kita telah mengadakan Kempen Keselamatan Jalan Raya 2020 yang diadakan di Plaza Tol Sungai Besi Arah Selatan hari ini. Kempen ini dianjurkan bersempena dengan perayaan Tahun Baru Cina yang akan menjelang tiba.

Pengerusi Eksekutif syarikat semasa ditemui pemberita mengatakan yang setiap tahun kadar kemalangan jalan raya akan meningkat terutama pada musim perayaan atas faktor kenderaan yang bertambah dari masa ke semasa. Deretan kenderaan-kenderaan akan kelihatan di mana-mana arah sama ada di lebuh raya dan Jalan Raya Persekutuan.

Inisiatif untuk mengurangkan statistik kemalangan di jalan raya diambil oleh pihak kami sebagai melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat.

Kempen ini bertemakan Utamakan Keselamatan dan rayuan juga dibuat kepada penunggang sepanjang kempen supaya tolong jangan menggunakan telefon bimbit semasa menunggang.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada <https://www.hmetro.com.my/vroom/2020/01/533623/kempen-keselamatan-jalan-raya>)

- (iv) Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan telitinya. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu baku tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka titah baginda, "Mahukah akan Tun Kanaka, saudara Seri Wak Raja?"

Maka sembahnya, "Mohon patik tuanku."

Maka beberapa anak orang besar-besar ditanyakan oleh Sultan tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja. Maka titah Sultan, "Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja?"

Maka sembahnya, "Daulat, tuanku."

- (v) Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan dua peribahasa, kemudian berikan maksud peribahasa tersebut.

Bukit sama didaki, lurah sama dituruni. Itulah yang menjadi pegangan kami dalam ekspedisi ini. Apakah daya, malang tidak berbau. Ketua kumpulan yang terpaksa menghentikan pendakian telah menyebabkan kami seperti anak ayam kehilangan ibu.

Soalan 4

Baca petikan yang diberikan dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Benarkah Ketam Mengajar Anaknya Berjalan Betul?

Sebenarnya Sang Ketam tidak pernah menyuruh dan mengajar anaknya berjalan betul kerana Sang Ketam cukup yakin bahawa caranya berjalan seperti cara nenek moyang kepada nenek moyangnya, dan cucu-cicit kepada cucu-cicitnya berjalan, telah betul dan sempurna. Sebaliknya, bangsa Ketam pulalah yang berasa hairan dan takjub melihat manusia itu sendiri yang tidak habis-habis, malah bertambah-tambah dengan ajaran dan peraturan yang pelbagai macam, daripada doktrin-doktrin, rukun-rukun, fatwa-fatwa sampailah kepada pekeliling-pekeliling dan memo-memo.

Manusia telah menghabiskan waktunya untuk membuat segala macam peraturan dan mengawasi pelaksanaan peraturan-peraturan, daripada peraturan lalu lintas jalan raya, peraturan datang ke pejabat, dan peraturan berpakaian, sampailah kepada peraturan-peraturan bercakap di Parlimen dan di mahkamah, peraturan menyekat air dan menggunakan elektrik, serta peraturan menyimpan rambut di kepala bagi kepala yang berambut.

Khairanan Sang Ketam itu kian bertambah apabila melihat manusia yang tidak pernah berjalan betul itu menghabiskan waktunya dengan mendandan mukanya, memelihara rambutnya, mengenakan pakaiannya, malah lebih aneh menahan makan dan minum untuk menguruskan badan, menelan kapsul dan jamu majun untuk memperkuat bahagian-bahagian anggota tubuhnya, mengumpulkan harta dan ringgit, menentukan jenis darah dan keturunan serta status dan gelaran di samping berkelahi, menindas, dan menipu sesama sendiri.

Soalnya di sini, siapakah sebenarnya yang mengajar atau menyuruh anaknya berjalan betul? Ketam atau manusia?

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Usman Awang, 1987. *Puisi-puisi Pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud "hairan dan takjub"?
- (ii) Mengapakah Sang Ketam mengatakan bahawa kaum mereka tidak pernah mengajar anak ketam berjalan dengan betulnya?
- (iii) Apakah perkara yang menimbulkan kehairanan Sang Ketam terhadap manusia?
- (iv) Berdasarkan bahan, ulas idea yang terdapat dalam bahan dengan menggunakan analogi yang betul dan tepat.
- (v) Pada pendapat anda, apakah yang perlu dilakukan oleh manusia agar kehidupan mereka lebih sejahtera dan harmoni?

Soalan 5

Baca petikan novel di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Datanglah ke Tanah Tinggi Cameron dalam tiga bulan lagi; tuan haji tengoklah nanti bagaimana saya bawa Tajau Emas ke sana. Ada *Aya-Strawberry Park* lagi," kata Waheeda positif. Haji Said yang berusia awal 50-an itu mengangguk kagum melepaskan pelanggan setianya pergi meninggalkan pejabatnya.

"Kalaulah usahawan Bumiputera mempunyai kecekalan dan jati diri seperti Waheeda, alangkah baik dan cepatnya negara kita mencapai taraf negara maju."

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Beb Sabariah, hlm. 304-305, 2016. *Novel Tirani*. Kementerian Pendidikan Malaysia)

- (i) Nyatakan keistimewaan-keistimewaan pusat pelancongan yang diusahakan oleh Waheeda di Tanah Tinggi Cameron.
- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel yang anda pelajari.
Aktiviti membaca novel membawa banyak kebaikan. Jelaskan kebaikan tersebut.

Jawapan/Lampiran Pilihan

TEMA 1: ANDA BERSIH, ANDA SIHAT

Halaman 4 - 5 (Soalan 2)

Kata Tunggal		Kata Majmuk
ahli	meja	bandar raya
anak	mulut	Ketua Pengarah
bagi	mutasi	makan angin
batuk	negeri	kakitangan
bersin	oleh	sapu tangan
buah	pada	cuti sakit
cuci	pakai	kerjasama
dalam	perlu	garis panduan
dan	pola	terima kasih
dengan	rumah	pelitup muka
di	sabun	
gejala	sekolah	
hantar	sembuh	
hendak	seperti	
hidung	sukar	
hingga	supaya	
influenza	syarikat	
ini	tangan	
jika	tempat	
ke	tinggal	
keluarga	tisu	
kes	tropika	
ketika	turut	
kurang	wabak	
lantai	wad	
negara	yang	

TEMA 2: SUKAN DAN REKREASI

Halaman 18 - 19 (Soalan 2)

Kata Terbitan			
Awalan	Akhiran	Apitan	Sisipan
jurulatih	undian	menyampaikan	gelanggang
diundang	bulatan	berkaitan	lelaki
beberapa	lontaran	meliputi	gemilang
bertiga	leretan	pertandingan	
pemain	balingan	dipertandingkan	
pengukur	lantunan	perseorangan	
	leretan	menggunakan	
		peralatan	

Awalan	Akhiran	Apitan	Sisipan
terbuka		permainan	
bertanda		dinamakan	
bertanah		merupakan	
berpasir		menentukan	
berumput		mendekatkan	
dibina		memerlukan	
mendapat		berpasangan	
melontar		meletakkan	
melakar		memulakan	
membaling		membolehkan	
seorang		diliputi	
berdiri		dihampari	
kedua		dikelilingi	
mengikut		mengandungi	
berbanding		memberikan	
beberapa		kecergasan	
dipanggil		ditingkatkan	
berwarna		pergerakan	
berempat		penentuan	
mengumpul		menamatkan	
ditanam		digemari	
berada		dikenali	
berkarpet			
diperbuat			
dilapik			
bergerak			
memperoleh			

TEMA 3: KERJAYA MENITI JAYA

Halaman 34 - 35 (Soalan 3)

Kata Ganda Penuh	Kata Ganda Separa	Kata Ganda Berentak
tugas-tugas	tawar-menawar	desas-desus
pegawai-pegawai		
pemimpin-pemimpin		
pelatih-pelatih		

Akronim

BERNA, Intan, JUSA, TURUS

TEMA 4: BERSATU KITA TEGUH

Halaman 44 - 45 (Soalan 2)

Golongan Kata

Kata Nama	Kata Kerja	Kata Adjektif	Kata Tugas
Malaysia	merupakan	teguh	yang
strategi	berteraskan	komprehensif	pada
perundingan	menolak	aman	telah
paksaan	menghormati	harmoni	tidak
operasi	dihuraikan	luar	melalui
	mengamalkan	asing	untuk

TEMA 5: PENDIDIKAN UNTUK SEMUA

Halaman 58 - 59 (Soalan 2)

Frasa Nama	Frasa Kerja
<ul style="list-style-type: none"> Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih golongan terpinggir kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri anak yatim modul pembelajaran khas terapi jiwa kumpulan muzik pendapatan sampingan majlis terbuka puasa beberapa orang murid barang-barang yang diperlukan rakan-rakannya yang lain ketiga-tiga murid itu tauhu kering setengah cawan lobak merah setengah cawan isi ayam lada sulah 	<ul style="list-style-type: none"> mula beroperasi terletak di Chow Kit bagi membolehkan mereka belajar tidak mempunyai sebarang pengalaman bermain alat muzik belajar muzik dapat melupakan kesusahan hidup menerima undangan persembahan diagihkan kepada setiap ahli kumpulan membeli peralatan menyediakan juadah tauhu bergedel menyediakan peralatan pulang dari pasar memasak tauhu bergedel menjualnya kepada pelanggan melihat kehidupan telah dikupas
Frasa Adjektif	Frasa Sendi Nama
<ul style="list-style-type: none"> amat istimewa agak pandai terlalu lembut sangat enak sehingga masak 	<ul style="list-style-type: none"> pada tahun 2013 bagi kebanyakan mereka di majlis keraian seperti majlis perkahwinan di dalam studio muzik di dalam bilik masakan di Pasar Chow Kit di persekitaran sekolah tentang ilmu perniagaan

TEMA 6: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Halaman 74 - 75 (Soalan 2)

Ayat Terbitan

- Bahan maujud sering digunakan dalam bidang Fizik untuk mengenal pasti daya yang bertindak pada sesuatu objek.
- *I-Force* digunakan untuk menentukan arah daya yang bertindak ke atas objek pegun pada satah condong, satah mengufuk, dan tergantung pada tali.
- Dua batang pembaris panjang lut sinar digunakan sebagai kerangka utama.
- Putar anak panah berwarna biru (daya berat) mengikut arah pusingan jam hingga menghala ke bawah.
- Pusing anak panah berwarna kuning (daya normal) mengikut arah lawan jam hingga bertentangan dengan anak panah biru.
- Apabila sesuatu objek dikenakan beberapa daya, objek itu akan berada dalam keadaan keseimbangan daya jika daya paduannya sifar.
- Daya paduan sifar terjadi apabila pecutan objek ialah sifar.
- Objek dikatakan berada dalam keadaan keseimbangan daya apabila objek itu sedang pegun atau sedang bergerak dengan halaju seragam.

TEMA 7: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Halaman 86 - 87 (Soalan 2)

Ayat Majmuk Gabungan

- Ayam ini sering dijadikan sajian utama semasa sambutan Hari Krismas selain dijadikan menu jualan di restoran.
- Untuk pengetahuan saudara, terdapat dua jenis ayam piru, iaitu baka warisan dan baka komersial.
- Baka warisan ini cepat membesar dan dagingnya juga banyak pada bahagian dada dan juga paha.

Ayat Majmuk Pancangan Relatif

- Encik Harris bin Othman ialah penternak ayam piru yang berjaya.
- Ke hadapan sahabatku Ainida yang kini berada di Seremban, Negeri Sembilan.
- Ayam piru memerlukan kandungan protein yang tinggi pada peringkat tiga bulan yang pertama.
- Pengambilan protein yang tinggi membolehkan ayam piru membesar dengan baik.

Ayat Majmuk Pancangan Komplemen

- Tahukah saudara bahawa ayam piru juga dikenali sebagai ayam belanda?

Ayat Majmuk Pancangan Keterangan

- Maafkan saya kerana sudah agak lama saya tidak mengutus surat.
- Wah, banyak ilmu yang saya peroleh apabila menternak ayam piru!
- Pada peringkat ini, ayam piru lebih sensitif jika dibandingkan dengan unggas lain.
- Sekiranya pembesaran ayam ini terbantut, penternak akan rugi.
- Jika saudara ingin datang, maklumkan kepada saya terlebih dahulu.
- Saya berharap semoga saudara sihat walafiat bersama-sama keluarga tercinta.
- Untuk tujuan itu, Encik Harris telah berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang bagi mempromosikan penternakan ayam piru.

Ayat Majmuk Campuran

- Oleh itu, Encik Harris ingin berkongsi maklumat tentang kejayaannya menternak ayam piru agar lebih ramai lagi masyarakat menjadi penternak yang berjaya sepertinya.
- Menurut ayah saya, baka warisan ialah baka ayam piru yang asal, manakala baka komersial ialah baka yang dihasilkan melalui teknologi pemilihan genetik.
- Ayam piru memerlukan perhatian yang lebih pada peringkat pengurusan anak (1 - 8 minggu) dan peringkat pembesaran (9 - 12 minggu).

TEMA 8: MELANCONG Mencari Makna

Halaman 100 - 101 (Soalan 2)

Ragam Ayat

Ayat Aktif	Ayat Pasif
<ul style="list-style-type: none">• Pukul 8:30 pagi, kami sudah tiba di kawasan Rehat dan Rawat Tapah untuk sarapan dan solat sunat.• Pukul 10:30 pagi, kami sudah pun merentas Jambatan Kedua Pulau Pinang.• Kami sekeluarga tidak melepaskan peluang untuk menyumbangkan suara.• Oleh sebab semuanya sudah berasa lapar, kami mengambil keputusan untuk berhenti di restoran nasi kandar yang menjadi kegemaran kami sekeluarga setiap kali bercuti di Pulau Pinang.• Setelah berehat beberapa ketika, kami mengambil keputusan untuk turun ke pantai bagi menikmati keindahan pantai Batu Feringgi, mandi-manda, dan membina istana pasir.• Dalam perjalanan balik ke hotel, ibu tiba-tiba menyatakan hasrat untuk mengunjungi Taman Herba.• Ayah bersetuju tetapi kami terpaksa menjadualkan perjalanan semula pada hari esok dan lusa.	<ul style="list-style-type: none">• Perjalanan dari Bandar Baru Bangi ke Pulau Pinang yang dikenali juga sebagai Pulau Mutiara kali ini sungguh lancar sekali.• Lagu-lagu daripada stesen radio tempatan yang disulami sembang santai bersama-sama keluarga meningkatkan keterujaan untuk cepat sampai.• Tatkala memasuki bandar raya Pulau Pinang, lagu <i>Boria Pulau Pinang</i> diputarkan.• Lagu <i>Boria Cuti-cuti Malaysia</i> ini senang diikuti kerana ada liriknya diulang beberapa kali.• Setelah itu, kami mendaftar masuk di hotel yang telah ditempah lebih awal.• Yang pasti, Bukit Bendera, Taman Negara Pulau Pinang, Muzium Perang, Fort Cornwallis, Rumah Peranakan Pulau Pinang, Menara Komtar, Pulau Aman, dan Inap Desa Mengkuang Titi akan kami kunjungi.• Sebelum menamatkan coretan hari ini, aku ingin memuatkan sajak yang aku nukil, dalam perjalanan ke Pulau Pinang siang tadi.• Semoga percutian kami sekeluarga diberkati oleh Tuhan.

TEMA 9: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Halaman 112 - 113 (Soalan 2)

Bentuk Kata Majmuk

Bentuk Kata Majmuk Mantap	Bentuk Kata Majmuk Biasa
bumiputera	luar biasa
bekerjasama	rumah kedai
bertanggungjawab	durian runtuh
	cita rasa

Bentuk Kata Tunggal

Kata Tunggal (Bebas dan Boleh Berdiri Sendiri)			Kata Tunggal (Kata Tugas dan Tidak Dapat Berdiri Sendiri)		Akronim
bapa	cepat	isu	telah	kalangan	hartanah
hadiah	pendek	bulan	dan	perlu	purata
wang	kata	remaja	untuk	jika	Petronas
tunai	ilmu	usia	dengan	kepada	
bentuk	strategi	patuh	yang	kerana	
beliau	penting	syariah	ialah	secara	
stabil	syarikat	cara	banyak	sahaja	
maklumat	potensi	amanah	tentang	di	
anda	besar	dana	dapat	pula	
jenis	saham	modal	ini	betul	
rumah	spekulator	pihak	para	oleh	
tanah	fokus	sabar	atau	tetapi	
harga	ingin	tempoh	tidak	mereka	
hal	broker	matang	namun	sebelum	
masa	bijak	contoh	lain	seperti	
panjang	remisier	negara	turut	pada	
hasil	risiko	kos	akan	bawah	
lokasi	akaun	selamat	lebih	ada	
skim	waktu	turun	bagi	juga	
emas		naik	terus	dalam	
fizikal					

TEMA 10: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Halaman 126 - 127 (Soalan 2)

Kata Terbitan

Awalan	Apitan		Sisipan	Akhiran
berbincang	pengalaman	penggunaan	gemilang	aliran
dibina	penyertaan	pendedahan	serabut	pakaian
berguna	menyeronokkan	dikatakan		sebutkan
membawa	pengetahuan	kebergantungan		cadangkan
berlaku	dihasilkan	meningkatkan		tingkatkan
terjumpa	penemuan	kelestarian		sinaran
membelek-belek	menyertai	menjadikan		ungkapan
membaca	membersihkan	persekitaran		pameran
bertapak	mencemarkan	penanaman		petikan
mendapat	mendapatkan	dilakukan		
ditempa	pembinaan	menghasilkan		
bertambah	melibatkan	pelepasan		
ditebang	mendatangkan	dikurangkan		
menukar	kerosakan	kejayaan		
ditukar	pembacaan	dipraktikkan		
menjadi	mempunyai	penjanaan		
bersambung	memandangkan	diserahkan		
mengira	dijadikan	menggunakan		
terlupa	melalui	mendatangkan		
pemilik	melayari	kegunaan		
pengguna	menjuarai	pemasangan		
diperbaharu	dipersetujui	penjimatan		
	berhadapan	kepentingan		
		keadaan		
		berkenaan		

TEMA 11: DUNIA SELAMAT MILIK KITA

Halaman 148 - 149 (Soalan 2)

Kata Ganda	Akronim
<ul style="list-style-type: none"> tanda-tanda berawas-awas lampu-lampu gelap-gelita halai-balai berulang-alik kenderaan-kenderaan berhati-hati 	<ul style="list-style-type: none"> MIROS halaju Suksis SYATAHAS jentolak Kejara

TEMA 12: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

Halaman 160 - 161 (Soalan 2)

Golongan Kata

Kata Nama

Kata Nama Am	Kata Nama Khas	Kata Ganti Nama
Hidup - Manusia teruna gadis bapa saudara lelaki kakak adik sanak saudara hadirin	Hidup - Manusia Suku Temuan Orang Asli Tok Batin Menteri Jekerah Panglima Jurukerah Jenang Pemangku Ramli bin Taka Melayu Proto Amin Lembaga Adat	Kata Ganti Nama Diri Orang saya mereka dia
Hidup - Bukan Manusia lebah ratu lebah semut	Tak Hidup - Bukan Manusia Melaka Negeri Sembilan Johor Pahang Selangor Adat Perpatih Kampung Tekir Labu	Kata Ganti Nama Diri Tanya apa
Tak Hidup - Bukan Manusia cincin alat solek sepasang persalinan bendul adat nikah belanja hangus nasi kepal darjat		Kata Ganti Nama Diri Tunjuk ini itu

Kata Kerja

Kata Kerja Transitif	Kata Kerja Tak Transitif
memberitahu melaksanakan memeriahkan	berpegang bertemu bersalaman

Kata Adjektif

bertanggungjawab (sifatan)
terbesar (ukuran)
bulat (bentuk)

Kata Tugas

dan, jika (kata hubung)
apa, bagaimana (kata tanya)
adalah (kata pemerli)
akan (kata bantu)
eh! (kata seru)
di, ke (kata sendi nama)
keempat (kata bilangan)
bawah (kata arah)

TEMA 13: JATI DIRI, WARGANEGARA PATRIOTIK

Halaman 170 - 171 (Soalan 2)

Frasa

Frasa Nama	Frasa Kerja
<ul style="list-style-type: none"> sampah sarap botol air mineral kosong pembalut gula-gula tong sampah sisa yang terhasil daripada aktiviti kehidupan manusia segelintir manusia rakan saya tapak pelupusan pemungut sampah pendapatan bulanan 	<ul style="list-style-type: none"> hendak masuk bertaburan di merata-rata tempat hendak muntah ada urusan diselitkan di celah-celah kerusi berasa jijik mengutip sampah sarap menjadi jutawan berjual beli sampah sarap dikitar semula mengurus sampah tidak boleh digunakan membeli rumah mencipta konsortium perniagaan kitar semula mengurangkan sisa pepejal
Frasa Adjektif	Frasa Sendi Nama
<ul style="list-style-type: none"> hendak senang tidak berguna biasa-biasa sahaja 	<ul style="list-style-type: none"> dengan keluarga di air terjun ke sana ke dalam kereta ke pejabat rakan di bawah kerusi di pusat kitar semula oleh rakyat Malaysia oleh setiap individu di kawasan tapak pelupusan sampah

TEMA 14: CITRA BAHASA DAN SASTERA KITA

Halaman 186 - 187 (Soalan 2)

Ayat Terbitan

- Saya tidak mahu menghantarnya kepada syarikat penerbitan tetapi mahu menerbitkannya sendiri.
- Anda ingin melihat karya anda dalam bentuk bercetak?
- Kini, anda tidak perlu lagi bersusah payah untuk mencari penerbit bagi merealisasikan impian anda.
- Akan kami zahirkan impian anda menjadi kenyataan.
- Hubungi kami.
- Orkid Maryam telah pergi ke pejabat Syarikat Kasih Mustika untuk berunding tentang penerbitan antologi cerpennya.
- Apakah perkhidmatan yang ditawarkan oleh Syarikat Kasih Mustika?
- Kami menawarkan perkhidmatan penyediaan reka letak muka surat, rekaan kulit buku, dan pencetakan.
- Bayaran yang diperlukan untuk menerbitkan buku sendiri berapa?
- Bayaran bergantung pada perkhidmatan yang diperlukan, ketebalan buku, dan jumlah cetakan.
- Syarikat ini menyediakan perkhidmatan penyuntingan dan pemasaran buku?
- Namun demikian, kami boleh mencadangkan nama beberapa orang penyunting jika saudara memerlukannya.
- Untuk pemasaran buku, kami ada menyediakan perkhidmatan tersebut.

TEMA 15: INDUSTRI CEMERLANG, NEGARA GEMILANG

Halaman 196 - 197 (Soalan 2)

Ayat Majmuk Gabungan	Ayat Majmuk Pancangan Relatif	Ayat Majmuk Pancangan Komplemen	Ayat Majmuk Pancangan Keterangan	Ayat Majmuk Campuran
Kenaf atau nama saintifiknya <i>Hibiscus cannabinus</i> L. ialah sejenis pokok berserat bukan berkayu dan merupakan tanaman jangka pendek.	Siapa sangka pokok kenaf yang menghasilkan bunga seperti bunga hiasan mendatangkan seribu manfaat kepada industri di negara ini.	Hal ini memberikan gambaran bahawa kenaf akan menjadi antara komoditi utama negara kita.	Biji benih akan mula terhasil apabila kenaf berusia tiga bulan.	Antara aspek yang tidak kurang pentingnya dalam penanaman kenaf termasuklah pembajaan dan pengairan.

Ayat Majmuk Gabungan	Ayat Majmuk Pancangan Relatif	Ayat Majmuk Pancangan Komplemen	Ayat Majmuk Pancangan Keterangan	Ayat Majmuk Campuran
Kenaf mempunyai pertalian rapat dengan pokok bendi dan kapas.	Sehingga hari ini, jumlah negeri di Malaysia yang mengusahakan tanaman kenaf semakin bertambah.		Hal ini dikatakan demikian kerana tanah ini mempunyai saliran yang baik.	Pembajaan dan pengairan yang mencukupi penting bagi pokok ini kerana kedua-dua perkara ini mempengaruhi penghasilan biji benih dan serat.
Pokok serba guna ini ditanam bagi pengeluaran serat, empulur, dan biji benih.	Pelbagai usaha yang penting telah dilaksanakan oleh banyak agensi.			Selain itu, tanah jenis ini juga mengandungi kandungan humus yang tinggi serta berkemampuan tinggi untuk menyerap air.
Kenaf tumbuh di atas pelbagai jenis tanah, termasuk tanah liat dan tanah peroi.				Antaranya termasuklah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia atau <i>Malaysian Agricultural Research and Development Institute</i> (MARDI) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara yang melaksanakan aktiviti seperti penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan produk kenaf. Namun begitu, tanah yang paling sesuai bagi tanaman kenaf ialah tanah jenis peroi berpasir.

Ragam Ayat

Ayat Aktif	Ayat Pasif
<ul style="list-style-type: none"> Demi keuntungan dan kelangsungan syarikat, mereka sanggup melakukan apa-apa sahaja termasuk menipu pelanggan. Walaupun kerugian tidak mencecah ribuan ringgit, namun saya tetap menuntut ganti rugi supaya peniaga tidak sewenang-wenangnya menipu pengguna. Mereka tidak mahu mengeluarkan wang tetapi hendak barangan murah dan berkualiti. Malangnya, setelah menghabiskan 10 sesi selama satu bulan setengah, berat badannya hanya susut 1.5 kilogram dan pengurangan sebanyak 2 sentimeter di bahagian pinggang. Kemudian, beliau menyertai program yang serupa di Syarikat Y dan hasilnya, berat badannya turun dengan ketaranya setelah melalui 10 lagi sesi pelangsingan dengan bayaran RM988.00 sahaja. Rakan saya telah memfailkan tuntutan terhadap Syarikat X. 	<ul style="list-style-type: none"> Hakikat ini pahit untuk diakui, namun begitu, hanya mereka yang mengalami mengetahui kebenarannya. Pengguna yang mengalami kerugian dan berasa tidak puas hati tentang urus niaga yang dilakukan bolehlah memfailkan tuntutan ganti rugi yang nilainya tidak lebih daripada RM50 000.00 di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM). Perkhidmatan yang lebih mudah, lebih murah, dan lebih cepat jika dibandingkan dengan tuntutan ganti rugi di Mahkamah Sivil disediakan di TTPM. Saya pernah beberapa kali ditipu ketika saya membuat pembelian dalam talian. Pertamanya, bayaran telah saya buat, namun barang yang saya nanti tidak sampai-sampai. Kali kedua, sampai, tetapi barangan tersebut tidak seperti yang diiklankan dalam talian dari segi fizikal dan kualitinya. Rakan sekerja saya telah menyertai program 10 sesi untuk melangsingkan badan yang ditawarkan oleh Syarikat X dengan bayaran sebanyak RM2500.00. Beliau telah melahirkan rasa tidak puas hati terhadap hasil tersebut. Namun begitu, beliau diminta untuk meneruskan sesi rawatan. Menurut mereka, penggunaan beberapa teknologi diperlukan bagi merawat tubuh rakan saya itu yang dikatakan mempunyai masalah yang serius. Tawaran tersebut ditolak oleh rakan saya kerana sudah hilang keyakinan terhadap Syarikat X. Sebelum perbicaraan di tribunal bermula, bayaran penuh telah dipulangkan oleh Syarikat X kepada rakan saya.

Glosari

akrobatik gerakan badan seperti yang dilakukan oleh orang yang melakukan pertunjukan badan

aksesori bahagian yang merupakan tambahan kepada sesuatu alat
antan alat penumbuk padi; alu

annyong haseyo helo

annyonghe gaseyo selamat tinggal

annyonghe geseyo selamat jalan

AP dalam bahasa Inggeris *Auxiliary Policy*

asasi peringkat persediaan sebelum masuk ke universiti yang ditawarkan oleh universiti awam atau swasta

asimetri keadaan bentuk yang tidak simetri

asteroid satu daripada ribuan jasad kecil cakerawala yang mengelilingi matahari

award (Undang-undang) keputusan yang dibuat oleh hakim atau penimbang tara

baka asal yang dimiliki daripada nenek moyang; asal usul; asal keturunan

berkoordinasi jalinan pertalian antara bahagian yang terlibat

berona berwarna, berupa elok warnanya (rupanya)

bendasing bahan yang terdapat dalam sesuatu benda yang menyebabkan benda itu tidak tulen

biologi ilmu pengetahuan tentang keadaan dan sifat makhluk hidup termasuk manusia, binatang, dan tumbuh-tumbuhan

caf pembungkusan makanan haiwan

caj bayaran yang perlu untuk sesuatu perkhidmatan atau barangan

cakna ambil peduli, ambil berat

cuki sejenis permainan yang memakai buah dan papan (seperti dam)

diameter garis lurus dari tepi ke tepi sesuatu bulatan melalui pusat bulatan itu; garis pusat
duit tepi pendapatan sampingan

ekskavasi kegiatan penggalian yang dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang benda zaman purba

emping sejenis kudap-kudapan yang diperbuat daripada padi muda atau daripada buah belinjau (yang disangai dan ditumbuk tipis-tipis)

fabrik berkaitan tekstil

fiksyen karya sastera yang dicipta daripada imaginasi seperti novel dan cerita pendek, cereka

galaksi gugusan bintang yang terpisah jauh antara satu sama lain dalam alam semesta

gelung lengkungan rotan; sanggul

gelintar padanan perkataan bahasa Melayu untuk *search*

gerobok peti untuk menyimpan pakaian

gimnasium bilik atau dewan yang dilengkapi palang, beberat, tali, dan sebagainya untuk latihan jasmani

holistik bersifat saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepadu yang menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja

I-Force inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Fizik bagi topik keseimbangan daya

inovasi sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah

inokulasi penyuntikan agen penyakit seperti vaksin virus ke dalam tubuh individu yang sihat untuk menghasilkan keimunan aktif pada individu berkenaan

intensiti keadaan yang amat sangat (hebat, sungguh-sungguh, mendalam), keamatan: reka bentuk latar ini pula turut melibatkan elemen-elemen lain

jogar sejenis permainan (seperti permainan dam)

jong kapal layar Cina

kamsahamnida terima kasih

kanser kolorektal kanser usus besar ialah kanser yang berlaku di bahagian kolon atau rektum. Kolon ialah usus besar, manakala rektum ialah bahagian yang menghubungkan kolon dan dubur

kepala kain tenunan hujung segulung kain terutamanya kain denim yang biasanya berwarna merah putih

kebankrapan keadaan tidak mampu membayar hutang

kebolehnyalaan boleh terbakar

kemampuan kemampuan untuk mengekalkan pencapaian atau prestasi yang baik

koheren ada tautan antara satu sama lain

koi saya atau aku (biasa digunakan di Temerloh, Pahang)

konservasi pemeliharaan atau penjagaan sesuatu secara tersusun bagi mengatasi kemusnahan

konvensional berdasarkan yang biasa dilakukan atau diamalkan; mengikut atau sebagaimana yang ditentukan oleh konvensi

krustasea jenis haiwan kecil yang mempunyai cangkerang luar yang keras dan sebahagian besar hidupnya tinggal di dalam air, misalan ketam dan udang

khali diam (tidak berbuat apa-apa), berhenti berbuat sesuatu

kolar biru yang berkaitan dengan pelaksanaan tugas-tugas yang lebih memerlukan kekuatan dan tenaga fizikal

kolar putih kerja seperti yang dilakukan oleh golongan pengurusan (profesional, perkeranian, dan sebagainya) iaitu bukan kerja kasar yang memerlukan kekuatan tenaga

komersial berkaitan dengan atau bersifat perdagangan: kepentingan dan tujuan

langka jarang-jarang ada

litograf cetakan yang dihasilkan melalui kaedah litografi

lambungan rusuk atau tepi badan

lantunan memantul, menganjal

lentikan melengkung ke atas atau ke belakang

lesung sejenis alat untuk menumbuk (padi, lada, dan lain-lain), lompong

mampuan mampu terus berkembang dan mencapai tahap prestasi yang baik (berkenaan ekonomi, pembangunan, dan sebagainya)

matrikulasi peringkat persediaan sebelum masuk ke universiti yang ditawarkan oleh kolej matrikulasi

manipulasi perbuatan menggunakan sesuatu alat atau mengerjakan sesuatu menggunakan tangan dengan cekapnya

memanipulasi mengendalikannya sesuatu dengan cekapnya

mending lumayan

menjajarkan menjadikan berbaris (berjajar); menderetkan

membanting menghempaskan sesuatu kuat-kuat ke bawah

moluska golongan binatang yang tidak bertulang belakang lagi lembik badannya dan selalunya berkulit keras (seperti siput, kerang, tiram); binatang lunak

mutasi perubahan pada bahan genetik sesuatu organisma (tumbuhan, haiwan, dan sebagainya) yang mengakibatkan perubahan ciri tertentu organisma tersebut

nova bintang yang secara tiba-tiba sahaja bersinar terang tetapi kemudiannya beransur pudar semula

oseanografi ilmu tentang segala aspek (termasuk fizik, biologi, kimia, geologi) yang berkaitan dengan lautan

OTP (one time passcode) nombor yang diberikan oleh pihak bank melalui mesej ke telefon apabila membuat pembayaran secara dalam talian

pandemik wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas, sama ada hingga ke seluruh wilayah, benua, atau dunia

peranti alat, perkakas

pencernaan proses mencernakan (makanan dalam perut); penghadaman

pempasteuran proses mepasteur

premis bangunan perniagaan

psikologi ilmu mengenai jiwa atau mengenai fikiran manusia

rawak tidak tentu atau tidak tetap; rambang

rebat potongan daripada jumlah bayaran yang dikenakan

registri pejabat pendaftaran

rubrik satu set panduan pemarkahan untuk mentafsir kerja atau tugas murid

statik tidak bergerak

sintetik sintétik (berkenaan sesuatu bahan) disediakan daripada bahan kimia atau bahan tiruan, iaitu bukan daripada sumber semula jadi

sulur tunas yang menjulur daripada tumbuhan

supernova bintang yang menjadi sangat terang disebabkan berlakunya ledakan yang menghamburkan jisimnya

serbuk penaik campuran natrium bikarbonat dengan bahan lain (lazimnya asid tartarik) yang digunakan untuk membuat roti dan kuih

transaksi urusan jual beli
tripod alat yang berkaki tiga untuk menopang kamera, teleskop
tangki septik tempat menampung najis, air kumbahan, dan sebagainya (biasanya di bawah tanah) yang dapat diuraikan melalui tindakan bakteria
telesidang persidangan yang berlangsung dengan para pesertanya berkomunikasi antara satu dengan yang lain dari tempat-tempat jauh yang berlainan melalui rangkaian televisyen, video, telefon, dan sebagainya

unggas segala jenis burung

vektor haiwan mengandungi parasit yang boleh mengakibatkan jangkitan kepada organisma lain

zarah bahagian kecil sesuatu jirim seperti atom, molekul, dan elektron

Senarai Rujukan

- Ahmad Fauzi Mohd. Basri (Peny), 1992. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Rabiul Zulkifli. "Saintis 14 jenis Anggur" dlm. *Harian Metro*. 5 Julai 2019.
- Awang Sariyan, 2004. *Tertib Mengarang: Asas Retorik untuk Pelajar dan Pendidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu Jilid 2*, 1995. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah A. Rahman, 2016. *Makanan Tradisional Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Johari, 2000. *Bukit Kepong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Penulisan Buku Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli, 2002. *Kehidupan Budaya & Pantang Larang Orang Asli*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- Marohaini Yusoff, 1999. *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahamarowi Omar, 2014. *Astronomi dan Astrofotografi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Modul Latihan Sukan Prestasi Tinggi Sekolah, 2007. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 2013. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://www.myhealth.gov.my/panduan-memilih-premis-makanan-yang-bersih/> (dicapai pada 4 April 2020).
- <http://www.myhealth.gov.my/perluah-saya-ke-gimnasium/> (dicapai pada 28 April 2020).
- <http://www.utusan.com.my/gaya-hidup/kesihatan/persekitaran-mempengaruhi-pembentukan-budaya-bersenam-1.361733> (dicapai pada 1 Mei 2020).
- <http://www.utusan.com.my/gaya-hidup/kesihatan/tingkat-keyakinan-bersenam-di-gimnasium-1.349697> (dicapai pada 8 Mei 2020).
- <http://www.wom.my/kesihatan/senaman/bersenam-di-gym/> (dicapai pada 29 Mei 2020).
- <https://kpkkesihatan.com/2015/05/14/situasi-terkini-dan-langkah-langkah-pencegahan-terhadap-influenza-a-h1n1/> (dicapai pada 3 Jun 2020).
- https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1806972&fbclid=IwAR0JXmT1Hn28Ng9imPFfe4nOiPtEhGB2uM5Kuu_YntN7MAZKYaMq-Dxz4RY#.Xh8M9f1ZUFo.facebook (dicapai pada 14 Jun 2020).
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/646765/penyakit-seperti-influenza-meningkat> (dicapai pada 17 Jun 2020).

TEMA 10

1.3.2 Mendengar dan Bertutur

Mobiliti Hijau Kemampanan Masa Hadapan - Halaman 130

Juruhebah Radio: Bertemu lagi dalam rancangan Hijaukan Bumi. Saya, DJ Qistina, akan membincangkan topik mobiliti hijau. Bersama-sama kita pada pagi ini ialah Encik Azman bin Yahya, Ketua Perunding Perancang Pengangkutan Bandar di sebuah agensi perunding pengangkutan swasta di Kuala Lumpur. Beliau akan berkongsi maklumat dengan para pendengar tentang topik ini. Apa khabar, Encik Azman?

Encik Azman: Khabar baik, DJ Qistina.

Juruhebah Radio: Saya dan para pendengar tertanya-tanya, apakah sebenarnya mobiliti hijau ini?

Encik Azman: Mobiliti hijau sebenarnya ialah aspirasi negara menjelang 30 tahun akan datang atau TN50 bagi menangani isu pengangkutan di negara kita.

Juruhebah Radio: Isu pengangkutan negara?

Encik Azman: Ya, isu pengangkutan yang utama di negara kita pada masa ini ialah penggunaan kenderaan yang tidak mesra alam. Kesannya akan mencetuskan pelbagai masalah alam sekitar seperti udara tercemar. Apabila udara kotor, masyarakat terperangkap dengan masalah kesihatan.

Juruhebah Radio: Ooo... Kalau begitu, mobiliti hijau bermaksud kenderaan yang tidak menggunakan petrol atau diesel? Kenderaan bergerak tetapi tidak membebaskan gas-gas berbahaya seperti kereta, bas, dan trem elektrik.

Encik Azman: Ya, betul! Selain kenderaan bermotor tersebut, berbasikal dan berjalan kaki juga merupakan elemen mobiliti hijau.

Juruhebah Radio: Oh, begitu! Saya fikir mobiliti hijau terbatas kepada kenderaan semata-mata. Tetapi, bagaimanakah untuk memotivasikan masyarakat supaya berjalan kaki?

Encik Azman: Pihak kerajaan perlu menyediakan persekitaran pejalan kaki yang kondusif. Contohnya, laluan pejalan kaki berbumbung lebih banyak diwujudkan. Masyarakat tidak perlu berpanas terik dan melintasi jalan raya untuk pergi ke stesen pengangkutan awam. Apabila gaya hidup berjalan kaki diutamakan, pengangkutan awam akan menjadi pilihan utama. Kesesakan akibat bilangan kenderaan dapat ditangani.

Juruhebah Radio: Begitulah perkongsian daripada Ketua Perunding Perancang Pengangkutan Bandar tentang mobiliti hijau. Terima kasih diucapkan kepada Encik Azman kerana sudi ditemu bual untuk santapan telinga para pendengar pada pagi ini. Semoga bertemu lagi dan selamat maju jaya.

Encik Azman: Terima kasih kembali.

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL